

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 11**

**Selasa**

**28 April 2015**

---

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-Undang Hasutan (Pindaan) 2015	(Halaman 29)
Rang Undang-Undang Pendidikan (Pindaan) 2014	(Halaman 91)
Rang Undang-Undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2014	(Halaman 126)
Rang Undang-Undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 2015	(Halaman 142)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan	
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 29)
Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985	(Halaman 150)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Selasa, 28 April 2015**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datin Rahimah binti Haji Mahamad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah kementerian yakin dengan pengenalan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan (POTA) mampu menangani ancaman keganasan seperti kumpulan militan IS yang begitu aktif merekrut rakyat asing, termasuk dari Malaysia untuk menyertai "jihad" mereka.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak akhir-akhir ini tindakan dan gerakan kumpulan militan Daulah Islamiah atau dalam bahasa Inggerisnya *Islamic State* semakin agresif hingga sanggup merancang untuk melakukan beberapa serangan di beberapa sasaran di negara ini. Walaupun telah ada undang-undang baru yang digubal dan mereka sedar akan kewujudannya, namun mereka masih berani untuk mengatur gerak bagi melancarkan serangan terhadap lokasi atau tempat-tempat strategik di negara ini. Perkara ini diperoleh berdasarkan maklumat risikan yang telah dijalankan oleh pihak polis ke atas individu-individu yang terlibat serta tertangkapnya dua hari sudah tambahan 12 orang individu yang telah merancang untuk melakukan ujian bom buatan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, demi menjaga masa depan negara saya memberi jaminan sepenuhnya bahawa pihak polis akan menjalankan siasatan yang terperinci sehingga ke akar umbi untuk memastikan bahawa negara ini bebas sepenuhnya daripada ancaman gerakan militan ini, *in shaa-Allah*. Seperti yang kita ketahui, Dewan Negara telah pun meluluskan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 pada 23 hari bulan yang lalu. Saya ingin ucapkan syabas, tahniah, syukur kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan tidak kurang hebatnya berbanding dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat kerana Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah membahaskannya selama sembilan jam sembilan minit sebelum ia diluluskan. Ini merupakan satu kehebatan baru Dewan yang mulia ini, saya ingin ucapkan tahniah *[Tepuk]*

Kita mengetahui bahawa rang undang-undang tersebut merupakan pilihan terakhir yang boleh dilakukan oleh kerajaan di samping undang-undang lain yang telah sedia dilaksanakan. Kerajaan amat

yakin bahawa pelaksanaan POTA mampu menangani ancaman yang dicetuskan oleh kumpulan berkenaan. Kerajaan juga telah mengambil langkah proaktif dengan membuat pindaan selari terhadap beberapa undang-undang sedia ada sebagai usaha untuk memperkasakannya. Antaranya ialah Akta Pencegahan Jenayah yang telah dipinda, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 yang telah dipinda dan Kanun Keseksaan.

Kesemua rang undang-undang ini telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan bagi pihak kerajaan sekali lagi saya ingin ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Terutamanya kepada mereka yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang diadakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya juga mengambil kesempatan ini kepada Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah, terima kasih kerana kedatangan sendiri Yang Berhormat untuk menjawab soalan di Dewan kita yang mulia ini [*Tepuk*] Sekarang saya silakan soalan tambahan seterusnya, Yang Berhormat Datin Rahimah.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab dengan begitu kemas dan terperinci sekali. Kita terkebelakang dari negara-negara jiran seperti Singapura dan Indonesia dalam menangani keganasan baik daripada segi perundangan dan penguatkuasaan. Soalan tambahan saya, adakah Menteri berpuas hati dengan organisasi anti keganasan negara daripada segi pentadbiran, pengurusan, kakitangan dan peralatan?

Keduanya, apakah perancangan pihak kementerian membentuk pasukan anti keganasan yang cekap dan berwibawa? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan yang cukup hebat, ada potensi untuk naik. *In shaa-Allah*.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sanggup meninggalkan Permatang Pauh walaupun saya diberikan amanah untuk bersama-sama dengan jentera di sana demi menghormati permintaan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini [*Tepuk*] Tidak mudah di Permatang Pauh, ini lari daripada soalan asal tetapi saya yakin... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Kalau kita berusaha *in shaa-Allah*, Allah SWT akan memakbulkan doa kita.

#### ■1010

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa kesiapsiagaan negara kita daripada segi melakukan pambanteras kepada kegiatan keganasan ini telah berjalan begitu lama. Ini terbukti daripada beberapa undang-undang yang telah dibuat lebih awal terutamanya ketika itu apabila Ordinan Darurat telah diperkenalkan dan dipinda beberapa kali dan kini telah dihapuskan. Ertinya telah ada usaha dan kita tidak kurang daripada negara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Sebenarnya kita lebih *advance* daripada mereka. Jangan kita sering memuji negara lain terutama negara jiran sedangkan mereka mengikut *template* kita, undang-undang kita kerana kita menghadapi masalah terlebih dahulu [*Tepuk*] Selepas itu, ketika itu, kita juga ada ISA tetapi kita juga telah

membatalkannya. Kita juga ada *Restricted Residence* (RR), dengan izin, Undang-undang Kediaman Terhadap.

Malah kita ada undang-undang lain seperti Akta Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) atau SOSMA dan akta-akta yang lain yang berkaitan. Dalam hal ini, apa yang kita telah perkenalkan melakukan pembentangan perbahasan dan meluluskan akta pencegahan. Ertinya langkah-langkah punitif telah dilakukan. Manakala langkah-langkah preventif sedang dijalankan. Ini adalah bagi merelevankan situasi yang kita hadapi sekarang dengan undang-undang yang baru ini.

Sistem mahkamah memerlukan saksi-saksi yang sanggup ke hadapan untuk memberikan keterangan. Begitu juga bahan-bahan bukti yang kukuh sebelum pendakwaan dilakukan. Itu undang-undang punitif, undang-undang penghukuman. Manakala undang-undang preventif atau pencegahan adalah melihat kepada aspek bagaimana sesuatu peristiwa itu harus dicegah.

Saya ingin meminta izin, *prevention is better than cure*. Ertinya, pencegahan lebih baik daripada pengubatan. Dalam hal ini, undang-undang punitif yang sedia ada sebelum ini, tidak ada cakupan mengenai apakah langkah-langkah pencegahan yang mahu dilakukan. Ini termasuk penggunaan kepada saluran media baru khususnya media atas talian ataupun sosial media. Dalam sistem pelaksanaan pada undang-undang pencegahan, pemantauan dilakukan terhadap semua maklumat melalui semua saluran komunikasi atas talian ini.

Saya ambil contoh, kalau nama orang itu Ismail Sabri, tidak ada kena-mengena dengan seorang Menteri, kalau nama ringkasnya IS (Ismail Sabri), dia akan masuk dalam sistem. Akan tetapi kita bukan menganiaya seseorang yang nama Ismail Sabri itu. Kita lihat, apakah *content* kepada *Telegramnya*, *WhatsAppnya*, *MMSnya* atau *SMSnya* dan lain-lain bahan? Jadi jangan fikir bahawa peralatan kita tidak canggih Yang Berhormat Senator. Kita canggih dan jangan memuji pihak lain sedangkan pegawai polis kita adalah antara yang terbaik di Rantau ASEAN ini, sekurang-kurangnya, *in shaa-Allah [Tepuk]*

Ini kita lakukan kerana latihan, pendekatan daripada segi penyelesaian permasalahan dan saya ingin memberitahu, semalam saya bertemu dengan Pesuruhjaya British bahawa beliau mengakui pengalaman yang telah kita alami daripada segi pemulihan, *revitalization*, dengan izin, terhadap mereka yang menjadi pengganas. Dulu kita menahan beberapa orang yang terlibat dalam JI atau Jemaah Islamiah. Ada yang terlibat dalam KMM iaitu Kumpulan Militan Malaysia, dan ketika itu mereka cuba dipulihkan di Pusat Tahanan Perlindungan Kamunting.

Akan tetapi apabila ISA telah tidak ada lagi, mereka telah dipindahkan di bawah SOSMA. Apakah yang berlaku? Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, tokoh itu, kalau sesuai dipanggil tokoh, telah mempengaruhi banduan-banduan yang lain untuk menjadi pengikut ketika beliau dalam tahanan di penjara. Bukan sekadar itu, tujuh orang warden telah dipengaruhi oleh orang itu dan jadi pengikutnya dengan harapan apabila orang ini nanti keluar dari penjara, pengikut-pengikutnya telah direkrut di dalam penjara.

Kalau ada dalam kalangan mana-mana tokoh di Dewan yang mulia ini atau tempat lain mengatakan, "*Mana hak asasi manusia kepada orang-orang yang dituduh ini?*", saya ingin bertanya balik,

mana hak asasi manusia kepada orang yang menjadi mangsa, manakah dia? [*Tepuk*] Mana dia pejuang-pejuang hak asasi manusia sama ada mereka itu individu sebagai pengamal perundangan ataupun pemimpin NGO ataupun pemimpin organisasi? Sudah terhantuk baru tengadah.

Adakah itu yang mahu kita saksikan? Lantas, pencegahan harus dilakukan dan undang-undang POTA ini amat penting. Peralatan, kita akui bahawa negara-negara maju lebih canggih peralatannya tetapi jangan pernah merendahkan peralatan dan aset-aset yang ada pada Polis Diraja Malaysia, *in shaa-Allah*, kita akan lakukan dengan tidak berniat untuk riak, jauh daripada takbur, *in shaa-Allah*, saya menaruh penuh keyakinan kepada pihak PDRM terutamanya unit anti keganasan di Bukit Aman. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberikan jawapan yang begitu tuntas dan komprehensif. Saya ingin hendak tanya kerana hari ini kalau kita bercakap soal militan IS, kalau kita melihat dalam media sosial, komentar-komentar yang diberikan pada video-video yang diupload, dengan izin, oleh pihak IS ini dalam kalangan anak-anak muda cukup menggerunkan. Mereka seolah-olah merasakan bahawa ini ialah perjuangan yang suci dan mulia.

Saya hendak tahu daripada Kementerian Dalam Negeri, sama ada apakah di sana ada mekanisme untuk bertindak ataupun perisikan kepada anak-anak muda ini yang kebanyakannya terhimbau dengan perkataan Daulah Islamiah tadi kerana Daulah Islamiah ataupun konsep negara Islam ini bukan hanya dibawa oleh IS tetapi juga pemikiran-pemikiran radikalisme yang wujud semenjak tahun 60-an atau 70-an dan mereka masuk melalui pelbagai pintu. NGOnya, pelbagai program usrahnya di universiti, di luar universiti dan sebagainya. Apakah perisikan kita sudah pun melihat perkara ini dengan serius?

Keduanya, bagaimanakah tindakan pula kepada NGOs tertentu yang mereka ini kadangkala tidak pun berdaftar tetapi seolah-olah bergerak semacam secara berleluasa dan bebas? Saya bagi contoh, saya boleh sebutkan nama seperti Hizbut Tahrir. Satu kelompok yang tidak ada kaitan dengan IS secara langsung tetapi kelompok ini dari Jordan bawa ke Malaysia, membawa kefahaman bahawa demokrasi pilihan raya ini tidak sesuai dan tidak boleh mencapai matlamat untuk mewujudkan Daulah Islamiah. Fahaman-fahaman sebeginilah yang sebenarnya hakikat mampu untuk meraih sokongan dan mengkader golongan-golongan muda yang merasakan bahawa Islam tertindas, Islam diperkosa dalam pelbagai aspek dan perlukan satu tindakan yang drastik dan akhirnya, apabila wujud kelompok IS ini, dia hanya orang kata, orang mengantuk disorongkan bantal. Saya hendak tahu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa terpukul dengan soalan itu. Soalan yang panjang, bernas dan agak sukar untuk dijawab tetapi saya cuba, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh jawab.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Dengan izin, saya meneliti laporan-laporan yang dibuat atas siasatan yang telah dilakukan terhadap mereka yang telah ditangkap, disiasat dan ditahan. Sehingga tengah hari semalam, seramai 107 orang berada dalam tahanan pihak polis. Yang termuda ialah seorang gadis berumur 14 tahun dan beliau telah bernikah dengan penganas yang berada di Syria. Kita tahu Rukun Nikah ada beberapa perkara, saya tidak berhajat untuk menjadi Ustaz Kazim berceramah di sini tetapi beliau bernikah secara *Skype*.

#### ■1020

Ertinya, melalui komputer. Akadnya melalui komputer. Tidak ada wali, tidak ada saksi. Mahar, saya tidak pasti. Mas kahwin, jauh sekali. Oleh kerana apa? Oleh sebab terpengaruh apa yang Yang Berhormat sebut tadi. Golongan muda yang menggunakan sosial media dan teknologi baru ini untuk terpengaruh dengan saranan-saranan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin IS itu. Mereka mempunyai beberapa orang pakar di dalam bidang teknologi moden, daripada laporan siasatan yang telah dilakukan. Saya ingin memberitahu juga bahawa sebuah keluarga muda daripada Shah Alam menjual hartanahnya, termasuk kenderaan dan membawa anak berumur tiga bulan untuk berpindah ke sana kerana terpengaruh dengan teknologi baru, kononnya.

Sebuah lagi keluarga lima orang dari Ipoh, membawa ketiga-tiga anaknya berpindah ke sana dan anak-anaknya terpaksa masuk ke madrasah yang saya tidak pasti ilmunya setakat mana tetapi yang pasti dilatih membawa mesingan AK47.

Tuan Yang di-Pertua, pengaruh sosial media ini amat dekat dengan pengikut-pengikut kumpulan IS ini. Mengikut kajian, lebih daripada 50% orang pengikut-pengikut ini terdiri daripada mereka yang berumur 40 tahun ke bawah. Ertinya, *target group* atau, dengan izin, kumpulan sasarannya adalah terdiri daripada orang muda. Akan tetapi faktor sebenar mereka bukan kerana ada dalamnya. *Rohul* Islamiahnya mereka. Jiwa keislaman itu tidak ada. Tiga faktor yang menyumbang sebenarnya daripada kajian itu. Pertama, ada masalah keluarga. Saya dapati, benar mereka yang ditahan itu seramai 107 orang setakat ini dan mereka yang telah pergi ke sana dan kita lakukan pemantauannya, sebahagian besarnya kerana mereka terdiri daripada, dengan izin, *the broken family. They belongs to the broken family*, dengan izin.

Kedua ialah kerana masalah kewangan. Maka, mereka mengambil jalan untuk ke sana. Oleh sebab kami mendapat tahu bahawa pendapatan kumpulan IS ini dengan telaga minyak dan pelbagai kegiatan rompak, samun dan sebagainya, dianggarkan pendapatan mereka ialah USD10 juta sehari. Itulah banyaknya pendapatan mereka. Kita dapat tahu bahawa mereka diberikan elaun apabila bertugas ke sana.

Faktor ketiga ialah kerana, dengan izin, pengaruh *peer group* atau rakan sebaya. Rakan-rakan sekumpulan, rakan-rakan satu ideologi dan ada faktor-faktor lain, termasuklah mereka mahu mencari jalan singkat ke syurga.

Dari tiga faktor utama ini faktor yang menjadi faktor penarik dan penolak keterlibatan mereka dalam bidang apa yang dipanggil penganas-penganas ini. Kita harus juga mengetahui bahawa ini bukan soal ideologi sahaja. Ini soal *beliefs*, dengan izin, kepercayaan. Mereka menjadi taksu (*cult*). Ketaksuhan ini agak sukar untuk dibendung tetapi daripada mereka yang pernah pergi ke Syria dan Iraq yang balik, apabila mereka sedang dialu-alukan kembalinya di pintu-pintu masuk sama ada pintu masuk udara atau pintu masuk darat dan laut, bila mereka ditahan dan disoal siasat, kebanyakan mereka mengatakan bahawa sebenarnya indah khabar daripada rupa.

Ini kerana sebenarnya mereka menyesal sebab apa yang dikhabarkan adalah yang baik-baik di sana. Apakah yang daripada orang-orang kita daripada laporan itu? Mereka menjadi pencuci tandas bila berada di sana. Mereka menjadi pencuci pinggan, mereka menjadi penyapu jalan yang kononnya mereka mahu pergi ke medan perang. Ini hakikat dan saya bercerita di Dewan yang mulia ini adalah berdasarkan kepada laporan siasatan yang dijalankan oleh pihak PDRM kita. Mereka menyesal tetapi nasi sudah menjadi bubur kepada mereka. Tindakan perundangan harus dilakukan dan kami terpaksa melakukan pemulihan sebab kadang-kadang kumpulan ini mengamalkan sifat *taqiyyah*. Ertinya, berpura-pura di depan kita sebab mereka mahu melepaskan diri.

Dalam hal ini, saya mohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini agar bersama-sama dengan kerajaan untuk sama-sama dengan kami pergi ke setiap pelosok negara dengan program pelusukan bagi memberikan kempen kesedaran. *The awareness campaign* kerana mereka yang yakin dan percaya dengan keterlibatan dan penyertaan mereka mereka yang sebenarnya, dengan izin, *'half baked' Islamic knowledge* mereka. Pengetahuan Islam mereka terlalu cetek dan mereka mencari jalan singkat. Mereka *alhamdulillah* yang benar-benar mengetahui mengenai hal ehwal Islam, tidak terlibat. Kita tahu bahawa fatwa telah dikeluarkan oleh Sheikh Yusuf Al-Qardhawi. Majlis Fatwa Kebangsaan juga telah dua kali mengeluarkan fatwanya dan yang mutakhir sekali apabila Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Shukor bagi pihak ahli-ahli Majlis Fatwa menyebutkan keterlibatan mereka ini adalah haram di sisi Islam. Ertinya, ada satu keputusan dan komitmen daripada para ulama yang menyebutkan bahawa keterlibatan dalam kumpulan jihad atau Daulah Islamiah ini atau apa sahaja nama kumpulannya adalah haram di sisi Islam. Saya syukur kerana POTA telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan, terutamanya Dewan Negara ini. *In shaa-Allah* kami akan mempersembahkan kepada Tuanku Agong untuk perkenan Baginda bagi penandatanganan perkenan sebelum ia digazet. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah datang menjawab. Saya sangat berpuas hati dengan apa yang telah diterangkan tadi dan banyak maklumat yang saya ingin tahu, terjawab. Terima kasih banyak-banyak.

Apa yang telah disebutkan tadi, orang yang terlibat pergi ke luar negara, terlibat dengan IS ini ada tiga faktor besar sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Masalah keluarga, masalah kewangan dan masalah kawan sebaya. Jadi, begitu juga orang-orang yang terlibat ini daripada segi fahaman agamanya tidak lengkap atau separuh sahaja yang menyebabkan mereka mudah dipengaruhi.

Ada dua soalan kecil yang saya hendak utarakan. Pertama, ialah golongan yang menyertai kumpulan ini, rata-ratanya berumur lingkungan 40 tahun tadi, daripada segi pengetahuan pengajiannya. Adakah mereka mempunyai pengajian, walaupun cetek asas dalam pengajian agama ataupun sebaliknya. Itu satu.

Kedua ialah bagaimana rancangan masa depan Kementerian Dalam Negeri khasnya dan juga kerajaan kita secara umumnya, untuk mengatasi orang yang tidak faham berhubung dengan Islam ini, terutamanya jihad supaya mereka dapat diberi penerangan yang jelas dan terang kepada masa hadapan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar kagum dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Setakat inilah ketiga-tiga soalan memang berkualiti. Saya tahu bahawa Yang Berhormat prihatin terhadap masalah yang berlaku sekarang ini. Dua soalan itu sama ada mereka mempunyai asas agama. Kebanyakannya tidak ada asas agama. Kalau tuduhan bahawa mereka yang bersekolah di pondok atau sekolah agama atau madrasah terlibat dalam aktiviti ini dan mereka merupakan golongan paling ramai, saya ingin menafikan. Saya ingin menafikan kerana yang terlibat ini *cross the board*, dengan izin. Pensyarah universiti, pelajar universiti, pelajar swasta. Baru-baru ini ditangkap tujuh juruwayar (*wireman*) dan pendidikan mereka di tahap Tingkatan 5 dan asas pendidikan agama juga adalah minimum.

Kenapakah juruwayar? Oleh sebab mahu membuat bom sendiri dan mereka menggunakan *remote control*. Kenapakah *electrical engineer*? Jurutera *electrical*? Oleh sebab mereka mempunyai sedikit pengetahuan dalam bidang pembikinan bom dan mereka yang membuat bom ini, mereka tidak pernah pergi ke Syria ataupun Iraq. Mereka belajar melalui internet dan kita tahan 12 orang di Hulu Langat itu kerana mereka sedang mencuba untuk meletupkan bom itu kerana bom itu dibuat oleh mereka sendiri.

#### ■1030

Mereka telah meletakkan beberapa *target* sasaran untuk melakukan pengeboman, kononnya di kawasan-kawasan yang dianggap sebagai kawasan maksiat, kawasan-kawasan yang dianggap sebagai kawasan *taghut* seperti Putrajaya Dewan yang mulia ini dan Dewan Rakyat kerana mereka tidak percaya pada sistem demokrasi. Mereka mengatakan bahawa sistem yang ada pada mereka ini sistem khulafa pemerintah cara Khalifah. Itu sebabnya mereka mengetepikan semua *political boundaries*, dengan izin ataupun sempadan politik. Mereka menganggap semua kawasan ini sebagai Horasan. Ini mengikut sejarah yang dahulu. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua saya fikir untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi asas agama mereka terlalu cetek.



Kedua, apakah rancangan untuk mengatasi permasalahan ini? Saya telah sebutkan tadi bahawa kita sedang mengadakan kempen-kempen kesedaran. Saya mengalu-alukan jika Ahli-ahli Yang Berhormat mahukan taklimat mengenai kempen yang kami lakukan dan video-video untuk menunjukkan bagaimana keganasan ini telah dilakukan, saya akan minta pihak PDRM untuk hadir. Saya fikir sebahagian daripada Yang Berhormat telah pun ditaklimatkan apabila undang-undang POTA diperkenalkan.

Kita juga sedang melakukan beberapa perancangan dengan pihak Kementerian Pendidikan sendiri untuk turun ke sekolah-sekolah dengan bantuan Yayasan Pencegahan Jenayah dan kelab-kelab pencegahan jenayah di sekolah-sekolah untuk melakukan kempen-kempen kesedaran berkenaan. Ini amat penting sebab saya fikir pencegahan harus dilakukan di peringkat pendidikan awal sekolah kerana kita khuatir jika kita tidak melakukan sesuatu langkah yang proaktif apabila berlaku pengeboman, berlaku pembunuhan atas nama mahu mendapatkan dana bagi mereka menyertai keganasan, maka saya khuatir nyawa ramai hilang. Akan tetapi langkah kesedaran tidak timbul kerana mereka menganggap bahawa dengan izin *suicide bombing* itu ajaran jihad dan mereka dijanjikan syurga. Ini fatwa-fatwa yang tidak *credible*, tidak ada nas, sama ada daripada Al-Quran ataupun Hadis atau Qiyas mereka tidak ikut. Mereka membuat fatwa sendiri. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang tanya soalan itu, saya harap Yang Berhormat boleh ikut saya bukan tujuan untuk tukar parti tetapi sama-sama menunjukkan kesedaran kepada semua pihak rakyat. Terima kasih, *assalammualaikum*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam*. Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan jawapan Yang Berhormat saya percaya ramai Ahli Yang Berhormat berasa puas hati dan *in shaa-Allah* kita akan sama-sama beri fikiran yang mantap untuk kebaikan bangsa dan gama kita, sekian.

**2. Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, kejayaan yang tercapai untuk pembinaan rumah mampu milik melalui agensi-agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abd. Rahman Dahlan]:** *Bismillahi Rahmani Rahiim*. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan perumahan atau kediaman merupakan keperluan asas yang akan mempengaruhi kualiti kehidupan masyarakat dan akan menyumbang kepada kesejahteraan sosial rakyat. Dengan kepesatan pembangunan dan penghijrahan penduduk, kenaikan harga rumah dan sebagainya telah berlaku kerana kekurangan dalam bekalan perumahan mampu milik kepada rakyat.

Menyedari keperluan dan permasalahan rakyat dalam memiliki rumah, Kerajaan Persekutuan memulakan inisiatif penyediaan perumahan mampu milik pada tahun 2013 dengan mensasarkan untuk membina 1 juta buah rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun bagi meningkatkan bekalan perumahan mampu milik demi kesejahteraan semua lapisan rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, inisiatif pembangunan perumahan ini bukanlah hanya dilaksanakan oleh kementerian saya tetapi turut

dilaksanakan oleh beberapa buah agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri termasuklah perumahan yang dibangunkan oleh pihak swasta.

Sebagai pecahannya kita jangkakan PR1MA sebanyak 500,000 ataupun setengah daripada jumlah yang disasarkan, agensi-agensi kerajaan negeri 102,000 lima buah rumah, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sebanyak 100,493 unit rumah, Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia sebanyak 100,000. Kementerian saya sendiri KPKT 60,789 unit, FELDA dijangkakan membina sebanyak 21,300 buah rumah, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah 16,842 buah rumah, ICU di Jabatan Perdana Menteri dijangka membina 8,330, Kementerian Wilayah Persekutuan 6,415, PERDA ICU JPM 5,312, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 2,617, dan juga pemaju-pemaju swasta yang dijangkakan akan membina sebanyak 150,000 buah rumah, menjadikan jumlah lebih kurang 1,074,103 unit untuk lima tahun.

Antara agensi yang terlibat dalam program ini PR1MA seperti mana yang saya katakan tadi, SPNB, Kementerian Kewangan dan kementerian-kementerian lain termasuk semua kerajaan negeri. Sehingga Disember 2014 sebanyak 95,124 unit rumah mampu milik telah siap dibina oleh semua agensi yang berkaitan termasuk 40,650 unit oleh pemaju swasta, manakala 42,857 unit rumah berada dalam fasa pembinaan dan 249,468 unit rumah lagi dalam pelbagai peringkat perancangan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua status pelaksanaan sekarang ini pecahannya kepada KPKT kementerian saya sebanyak 60,789, agensi Kerajaan Persekutuan yang telah dalam perancangan dan pembinaan 18,033 unit, agensi kerajaan negeri sebanyak 22,293 unit, PPS1M 23,184, PR1MA 98,838, SPNB 123,662 unit dan pemaju swasta sebanyak 40,650. Jumlah ini jumlah-jumlah dalam pembinaan yang telah siap dan dalam pelbagai perancangan sejak pengumuman 1 juta buah rumah yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Daripada jumlah tersebut, kementerian saya telah menyiapkan 11,546 unit di bawah Program Perumahan Rakyat dan 418 unit rumah di bawah Program Skim Pinjaman Perumahan (SPP).

Kerajaan komited dalam menyediakan perumahan mampu milik kepada rakyat dan yakin sasaran pembinaan 1 juta buah rumah mampu milik ini mampu direalisasikan dalam tempoh lima tahun. Bagi memastikan memantau pelaksanaan program kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Perumahan Negara bagi menyelaras dan memantau pencapaian sasaran pembinaan 1 juta buah rumah mampu milik. Jawatankuasa ini seterusnya akan melaporkan pencapaian pelaksanaan program pada Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jawatankuasa Perumahan Negara ini dianggotai oleh pelbagai agensi yang terlibat dalam pembangunan termasuklah pemaju-pemaju swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan program ini secara keseluruhannya memerlukan komitmen dan juga kerjasama daripada semua pihak. Justeru saya meminta supaya semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan program ini termasuklah kerajaan negeri dan juga pihak yang terlibat dalam meluluskan pemajuan seperti pihak berkuasa tempatan untuk bersama-sama meningkatkan usaha dalam membantu

memudah cara dan melancarkan proses-proses pembinaan demi kepentingan rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk menjawab soalan ini. Ini menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat Menteri sendiri untuk menentukan bahawa sasaran 1 juta buah rumah mampu milik akan tercapai seboleh-bolehnya dalam tahun 2016. Soalan tambahan saya ialah, dua. Yang pertama sekali setakat manakah komitmen kerajaan negeri untuk mencapai hasrat kerajaan ini sebab kita dapati kita tahu bahawa *land is state matter*, setakat mana mereka memberi sokongan.

■1040

Keduanya saya tahu Yang Berhormat mengatakan memberi pecahan dan sebagainya, Bajet 2014 mengatakan kita akan membina sejuta dan ini disebut kembali dalam Bajet 2015. Akan tetapi angka yang dicapai sekarang ini sebenarnya tidak nampak, saya sendiri tidak nampak kita boleh capai satu juta atau tidak menjelang akhir tahun 2016. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim dan saya ingin mulakan jawapan saya ini dengan satu penjelasan berkenaan dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Seperti mana juga Yang Berhormat Senator tahu bahawa untuk membina sebuah rumah ini bukanlah sekelip mata, perancangannya memakan masa. *Construction* sahaja saya rasa dua tahun setengah apatah lagi perancangan sebelum itu yang memerlukan *acquisition of land*, dengan izin, dan juga mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan. Sudah tentu ia memakan masa yang agak panjang.

Ramai orang keliru berkenaan dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebenarnya apa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu ialah bukannya rumah-rumah sebanyak satu juta buah itu siap dalam masa lima tahun. Ia termasuk dalam pembinaan dan juga yang paling penting ini dalam perancangan.

Apakah maksud perancangan ini? Ada orang mengatakan perancangan hanyalah *on paper*, itu pun tidak betul apabila saya katakan tadi sebut tentang unit-unit statistik dalam perancangan itu kita telah pastikan bahawa unit-unit yang telah dimasukkan dalam kategori perancangan itu unit yang mempunyai perancangan yang mempunyai kewangan, mempunyai bajet.

Dalam pelbagai proses perancangan termasuklah dengan urusan *acquisition of land*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan juga urusan dengan PBT. Bermakna komitmen itu ada dan ini yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bukanlah bermakna pada waktu itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa dalam masa lima tahun maka akan tersergam, terbina satu juta buah rumah. Saya kira kalau ia bermula pada tahun 2018, itu adalah juga termasuk dalam statistik yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Berkenaan dengan kerjasama kerajaan negeri, saya merasakan masih banyak yang perlu dibuat. Saya secara peribadi merasakan masih banyak yang perlu dibuat dan dilakukan oleh kerajaan negeri

bagi membolehkan agensi-agensi kerajaan negeri dan Persekutuan dan pihak swasta untuk membina rumah mampu milik ini Tuan Yang di-Pertua. Kita berdepan dengan banyak birokrasi, kita berdepan dengan *political will* kalau boleh saya sebut begitu yang tidak begitu tinggi. Kadang-kadang mereka meletakkan contohnya rumah PPR, lokasi yang diletakkan terlalu jauh daripada sumber atau tempat mereka untuk mencari pekerjaan. Jadi kita tidak boleh luluskan.

Ada juga keadaan di mana tanah-tanah yang diberikan itu memerlukan penimbunan yang agak mahal ataupun penyambungan infrastruktur yang begitu mahal yang menyebabkan kos melambung terlalu tinggi sampai kadang-kadang ada satu unit, sebuah unit rumah mampu milik itu terpaksa dibina dengan kos purata sebanyak RM250,000. Jadi ini menyebabkan usaha kita ini terbantut.

Oleh sebab itu saya minta, saya bagi contoh kita banyak bincang tentang Kerajaan Negeri Pulau Pinang 10,000 buah unit yang kita minta supaya diluluskan oleh Kerajaan Pulau Pinang diluluskan kepada jabatan ataupun agensi Kerajaan Persekutuan yang ingin membina rumah di Pulau Pinang. Akan tetapi sampai sekarang saya merasa amat sedih kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih lagi berdolak-dalik memberikan banyak alasan untuk tidak meluluskan pembinaan sebanyak 10,000 unit rumah mampu milik yang telah dirancang oleh agensi-agensi Kerajaan Persekutuan.

Saya tidak tahu masalahnya sama ada itu kena tanya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang tetapi alasan diberi berbagai-bagai. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator kegelisahan kita ialah tindakan yang dibuat oleh kerajaan negeri itu tidak begitu memberi manfaat kepada pembinaan rumah mampu milik di seluruh negara.

Jadi saya minta atas alasan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi bahawa kita minta kerajaan negeri juga mampu untuk bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi perumahan seluruh kementerian bagi membina rumah mampu milik dan rumah di seluruh negara. Terima kasih.

**Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan peningkatan kos semasa disebabkan kenaikan harga bahan binaan menyebabkan harga rumah tidak pernah semakin menurun. Apakah pihak kementerian membuat inisiatif untuk mencari jalan membina rumah-rumah mampu milik yang lebih murah harganya disebabkan teknologi ataupun bahan binaan yang lebih murah daripada pasaran? Terima kasih.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Senator. Saya kira sudah tiba masanya Tuan Yang di-Pertua untuk kita menggunakan teknologi. Saya baru sahaja bermesyuarat semalam berkenaan dengan untuk membawa *approach* kita ini kepada penggunaan teknologi.

Apa yang berlaku sekarang untuk rumah PPR contohnya, kita terikat dengan satu keputusan yang dibuat oleh Kabinet sebelum ini bahawa kalau kita membina PPR itu mesti disertakan dengan gaya hidup ataupun *life style*. Itu sebabnya kita kena ada masjid, kena ada dewan, kita kena ada taman permainan, tadika dan bermacam-macam yang kita masukkan dalam kemajuan PPR itu bagi memberikan satu kehidupan ataupun gaya hidup yang selesa untuk penghuni PPR. Akan tetapi kita juga

dapati ini menambah kos kepada PPR dan ia melambatkan pembinaan tersebut kerana memerlukan kawasan yang besar. Oleh sebab itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat kita kena *set aside* dengan izin sebahagian daripada peruntukan PPR itu untuk digunakan spesifik kepada projek yang menggunakan teknologi yang boleh *deployment of affordable housing*, ini dengan izin, dengan cepat.

Ada banyak teknologi yang sebahagiannya itu wujud di negara kita yang kita boleh gunakan bagi membolehkan perumahan ini dibina bukan dua tahun setengah. Mungkin setahun. Saya telah luluskan satu projek di Dengkil negeri Selangor sebanyak 400 unit yang menggunakan teknologi baru ini sama ada ia boleh dibina dalam masa setahun kita tunggu. Akan tetapi apa yang dimaklumkan kepada saya oleh pemaju perumahan yang telah dilantik bahawa 400 unit itu mungkin boleh dibina dalam masa setahun. Ini satu cara untuk kita mempercepatkan lagi proses untuk mendapatkan satu juta bekalan rumah di dalam pasaran. Terima kasih atas idea Yang Berhormat Senator.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukanlah langkah kerajaan untuk memastikan setiap rakyat memiliki rumah namun tidak semua berjaya memilikinya atas pelbagai sebab antaranya bilangan rumah yang terhad dan kesukaran mendapat pinjaman. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, apa langkah kerajaan bagi memenuhi permintaan atau *demand* berbanding penawaran atau *supply* untuk memiliki rumah sendiri terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang tinggal di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor ataupun Penang?

Apa langkah kerajaan bagi membantu mereka berpendapatan rendah yang gagal mendapat pinjaman Yang Berhormat Menteri untuk memiliki rumah seperti yang berlaku di Projek Perumahan Taman Setia Indah, Taman Jaya Johor Bahru yang telah mendapat sijil untuk memiliki rumah tetapi gagal untuk mendapat pinjaman walaupun telah menunggu untuk memiliki rumah lebih daripada 20 tahun?

Akhirnya, apakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan tabung khas Tuan Yang di-Pertua bagi pinjaman perumahan bagi membantu mereka yang gagal mendapat pinjaman melalui MBSB dan sebagainya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu soalan yang amat bertepatan. Betullah kalau kita bina rumah tetapi kalau kemampuan rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah tidak mampu untuk membeli rumah itu. Itu lagi satu kekangan atau cabaran yang terpaksa kita hadapi. Oleh sebab itu dalam kementerian saya ada satu skim pinjaman perumahan yang membolehkan orang ramai untuk mendapatkan pinjaman perumahan yang disediakan oleh kerajaan.

■1050

Begitu juga baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan Skim MyHome di mana *up to* RM30,000, dengan izin, diberikan kepada peminjam perumahan ataupun pembeli rumah yang pertama. RM300 juta disediakan oleh kerajaan bagi membolehkan mereka menggunakan RM30,000 itu sebagai *down payment* ataupun wang pendahuluan untuk membeli rumah.

Akan tetapi untuk PPR contohnya, saya agak teruja dengan usaha yang dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh, Ahli Parlimen Gua Musang di mana beliau telah berurusan dengan

sebuah bank bagi membolehkan keluarga yang berpendapatan rendah ini untuk mendapatkan pinjaman wang. Kita memantau hasrat atau gerak kerja yang dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Gua Musang dan bila mana ini berlaku nanti, kita boleh menggunakan *template* itu untuk kita memberikan peluang kepada pembeli rumah PPR terutamanya ataupun rumah mampu milik untuk mendapatkan pinjaman perumahan.

Saya dapati memang itu kekangan yang agak besar dan saya minta juga sebab soal pinjaman ini bukan di bawah kementerian saya, di bawah Bank Negara, Kementerian Kewangan supaya kerajaan melihat bagaimana caranya terutamanya Kementerian Kewangan melihat bagaimana untuk mendapatkan sekurang-kurangnya pembeli rumah pertama mendapat pinjaman yang agak munasabah dalam kadar yang cepat. Saya fikir banyak Yang Berhormat Senator, contohnya dalam kementerian saya, kita ada lesen yang kita keluarkan sebagai lesen peminjam wang contohnya.

*Of course, ratenya* tinggi sedikit tetapi kalau ada pemaju perumahan yang ingin menawarkan fleksibiliti membuat rumah dan juga menawarkan skim pinjaman wang untuk membeli rumah mereka, saya terbuka kepada idea tersebut. Oleh sebab bukan saya sahaja bagi lesen untuk membuat rumah, *developer license* Tuan Yang di-Pertua tetapi di kementerian saya juga ada lesen peminjam wang. Kita boleh *negotiate* daripada segi kadarnya dan kita boleh *package* ini sebagai satu pendekatan baru untuk memberikan peluang kepada pembeli rumah, *developer* tersebut untuk mendapatkan pinjaman perumahan *direct* daripada *developer*.

Ini pun satu lagi *innovation* yang kita buat dan sedang dalam kajian tetapi kita menunggu. Saya tengok yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Ahli Parlimen Gua Musang amat menarik dan *insya-Allah* kita akan dapat tentukan dalam masa sebulan dua ini sama ada program itu dapat diteruskan. Akan tetapi saya amat menghargai apa yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator, ini cabaran yang perlu ditangani oleh Kementerian Kewangan dengan begitu mantap sekali, terima kasih.

**3. Tuan Koh Chin Han** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat menyatakan, rancangan Kementerian dalam membasmi kegiatan mengemis selain daripada cadangan meminda Akta Orang-orang Papa 1977 sedia ada serta apakah hasil daripada siasatan ke atas sindiket kegiatan mengemis.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan undang-undang sahaja tidak memadai tanpa usaha pendidikan kepada masyarakat dan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan meneruskan kempen kesedaran awam bagi membendung aktiviti pengemis. Kempen ini diteruskan bagi menerapkan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat bahawa aktiviti mengemis menyalahi undang-undang sebaliknya masyarakat hendaklah memberi sumbangan mengikut saluran yang betul seperti rumah anak-anak yatim, ibu tunggal dan warga emas yang fakir, jiran tetangga yang miskin, tempat-tempat ibadat serta NGO-NGO kebajikan.

Statistik pengemis yang diselamatkan menurun sejak kempen berkenaan diadakan iaitu pada tahun 2011 seramai 1,446 orang pengemis, tahun 2012 seramai 1,223 orang, tahun 2013 seramai 1,048

orang dan 1,007 orang pada tahun 2014 sehingga September, pengemis diselamatkan. Sebagai usaha berterusan, operasi penguatkuasaan akan tetap dilaksanakan untuk memastikan mereka berjaya meloloskan diri atau terlepas semasa operasi tidak berasa selamat dan berminat untuk mengemis dan tinggal berpelesenan di kawasan awam sekitar ibu kota dan seterusnya dapat mengurangkan bilangan mereka.

Setiap agensi penguatkuasaan yang terlibat dalam operasi akan membuat saringan pengemis dan kutu rayau dan mengambil tindakan mengikut undang-undang dan bidang kuasa masing-masing. Sehingga kini operasi penguatkuasaan tidak menjumpai pengemis yang diselamatkan mempunyai hubungan dengan kegiatan sindiket. Sekian, terima kasih.

**Tuan Koh Chin Han:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sindiket kegiatan mengemis nampaknya semakin serius dan yang membimbangkannya ialah ia turut melibatkan golongan warga asing. Saya percaya yang melibatkan juga kegiatan pemerdagangan manusia secara berleluasa dan yang menyedihkan ialah mereka terdiri daripada golongan OKU, kanak-kanak, warga emas dan juga wanita.

Soalan saya ialah, apakah strategi langkah-langkah kementerian dalam memerangi sindiket mengemis ini? Dan pada masa yang sama juga membasmi isu pemerdagangan manusia di negara kita juga di rantau ini, terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han. Seperti apa yang tadi saya telah pun jawab, operasi penguatkuasaan JKM tidak menjumpai pengemis yang diselamatkan mempunyai hubungan dalam kegiatan sindiket. Ini adalah kerana walaupun ada kes-kes yang disyaki tetapi kami memang tidak dapat segala maklumat daripada mereka. Ini mungkin atas sebab-sebab yang khusus. Walau bagaimanapun, sekiranya pengemis yang bukan warganegara Malaysia, JKM akan menyerahkan mereka kepada imigresen dan imigresen lah agensi yang bertanggungjawab. Pendek kata, sindiket melibatkan warga asing atau warganegara adalah tertakluk kepada Akta Antipemerdagangan Orang di mana ia di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Sekiranya terdapat sebarang maklumat berkenaan aktiviti pengemis melibatkan sindiket, maka ia perlu terus dilaporkan kepada pihak polis. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya JKM telah pun menjalankan operasi menyelamat pengemis terutamanya di bandar-bandar besar seluruh negara. Terdapat tiga jenis operasi pengemis iaitu bersepadu, berkala atau berjadual dan *ad hoc* iaitu sertaina. Saya hendak menegaskan di sini operasi yang telah pun kita jalankan, kebanyakan pengemis yang kita selamatkan kebanyakan mereka kita akan serahkan kepada pihak-pihak yang berkenaan seperti polis atau hospital dan juga imigresen dengan mengikut latar belakang mereka. Sekian terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya yakin pihak kementerian telah menjalankan penguatkuasaan ke atas pengemis. Namun keprihatinan saya adalah tentang keberkesanan tindakan-tindakan ke atas usaha

pemulihan mereka. Persoalan saya di sini dari sudut rekod, data-data pengemis berapakah kes-kes berulang? Sebab saya kira setiap kali mengambil tindakan, bila kita hadir di tempat yang sama kita tengok muka yang sama kembali mengemis. Jadi setakat mana keseriusan kes-kes berulang pengemis dan bagi kes-kes yang berulang ini apakah tindakan yang diambil? Sekian terima kasih.

■1100

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, seperti tadi apa yang saya telah pun jawab kita akan menjalankan operasi bersama dengan agensi-agensi yang lain dan yang mana di bawah JKM, kita akan hantar mereka pergi ke pusat serenti bina diri untuk memberi penjagaan, perlindungan dan pemulihan sementara bagi orang papa. Pengemis dan gelandangan yang diselamatkan semasa operasi menyelamat akan ditempatkan sementara di sini. Selepas mendapat perintah mahkamah di bawah Akta Orang-orang Papa 1977, mereka yang berumur di bawah 60 tahun akan dipindah ke Desa Bina Diri untuk program pemulihan.

Di bawah umur 60, kita akan hantar mereka pergi ke Desa Bina Diri yang bertempat di Johor, Pahang, Kota Kinabalu dan Kuching. Memang ada masalah dengan pengemis yang walaupun telah pun diselamatkan oleh JKM tetapi mereka melarikan diri dan ada berlakunya kes-kes yang berulang. Akan tetapi apa yang kita boleh buat ialah kita menjalankan program kesedaran orang awam supaya apabila mereka nampak ada pengemis, jangan terlalu murah hati untuk beri wang kepada mereka tetapi perlu merujuk kes itu ke Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya kita dapat mengambil tindakan dengan serta-merta. Untuk kadar kejayaan pemulihan itu, saya tidak ada angka pada hari ini. Mungkin saya akan beri jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan pertanyaan nombor empat Datuk Haji Yunus.

4. **Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) cadangan kementerian dalam menyerap nilai moral yang tinggi, beretika dan berintegriti dalam mewujudkan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan telus; dan
- (b) adakah kementerian bersetuju dalam mewujudkan sistem kawalan dalaman di setiap kementerian dan agensi kerajaan dalam menangani kes penyelewengan di kalangan penjawat awam.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi penekanan terhadap ketinggian nilai moral, etika dan juga integriti dalam pentadbiran kerajaan. Kerajaan telah memperkenalkan dasar bersih, cekap dan amanah dan dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran sebagai sebahagian daripada usaha proaktif untuk menerapkan nilai moral serta etika yang tinggi dalam pentadbiran kerajaan.



Bagi memastikan nilai-nilai ini sentiasa terpelihara dan diamalkan, peraturan tata kelakuan dan tatatertib telah dikuatkuasakan dengan tegas kepada penjawat awam. Kerajaan juga menetapkan penjawat awam menandatangani aku janji dan akuan berkanun untuk memastikan mereka mematuhi peraturan dan berada pada tahap integriti yang tinggi.

Selain itu, dalam usaha memantapkan integriti penjawat awam, kerajaan juga telah mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam peringkat persekutuan dan negeri. Sehingga kini sebanyak 866 Unit Integriti telah ditubuhkan di kementerian, jabatan dan pentadbiran kerajaan negeri. Unit ini memainkan peranan penting dalam melaksanakan fungsi kawalan dalaman untuk menangani kes penyelewengan di kalangan pegawai kementerian dan agensi melalui audit pematuhan prosedur perolehan kewangan, naziran, pemeriksaan mengejut, pemeriksaan *mystery shopping* dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan juga sedang melaksanakan Kerangka Transformasi Pemerintah Awam (KTPA) yang menggariskan lima teras strategik ke arah matlamat mewujudkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, berintegriti dinamik dan juga berjiwa rakyat. Salah satu daripada teras strategik KTPA iaitu yang kelima ialah membudaya nilai patriotisme, nilai murni, etos dan integriti bagi melahirkan penjawat awam yang cinta negara, berdaya tahan tinggi, beretika dan berintegriti.

Bagi membendung amalan rasuah dan urusan perolehan kerajaan yang telus, kerajaan juga telah melaksanakan sistem perolehan atas talian iaitu ePerolehan dan eBidding. Di samping itu pihak yang terlibat dalam urusan perolehan kerajaan perlu menandatangani aku janji integriti dengan izin, *Integrity Pact*. Kerajaan juga sentiasa melaksanakan urusan audit di setiap kementerian dan agensi kerajaan seperti Laporan Ketua Audit Negara, audit nilai, audit kewangan, audit ISO, penilaian sistem *star rating* dan pelaksanaan sistem aduan dalaman.

Secara keseluruhannya kerajaan mendapati bahawa pengamalan nilai-nilai Islam dan pentadbiran kerajaan telah dibuktikan untuk mempertingkatkan nilai moral, etika dan integriti dalam sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan telus. Justeru itu, amalan baik dalam agama perlu didedahkan secara lebih kerap dalam urusan pentadbiran harian. Bila mereka mempunyai pemikiran yang bersih dan bagi orang Islam yang menjuruskan diri atau mendekati diri kepada agama bukanlah mereka masuk parti yang bernama. Maksudnya macam itu ya. Ini ialah penerapan nilai agama itu sendiri kepada setiap individu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan soalan tambahan, Yang Berhormat Datuk Haji Yunus.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri yang dikasihi. Saya terus kepada soalan tambahan ya. Perlu kah diwujudkan jawatan pegawai pemantau seolah-olah pegawai berkonsep *military* polis di Angkatan Tentera Malaysia. Mahkamah khususnya untuk penjawat awam serta ditambah fungsi pegawai SPRM bagi tujuan memantau semua aktiviti yang ada hubung kait dengan kewangan dan perbekalan, terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya percaya maksud Yang Berhormat ialah kita wujudkan pasukan pemantau seperti *military police* dalam tentera, macam itu ya? Jadi Yang Berhormat, penjawat

ini ada banyak agensi yang mengawasi mereka. Dalam masa yang sama arahan dan peraturan yang ada sebenarnya mencukupi. Di samping itu yang baru kerajaan buat ini adalah seperti soalan Yang Berhormat pada hari ini ialah Unit Integriti.

Unit Integriti ini hampir semuanya dipengerusikan oleh pegawai SPRM. Mereka ini memantau gerak kerja pegawai-pegawai kerajaan dari semasa ke semasa. Saya percaya dengan Unit Integriti kecuali kalau Unit Integriti tidak berintegriti, itu masalah lah. Akan tetapi dengan Unit Integriti dengan arahan pekeliling dan juga lain-lain lagi serta sekarang ini yang menjadi pemantau kepada pegawai-pegawai kerajaan itu ialah rakyat sendiri, media sosial dan sebagainya.

Saya percaya pegawai kerajaan telah melaksanakan tugasnya dengan begitu baik. Saya hendak beritahu Yang Berhormat secara ringkasnya bahawa negara ini pada dasarnya telah dibangunkan oleh anggota-anggota kerajaan, daripada merdeka sampai ke hari ini. Kalau kita ingat negara ini sekarang berjaya, ini ialah sumbangan anggota kerajaan yang cukup luar biasa. Kadang-kadang menjadi timun tetapi mereka terus menjadi lilin memberi khidmat kepada negara.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, persilakan Yang Berhormat Tuan Chong Sin Woon.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita menjaga integriti penjawat awam, adakah kerajaan mempunyai sistem pemantauan dalam pentadbiran awam yang menjaga supaya penjawat awam kita tidak *live beyond means*, dengan izin, atau hidup melampaui batas mereka dan kebolehan mereka. Contohnya, kalau gaji pokok mereka RM8,000 sebulan tetapi hidup mereka mewah dengan banglonya, kereta mewahnya dan dengan pelancongan yang mewah. Adakah kita mempunyai sistem pemantauan seperti itu? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya. Oleh sebab tadi saya bagi jawapan bahawa pegawai-pegawai kerajaan sentiasa diperiksa melalui audit perolehan kewangan, naziran, Unit Integriti ini, ia akan sentiasa dan termasuklah pemeriksaan *mystery shopping*. Termasuk bawah *mystery shopping* ya, kereta mewah malah orang yang beristeri-isteri mewah pun dilihat ya benda ini.

#### ■1110

Sebab apa, ia hendak kena pastikan bahawa mereka hidup dalam lingkungan kehidupan yang dibenarkan. Kita tahu bahawa kalau sekiranya kita pergi penerapan nilai-nilai agama dan bagi orang Islam nilai-nilai Islam sudah pasti ia mampu untuk menghadapi kehidupan dengan lebih baik.

Sebenarnya kita dalam proses menuju ke arah tersebut. Kita tahu ada kekurangan di sana-sini. Kekurangan ini tidak menjejaskan prestasi keseluruhan anggota kerajaan. Jadi unit integriti sekarang akan perhatikan benda-benda itu dan saya ingat walaupun ada mungkin ada satu atau dua. Akan tetapi unit integriti ini akan memastikan mereka berada dalam kerangka kehidupan yang dibenarkan. Okey, terima kasih.

**5. Datuk Kadzim M. Yahya** minta Menteri Pendidikan menyatakan, berapa banyakkah pembinaan sekolah di luar bandar di bawah RMK-10 yang masih belum siap sehingga kini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Kadzim M. Yahya atas soalan yang berkaitan dengan pembinaan sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia atau KPM sentiasa prihatin terhadap keperluan pembinaan sekolah di seluruh negara sama ada di bandar atau di luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, sebanyak 80 projek pembinaan sekolah kategori luar bandar di seluruh negara yang belum siap. Daripada jumlah tersebut 61 buah sekolah menengah berserta pembinaan sebuah asrama sekolah. Manakala 19 buah merupakan sekolah rendah berserta pembinaan dua buah asrama sekolah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Kadzim.

**Datuk Kadzim M. Yahya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan dan terima kasih kerana telah menyediakan banyak sekolah untuk luar bandar. Akan tetapi soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian menyedari berlakunya ketidakseimbangan daripada segi guru-guru subjek di sekolah-sekolah luar bandar ini dan guru yang ditempatkan misalnya sekolah memerlukan guru subjek bahasa Malaysia atau Sejarah tetapi guru yang dihantar ialah guru subjek yang berlainan dan ini amat menyukarkan sekolah.

Seterusnya, apa dasar kementerian tentang tempoh mengajar di sesebuah sekolah untuk guru-guru baru terutamanya di luar bandar kerana berlaku *turnover*, dengan izin, yang amat cepat khususnya guru-guru dari luar dari negeri Sabah atau guru-guru dari bandar? Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan berkaitan dengan kekurangan guru. Ini tidak berkaitan dengan soalan ini tetapi saya menjemput Yang Berhormat Senator untuk mengadakan satu perbincangan dengan saya berkaitan dengan soalan yang dikemukakan supaya saya boleh memberi satu penjelasan yang terperinci. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai 10,000 buah sekolah, sejauh manakah audit fizikal dijalankan terhadap kategori sekolah rosak teruk, sekolah sederhana rosak dan sekolah yang tidak langsung layak diduduki.

Keduanya, sejauh mana telaga tiub di pendalaman Sabah dan Sarawak berfungsi dan berapakah jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan setakat hari ini, terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang berkaitan dengan dua perkara. Perkara yang pertama adalah berkaitan dengan pengauditan fizikal. Memang saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat Senator bahawa pengauditan fizikal memang dijalankan. Saya beri contoh di Sabah dan Sarawak jadi Cawangan Pembangunan Negeri akan

menjalankan audit fizikal. Untuk sekolah-sekolah di semenanjung Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri di bawah Unit Pembangunan yang menjalankan pemantauan atau audit fizikal.

Soalan yang kedua ada berkaitan dengan perbelanjaan untuk Sabah dan Sarawak. Saya tidak ada statistik dengan saya, jadi sekiranya diperlukan saya boleh menjawab soalan ini dalam bentuk tulisan. Sekian, terima kasih.

**6. Tuan Koh Chin Han [Di Bawah P.M. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan, menyenaraikan badan-badan belia yang telah menerima peruntukan di bawah program 1M4U, jumlah peruntukan yang diterima serta aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, hari ini merupakan hari yang terakhir jadi saya dapat jawab semua ini ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Datuk Proffesor Dr. Sim Kui Hian, 1Malaysia For Youth atau lebih dikenali sebagai 1M4U adalah sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk menggerakkan aktiviti kesukarelawanan di kalangan belia di negara ini. Bagi tujuan ini Kerajaan Persekutuan sehingga kini telah memberikan dana sebanyak RM145 juta kepada 1M4U bagi membiayai pelbagai program kesukarelawanan.

Bagi memantapkan semangat kesukarelawanan sebanyak 1500 aktiviti sukarelawan yang diterajui oleh 1M4U telah dilaksanakan di seluruh negara. Kesemua aktiviti yang dijalankan menepati objektif utama 1M4U iaitu meningkatkan semangat kesukarelawan di kalangan belia. 1M4U sentiasa meneliti pencapaian dan *outcome* daripada program yang dijalankan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan baik. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri ialah setakat ini kita sedia maklum bahawa dana yang diperuntukkan sebanyak RM140 juta, saya fikir terlalu banyak untuk mewujudkan sukarelawan di negara kita. Apa yang diberitahu bahawa permohonan ini boleh dimohon secara *online* yang mana secara *online* ini prosesnya memakan masa selama satu hingga satu setengah bulan.

Soalan saya ialah permohonan-permohonan yang diproses ini adakah diterima permohonan tersebut dan sekiranya permohonan tersebut tidak dapat, adakah jawapan kerana tidak lengkap ataupun tidak layak untuk menerima permohonan tersebut? Saya mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang baik dan agak memerangkap. Saya hendak beritahu sebelum itu sebab benda ini telah ditimbulkan dan menjadi *viral* di media sosial. Kononnya kita telah menyediakan peruntukan yang besar untuk tujuan kesukarelaan. Akan tetapi saya hendak beritahu perbelanjaan sehingga kini Yang Berhormat yang kita telah anjurkan dan berapa kita belanja.

Program *Reach-Out Convention* 2013, 2014 dan juga 2015 di Kuala Lumpur, Johor, Terengganu, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak sebanyak RM3 juta. Program Gongxi4U di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur sebanyak RM200,000. DeepaM4U seluruh Malaysia sebanyak RM100,000 dan juga seterusnya yang besar ialah Piala Futsal seluruh Malaysia RM250,000, 1M4U Reduce Sdn. Bhd Kuala Lumpur sebanyak RM2 juta. Kemudian Volunteer Malaysia yakni ialah seluruh Malaysia RM2.5 juta. Jadi yang pertama sekali ini adalah program yang dianjurkan sendiri oleh Unit 1M4U.

■1120

Kemudian yang keduanya Dream 1Malaysia iaitu dana yang dibagi kepada pertubuhan-pertubuhan dan yang lain-lain lagi, yang itu tidak ada had selagi kita mempunyai peruntukan dan ia dibuat secara *online*. Oleh sebab Yang Berhormat memaklumkan bahawa program ini kita mendapat kelulusan ataupun tidak, selalunya sampai ke tahap satu bulan setengah. Saya akan berbincang dengan pegawai-pegawai 1M4U untuk hendak memastikan supaya program-program penting yang melibatkan kesukarelawan orang-orang muda ini dapat dipertingkatkan.

Oleh sebab apa, kita tahu bahawa masalah utama rakyat Malaysia sekarang ini ialah masalah orang muda dan masa depan negara juga bergantung kepada orang muda. Jadi sifat kesukarelawan yang ada kepada orang-orang dewasa kerana kita telah melalui satu budaya yang kita ikuti iaitu sifat gotong-royong. Ini orang muda tidak dapat. Jadi ini kita berharap melalui program ini, kita akan dapat terapkan nilai-nilai kesukarelawan.

Saya oleh sebab Yang Berhormat telah maklumkan benda ini di mana permohonan yang kita buat lewat dan sebagainya. Pertama sekali Yang Berhormat kena bagi secara khusus kepada saya yang mana satu yang lewat. Keduanya, saya hendak berbincang dengan pihak pegawai supaya apa sahaja permohonan yang sebenarnya wajar dilaksanakan segera supaya dapat disegerakan, sebab kelambatan memberi reaksi itu akan membawa padah kepada persepsi. Demikian juga apa yang berlaku dalam Malaysia sekarang. Oleh sebab kita lewat memberi reaksi, dia merupakan padah kepada reaksi tetapi tidak terlampau lambat untuk kita membetulkan.

**7. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan:

- (a) apakah kementerian ada membuat kajian kenapa harga barangan dan perkhidmatan tidak turun apabila harga minyak telah turun dan kenapa ia sedemikian; dan
- (b) apakah mekanisme yang akan dan sedang dijalankan untuk memastikan para peniaga menurunkan harga barangan dan perkhidmatan selaras dengan penurunan harga minyak.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon maaf kerana suara masih lagi macam semalam [*Disampuk*] Macam itik nila Yang Berhormat Menteri sebut. Akan tetapi saya

mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semalam banyak bagi petua untuk sihat tetapi suara masih lagi macam semalam.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff atas soalan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Bagi menjawab soalan,

- (a) Tuan Yang di-Pertua, tentang harga barangan pengguna, hasil daripada pemantauan yang dilaksanakan oleh kementerian mendapati perubahan harga barangan dan perkhidmatan tidak hanya bergantung kepada perubahan harga minyak semata-mata. Pelbagai faktor lain mempengaruhi perubahan harga barangan dan perkhidmatan di pasaran seperti faktor permintaan dan penawaran iaitu *demand and supply*, dengan izin, faktor cuaca, faktor ekonomi global, persaingan, kadar tukaran wang asing, soal tarif dan juga kadar upah dan sebagainya.

Oleh yang demikian boleh dikatakan penentuan harga barangan dan perkhidmatan adalah berdasarkan kepada faktor-faktor yang berbeza di antara satu sama lain. Namun begitu, kerajaan masih mempunyai kuasa kawalan dalam aspek tertentu. Antaranya untuk memastikan bekalan barang-barang keperluan sentiasa mencukupi dan dengan harga yang berpatutan.

Bagi soalan,

- (b) Yang Berhormat Senator Puan Shahanim, apakah mekanisme? Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas menangani kos sara hidup pada tahun 2014 lagi. Jawatankuasa Pusat ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan berperanan untuk menangani isu-isu kos sara hidup dan harga barang secara bersepadu serta berterusan. Jawatankuasa ini terdiri daripada 15 Yang Berhormat Menteri yang terlibat serta pegawai-pegawai kanan kerajaan serta ketua kluster ekonomi dan pengurusan termasuklah Majlis Profesor Negara. Jawatankuasa ini ditubuhkan pada 15 Januari 2014 susulan daripada keputusan dalam mesyuarat Jemaah Menteri untuk menangani kos sara hidup.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejak akhir-akhir ini bukan sahaja rakyat tetapi peniaga dan pengguna juga agak keliru dan kelam-kabut akibat ketidakstabilan harga berdasarkan seperti Yang Berhormat Menteri sebut tadi beberapa faktor seperti pelaksanaan GST, ketidaktentuan harga minyak dunia serta mata wang Ringgit Malaysia yang masih tidak stabil. Malahan reaksi pengguna berbelah bahagi dan sebahagian besar peniaga mengambil kesempatan mengaut keuntungan sementara atau atas angin ini.

Jadi soalan tambahan saya, adakah kementerian melaksanakan operasi Audit bagi memburu peniaga yang tidak menurunkan harga barang apatah lagi saya difahamkan ramai peniaga yang tidak mahu membuat tuntutan bayaran balik cukai jualan atas *stock* kerana ini menaikkan harga barangan. Setakat mana terkesannya Kempen Turun Harga terutama yang melibatkan monopoli yang datang dari pasar raya, pasar raya besar ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Shahanim atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, operasi audit ataupun operasi-operasi sentiasa dijalankan oleh pihak kementerian terutama apabila pelaksanaan GST ini dilaksanakan mulai pada 1 April yang lalu. Dalam operasi-operasi ini kita namakan pelbagai operasi. Kalau pada awal sebelum ini ialah operasi catut ataupun sekarang ini kita sedang menjalankan operasi catut. Walaupun sebelum ini pelbagai operasi telah kita adakan.

Untuk makluman, memang kita mengetahui kesempatan ini diambil oleh peniaga-peniaga untuk menaikkan harga barangan apabila skim GST ini dilaksanakan. Jadi sebab itu kita telah menggerakkan keseluruhan pegawai penguat kuasa di seluruh peringkat, di seluruh negara untuk mengadakan operasi-operasi yang melibatkan keseluruhan pegawai.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pemeriksaan melalui operasi ataupun Ops yang saya sebut tadi mulai daripada 15 Januari yang lalu di seluruh negara sehingga 27 April sebanyak RM773,557 operasi ataupun jumlah premis yang telah kita buat pemeriksaan. Di dalam Ops Catut itu, jumlah notis yang kita keluarkan sebanyak 1,008 buah notis dan jumlah keseluruhan kes yang kita ambil memang terdapat kes-kes seperti Yang Berhormat Senator sebut tadi, kesempatan-kesempatan yang diambil oleh peniaga-peniaga. Jadi sebab itu kes yang kita ambil sepanjang operasi ini lebih daripada 3,355 kes yang telah kita ambil.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, melalui Ops Catut ini nilai rampasan yang kita buat sepanjang daripada 15 Januari itu sebanyak RM579 ribu dan jumlah kompaun ialah sebanyak RM408 ribu, kompaun yang kita kenakan. Jadi ini bermakna Yang Berhormat tindakan-tindakan sentiasa kita laksanakan untuk memastikan supaya apabila GST ini dilaksanakan jangan ada kesempatan diambil dan kita merasakan hari ini masuk hari yang ke-28 GST ini dilaksanakan dan *in shaa-Allah* Tuan Yang di-Pertua, dari semasa ke semasa kesedaran ini telah pun timbul di kalangan pengguna untuk melihat supaya sebagai pengguna jangan selalu sentiasa ataupun dikenakan oleh peniaga-peniaga apabila GST ini dilaksanakan. Terima kasih.

■1130

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat yang baru, Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff, soalan tambahan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

**11.31 pg.**

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Adakah dibuat sebarang pemantauan ataupun tindakan bukan sahaja kepada peniaga-peniaga tetapi juga kepada pihak pembekal dan pengedar? Ini kerana yang kita dapat lihat ialah kebanyakannya dibuat ke atas peniaga-peniaga sahaja dan bukan kepada pembekal-pembekal. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff atas soalan tambahan. Memang ada. Dalam jumlah kes yang saya sebutkan tadi, memang melibatkan pembekal Yang Berhormat sebut kerana kita tahu daripada pengeluar ataupun pembekal, ia pergi kepada peniaga dan peniaga akan turun kepada pembeli. Jadi sebab itu, kita menggesa supaya pengeluar ataupun pemborong yang berniaga ataupun menjual barang-barang ini kepada peruncit supaya memastikan agar sebelum ini, sebelum GST dikenakan, mereka terpaksa membayar SST sebanyak 10%. Oleh sebab itu kita minta supaya pemborong ataupun pengeluar ini mesti membuat tuntutan 10% SST yang dikenakan kepada mereka dan dari situ, selepas daripada membuat permohonan balik pembayaran SST yang telah dikenakan oleh kerajaan sebelum ini dan mengenakan 6% GST kepada pengguna.

Akan tetapi apa yang berlaku Yang Berhormat, peniaga-peniaga ataupun pemborong ini tidak membuat tuntutan kepada pihak penguasa ataupun pihak kastam di atas 10% SST yang mereka telah pun membayar. Jadi sebab itu, apabila SST ini ditambah sebanyak 6%, maka berlakulah penambahan kenaikan harga. Sepatutnya mereka kena tolak SST kerana mereka mempunyai hak untuk menuntut 10% itu daripada pihak kastam. Akan tetapi baru-baru ini, memang ada kenyataan dikeluarkan bahawa tidak ramai pengeluar ataupun pengusaha-pengusaha, pemborong ini yang membuat tuntutan 10% SST ini kepada pihak kastam. Duit ada di pihak kastam untuk mereka membuat tuntutan. Jadi, tidak ramai yang membuat tuntutan. Oleh sebab itulah harga barang itu jadi meningkat setelah tidak ditolak 10%, ditambah lagi 6%.

Akan tetapi saya percaya, selepas daripada ini, apabila peniaga-peniaga ataupun pemborong, pengeluar ini membuat tuntutan dan kita membuat tinjauan dan juga pemeriksaan agar semua pemborong ataupun pengeluar ini mesti menuntut 10% SST dikeluarkan dan barulah ditambah 6% GST kepada pengguna. Terima kasih.

**8. Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, tindakan susulan kerajaan setelah barang elektronik buatan Malaysia disenaraihitamkan sebagai barangan buatan buruh paksaan oleh Kerajaan Amerika Syarikat pada 1 Disember 2014 dan nyatakan implikasi kepada ekonomi negara.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, penyenaian sektor pembuatan elektronik Malaysia ke dalam *List of Goods Produced by Child Labour or Forced Labour*, dengan izin sebagai sebuah negara yang melaksanakan amalan



buruh paksa oleh Jabatan Buruh Amerika Syarikat yang diberi mandat di bawah *Trafficking Victims Protection Reauthorisation Act (TVPPRA) 2005*, dengan izin, pada 1 hari bulan Disember 2014 bukan bertujuan untuk mengenakan sebarang tindakan sekatan oleh Amerika Syarikat terhadap Malaysia.

Penyenaraian ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai buruh kanak-kanak dan buruh paksa di seluruh dunia bagi menggalakkan peluang kerjasama dua hala untuk menangani masalah tersebut. Diakui bahawa pandangan negatif ini boleh mendatangkan implikasi buruk terhadap eksport produk elektronik negara dalam jangka masa panjang sekiranya langkah-langkah tidak diambil untuk mengatasinya. Ini termasuk kemungkinan mengenakan sekatan bagi bekalan produk kepada agensi-agensi persekutuan Amerika Syarikat di bawah *Executive Order 13126 - Prohibition of Acquisition of Products Produced by Forced or Indentured Child Labour*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius terhadap tuduhan mengenai kewujudan amalan buruh paksaan oleh syarikat-syarikat dalam sektor pembuatan elektronik. Pandangan ini turut dimaklumkan kepada pihak Amerika Syarikat. Di antara langkah yang diambil secara berterusan oleh kerajaan ialah:

- (i) menyiasat dakwaan tersebut dengan meningkatkan penguatkuasaan oleh agensi kerajaan yang terlibat;
- (ii) mengukuhkan aktiviti-aktiviti koordinasi di antara agensi kerajaan termasuklah melalui penglibatan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi dalam Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) yang dipengerusikan oleh Menteri Dalam Negeri supaya isu buruh paksaan ini di bincang dan ditangani di peringkat tertinggi;
- (iii) mempergiatkan sesi konsultasi bersama industri mengenai perkara ini;
- (iv) menyokong inisiatif industri untuk mengawal selia sendiri sektor pembuatan elektronik melalui kod tata kelakuan *Electronic Industry Citizenship Coalition*, dengan izin; dan
- (v) pelaksanaan program kesedaran mengenai isu berkaitan buruh paksaan dan menjalinkan kerjasama erat dengan Kerajaan Amerika Syarikat untuk menghasilkan pelan tindakan khusus untuk menangani masalah buruh paksa dalam sektor ini.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Roslin.

**Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adalah difahamkan di laporan akhbar menyebut bahawa yang dikatakan sebagai *forced labour* ataupun buruh paksa ini ialah pekerja kilang yang terdiri daripada warga asing. Mereka dikatakan sebagai pekerja imigran yang dinafikan pembayaran upah, kemudahan kesihatan dan juga kemudahan tempat tinggal. Mereka

menyatakan passport mereka ini dipegang oleh majikan mereka yang rata-ratanya ialah kontraktor ataupun subkontraktor kepada kilang-kilang ini.

Soalan saya, memanglah kilang tidak mengetahui dan bertanggungjawab kepada buruh asing ini tetapi kilang-kilang boleh membuat syarat meminta kontraktor-kontraktor mereka mematuhi peraturan tertentu. Apakah pihak kementerian bersama-sama Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri duduk bersama menangani praktis yang boleh memudaratkan industri elektronik negara keseluruhannya?

Soalan kedua saya, adakah pihak kementerian merasakan penyenaian hitamkan Malaysia merupakan satu tindakan sabotaj kepada ekonomi dan industri elektronik negara? Ini kerana praktis iaitu penggunaan buruh asing yang juga dilaksanakan di Singapura, Vietnam, Hong Kong, China, Taiwan dan juga Jepun. Kenapakah Malaysia menjadi sasaran? Apakah ini tindakan setengah pihak, umpamanya parti pembangkang atau mereka yang ingin menjuarai kesatuan buruh di Malaysia? Terima kasih.

■1140

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan Amerika Syarikat mengambil Malaysia ke dalam senarai TVPRA ini bukan satu tindakan sekatan. Ia hanya untuk meningkatkan kesedaran untuk menggalakkan usaha membasmi amaran. Jadi, walaupun nama Malaysia telah tersenarai dalam TVPRA ini, kerajaan memang telah ambil tindakan antara kementerian yang berkaitan. Tindakan yang diambil termasuk siasatan telah dijalankan bahawa tiada unsur-unsur buruh paksa yang berlaku. Sekian, terima kasih.

**9. Datuk Chin Su Phin** minta Perdana Menteri menyatakan, setakat ini bagaimanakah bentuk kerjasama yang dijalankan di antara pihak ESSCOM dan penduduk tempatan dalam memastikan keselamatan kawasan mereka terjamin. Bagaimana sambutan tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. ESSZONE meliputi 10 buah daerah yang mempunyai panjang pesisir pantai merangkumi sejauh 1,733.7 kilometer serta mempunyai lebih daripada 360 buah pulau. Sememangnya memerlukan kerjasama dan sokongan padu penduduk setempat, terutamanya dalam menyalurkan maklumat berkaitan dengan keselamatan dan kemasukan pendatang tanpa izin (PATI). Talian khas ESSCOM yang beroperasi 24 jam sehari telah diwujudkan bagi memudahkan penyaluran maklumat oleh penduduk tempatan dan telah mendapat sambutan yang baik.

Sehubungan dengan itu, ESSCOM telah merangka pelbagai mekanisme dalam usaha untuk mendapatkan kerjasama penduduk setempat, terutamanya pemimpin-pemimpin masyarakat seperti pemimpin belia dan juga beliawanis. Antara program dan aktiviti bagi menggalakkan kerjasama dengan masyarakat setempat oleh ESSCOM adalah:

- (i) menjalin kerjasama strategik dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional;

- (ii) agensi keselamatan di ESSZONE bekerjasama menjayakan Program Integrasi Masyarakat yang berasaskan keselamatan dengan ESSCOM berperanan menyokong penubuhan Skim Rondaan Kawasan (SRK) dan Kumpulan Rukun Tetangga (KRT) oleh JPNIN;
- (iii) penganjuran program pertemuan dengan pemimpin-pemimpin masyarakat, termasuk pemimpin belia dan juga beliawanis yang diadakan pada setiap bulan bagi memberikan ruang untuk menyuarakan pandangan, cadangan dan komen-komen membina berkaitan dengan isu-isu keselamatan yang timbul. Penganjuran Program Majlis Silaturahmi dan Program Al-Falah. Program ini memberi ruang kepada ESSCOM untuk memberi penerangan berkaitan dengan isu-isu keselamatan semasa. Selain membina jaringan kerjasama dalam usaha untuk meningkatkan keselamatan di ESSZONE dengan masyarakat setempat;
- (iv) penubuhan Sahabat ESSCOM, melalui Sahabat ESSCOM penduduk setempat akan dapat menyertai pelbagai program kemasyarakatan yang menjurus ke arah meningkatkan semangat kesukanan, jati diri dan patriotisme untuk membantu pasukan keselamatan, khasnya ESSCOM di dalam menjaga dan mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara;
- (v) penubuhan Unit Kesukarelawan yang bekerjasama dengan ESSCOM bagi menjaga keselamatan kawasan-kawasan penempatan penduduk. Ini melibatkan kerjasama dengan jabatan RELA, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dan juga Angkatan Tentera Malaysia. Saya maksudkan di sini ialah Askar Wataniah.

Sambutan daripada pemimpin masyarakat, termasuklah pemimpin belia dan beliawanis di peringkat akar umbi amat menggalakkan sekali. Sokongan ini boleh diterjemahkan melalui kehadiran dan kerjasama yang ditunjukkan oleh penduduk setempat dalam setiap program yang dianjurkan oleh ESSCOM. Terutamanya dalam program-program yang melibatkan penyertaan masyarakat setempat seperti pameran sukan, kuiz kenegaraan dan juga lain-lain lagi. Terima kasih.

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Yang Berhormat, kita sedar bahawa adanya penglibatan daripada rakyat tempatan ataupun pendatang tanpa izin yang bersekongkol dalam memberikan maklumat tertentu kepada penceroboh semasa kejadian pencerobohan di Lahad Datu dan kejadian-kejadian penculikan yang berlaku di Sabah. Oleh yang demikian, soalan saya, bagaimanakah kerajaan ingin memastikan setiap operasi dan maklumat program keselamatan yang dirancang membabitkan kerjasama dengan Rukun Tetangga ataupun rakyat tempatan tidak dibocorkan kepada pihak luar? Sejauh manakah tapisan yang dibuat oleh pihak ESSCOM dalam mengenal pasti setiap maklumat yang diberikan oleh rakyat tempatan ataupun Rukun Tetangga benar-benar sah dan boleh diterima pakai? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar sebelum penubuhan ESSCOM dalam kawasan ESSZONE ini banyak pencerobohan, penculikan dan juga lain-lain jenayah

rentas sempadan mendapat kerjasama daripada orang tempatan. Kita tahu bahawa orang tempatan ini banyak daripada mereka yang berasal daripada negara jiran yang sebangsa dengan mereka. Jadi, sudah pasti hubungan kekeluargaan dan juga mungkin hubungan aktiviti ekonomi itu berkaitan dan berjalan terus. Ini yang berlaku sebelum kita perkenalkan ESSCOM tetapi bila kita perkenalkan ESSCOM, kita tahu bahawa hubungan kekeluargaan masih berterusan, hubungan ekonomi atas tahap-tahap yang dibenarkan. Akan tetapi kita mula meningkatkan usaha-usaha keselamatan, kita hendak pastikan supaya tidak ada tali barut tempatan yang memberi maklumat untuk membolehkan orang-orang asing menimbulkan kecelakaan di negara ini.

Yang Berhormat, yang pertamanya ialah kita hendak pastikan bahawa negara ini, negara Malaysia, kita harus mempertahankan bersama. Semangat ini diterapkan melalui perjumpaan-perjumpaan, terutamanya dengan belia-belia pada tiap-tiap bulan, belia dan juga beliawanis. Keduanya, ini dalam proses, kita hendak pastikan supaya lebih ramai daripada mereka menganggotai badan sukarela keselamatan seperti JPAM, RELA dan juga Askar Wataniah. Jadi, usaha mempertahankan negara ini bukan sahaja di pihak keselamatan tetapi di pihak rakyat. Akan tetapi kali ini di pihak rakyat yang terlatih melalui pertubuhan-pertubuhan yang saya sebutkan tadi.

Ada pandangan mengatakan bahawa kalau kita bagi mereka latihan ketenteraan, bagi senjata, ini akan boleh mempercepatkan pihak luar datang ke sini dan mereka akan ada orang tempatan yang terlatih. Memang kalau kita memiikirkan ke arah tersebut, memang di mana tempat pun kita akan menghadapi masalah. Akan tetapi yang pertama sekali, kita kena terapkan pemikiran dan juga semangat di kalangan rakyat Malaysia, inilah negara kita, inilah negara tanah tumpah darah kita dan ini tempat kita mencari makan, ini tempat anak-anak kita belajar dan ini masa depan kita.

Jadi, usaha mempertahankan negara ialah usaha bersama. Sesiapa yang melanggar undang-undang, termasuk menderhaka dan sebagainya, undang-undang ada untuk mereka. Jadi, di samping kita membendung usaha-usaha ini melalui dalam bentuk kesukarelaan. Kita ada undang-undang yang boleh membendungkan supaya perkara ini tidak berterusan. Bagaimana kita hendak pastikan bahawa maklumat ini adalah benar yang disampaikan oleh pihak mereka. Kita ada peringkat-peringkat ataupun tahap-tahap keselamatan yang kita hendak pastikan bahawa maklumat yang kita terima adalah benar.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor:** Mohon mencelah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Mohon mencelah?

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor:** Ya, Yang Berhormat. Tentang ESSCOM dan juga rakyat tempatan di kawasan ESSCOM. Sama ada kita ada usaha dan ikhtiar untuk mereka itu menjadi mata dan telinga kepada pasukan keselamatan tempatan. Terima kasih.

■ 1150

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Ini kira soalan nombor dua Yang Berhormat ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan soalan nombor dua.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kira soalan nombor dua Yang Berhormat ya? Okey. Kita yang pertama sekali, tentang maklumat ini, kita tahu bahawa yang mengetuai ESSCOM, saya hendak sambung tadi, yang mengetuai ESSCOM sebab Yang Berhormat masuk mencelah tadi, yang mengetuai ESSCOM ini ialah anggota polis dan kita akan bergiliran polis dan tentera dan seterusnya.

Pihak polis yang telah pun dilatih untuk memastikan supaya maklumat yang kita dapat itu maklumat yang tepat. Jadi kalau kita tahulah, kalau polis mendapatkan sesuatu maklumat ataupun tentera ataupun APMM, bila kita dapat maklumat, kita dengar dahulu selepas itu kita akan tapis sehinggalah maklumat itu boleh diterima sebagai maklumat yang tepat. Untuk membolehkan supaya anggota kerajaan sentiasa melaksanakan tugas mereka dengan penuh integriti, tidak membocorkan maklumat dan sebagainya, kita ada pelbagai agensi yang saya sebutkan lebih awal tadi untuk mengawasi mereka. Kita juga hendak pastikan supaya tidak berlaku unsur-unsur rasuah dan lain-lain lagi maka SPRM juga dimasukkan bersama di dalam mana-mana jawatankuasa yang melibatkan penapisan maklumat dan juga operasi.

Bagi memastikan supaya mereka menjadi mata dan telinga kerajaan. Ini sebenarnya konsep JKK itu sendiri itu sebenarnya Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung yang diperkenalkan pada zaman Allahyarham Tun Razak sebagai Perdana Menteri di bawah Program Buku Merah. Semasa itu kita sedang giat melawan komunis dan Yang Berhormat Senator yang baru ini dia di antara orang yang terlibat secara langsung di dalam memerangi komunis dan di mana kita telah mempertahankan negara ini dengan darah dan nyawa. Itu sebab bila ada mana-mana hendak bawa balik Chin Peng ke negara ini, ini satu perbuatan yang sebenarnya tidak wajar dan perlu ditentang kerana kita telah mempertahankan negara ini dengan darah dan nyawa.

Jadi untuk membolehkan supaya kita memastikan rakyat bersama dengan kita, maka kita tubuhkan JKKK tadi, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di mana mereka akan menjadi mata dan telinga kerajaan, JKKK. Sekarang ini nama JKKK. JKKK sekarang ini sudah semakin moden dan sebagainya, ada elaun. Dahulu tidak ada elaun tetapi mereka menjadi mata dan telinga kerajaan dan anggota RELA menjadi mata dan telinga kerajaan.

Sekarang ini semua pihak anggota kerajaan sendiri, 1.6 juta orang ini juga mata dan telinga kerajaan. Malah selepas ini, Ahli-ahli Parlimen juga akan membuat aku janji ikrar integriti. Mereka juga harus menjadi mata dan telinga kerajaan walaupun sebagai pembangkang, mereka akan memberi maklumat yang boleh mengancam keselamatan negara sebagai contoh.

Jadi kita gembungkan semua tenaga untuk menjadi mata dan telinga kerajaan dalam menghadapi musuh dari luar negara. Saya percaya tidak ada mana-mana pihak yang akan bekerjasama dengan musuh untuk menghancurkan negara ini. Akan tetapi kalau ada yang berbuat demikian, mereka boleh menimbulkan kecelakaan kepada diri sendiri, keluarga dan juga negara ini. Jadi rakyat ialah mata dan telinga kerajaan tetapi khususnya ialah JKKK dan di kawasan ESSCOM ini kita ada pelbagai jawatankuasa yang kita buat dan mereka merupakan mata dan telinga kepada kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab dua soalan tambahan telah pun dikemukakan dan Yang Berhormat Menteri pun telah menjawab dengan begitu mantap dan panjang lebar, maka setakat ini dahululah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita untuk hari ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]***

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.56 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga ke-satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG HASUTAN (PINDAAN) 2015

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” **[27 April 2015]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Suhaimi bin Abdullah menyambung berbahas. Saya bagi Yang Berhormat lima minit Yang Berhormat ya.

**11.56 pg.**

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh...*  
[Menyebut kata-kata aluan di dalam bahasa Arab]

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi saya lebih masa sedikit pada pagi ini untuk terus sambung perbahasan saya berhubung dengan Akta Hasutan ini. Sebenarnya saya sedang mencari di mana saya berhenti semalam dan masih belum berjumpa.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri rupa-rupanya saya tidak keseorangan semalam. Apabila saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kepastian atau jaminan yang dapat kerajaan berikan kepada kita berhubung dengan penyalahgunaan Akta Hasutan ini seperti mana yang amat ditakuti oleh pihak pembangkang termasuk diri saya sendiri dan rupa-rupanya semalam, bila saya sampai di rumah, ada beberapa orang rakan yang turut ada menunggu saya yang menyatakan, tekan sekali lagi jaminan yang hendak diberi oleh kerajaan ini kerana mereka juga bimbang dan takut dalam keadaan politik semasa pada ketika ini, kerana banyak sekali rakan-rakan di dalam Barisan Nasional UMNO juga mengkritik kerajaan dan juga kemungkinan Akta Hasutan ini juga akan dikenakan kepada mereka. Ayat saya 'keseorangan' ini pun saya takut hendak guna.

Jadi Yang Berhormat Menteri, sehubungan dengan Akta Hasutan juga kita dapat melihat bahawa rakan-rakan di Sabah dan Sarawak yang majoritinya menyokong bahawa mereka masih perlu berada di dalam Malaysia mengikut Perjanjian Malaysia 1963 di mana mereka merasakan bahawa keperluan untuk mereka keluar dari Malaysia ini tidak ada. Malah, kita dapat melihat bahawa ada rakan-rakan kita yang pergi ke Sabah dan Sarawak cuba untuk hendak menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak mengambil berat, potong segala belanjawan mereka dan hasutan-hasutan ini walaupun di peringkat tertinggi nyatalah menolak tetapi kita bimbang rakyat di bawah mungkin terpengaruh dengan mereka ini.

■1200

Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, setakat Akta Hasutan ini akan digunakan kepada mereka yang hendak menghasut ini kerana kalau tidak ada tindakan yang diambil, saya juga hendak menghasut orang-orang Kedah supaya kita sama-sama dengan Perlis masuk ke Siam. Kita boleh Songkran, kita boleh hidup dengan lebih orang kata, secara Siamnya. Pulau Pinang juga pernah kita dengar satu ketika Pulau Pinang juga termasuk di Johor. Kalau di Johor itu kita bimbang juga kerana yang lebih atas dan lebih atas dan lebih atas yang minta supaya *independent of Johore* itu.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, setakat mana, sejauh mana tindakan akan diambil kepada mereka ini. Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat bagaimana kritikan-kritikan telah dibuat terhadap kerajaan. Saya seronok bila saya baca banyak *blog, WhatsApp, Telegram* dan sebagainya yang menghentam kerajaan. Kita gembira kerana rakyat sudah tahu, tidak seperti dahulu lagi kita hanya pak turut semata-mata. Sekarang ini kita melihat bukan sahaja pihak pembangkang malah di

dalam kerajaan sendiri ada rakan-rakan kita yang memprotes dan juga mengkritik kerajaan dengan begitu terbuka sekali dan tahniah kita ucapkan kepada Dato' Sri Mohd. Najib kerana sanggup menerima ini tetapi setakat mana Yang Berhormat Menteri, setakat mana kita boleh kritik.

Setakat mana Yang Berhormat Menteri hendak mendengar kritikan-kritikan kepada kerajaan. Saya juga percaya ada juga yang kritik sistem kehakiman. Saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri adakan satu lagi rang undang-undang untuk mereka ini yang mulutnya celaka, yang mulutnya celopar kerana kalau kita tidak lagi percaya kepada sistem kehakiman, siapa lagi yang kita hendak percaya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada satu minit Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya, adakah Yang Berhormat Menteri sedang memikirkan ke arah itu. Kalau Yang Berhormat Menteri sedang memikirkan ke arah itu, ayuh, jangan tunggu lama. *Next session* bentang terus supaya kita dapat menangkap mereka ini. Kalau hakim sudah dipersoalkan, apa yang hendak berlaku kepada negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya ada satu minit lagi, saya menarik baliklah segala kertas yang saya *prepare*.

Akhir kalam Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan bahawa Akta Hasutan ini amat mustahak. Sekiranya ia dijalankan, saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan saya supaya penguatkuasaannya itu diperketatkan dan jangan orang Kedah kata *longgaq*. Saya dengan ini menyokong Akta Hasutan ini... [*Membaca sepotong doa*] *Wabilahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi alaihi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat yang seterusnya, saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa untuk rang undang-undang ini, Rang Undang-undang Hasutan, kita masih ada 6 orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak membahaskan rang undang-undang ini dan selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Selepas itu pula kita masih ada tiga rang undang-undang yang akan dibentangkan dan dibahaskan. Oleh itu saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya berbahaslah dengan bernas, dengan spesifik. Jangan bangkitkan perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Bangkitkanlah isu-isu yang baru dan *straight to the point* ya. Dengan izin. Teruskan dengan mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Silakan Yang Berhormat.

**12.06 tgh.**

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya, terima kasih kepada Yang Berhormat dan saya pada pagi ini akan memaparkan beberapa perkara baru dan saya tidak akan *repeat* apa yang telah dibincangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus Yang Berhormat.



**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Saya berminat daripada segi menerangkan kedudukan yang sebenarnya mengapa Akta Hasutan ini wajib diluluskan. Mengapa ia amat-amat perlu dalam suasana politik negara kita pada hari ini, suasana global yang kita hadapi pada hari ini. Kenapa dahulu Yang Amat Perdana Menteri telah berjanji akan menghapuskan Akta Hasutan. Tiba-tiba janji itu tidak ditunaikan. Bahkan saya rasa kalau Yang Berhormat sendiri sebagai Perdana Menteri apabila menghadapi keadaan ini, Yang Berhormat akan mengambil tindakan yang sama. Kenapa tiba-tiba Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa akta ini mesti dikekalkan.

Kerana Yang Berhormat mesti faham sebagai Perdana Menteri, beliau memastikan bahawa negara kita ini akan tetap aman, jadi sebuah negara majmuk yang berbilang kaum, berbilang agama ini, tidak mahu kita lihat bergaduh sesama sendiri. Itu yang hendak kita elakkan. Itu kepentingan rakyat, kepentingan awam. Itu cukup penting. Bayangkan kebelakangan ini perkara-perkara yang berlaku tidak pernah kita fikirkan akan berlaku dan bayangkan banyak isu yang kebelakangan ini lebih kepada isu yang difokus kepada isu agama. Saya hendak baca sedikit apa yang dikatakan Helen Ang fasal isu agama, fasal Akta Hasutan ini kerana mengikut Helen Ang, di dalam Akta Hasutan ini dimasukkan isu agama. Dahulu tidak ada. Ya, apabila akta ini dipinda, ya, isu agama dimasukkan.

*Previously this Sedition Act only covered insulting hatred on the grounded race and class tapi isu agama dimasukkan, kenapa? Most of the provocation against Islam comes from Christian extremist.* Jangan terperanjat, saya akan jelaskan. Ya saya akan jelaskan Kristian di Sabah dan Sarawak. Saya jelaskan Kristian di Semenanjung ya. *Christian extremist, it is a worldwide trend and the pattern is identical in Malaysia.* Iaitu isu-isu agama yang dilemparkan, provokasi yang cukup teruk dilakukan oleh *Christian extremist* dan isu ini merupakan *a worldwide trend* yang saya katakana, yang berbentuk cabaran-cabaran global dan saya ambil satu ayat juga *to conclude* apa yang dia kata, *please note that DAP is under the thumb of an evangelical Christian incline leadership.* Okey Yang Berhormat baru-baru ini seorang pemimpin PAS yang memegang jawatan agak tinggi telah memberi amaran konsep 3s. Kalau Yang Berhormat masih ingat oleh sebab dia mengatakan bahawa DAP berhasrat mengimplementasikan konsep 3S, Singapore, Sabah, Sarawak. Ya, saya ada dokumen dia dan bukan itu sahaja, pemimpin PAS ini telah memberi amaran supaya kita berjaga-jaga dengan DAP kerana DAP merupakan proksi Israel, Yahudi. Saya pun ada dokumen. Itu saya ada.

#### ■1210

Itu pemimpin PAS. Pemimpin PAS pun cakap macam itu, Helen Ang pun cakap macam itu, saya akan tunjuk bukti yang lain pula yang lebih kukuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, bayangkan saya masih ingat betapa puak-puak proksi Yahudi ini yang telah berjaya mempengaruhi pemikiran orang-orang Islam melalui parti-parti komponen dalam pakatan dan akhirnya mereka telah rosak pendirian, pegangan dan nilai mereka. Begitu benci satu hari Tuan Yang di-Pertua, di *Penang Airport...*

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Biar saya cakap sedikit lagi. Saya akan bagi peluang. Di *Penang Airport* betapa bencinya, apabila Permaisuri Agong yang ingin menaki kapal

terbang, seorang anak muda telah menunjukkan satu signal yang cukup kotor. Saya hendak tunjuk ditunjuk macam ini... *[Menunjukkan isyarat lucah menggunakan tangan]* Boleh tengok ya?

Apabila kereta Permaisuri Agong berjalan dia tunjuk kepada kereta Permaisuri Agong macam ini. Apa kena-mengena? Permaisuri Agong tidak ada buat salah. Di *Penang Airport*. Punya benci kerana Agong mewakili Islam walhal dia tidak tahu Raja-Raja Melayu juga merupakan Raja-Raja seluruh rakyat Malaysia, tidak kira dia Islamkah bukan Islam, tidak kira dia Melayu, Cina, India ataupun Sabah dan Sarawak.

Akan tetapi terlampau benci kepada Raja yang mewakili Islam dan Melayu ini menunjukkan ini. Ini... *[Menunjukkan isyarat lucah menggunakan tangan]* Nasib baik seorang ASP Melayu nampak, beliau menghampiri pemuda tersebut dan pemuda tersebut kata apa, "*You ingat ini Melayu punya negerikah? Ini cina punya*". Dan apa yang dia buat kepada ASP Melayu itu. Ha ini dia. Ini... *[Menunjukkan isyarat lucah menggunakan tangan]* Dalam Parlimen saya hendak beritahu ini.

Betapa bencinya sekarang puak-puak proksi Yahudi ini kepada Islam. Itu sebab Yang Berhormat-Yang Berhormat kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat bercakap soal Islam macam Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi tadi, Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi, sebenarnya mereka cukup bencilah. Jangan hendak cakaplah, hinggakan baru-baru ini ada juga yang terlampau benci bukan sahaja di kalangan orang bukan Melayu, di kalangan Melayu pun benda yang sama kerana telah bersekongkol dengan pemikiran yang merosakkan akidah dan nilai.

Baru-baru ini gambar Tuanku Agong diletakkan gambar kemaluan lelaki. Ada tengok tidak? Saya ada. Saya boleh tunjukkan. Sampai begitu sekali. Walhal perkara ini tidak berlaku dahulu ya. Tidak berlaku. Sahabat saya dari kampung saya itu Tuan Yang di-Pertua pergi ke Merlimau. Di Merlimau kampung saya ada dua *church*. Sudah lama *church* itu. Saya pernah bertanya dengan sahabat saya seorang Cina Kristian di situ, *you* punya *church* ada pakai kalimah Allah kah. Tidak adalah. Kami daripada dahulu mana ada pakai kalimah Allah. Dia pun tanya kenapa sekarang ini di Semenanjung kena pakai kalimah Allah. *Why now*, kenapakah sekarang?

Kalimah Allah Yang Berhormat kalau Yang Berhormat lihat di dalam buku ini, di Sabah dan Sarawak saya hendak baca supaya kita faham. Orang pun tanya kenapa di Sabah dan Sarawak boleh, di sini tidak boleh. Ini saya katakan satu provokasi yang cukup ekstrem untuk menjahanamkan perpaduan di negara kita. Di Sabah dan Sarawak, *John Travel White had come to Borneo in the 1930s*. Sejak tahun 1930-an *and have a missionary for the Borneo event mission. First at Ranau then at Taginambo* iaitu di Sabah dan Sarawak agama Kristian telah dikembangkan dan mereka menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca dan dalam *church* pun mereka menggunakan kalimah Allah. Tidak ada hal bahkan di Sabah, di satu *church evangelical* di Long Pasia, tiap-tiap kali Krismas mereka akan menjemput orang Islam untuk sama-sama makan kenduri. Tidak ada masalah. *Why now?* Saya katakan tadi kenapa sekarang?...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Ya, sila.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Ini tidak mahu ganggu *floor* Yang Berhormat cuma tadi *statement* dari Helen yang pemimpin PAS dan sebagainya kalau boleh bagi saya petikan itu kalau bukan sekarang pun di luar pun okey sebab kalau kita tengok Helen banyak sangat dia punya artikel. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Saya yang sebenarnya saya tengok sahabat-sahabat saya pun menyebut perkataan-perkataan itu supaya kita lebih terang. Sahabat saya pun Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan telah pun berjumpa saya semalam untuk mendapatkan butir-butir buku. Yang Berhormat, saya sudah sediakan nama-nama buku bahkan saya hendak mencadangkan semua sahabat saya di sini tidak kira Islam, tidak Islam baca ketiga-tiga buku ini bahkan saya minta semua orang Malaysia Melayukah, Cinakah baca buku ini supaya kita jelas, supaya kita faham.

Tuan Yang di-Pertua, semua buku yang saya baca ini mengatakan ada satu *invisible hand* di peringkat global untuk menghancurkan negara Malaysia yang tercinta ini kerana ini satu-satunya negara yang tinggal yang masih aman, yang masih kukuh walaupun dicucuk, walaupun dihentam, dihasut, kita masih kekal. Ini sebuah negara Islam yang tinggal. Yang lain semua sudah jahanam dan saya katakan tadi kalau pemimpin yang saya katakan tadi dalam pakatan yang saya *quote* dua orang pemimpin dan juga Helen Ang berkata, saya hendak sambung dengan buku ini untuk memperkukuhkan. Buku ini mengatakan, "*World evangelization was brought formally into the US political and economic power complex which give access to virtually unlimited funding*". Faham ya? *Evangelical* yang saya kata satu agama Yahudi-Nasrani, *combination*, dicantum. Apakah yang dikatakan *Zionist connection*? "*Zionist connection partly because of this Americanization evangelical Christian politics became even more strongly identified with Zionist course and the politic of the Middle East. Above all, there is considerable Judo-Christian collaboration on the question of handling Muslims...*" Faham ya?

Yang saya hendak katakan inilah kita terperangkap dalam suasana global di mana diterajui oleh Zionisme untuk menjahanamkan kita termasuk negara Malaysia iaitu *Muslim world who are mostly legally engaged. Last sentence* dalam buku ini saya hendak *quote the business of converting Muslim has become the fastest growing branch of the evangelical movement*. Orang-orang Islam tidak kira apa parti, dengar betul-betul. Buku ini ditulis oleh 'Orang Putih'. Ini bukan orang Melayu tulis, bukan orang Islam tulis. *The last statement and deception, is the essence of the task*.

Gerakan ini menggunakan konsep *deception*. Beliau mengatakan *deception* digunakan untuk menjalankan dan buka *vocabulary deception*, maksudnya tipu muslihat dan hasutan. Itu sebab seorang 'Orang Putih' lagi tulis *the art of deception*. Buku ini bercakap tentang *deception*, tipu muslihat dan hasutan. Buku ini juga cakap *the art of deception*. Cara-cara dan cara yang termasuk dalam semua buku ini mengatakan, di Malaysia ini kamu buatlah untuk memastikan orang Islam berpecah-belah, orang Islam dan bukan Islam bergaduh bahkan kamu murtadkan mereka, pesongkan mereka bahkan kamu boleh masuk dalam masjid pakai tudungkah, pakai jubah, berlagak macam orang Islam.

Begitu juga perempuan-perempuannya berlagak macam orang Islam tetapi akhirnya *you must declare that Jesus is the savior, not Prophet Muhammad*. Orang Melayu sendiri. Maka tidak hairanlah saya baca dalam *blog* beberapa orang gadis Islam yang telah *join party* tersebut mengatakan bahawa walaupun kami dalam parti ini yang saya katakan parti proksi Yahudi tadi, iman kami lebih kuat daripada semua parti lain. Maksudnya mereka sanggup bercakap demikian.

Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya menegaskan inilah yang menyebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil tindakan supaya kita mengekalkan Akta Hasutan ini kerana pada hari ini suasana cukup berbahaya.

#### ■1220

Suasana cukup menakutkan kalau kita tidak berhati-hati, kita terjebak dengan hasutan-hasutan daripada pihak-pihak tadi sama ada dalam ataupun luar. Kita dan saya bimbang kita akan menghadapi satu suasana hidup yang cukup menakutkan.

Buku ini juga saya hendak bercakap daripada segi ada satu perkara yang saya hendak kaitkan. Satu lagi cara bukan sahaja daripada segi memurtadkan orang-orang Islam, untuk pengetahuan di Indonesia mereka telah berjaya, dalam buku ini banyak kes di Indonesia, di kampung 100% orang Islam tiba-tiba diletakkan *cross*, tiba-tiba diletakkan *church* tidak ada kena-mengena pun. *Why only now?* Akhirnya di Indonesia, 2 juta orang Islam berjaya dimurtadkan tiap-tiap tahun, 2 juta orang.

Jadi di sini kami bimbang. Persoalan saya apakah itu merupakan kegiatan agama ataupun satu provokasi? Kalau sekiranya mereka mendirikan sebuah *church*, meletakkan sebuah *cross* di dalam satu kawasan 100% Melayu, ini agama kah atau provokasi kalau tiba-tiba mereka mengeluarkan fatwa kalimah Allah boleh digunakan. Dahulu tidak pernah digunakan di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak tidak ada hal, *clear* saya sudah jelaskan tadi Sabah Sarawak tidak ada hal. So orang Sabah dan Sarawak jangan kecil hati, jangan bimbang, tidak ada kaitan.

Tiba-tiba di Semenanjung yang dahulu tidak pernah menggunakan kalimah Allah, pada hari ini pula mesti pakai kalimah "Allah". Agama atau provokasi? Jadi ini kita kena jelas. Fikir, kita sebagai manusia boleh berfikir kalau itu merupakan provokasi, buku ini kata jangan buat. Orang putih dia kata jangan buat kerana ini akan menghancurkan kamu sendiri, kamu akan bergaduh.

Contoh ini satu perkara yang cukup jelas dan cukup penting. Begitu juga perkataan-perkataan yang saya lihat pada hari ini bahkan dalam parti politik pun kita cukup ghairah untuk merosakkan pemikiran anak-anak melalui konsep *liberal plural*. Ini pun satu masalah. Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam buku ini mengatakan konsep *liberal plural* ini ialah satu konsep *to 'Americanize Islam'*, konsep *liberal plural*.

Konsep *liberal plural to content economic, politic and sosial of the Muslims*. Konsep liberal plural ini *is meant only for the Muslims*, faham? Pemikiran-pemikiran yang akhirnya...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Boleh saya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Ya boleh, sila.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat atas kebenaran. Saya mohon pandangan Yang Berhormat, kita akui ada beberapa serangan terhadap Islam hari ini dan kita dengar tadi Menteri menceritakan bahawa orang-orang yang terlibat dengan IS sebenarnya orang-orang yang tidak punya kefahaman Islam yang jelas.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat jika saya katakan hari ini, umat Islam perlu diberi penekanan, perlu diberi pendidikan Islam yang lebih lagi dan untuk menangani isu-isu yang seperti ini, ketidakfahaman ini liberal, proses Kristianisasi. Jadi kita perlu memantapkan lagi pendidikan Islam di kalangan anak-anak kita. Apa komen.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Ya, saya cukup setuju cadangan Yang Berhormat terutama pada hari ini kita menghadapi satu *confusion* kekeliruan di kalangan anak-anak muda kita. Yang Berhormat bacalah komen-komen daripada anak-anak gadis kita yang terlibat masuk parti politik yang saya katakan tadi, saya pun cukup bingung. Saya juga mengandaikan apa yang berlaku dalam IS pun perkara yang sama kerana pemahaman Islam mereka tidak jelas dan mereka telah *diconfuse* dengan banyak pemikiran-pemikiran yang bercanggah. Saya setuju.

Jadi saya katakan tadi dalam konsep *liberal plural* pun sama hinggakan pada hari ini murtad satu kes asbab buku ini kata *the Amidst of God, a study in militant Christianity. Militant Christianity* itu maksudnya *evangelical Christian*, bukan Kristian lain. Macam Kristian di kampung saya di Merlimau tidak ada hal. Kristian di Sabah, Sarawak tidak ada hal tetapi menjadi masalah *when Christianity* dalam buku ini mengatakan *it becomes strongly and increasingly evangelical*.

Itu masalah, di *court* di Singapura dikatakan tidak ada hal Singapura Kristian tetapi *it becomes a problem when that religion become strongly and increasingly evangelical*. Hinggakan dikatakan majoriti of *Members of Parliament* dalam negara itu sekarang ini Kristian *evangelical*, ini disokong pula dengan Helen Ang dan Helen Ang kalau Ahli Yang Berhormat rajin baca, Helen Ang kata, "*Orang Melayu jangan marah sama orang Cina*".

Ini Helen Ang cakap. Ahli Yang Berhormat rajin, buka [helenang.wordpress.com](http://helenang.wordpress.com). Orang Melayu jangan marah sama orang Cina, orang Melayu kena marah orang Cina Kristian *evangelical*. Ini satu lagi perkara yang Ahli Yang Berhormat kena faham kerana apabila menjadi Kristian *evangelical*, satu trend baru pada hari ini, satu agama yang meng*combine* antara fahaman Yahudi dan Kristian.

Itu sebabnya Surah Al-Baqarah ayat 120, orang-orang Yahudi dan Nasrani- iaitu apabila Yahudi dan Nasrani mereka bersekongkol, bukan orang Yahudi atau Nasrani. Quran pun sudah menurunkan ayat itu melebihi 1,000 tahun, orang Yahudi dan Nasrani maka *confirm* pada hari ini apabila mereka bersekongkol, *the Zionist connection* matlamat mereka ialah untuk menjahanamkan Islam di seluruh pelosok dunia. Mereka mencucuk, mereka menghasut akhirnya buku ini mengatakan, *the whole world will witch war on Islam*. Bukan sahaja orang *evangelical* bahkan dicucuk orang lain, dicucuknya Myanmar, dicucuknya Thailand, dicucuknya India, dicucuknya *everybody* dan Islam *will slowly disappear unless Islam converts itself*. Itu daripada segi murtad.

Daripada segi liberalisme pula, *liberal plural* sama juga. Lemahkan pegangan agama mereka, lemahkan pemikiran mereka, jahanamkan pegangan agama mereka, maka kita menerima benda-benda yang bercanggah dengan agama. Liwat boleh, zina dengan bini orang boleh, zina dengan *pros* Siam boleh, zina dengan *pros* Cina boleh, sebab itu hak asasi manusia. Berzina dengan *pros* kita pun syok, *pros* pun syok sebab dia dapat bayaran. Bukan dua-dua jadi sebab itu hak asasi. Itu pemikiran *liberal plural* kerana konsep *liberal plural is meant only for the Muslims*.

Jadi ini Ahli Yang Berhormat sebab saya mencadangkan semua Ahli Yang Berhormat bahkan saya mencadangkan seluruh rakyat Malaysia membaca ketiga-tiga buku ini. Saya akan menyerahkan nama buku kepada Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah. Saya sudah janji bahkan semalam saya sudah bagi banyak pegawai bukan Melayu yang minta nama buku ini. Saya hendak bagi kepada semua buku ini tolong beli. Kalau Ahli Yang Berhormat serius untuk menjadi rakyat yang betul-betul kita bersaudara, memastikan *prosperity, stability, harmony*, memastikan hidup anak cucu cicit kita masih terbela dan tidak akan bergaduh, *please read this book*.

Tolong baca buku ini yang ditulis oleh orang putih, bukan Dato' Najib tulis, bukan orang Melayu tulis *then you understand*. Pentingnya Akta Hasutan kerana *the art of deception*, itulah *artnya* yang digunakan *The Christian Evangelical* menghasut, menipu dan memfitnah, mengadu domba supaya kita bergaduh sesama sendiri supaya Malaysia juga akan hancur seperti negara-negara lain khasnya negara-negara Islam kerana itulah yang dikehendaki oleh Zionis.

Apabila Islam hancur maka mereka boleh berbuat sesuka hati, mereka boleh membunuh lagi orang-orang Palestin yang tidak berdosa, mereka boleh menghancurkan al-Aqsa, bahkan mereka akan mengambil sedikit demi sedikit bumi-bumi di negara Arab kerana mereka percaya itu hak mereka.

#### ■1230

Saya pun tidak faham dan pada hari ini, saya rasa orang-orang bukan Melayu boleh baca artikel-artikel yang ditulis oleh Helen Ang. Orang-orang Melayu pula saya tak faham macam mana boleh kita membantu kumpulan-kumpulan yang menjalankan kerja-kerja yang ingin menjahanamkan Islam ini kita bersekongkol dengan mereka. Saya tidak faham. Terus terang Yang Berhormat, saya semasa arwahnyanya ada iaitu Tuan Guru Nik Aziz, saya telah menghadap beliau. Saya minta Tuan Guru bagi saya dua jam untuk menyampaikan taklimat cabaran-cabaran global yang dihadapi oleh agama Islam. Saya minta dua jam *free*, saya bagi *free* tiket kapal terbang tak payah bayar, hotel tak payah bayar, makan minum tak payah bayar. Bahkan saya buat susulan selepas itu sampai la pun saya tak pernah dijemput. Tujuan saya ikhlas supaya kita tidak bergaduh, supaya kita tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada empat minit lagi ya.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Ya. Supaya kita dapat mengekalkan keharmonian di negara kita ini. Maka Yang Berhormat, saya rasa dengan itu Akta Hasutan ini adalah cukup wajib, cukup penting. Percayalah cakap saya, tanpa Akta Hasutan ini orang lagi berani. Alangkan ada akta-akta yang masih dikekalkan, kita begitu berani apatah lagi ISA pun kita hapuskan, Akta Hasutan kita hapuskan, saya rasa negara kita akan hancur. Ini bukan kita bercakap daripada segi parti politik,

bukan bercakap daripada bangsa. Ini saya bercakap daripada segi anak cucu cicit kita. *Maintain* keharmonian negara kita ini, janganlah kita hancurkan negara kita yang begini aman. Inilah negara dalam dunia Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, satu-satu negara yang diiktiraf oleh dunia tidak kira negara maju mahupun negara Islam, satu-satunya negara yang cukup hebat. *Malaysia is the most sophisticated modern Muslim country in the world.* Ini satu pengiktirafan.

Semalam alhamdulillah Perdana Menteri telah diiktiraf mengetuai ASEAN. Banyak pengiktirafan diberi. Di luar sana, di luar negara orang memandang Malaysia sebuah negara yang cukup tinggi, yang terbaik yang begitu hebat tetapi dalam negara, kita sesama kita menghina pemimpin kita sendiri. Kita mengatakan kita yang paling teruk. Nak tahu teruk tak teruk, Yang Berhormat-Yang Berhormat pergilah ke kebanyakan negara di luar itu. Pergilah Cambodia, pergilah Vietnam, pergilah *African countries, have a look.* Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat faham, *not to mention the Middle East then you understand* apa makna teruk kah tak teruk. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong sepenuhnya pindaan Akta Hasutan ini. Sekian, terima kasih. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan sekarang Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam. Silakan Yang Berhormat.

**12.33 tgh.**

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Hasutan pada pagi ini. Saya menyokong rang undang-undang ini berasaskan kepada pelbagai keadaan dalam negara kita yang telah banyak kita perkatakan penuh dengan fitnah, hasut-menghasut yang boleh membawa perpecahan rakyat dan malapetaka kepada negara di masa akan datang. Banyak kawan kita telah pun menghuraikan dengan panjang lebar termasuk yang terakhir ini, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

Saya semalam balik ke Melaka masih lagi kita bincang mengapa negara kita hari ini penuh dengan fitnah, hasut-menghasut dan sebagainya. Kita pergi juga ke kelas mengaji agama, ustaz juga ditanya. Ustaz bagi tahu ada satu ketika zaman Sayidina Ali, seorang Arab tanya kepada Baginda mengapa bawah Tuan Sayidina Ali ataupun Baginda Sayidina Ali, hari ini negara kita huru-hara, banyak fitnah, hasut-menghasut, perpecahan dan pembunuhan. Kata Sayidina Ali, pada zaman Abu Bakar, Umar dan Usman mengikut Arab tadi tak berlaku.

Sayidina Ali kata, masa zaman Abu Bakar, Umar dan Usman tak berlaku demikian kerana dia ramai pemimpin dan rakyat seperti aku ini. Itu kata Sayidina Ali. Akan tetapi zaman aku ini kata Sayidina Ali, banyak pula rakyat dan pemimpin masa engkau. Suka fitnah, mengadu domba sehingga masyarakat Islam bergaduh sesama sendiri dan banyak berlaku pembunuhan dan malapetaka. Inilah yang telah berlaku dalam sejarah Islam.

Saya melihat sekarang negara kita juga sedang berada dalam satu keadaan kerenggangan antara kaum dan agama bahkan juga dalam masyarakat Islam sendiri berlaku kerenggangan yang begitu ketara sekali. Tidak ada persefahaman lagi di kalangan umat Islam dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama. Bahkan hukum hakam Islam itu jelas berpandukan Quran dan juga hadis dan di kalangan penduduk berbilang kaum pun begitu juga. Makin hari makin tebal isu-isu agama dan perkauman dimainkan seolah-olah negara kita tidak ada undang-undang yang boleh memuaskan hati semua pihak.

Dulu kita ada ISA tapi ramai berpendapat ISA ini telah salah digunakan. Akhirnya kita batalkan ISA, kita fikir batal ISA, suasana akan bertambah baik tapi nampaknya bawah OSA yang baru, tak juga jadi demikian. Kita juga berhasrat nak batalkan Akta Hasutan ini nak gantikan dengan Akta Harmoni tapi akhirnya kita melihat kalau batal pun Akta Hasutan ganti akta baru nama Akta Harmoni, kita nak bincang benda yang sama juga.

Sebab itulah akhirnya PM mengambil keputusan untuk membaiki Akta Hasutan dan inilah yang kita bincangkan. Saya berpendapat adalah lebih baik kita memperbaiki daripada kita merobohkan semua yang telah kita bina. Rumah yang kita bina ini dah kukuh, kalau ada yang rosak di dapur ke, di serambi itulah yang patut kita baiki bukan merobohkan kesemuanya sekali. Inilah yang sedang kita buat sekarang. Kerana itu saya percaya jika kita melihat asas-asas pembinaan negara bangsa masa merdeka dulu, kita telah ambil kira kedudukan orang Melayu, agama Islam, kaum-kaum yang lain dan agama-agama yang lain.

Sebab itulah kita setuju ada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan kini dipanggil Malaysia dan hasilnya kita telah dapat hidup dengan aman dan damai. Kita tahu kita ada Raja-Raja, kita hormati kedudukan agama Islam dan juga agama lain, kedudukan Bumiputera dalam bidang ekonomi, adat istiadat, tanah adat, pendidikan dan sebagainya dan semuanya terima dan negara dapat dibina dengan baik. Akan tetapi bila kita dah menjadi senang, semua dilupakan. Akhirnya berlaku Peristiwa Mei 69. Ramai yang mati dan terkorban akhirnya kita terpaksa berbaik-baik semula. Duduk balik bincang dalam Parlimen, Dewan Negara. Bina balik Dasar Ekonomi Baru. Hari ini semua dah menjadi lebih senang. Bila semua dah kaya, dah senang, semua dah lupa daratan.

Sejarah perjuangan, pengorbanan masa lepas telah dilupai dan akhirnya kita ini nak bergaduh balik ini dan saya percaya jika ini tidak dibendung, negara kita juga akan menjadi huru-hara. Masa kita lepas 13 Mei, kita tubuhkan sebuah gagasan namanya Rukun Negara supaya semua orang baca balik, kenang balik bagaimana kita bersatu padu masa merdeka dulu dengan kewujudan Kepercayaan kepada Tuhan sebagai asas yang patut kita kuatkan semula keyakinan kita. Yang kedua, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, Kesopanan dan Kesusilaan.

Saya fikir Rukun Negara ini patut kita semarakkan semula supaya kita kembali balik asas-asas bina negara bangsa semasa merdeka dulu.

▪ **1240**

Saya pergi Bosnia dalam Program Dunia Melayu, Dunia Islam. Orang Bosnia dulu duduk aman damai. Orang Islam ada, orang *Croat* ada, orang Kristian pun ada. Majoriti Islam lebih kurang 60%. Akan



tetapi kerana hasut-menghasut, akhirnya mereka lupa mereka telah hidup berkawan-kawan begitu lama. Suatu hari mereka bergaduh. Berlaku *ethnic cleansing*. Berpuluh ribu orang mati. Akan tetapi ke mana mereka hendak pergi selepas itu? Mereka, negaranya Bosnia Herzegovina. *Last* sekali terpaksa duduk balik. Yang membunuh, yang dibunuh, keluarga. Maka berpandangan balik. Dulu duduk sebelah rumah, sudah bunuh keluarganya, sekarang keluarganya dapat lihat bagaimana ibu bapanya dibunuh oleh kawannya di sebelah rumah, berlainan agama dan atas keinsafan, hari ini sudah bina balik negara Bosnia yang merdeka yang baru atas keruntuhan. Saya percaya sekarang ini mereka insaf. Akan tetapi tidak tahulah tahan berapa lama. Nanti mereka akan jumpa balik dan bergaduh balik.

Jadi dalam forum dan seminar antarabangsa kita...

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya, sila.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri dan Tuan Yang di-Pertua. Pada minggu yang lepas, hari Sabtu, saya buat program penyampaian BR1M kepada rakyat dalam Parlimen Batu. Yang hadir majoritinya orang-orang Cina yang mengambil BR1M. Akan tetapi yang agak malang kepada kita, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyanyikan lagu Negaraku, setengah daripada masyarakat Cina itu tidak bangun. Tidak menghormati lagu Negaraku. Itu satu. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Tan Sri, apakah sikap biadab sedemikian yang berlaku hari ini berpunca daripada hilangnya kerusi Parlimen, hilangnya kerusi dua per tiga di Parlimen kita bermula tahun 2008 sampai ke hari ini. Maka berlakulah sikap sedemikian rupa. Maka berlakulah perangai-perangai yang tidak senonoh yang selama ini tidak pernah kita lihat dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. Pihak-pihak ini bila mereka dapat kuasa, mereka mula rasa sombong dan bongkak. Ini yang berlaku semasa peristiwa 13 Mei. Kita kalah di Kuala Lumpur, kalah di Perak, kalah di Selangor. Dia dapat kuasa, dia berarak di Kuala Lumpur dan menghina atas nama bangsa. Ini yang menyebabkan berlaku pergaduhan 13 Mei. Jadi bila tahun 2008, mereka dapat kuasa yang lebih sedikit, mereka sudah naik bongkak dan sampai sekarang 2013. Ini kalau tidak kita kawal, dia akan menjadi lebih teruk bagi negara kita.

Sebab itu saya setuju supaya semua pihak kembali semula kepada asas-asas pembinaan negara bangsa, menghormati lambang negara. Misalnya seperti lagu Negaraku. Sepatutnya semua parti yang ada sekarang, bila mula dengan perhimpunan agung masing-masing, mulalah dengan lagu Negaraku. Kalau ada penyimpan-penyimpan rasmi, mula dengan lagu Negaraku.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Minta laluan. Yang Berhormat, minta laluan.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Dengan cara begini saya percaya kita boleh kembalikan semula semangat persefahaman ini. Ya, sila.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Saya mungkin kalau boleh hendak tanya pandangan Yang Berhormat ataupun mungkin kalau soalan itu boleh dimasukkan dalam perbahasan Yang Berhormat untuk dijawab oleh kementerian.

Apakah dalam Akta Hasutan, kita tahu bahawa mungkin tidak ada peruntukan khas kepada perkara-perkara yang menyentuh soal yang disebut oleh sahabat saya tadi, Yang Berhormat Datuk Yahaya berkenaan dengan perlakuan yang biadab yang tidak menghormati kepada simbol-simbol dan perlambangan-perlambangan negara.

Seperti mana tadi, lagu Negaraku, Jata Negara ataupun dalam konteks bendera yang pernah satu ketika berlaku pelbagai isu-isu yang menyentuh soal perlakuan-perlakuan biadab kepada perlambangan-perlambangan negara ini. Apakah kalau tidak ada dalam Akta Hasutan, perlu ditambah ataupun ada akta-akta lain dan rang undang-undang lain yang boleh diambil tindakan oleh pihak kementerian dan kerajaan dalam konteks ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh mencelah sedikit, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi yang hendak mencelah, Yang Berhormat.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Bolehlah.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tan Sri kerana memberi kepada saya mencelah sedikit. Berhubung dengan menghormati lagu Negaraku dan sebagainya, saya mengalami dan melihat hal-hal ini di kampung terutamanya apabila waktu pagi menghantar anak-anak ke sekolah dan kebetulan lagu Negaraku dinyanyikan. Anak-anak berbaris tegak, hormat tetapi ada kalangan ibu bapa yang tidak mempedulikan dan menghormati lagu Negaraku. Dia tidak berdiri tegak dan sebagainya.

Saya rasa fenomena ini boleh kita tengok di kawasan-kawasan yang saya sebut tadi di luar bandar dan sebagainya. Ini menampakkan kepada kita rakyat Malaysia tidak begitu prihatin dan juga tidak begitu memberi penghormatan kepada apa yang patut mereka lakukan. Jadi saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Tan Sri. Bagaimana patutnya kita bina balik perkara ini supaya semua orang memberi penghormatan kepada lagu kita dan negara kita. Ini merupakan satu identiti kepada bangsa kita dan negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju supaya perkara menghormati lagu Negaraku dan juga lambang-lambang negara dimasukkan sebagai satu perkara yang kalau tidak dihormati boleh diambil tindakan dalam pindaan Akta Hasutan ini. Macam kata Yang Berhormat Dato' Dr. Johari, kalau kita tidak menghormati lagu kebangsaan kita, siapakah lagi yang ingin menghormatinya? Begitu juga Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf hendak masukkan tadi tidak menghormati lambang-lambang negara dan juga perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan seperti kedudukan Raja-raja, kedudukan agama Islam, kedudukan agama lain, kedudukan ekonomi bumiputera termasuk yang bukan bumiputera, tanah adat bumiputera, penyelidikan dan sebagainya. Ini sudah ada dalam Perlembagaan. Kalau ada yang menghasut untuk menidakkan apa yang ada dalam Perlembagaan, yang ini juga patut dimasukkan melanggar Akta Hasutan.

Jika ini tidak kita kawal, sudah tentu satu hari negara kita akan jadi balik apa yang berlaku seperti 13 Mei yang lepas. Masa saya bincang di Bosnia pun begitu juga mereka ambil contoh apa yang berlaku di Malaysia dan sekarang, mereka sedang bina balik negara dan mereka bimbang satu hari nanti jadi

balik selepas itu sudah ramai orang mati, duduk balik dan bincang dalam Parlimen, dalam Dewan Negara bina balik satu keadaan baru. Jadi kalau begitu, dunia ini akan menjadi nerakalah bagi kita. Sebab itulah sejarah-sejarah yang lepas ini patut menjadi panduan dan tidak boleh dilupakan begitu sahaja. Sekarang ini kita melihat siber fitnah. Dulu Nabi pun pernah bersabda bahawa banyak fitnah akan berlaku menerusi lidah dan juga jari. Kita pun hairan juga lebih seribu tahun dahulu Nabi pun pernah sebut.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh bagi laluan, Tuan Yang di-Pertua?

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Tan Sri juga. Insiden berlaku di Bosnia atau di Egypt dan Iraq dan sebagainya sebagai cermin kepada kita. Saya hendak tanya kenapa ramai rakyat kita tidak berfikir seperti kita? Terima kasih.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih. Saya fikir banyak penghasutlah di kalangan ahli-ahli politik kerana hendak dapat kuasa terutama pihak pembangkanglah. Kalau berlaku, semua salah kerajaan. Kita ambil contoh berlaku peristiwa Medan yang baru ini. Patut salah ini salah Kerajaan Negeri Selangor, bukan? Biasa bila kita hendak pasang lambang, lambang agama atau lambang kedai, kita kena minta kebenaran daripada Majlis Perbandaran. Jadi bila sudah pasang, ada pula yang tidak setuju dan selepas itu tarik balik. Bukan salah kita, Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1250

Ini salah Kerajaan Negeri Selangor, tetapi Selangor tolak kepada kita. Sebab itu saya melihat apa yang berlaku di Taman Medan ini adalah salah Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran mereka sendiri. Kita tahu hidup kita ini berbilang kaum dan agama, kita mesti ada kajian sosiallah. Apa pandangan orang keliling kalau kita letak lambang begini. Ada tempat dia okey, macam contohlah di Melaka. Dekat Pulau Sebang depan masjid, sebelah tokong, kita okey. Apabila sembahyang tumpang *parking* tokong. Apabila tokong sembahyang tumpang *parking* masjid, boleh.

Akan tetapi ada tempat pula dia sensitif. Belakang ada rumah Melayu, depan ada gereja, letak lambang sensitif pula. Akan tetapi ada tempat, depan pun boleh belakang pun boleh. Gereja ada di hadapan, masjid ada di belakang atau sama-sama depan-depan boleh pula. Ini ada delat Melaka, Jalan Harmoni. Ada masjid, ada gereja, ada kuil dan ada tokong, boleh pula. Akan tetapi ada satu tempat tidak boleh pula. Jadi kerana itu kena tengok suasanalah.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, hendak minta penjelasan, belakang boleh depan boleh apa maksud sebenarnya itu? Saya tidak berapa hendak fahamlah.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Maksud saya depan ada masjid, belakang ada tokong. Kadang-kadang depan tokong, belakang masjid boleh, sesetengah tempat. Ada satu kes lagi itu, kes lain itu tidak masuk dalam perbincangan yang ini. Jadi kerana itu kes Taman Medan ini itu salah Kerajaan Negeri Selangor. Sepatutnya sebelum dia benarkan, dia kena kaji dahulu. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Tuan Yang di-Pertua, hendak minta mencelah? Yang Berhormat Tan Sri boleh celah? Saya begitu tertarik dengan ulasan Tan Sri ini di mana Tan Sri memberitahu tentang kes Taman Medan ini sebenarnya orang bertanggungjawab itu Kerajaan Negeri

Selangor. Saya hanya hendak memberitahu di sini ada dalam satu dua tahun kebelakangan ini, ada juga banyak kuil orang India yang telah dirobohkan oleh Majlis. Selepas itu terpaksa Kerajaan Persekutuan masuk, ambil campur tangan mendirikan balik kuil ini dan memberikan jaminan tidak akan dirobohkan. Ini semua berlaku di negeri Selangor. Apakah pendapat Tan Sri tentang ini?

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Kerajaan Negeri Selangor kalau dia yang buat tidak betul, suruhlah dia betulkan. Kalau kita betulkan, kita pun dapat nama baik dan mungkin juga nama tidak baik. Jadi kalau kes Selangor, kita kata Selangor selesaikanlah. Bincanglah dengan exco dia, Majlis Perbandaran, biar dia tangani, baik tidak baik. Kalau tidak, dia akan menuduh kita campur tangan. Inilah sebabnya dia orang ini semua buat, kita salah.

**Tuan Koh Chin Han:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak mencelahkah?

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Mereka semuanya betul.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat. Dekat belakang itu.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ini kena bagi sebab dekat di belakang ini [*Ketawa*]

**Tuan Koh Chin Han:** Ini tokong dekat belakang ini. Terima kasih Tan Sri. Pandangan saya, saya tidak nafikan ada pihak yang menghasut golongan muda untuk benci pada kerajaan begitu juga dengan pemimpin-pemimpin kita. Akan tetapi selalunya kita apabila kita berhadapan dengan rakyat, sering kali juga kita mengatakan bahawa rakyat kini berpendidikan lebih tinggi. Dia dapat membezakan yang baik dan buruk. Mata rakyat itu sekarang kalau dibandingkan dengan dahulu lebih terang lagi. Apa pandangan Tan Sri kalau saya kata kerajaan sama ada sini ataupun sana ada kelebihan dan kekurangannya. Kalau kekurangan itu dapat kita atasi dan kelebihan itu dapat kita teruskan maka kerajaan terutamanya Kerajaan Barisan Nasional pada PRU yang akan datang mendapat sokongan lebih lagi. Apakah pandangan Tan Sri?

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua saya setuju, kita ini tidak semuanya *complete*, dengan izin. Kerajaan kita ada kelebihan, ada juga kekurangan. Pihak pembangkang pun ada kelebihan dan kekurangan. Akan tetapi kalau diukur kedua-dua kerajaan kita BN lebih banyak kelebihan berbanding dengan pihak pembangkang [*Tepuk*] Dalam kes hasut-menghasut ini saya tengok pihak pembangkang yang lebih banyak menghasut. Kalau kita mengambil tindakan kepada mereka yang menghasut, dia kata kita tidak adil dan zalim.

Oleh sebab itu saya berpendapat sebagai ahli-ahli politik, kita mesti pegang kepada nilai-nilai kebenaran, ketelusan dan juga integriti. Kalau benda itu salah, tidak kiralah sama ada ia kena kepada pengikut kita ataupun penyokong kita, ia mesti salah. Jika ini dapat dilakukan, saya percaya negara kita boleh hidup dengan lebih aman dan damai. Kita berharap dalam Akta Hasutan ini perlu juga ada sumber-sumber pendidikan mendidik rakyat bagaimana untuk menghormati institusi-institusi seperti yang saya sebut tadi Perlembagaan Negara dan juga inti pati yang telah kita setujui bersama.

Ia perlu juga dimasukkan ke dalam sistem pendidikan negara. Apakah dia Perlembagaan Negara kita yang telah kita begini lama yang perlu kita hayati dan hormati bersama dan kita junjung termasuk

juga Rukun Negara. Akta Hasutan juga patut menjadi satu daripada kurikulum dalam sistem pendidikan negara kita termasuk juga POTA dan lain-lain supaya rakyat daripada muda dia memahami benda-benda yang baik dan yang tidak baik. Baru-baru ini saya tengok dalam internet, dia nyanyikan lagu, tetapi budak-budak kecil itu diajar membenci kerajaan kita, menuduh kerajaan menipu. GST kerajaan tipu dia. Mana boleh kita ajar anak-anak kita yang tadika, darjah satu dan darjah dua menyanyi lagu begini.

Semalam apabila saya buka lagi internet ada lagi gambar-gambar yang guna selipar pukul gambar pemimpin kita. Mana boleh begini. Ini kita mengajar rakyat berkelakuan tidak senonoh, amatlah tidak baik. Politik adalah politik. Akan tetapi mengapa guna politik cara begini? Ini bukan nilai-nilai Islam. Saya percaya agama lain pun tidak menggunakan nilai-nilai kotor begini. Oleh sebab itu perkara-perkara begini Tuan Yang di-Pertua perlu diberhentikan.

Saya hendak minta di samping kita buat undang-undang ini macam-macam, tetapi apakah tindakan kepada mereka yang menyalahgunakan ataupun melanggar undang-undang yang telah kita rumuskan di sini. Padahal kita sudah ada banyak undang-undang, tetapi pelaksanaannya masih lagi rendah. Oleh sebab itu kita perlu ada satu mahkamah khas untuk menghakimkan mereka yang melanggar Akta Hasutan dan sebagainya supaya dibicarakan dengan cepat, supaya ia menjadi satu pengajaran kepada orang lain.

Macam internet kita, mengapa tidak boleh kita kawal, mengapakah Singapura boleh? Orang menghina gambar-gambar ini semua boleh dikawal? Mengapakah kita tidak kawal? Walaupun kita bebas langit terbuka, tetapi gambar jelas menghina pemimpin. Macam tadi yang Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah tunjuk keluar dalam internet, semalam saya buka ada lagi ambil selipar pukul gambar pemimpin kita, mana boleh begini kita biarkan. Kita patut kawal benda-benda ini.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Yang Berhormat Tan Sri? Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Apabila sebut pasal mahkamah ini saya teringat cerita Alvin Tan. Alvin Tan ini dia ada kes mahkamah, tetapi dia minta passport untuk hendak keluar kerana soal perniagaan dan sebagainya. Apabila dia dapat passport, ini mahkamah punya hal pula. Bagi passport tidak tahulah, DPP bersetuju, dia bawa passport itu keluar, itu yang dia menghina kita sampai sekarang. Kalau sebut Mahkamah Khas atau mahkamah yang sedia ada Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mahkamah pun perlu rasa macam kita juga, prihatin. Ini supaya jangan berlaku perkara itulah, jangan bagi. Kalau ada kes yang sedang *pending* janganlah lepas passport. Itu yang menyebabkan orang ini keluar, kes-kes jenayah ini tidak perlulah diberikan passport. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, waktu sekarang tepat pukul satu tengah hari. Yang Berhormat boleh sambung lagi sebelah petang selama tiga minit.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak habis. Saya sokong tadi tahan passport Alvin Tan ini dan tarik balik pasportnya supaya beliau tidak boleh pergi ke luar negara dengan tindakan tegas. Dengan ini saya menyokong Akta Hasutan untuk dipinda. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita sambung sebelah petang nanti dengan pembahas yang seterusnya. Terima kasih Yang Berhormat.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sekarang kita sambung semula perbahasan kita, sekarang ini yang terakhir, Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, sambung Yang Berhormat. Dah habis?... *[Disampuk]* Mengikut seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Puan Shahanim.

**2.34 ptg.**

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim... [Berucap dalam bahasa Arab]*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana memberi ruang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015 di dalam Dewan Negara yang mulia ini. Kalau kita lihat pindaan Akta Hasutan 1948, selepas kali terakhir ia dipinda pada 40 tahun yang lalu pada tahun 1975 di mana usia saya ketika itu dua tahun.

Secara ringkasnya Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015 tidak mengubah perkara yang berkaitan hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan dan prerogatif yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan pada Bahagian III berkaitan kewarganegaraan dan Perkara 152 berkaitan isu bahasa kebangsaan. Ia juga tidak mengubah Perkara 153 membabitkan rizab kuota perkhidmatan, permit dan sebagainya kepada orang Melayu serta bumiputera termasuk Perkara 181 yang menyentuh kedaulatan Raja-Raja. Sebaliknya pindaan ini memasukkan peruntukan khusus untuk melindungi kesucian agama Islam dan agama lain daripada sebarang bentuk penghinaan.

Tuan Yang di-Pertua, elemen hasutan yang disebar melalui internet, media sosial atau sebarang platform turut termuat dalam pindaan kali ini. Maksudnya kali ini mereka seperti Alvin tidak akan terlepas. Tuan Yang di-Pertua, Alvin sekali lagi pada tarikh 27 April jam 6.23 petang telah mengeluarkan satu kenyataan menghina kaum India. Pada tarikh 27 April iaitu kelmarin yang masanya 6.23 petang, Alvin telah menulis dengan izin, *"If you don't rob, rape, kill or are not generally unreasonable, you are not a Paria. Do you people know what Paria means in my dictionary?"* Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya pada hari ini, sekali lagi Alvin bukan setakat mencuit hati dan mengguris perasaan umat Islam di Malaysia tetapi pada hari ini lapan jam yang lalu, Alvin Tan telah menghina, mengeji umat Islam dengan menterjemahkan ayat suci al-Quran dengan olahan terjemahan beliau sendiri yang amat-amat menghina orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya malas hendak baca dalam *Facebooknya* terlalu panjang tetapi yang dihinanya ialah Surah An-Nisa, ayat 34 dengan dia sendiri yang buat terjemahan. Bagi umat Islam, al-Quran ialah kitab yang paling suci dan selama, sepanjang umur saya 42 tahun tidak pernah lagi saya mendengar seseorang yang bukan Islam menghina sebegini rupa. Saya faham dan yakin sahabat-

sahabat Yang Berhormat yang lain turut ada kitab masing-masing. Sebelum ini tidak pernah ada penghinaan tetapi pada hari ini Alvin telah menterjemah, mengolah, menghina ayat suci al-Quran.

Jadi bagi saya, dengan adanya Akta Hasutan ini saya amat berharap kerana rata-rata rakyat Malaysia termasuk mufti-mufti di negeri-negeri memohon supaya Kerajaan Malaysia iaitu pihak KDN untuk mencari Alvin Tan sehingga ke lubang cacing. Soalan saya kepada KDN, adakah KDN bercadang untuk membuat proses ekstradisi kepada Alvin untuk membawa balik beliau ke Malaysia kerana hari ini Alvin bangga dengan hinaannya, masa dia azan itu, penonton-penonton seramai sejuta orang yang melihat *Facebook* beliau.

Di sini juga saya hendak mohon SKMM, takkan kita tidak boleh *block* dia daripada rakyat Malaysia tengok. Dia hina sepanjang hari, tiap-tiap hari, memang menyakitkan hati saya. Lagi saya tengok, lagi saya sakit hati. Bukan sahaja umat Islam, hari ini dia sebut paria dan macam-macam. Jadi, saya mengharapkan si Alvin Tan ini yang mana kita dah tersalah bagi pasport kepada dia dan dia dah merantau ke US. Maka kesilapan yang kedua saya harap KDN tidak ulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, saya tengok bila Alvin main piano, selepas itu dia hina. Kenapakah kita hendak marah dia? Dia main piano sambil azan sedangkan dia kata, tengok dalam Islam ada muzik juga sambil berzikir.

#### ■1440

Apa yang saya tersentuh hati pun ada juga. Sebenarnya dalam kalimah Islam, apabila dia azan, dia ada menyebut... [*Mengucap dua kalimah syahadah*] "*Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad itu Pesuruh Allah*". Itu kalimah Allah yang paling suci bagi umat Islam. Akan tetapi, cara yang dia buat adalah amat menghina umat Islam di Malaysia. Namun begitu dari hati kecil saya, saya hanya mampu berdoa mana tahu suatu hari Alvin Tan ini diberikan petunjuk dan hidayah disebabkan kalimah-kalimah Allah yang telah dibacanya. Apa yang saya risau Tuan Yang di-Pertua, hinaan dan kutukan Alvin Tan ini akan menimbulkan punca dan bibit-bibit perpecahan, perbalahan dan pergaduhan kerana sejajar dengan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi sebelum ini bahawa penambahbaikan tiga seksyen Akta Hasutan bertujuan memastikan keamanan, keharmonian kaum dapat terus dijaga serta dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pindaan Akta Hasutan kali ini menggugurkan peruntukan yang melarang kritikan terhadap kerajaan, sekali gus menafikan dakwaan pembangkang yang sering menuduh akta itu digunakan untuk menekan mereka. Apa yang saya faham di bawah akta ini, kita boleh mengkritik kerajaan, ada kritikan membina dan ada kritikan yang tidak membina dan sebagainya. Akan tetapi, kalau kita kritik sistem pemerintahan kerajaan yang ditubuhkan melalui proses pilihan raya ini, itu yang boleh diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan ini, saya melihat ia juga menggambarkan sikap ketelusan kerajaan. Namun apa yang pasti, menerusi pindaan kali ini, saya melihat penalti lebih tinggi akan dikenakan terhadap mereka yang terbukti bersalah kerana menghasut dan mengakibatkan kecederaan kepada anggota badan serta harta benda. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf. Saya terpaksa

menceritakan apa yang terjadi pada tanggal 6 Ogos 2014 apabila saya melihat dalam *Facebook* "*Chandra - Lawan Tetap Lawan*" memuat turun gambar dan menyunting gambar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dengan keadaan kemalangan yang sangat mengerikan dengan usus perut yang terbuka dengan kepalanya yang pecah, berdarah.

Jadi, apabila saya rasa tersentuh hati, saya dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi telah ke balai polis. Saya ke Balai Polis Dang Wangi dan mengambil masa lebih kurang tiga jam setengah, saya tunggu hendak membuat laporan polis. Semasa itu, saya ada menelefon kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim selaku Presiden Majlis Senator Malaysia, untuk saya tanya, "*Tan Sri, perlukah saya membuat repot polis ini mewakili Majlis Senator Malaysia?*", Tan Sri kata "*Boleh*". Jadi hakikatnya pada hari ini, Majlis Senator Malaysia telah membuat laporan kepada, "*Chandra - Lawan Tetap Lawan.*" Akan tetapi yang saya hairan sekali, kenapa "*Chandra - Lawan Tetap Lawan.*" telah dilepaskan dengan begitu sahaja? Jadi kalau ada akta ini, sesiapa yang menghina agama, menghina, mengkritik, mengeji, tidak ada tindakan, tidak ada makna. Sepatutnya Menteri di kementerian yang terbabit memang kena perlu tegas. Tidak guna ada Akta Hasutan tetapi tidak ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya bimbangkan adalah, ini membawa ketidakstabilan negara serta mengugut keharmonian rakyat Malaysia serta boleh menjadi bibit perpecahan kaum. Namun, apabila saya tengok dalam *Facebook* "*Chandra - Lawan Tetap Lawan.*" telah dilepaskan, dengan bangganya dia menghina kerajaan, dia telah dilepaskan. Sekali lagi saya menegaskan, dengan pindaan Akta Hasutan ini, kes sebegini seharusnya kita tidak boleh lepaskan lagi. Justeru, saya berharap agar semua pihak dapat berfikiran rasional, faham dan sedar akan kewajaran Akta Hasutan dikekalkan serta pindaan yang dibuat. Namun begitu, ia sama sekali bukan bertujuan menyekat kebebasan bersuara atau mengeluarkan pendapat, sebaliknya Akta Hasutan ini memandu kita untuk menjaga sensitiviti masyarakat berbilang kaum serta agama di negara ini.

Sebelum saya akhiri perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf andai ada sesiapa Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini tersentuh hati atau tergores perasan dengan apa yang saya akan ceritakan sedikit. Saya hendak menyentuh sejarah yang ke belakang sedikit. Apabila saya kata moyang saya datang dari China Tuan Yang di-Pertua, kata-kata moyang saya- pada masa itu saya berusia 12 tahun. Moyang saya datang ke Malaysia, dibawa oleh British untuk bekerja di Malaysia. Moyang saya memang orang Cina, dan yang selalu beliau beri nasihat kepada mak saya, kepada anak beliau iaitu- saya sebagai cicit, mak saya dan nenek saya, saya masih ingat sampai hari ini iaitu,

*"Kita ini kaum pendatang,  
Baik-baik di negara orang,  
Jangan sampai orang tidak pandang,  
Hiduplah penuh dengan berkasih sayang."*

Jadi kata-kata ini saya ingat sampai ke hari ini yang mana ini saya minta Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah perbetulkan saya kalau saya tersilap. Bukan moyang saya sahaja cerita tetapi cikgu Sejarah saya juga bercerita, saya ringkaskan. Jadi moyang saya bercerita,



selepas Tanah Melayu hendak mendapatkan kemerdekaan dan sudah dapat kemerdekaan, British telah memanggil masyarakat Cina dan menawarkan untuk rakyat Cina kembali ke negara China. Akan tetapi kerajaan China yang berideologi Komunis tidak mahu menerima rakyat Cina pada masa Tanah Melayu mendapat kemerdekaan, dan British telah memanggil kaum India, kaum Cina. Jadi apa yang British katakan, "*Sekarang Tanah Melayu sudah merdeka. Rakyat India boleh pulang ke India tetapi rakyat Cina tidak boleh pulang kerana negara China tidak menerima rakyat Cina*".

Jadi di sinilah saya hendak maklumkan, saya ringkaskan, itulah kebaikan pemimpin negara kita iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang mana beliau telah menawarkan - walaupun British menawarkan kepada masyarakat Cina dan India, kalau tidak mahu pulang ke negara masing-masing, boleh mengikut pihak British ke negara jajahan mereka. Akan tetapi Tunku Abdul Rahman telah memberi satu tawaran kepada masyarakat Cina dan India yang mana Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj kata, "*Kepada orang India dan Cina, kalau tidak mahu balik ke negara masing-masing, mudah. Saya boleh bagi IC biru ini tetapi hendaklah menghormati:*

- (i) *agama Islam sebagai agama rasmi;*
- (ii) *hak keistimewaan orang Melayu;*
- (iii) *kedaulatan Raja-Raja Melayu; dan,*
- (iv) *Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan*".

Itulah kasih sayang seorang pemimpin Melayu yang telah menawarkan kepada masyarakat India, masyarakat Cina untuk bersama-sama duduk di dalam negara Malaysia iaitu Tanah Melayu yang pada hari ini saya mengharapkan Alvin Tan diambil tindakan yang tegas. Ini kerana saya yakin dan percaya, dengan sejuta orang yang melihat *Facebook* Alvin Tan, sebagai anak muda yang mentah, dalam hati pasti mereka akan kata, "*Eh! Boleh pula*". Sila.

**Tuan Koh Chin Han:** Saya cuma hendak tanya, yang ditujukan kepada kaum-kaum Cina atau India ini ditujukan kepada siapa? Kalau ditujukan kepada Alvin Tan, memang saya bersetujulah. Kalau cuma Alvin Tan itu, biar sebut Alvin Tan sahajalah. Alvin Tan ini pada pendapat saya, dia hendak glamor. Kalau kita terlalu banyak masa kita tumpukan kepada dia yang hendak glamor, maka dia suka hatilah. Sekarang ini di Dewan ini, setiap hari kita sebut Alvin Tan. Dia gelak di Amerika itu. Itu pendapat saya. Akan tetapi yang Cina ini dulu kita boleh, katalah waktu 100 tahun yang lepas memang pendatang. Akan tetapi yang Cina macam saya, Cina yang duduk dalam Dewan ini, India yang duduk dalam Dewan ini, semua bukan lagi pendatang. Pendapat saya, kalau pendatang tidak akan lantik sebagai Senator duduk dekat sini. Terima kasih.

#### ■1450

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kemungkinan Yang Berhormat ada masuk lewat sikit. Saya bercerita tentang Alvin, bukan kerana azan yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat semua. Alvin telah mengeluarkan kenyataannya kelmarin dan juga hari ini menghina kitab suci Al-Quranul Karim sebuah kitab yang amat suci kepada umat Islam.

Keduanya, saya bukan hendak mengatakan kaum Cina atau kaum India pendatang, moyang saya berceritakan sejarah kepada saya yang kata-katanya menasihati anak cucu beliau dengan ayatnya yang saya ingat sampai ke hari ini, "kita ini kaum pendatang, baik-baik di negara orang. Jangan sampai orang tidak pandang, hiduolah dengan penuh kasih sayang". Itu yang diceritakan kepada saya. Jadi, terpulang kepada diri masing-masing dan saya hendak katakan di sini semasa- saya ulang lagi sekali ya Yang Berhormat. Semasa Tunku Abdul Rahman hendak memberi IC...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh beri laluan?

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Boleh, silakan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Saya fikir yang Akta Hasutan ini tidak akan kekalkan. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang ucapan tadi? Oleh sebab apabila *you* Yang Berhormat sentuh pendatang, ada orang celah dan berniat yang baik hendak betulkan, kemungkinan kesilapan *your slip of tongue*. Jadi, kalau Yang Berhormat sebut kali kedua, memanglah tidak patut. Adakah akta itu boleh diambil ke atas Yang Berhormat? Oleh sebab Yang Berhormat sudah sentuh isu tentang perkauman, yang ini sekarang sangatlah membimbangkan negara kita. Kalau Yang Berhormat sebut perkataan-perkataan begitu di Dewan yang mulia ini, apa kita berharap pada orang di luar, orang muda di luar? Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, saya tidak habis lagi hendak bagi penerangan. Itu kata moyang saya pada tahun 1957, kita merdeka. Kita merdeka tahun 1957. Itu yang diceritakan kepada kita. Akan tetapi pada hari ini *alhamdulillah*, dengan kasih sayang Kerajaan Malaysia saya bersetuju...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh beri laluan lagi? Yang Berhormat kata, nenek moyang yang kata. Nenek moyang yang kata.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Moyang saya yang kata.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Ya, apa yang moyang kata itu memang mungkin betul pada masa dulu. Pada generasi kita sekarang, saya lahir di Malaysia, Malaysia ialah negara saya. Itu tidak yang mana-mana pihak boleh nafikan, okey? Boleh pandangan Yang Berhormat.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Saya belum habis lagi Yang Berhormat. Saya belum habis lagi, saya bercerita itu tahun 1957. Sekarang ini saya pun faham, di atas kasih sayang Kerajaan Malaysia, semua kita ada IC Warganegara Malaysia dan dilahirkan di Malaysia. Saya cuma menceritakan tentang pendatang di mana saya ada dengar Yang Berhormat Sim menyebut semasa perbincangan tentang pendatang. Saya cuma bercerita apa yang moyang saya cerita masa merdeka, masa diberi IC biru itu, itu sahaja. Saya hendak ulang balik sejarah dan saya rasa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa jangan kita terlalu apa sangat dalam perkara ini. Saya ada mengikuti daripada awal tadi, Yang Berhormat ini menceritakan sejarah hidup dia, latar belakang dia dan angkut-angkut itu dia tidak mengatakan sekarang. Perkara ini perkara dia sendiri mengalami, kita terima hakikat itu. Setakat ini Yang Berhormat, cuba kurangkan menggunakan perkataan itu dan teruskan ucapan Yang Berhormat.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, apabila saya lahir di Sungai Petani, terus terang saya kata celik-celik mata, kiri kanan saya, saya bersekolah di Sekolah Convent. Di Sekolah Convent, memang pelbagai kaum dan sahabat terbaik saya adalah orang Cina, masyarakat Cina. Saya tidak mempunyai masalah langsung, guru kesayangan saya daripada orang India. Saya tidak mempunyai masalah langsung sebab saya kerja di Maybank pun bercampur dengan masyarakat India dan Cina. Cuma pada hari ini yang saya hendak tekankan tentang Alvin Tan. Kalau ada manusia seperti Alvin Tan ini yang berterusan dan kita tidak ambil tindakan, apa yang saya bimbangkan akan bermulalah bibit perpecahan perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian walaupun segelintir pihak, terutama pemimpin pembangkang, menolak Akta Hasutan dikekalkan, sebenarnya sudah terbukti ia adalah antara undang-undang pencegahan paling relevan untuk memastikan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian kaum dapat dikekalkan di negara ini. Dengan itu, saya pohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor untuk berbahas. Silakan Yang Berhormat.

**4.56 ptg.**

**Laksamana (B) Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mulakan dengan satu pantun Tuan Yang di-Pertua.

*Buah cempedak di tepi pagar,  
Ambil galah tolong jolokkan,  
Saya Senator baru belajar,  
Kalau salah tolong tunjukkan.*

Jangan jolokkan, tolong tunjukkan [*Ketawa*] Jadi, berbalik kepada undang-undang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Akta Hasutan, pindaan Hasutan.

**Laksamana (B) Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor:** Pindaan Akta Hasutan 1988 ini. Saya teruslah dengan senario aspek keselamatan sejagat dan juga ancaman kepada negara kita. Banyak telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan terdahulu. Memanglah kehancuran ataupun keamanan negara bukan sahaja tergugat oleh ancaman serangan musuh luar tetapi juga ancaman dalaman yang merupakan faktor yang lebih berbahaya dan amat sulit ditangani. Jadi, ancaman dalaman ini sering digunakan sebagai satu *modus operandi*, dengan izin, yang utama oleh musuh negara. Untuk mewujudkan porak-peranda dan kacau-bilau dalam negara kita, cara mereka menghasut rakyat untuk membenci pemerintah. Menghasut satu bangsa, membenci bangsa yang lain. Menghasut penganut agama, memperlekehkan penganut agama yang lain. Menghasut budaya kaum, mempersendakan budaya kaum lain. Jadi, ada banyak lagi strategi hasutan yang digunakan untuk melemahkan perpaduan dan kekuatan negara kita yang dicintai.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masanya tepat dan masanya telah sampai kita wujudkan satu pindaan Akta Hasutan kerana beberapa kejadian yang mengganggu-gugat kestabilan, keamanan dan juga keselamatan negara. Jadi saya lihat, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Dalam Negeri kerana telah mewujudkan satu pindaan dan bersungguh-sungguh mencadangkan supaya Akta Hasutan 1988 ini dikekalkan. Saya rasa ia adalah relevan untuk menangani segala cabaran dan hambatan yang sedang kita lalui buat masa sekarang.

■1500

Saya rasa ini adalah satu, mohon izin, *enable* kaedah pemangkin untuk anggota pasukan keselamatan melaksanakan tugas dengan cemerlang. Ini kerana mereka kalau saya bagi contoh, kalau tidak ada satu-satu perundangan, kalau tidak ada satu kaedah yang boleh mereka melaksanakan tugas dengan cemerlang, jadi itulah menjadi satu keadaan atau pun situasi yang tidak tepat.

Jadi saya juga mengalu-alukan fasal 3, sub fasal A(iii) ringkasnya iaitu dibenarkan untuk kita mengkritik atau membuat komen-komen yang membina kepada kerajaan. Jadi inilah satu perubahan, satu cara luar kotak yang telah pun diberi kepada rakyat jelata atau pun ahli-ahli politik untuk menyuarakan kerana inilah yang kita hendak supaya kerajaan ini boleh melaksanakan transformasi yang telah pun diumumkan atau pun telah pun dipraktikkan dalam masa terdekat ini.

Jadi apa yang saya hendak juga mengajukan soalan kepada kementerian kerana kita dapati untuk melakukan keadilan. Jadi nampaknya pihak kementerian sudah masukkan dalam pencadangan penubuhan Akta Pencegahan Pengganas (POTA) ada lembaga yang menentukan. Jadi dalam ini apabila kita hendak berbincang atau hendak memastikan sama ada satu-satu perkataan itu, satu-satu pembuatan itu adalah pembuatan yang menghasut. Ini kerana kita hendak pastikan yang hasut itu ada niatnya menghasut dan juga perbuatan menghasut.

Jadi, kemungkinan kementerian telah memikirkan sama ada kita wujudkan satu proses di kementerian sebelum dibawa ke mahkamah. Jadi kemungkinan ini akan menidakkan persepsi mereka-mereka yang menyatakan pindaan kepada Akta Hasutan 1948 ini satu akta yang *draconian* dengan izin, yang zalim. Jadi inilah saya rasa kita menghadapinya dengan persepsi di mana mungkin kalau kita tidak memperhalusi dan memberi peluang dan ruang untuk ia adil dan saksama maka kita boleh menentu dan memastikan yang itu kata-kata hasutan, pembuatan hasutan dan sebagainya.

Jadi saya hendak cadangkan juga iaitu kita terutama negara Malaysia, kita harus melihat kepada pendekatan holistik. Jadi saya hendak cadangkan supaya kita wujudkan satu perancangan strategik untuk menangani hasutan daripada pihak awam dan juga negara di sini.

- (i) saya cadangkan untuk kita meningkatkan usaha perpaduan di kalangan rakyat Malaysia berpaksikan kepada Rukun Negara telah pun disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam tadi bagaimana Rukun Negara boleh menyatupadukan rakyat Malaysia;

- (ii) membudayakan dan memperkasakan nilai-nilai yang bertamadun iaitu masyarakat sivil, *the civil society*, dengan izin, terutama sifat kesukarelawanan juga telah dibangkitkan dalam perbincangan itu;
- (iii) membudaya dan memperkasakan dan mengaplikasikan kesederhanaan dengan izin, *wasatiyyah*. Jadi ini pun saya rasa adalah usaha-usaha kerajaan ke arah mencapai kesederhanaan; dan
- (iv) memupuk kesedaran bahayanya hasutan di kalangan rakyat dan di sekolah-sekolah iaitu yang pagi tadi kita dengar sebagai inisiatif kementerian untuk turun ke padang dan memberi kesedaran dan juga memantapkan pendidikan agama dan moral.

Tadi daripada perancangan strategik, ini untuk mengoperasikan undang-undang kerana tidak guna kita terlalu taksud dengan banyak undang-undang. Segala undang-undang tidak dapat kita guna pakai dengan berkesan atau efektif. Ini yang kita hendak buat pengukuran kerana apa sahaja undang-undang di negara ini harus berkesan dan efektif, adil dan saksama.

Jadi saya rasa untuk mengoperasikan undang-undang ini saya cadangkan kita wujudkan satu rangkaian *network centric*, dengan izin, di bawah Majlis Keselamatan Negara. Jadi kita nampak tadi dalam Malaysia ini kita sungguh mirip dengan bekerja secara silo, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana kementerian akan menggubal dasar dan juga mempunyai agensi-agensi penguat kuasa. Jadi sekarang ini saya hendak cadangkan supaya kita angkat lagi tinggi di bawah Majlis Keselamatan Negara kerana kita mempunyai- harus satu badan koordinasi yang mantap di bawah MKN di mana kita boleh memonitor, menjejaki komunikasi dan juga mengambil tindakan intervensi.

Ini kerana agensi-agensi yang berkaitan seperti Kementerian Dalam Negeri iaitu PDRM, Kementerian Pertahanan risik Angkatan Tentera Malaysia dan juga MC-MC. Jadi mereka ini agensi-agensi yang sebagai pelaksana tetapi kita tidak ada di mana kalau dengan sistem rangkaian *network centric* ini semua informasi, semua penjejakan informasi akan diangkat di atas dan bawah kementerian dan boleh MKN membuat keputusan-keputusan secara mohon, dengan izin, *nip in the bud*.

Jadi apa yang kita perlu ialah *rules of engagement*, dengan izin, iaitu sesuatu tindakan yang harus kita ambil dengan secepat mungkin kerana sistem rangkaian *network centric* ini 24 jam dan dia adalah memangkinkan kepada *real time*, pada dalam masa sebenar. Jadi informasi dan apa juga insiden-insiden yang menjurus kepada insiden bertemakan hasutan dapat dengan sekelip mata kita kumpulkan dan kita boleh melaksanakan intervensi iaitu dapat satu...

Inilah saya hendak cadangkan supaya kita tidak lah lagi bekerja sebagai satu silo hanya Kementerian Dalam Negeri tetapi dikelolakan oleh sebuah badan koordinasi di bawah Majlis Keselamatan Negara. Jadi saya rasa apakah kalau secara perancangan strategiknya yang kita sudah cakap tadi dan juga macam mana hendak mengoperasikannya. Jadi itulah yang saya rasa akta atau pun pindaan akta ini akan mendapat kejayaannya yang boleh diguna pakai dan juga boleh difahami oleh semua rakyat jelata dengan tanpa risau dan gusar tentang ia tidak mengambil kira cita rasa rakyat di

mana kekhuatiran yang banyak telah pun diangkat, dibincangkan di Dewan ini. Banyak masih lagi tidak mahu menerima akta ini kerana dia takut akta ini akan menzalimi mereka.

■1510

Jadi saya rasa eloklah kita ambil apa yang telah saya cadangkan Tuan Yang di-Pertua dan dengan ini saya dengan sepenuhnya menyokong supaya Akta Hasutan (Pindaan) ini disokong dengan sepenuhnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Begitulah bunyinya seorang Yang Berhormat Senator baru kita yang berlatar belakang seorang bekas panglima angkatan tentera dan terima kasih Yang Berhormat, yang telah mencadangkan dan memberi pandangan. Saya fikir ini satu cara yang baik dan patut kita sama-sama kongsi ya. Tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari Bin Mat.

3.11 ptg.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.*

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi keizinan kepada saya untuk turut sama-sama berbahas berhubung dengan rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Hasutan 1948. Begitu juga saya mengucapkan kepada semua Ahli-ahli Dewan, Senator-senator yang telah berada dalam Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, telah banyak diperkatakan oleh Senator-senator yang membahas sebelum saya dan banyak bahagian telah disentuh. Memandangkan apa yang telah biasa disebut oleh Tuan Yang di-Pertua yang telah disentuh itu kita tidak payah sentuh lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Johari bn Mat:** Jadi saya melihat mana-mana ruang yang tidak disentuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahkan Yang Berhormat, betul.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus kepada fasal 3 rang undang-undang yang bertujuan untuk meminda seksyen 3, Akta 15 ini. Dalam hal ini walaupun telah disentuh saya hendak sentuh dari aspek lain iaitu subfasal (a)(i) menyebut perbuatan mana-mana orang untuk mengembangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan ketidakpuasan hati terhadap kerajaan tidak akan lagi menjadi kesalahan di bawah Akta 15 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat akta ini telah memberi ruang kepada masyarakat tidak kira siapa untuk melahirkan rasa atau pandangan atau kritik atau apa-apa sahaja kepada pihak kerajaan dalam kehidupan kita. Saya melihat ini satu ruang yang telah diberikan kepada masyarakat dan ruang ini perlu diguna dengan sebaiknya. Kalau kita lihat Islam pun memberi ruang kepada semua masyarakat untuk memberi pandangan, nasihat, teguran yang boleh membina semua pihak terutamanya kepada pihak kerajaan atau pun pemimpin.

Satu daripada hadis yang disebut oleh Rasulullah SAW... *[Membaca sepotong ayat Al-quran]*

Rasulullah kata, agama itu nasihat. Lalu ditanya oleh para Sahabat nasihat untuk siapa? Lalu baginda meneruskan nasihat itu nasihat kepada Allah, nasihat kepada kitabnya, kepada Rasulnya, kepada pemimpin dan kepada seluruh masyarakat. Jadi nasihat kepada Allah bermaksud nasihat supaya orang mempelajari kitab Allah dan mengamalkannya. Nasihat kepada Allah ialah supaya orang mematuhi Allah.

Nasihat kepada kitab Allah supaya orang mempelajari kitab Allah dan mengamalkannya. Menasihati kepada Rasul bermaksud supaya mereka patuh kepada ajaran yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW. Nasihat kepada pemimpin supaya pemimpin dapat melaksanakan tugas dengan betul dan adil, saksama sebagaimana yang diamanahkan dan juga kepada seluruh masyarakat. Jadi ini merupakan satu ruang yang ada di hadapan masyarakat supaya memberi pandangan, teguran atau apa-apa sahaja yang boleh membantu dan membina dalam kehidupan kita supaya apa-apa yang hendak disampaikan tidak ada halangan atau sekatan.

Saya juga ingin supaya pihak kementerian memberi garis panduan, takut-takut apa yang dilakukan oleh sebahagian masyarakat terlajak lebih. Jadi saya tidak tahu di sini adakah mungkin dalam bahasanya ialah terlampau di dalam memberi pandangan, kritikan atau sebagainya. Dalam hal-hal seperti ini, kita juga masyarakat perlu diberi panduan atau garis supaya tidak terbawa di dalam memberi pandangan, ucapan, kritikan tadi sampai menghasut. Itu satu.

Kedua, saya pergi juga kepada seksyen yang sama kepada perkara (d)- (d) ini Tuan Yang di-Pertua, ialah subfasal (a)(v) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru (ea) dalam subseksyen 3(1) Akta 15. Apa yang menjadikan kesalahan bagi mana-mana orang yang mengembangkan perasaan jahat, permusuhan atau kebencian antara mana-mana orang atau kumpulan orang atau alasan agama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini kita sebuah masyarakat di Malaysia ini mempunyai pelbagai ras keturunan dan juga berbeza agama. Kita ingin hidup rukun damai antara kita dan siapa pun tidak mahu berlaku perkara-perkara yang tidak diingini semasa kita ini dan juga masa-masa hadapan. Jadi untuk rukun damai ini maka kita melihat setiap agama ada mempunyai asas dan prinsip dan setiap orang perlu menghormati agamanya sendiri dan juga menghormati agama orang lain.

Kalau sekiranya kita saling menghormati antara satu sama lain sudah pasti sentimen keagamaan itu tidak akan berlaku dan tidak akan timbul salah faham antara sesama kita yang berada di negara kita ini. Dalam hubungan inilah kita lihat Islam sebagai agama yang diturunkan oleh Allah dan diletakkan sebagai agama Persekutuan. Lebih awal lagi menyeru umatnya supaya hidup aman damai dan banyak bukti yang saya boleh ketengahkan di sini. Antara lain nama Islam itu sendiri ialah maknanya damai, tidak bermusuhan dan tidak berperang. Apalagi ganas, tidak ada. Oleh sebab itu Islam adalah selamat sejahtera, aman, damai, tanpa cacat cela, sempurna dan semuanya adalah baik. Itu maknanya Islam daripada segi bahasa.

Daripada bahasa itu sudah cukup kita dapat melihat bahawa Islam mementingkan rukun damai di dalam semua aspek kehidupan sehinggalah daripada hayat ini sampailah ke penghujung kehidupan

manusia. Tuan Yang di-Pertua, ini kerana Islam telah memberitahu kepada seluruh manusia bahawa apa pun ras keturunan yang dikesan oleh pengkaji tetapi manusia ini pada asalnya adalah sama sahaja dari Adam AS.

Mungkin saya dengan Yang Berhormat Dato' Boon hanya sepupu, dua pupu sahaja. Tidak lebih daripada itu. Yang Berhormat Datuk Seri Nalla tidak ada, kita sebenarnya anak-beranak sahaja. Tidak ada lebih daripada itu kerana itu tidak ada sebab kenapa permusuhan perlu ditimbulkan. Ini bertentangan dengan norma kemanusiaan sejagat apa lagi dengan ajaran Islam yang telah diturunkan oleh Allah SWT. Rasulullah memberitahu semua manusia daripada Adam dan Adam daripada tanah, semua kita begitu.

Oleh sebab itulah, Allah SWT menyebut di dalam Al-Quran bahawa antara- bermaksud manusia itu kami jadikan laki-laki dan perempuan berbangsa dan berpuak-puak hanyalah sekadar untuk kenal mengenal. Tidak lebih daripada itu. Jadi tujuan ada bangsa, ada ras, ada keturunan ialah saling kenal mengenal dan saling membina antara satu sama lain. Apabila kita bina keutuhan ini maka sebenarnya tidak ada hasut-menghasut dan akta ini pun sebenarnya tidak diperlukan. Akan tetapi oleh sebab manusia tetap manusia dan ada kepentingan-kepentingan maka akta seperti ini terpaksa diadakan.

#### ■1520

Kemudian saya hendak sebut lagi kita orang Islam disuruh untuk solat. Solat ini kalau kita tengok dalam solat kita diajar untuk memohon kesejahteraan. Dalam tahiyat kita menyebut... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Ya Allah, tolong beri kesejahteraan*”, tidak mahu gaduh-gaduh dan sebagainya.

Begitulah juga apabila kita memberi salam ke kanan dan ke kiri, kita sebut *assalamualaikum* ke kanan, maknanya semua orang yang berada di kanan kita sampai ke hujung dunia kita mohon kepada Allah supaya diberi kesejahteraan. Begitulah juga halnya bila kita memberi salam ke kiri sama sahaja, kita memohon kesejahteraan bukan untuk kita sahaja tetapi kepada seluruh orang. Apabila kita boleh memahami dalam hal-hal seperti ini maka sebenarnya kebahagiaan, ketenteraman, kesentosaan, kesejahteraan akan dapat kita nikmati bersama.

Untuk memperkukuhkan lagi kesejahteraan ini, Allah SWT melarang orang Islam daripada mencela Tuhan-tuhan atau sembah orang-orang lain. Ini menunjukkan Islam begitu tinggi meletakkan penghormatan kepada anutan kepercayaan yang dianuti oleh sesiapa sahaja. Dalam hubungan ini Allah SWT berfirman... [*Membaca sepotong hadis*] “*Jangan kamu mencela Tuhan orang lain. kelak orang lain akan mencela Tuhan kamu*”. Jadi di sinilah kehalusan, ketinggian murninya ajaran Islam mengajar umatnya supaya tidak mencela orang-orang lain.

Oleh sebab itu setiap orang boleh mempunyai pegangannya dan kita hormat dan kalau saling penghormatan ini dilakukan, maka sudah tentulah kita akan aman bahagia. Selain daripada itu saya hendak sebut juga Rasulullah melarang seseorang mencela bapanya. Ada orang berkata bagaimana saya tergamak mencela bapa saya? Dan Rasulullah menyebut orang yang mencela bapanya adalah tergolong dalam perbuatan dosa besar.

Jadi sahabat tadi bertanya, tidak faham. Bagaimana seorang anak boleh mencela bapa sedangkan itu bapanya. Rasulullah menyebut, “*Sebenarnya apabila kamu mencela bapa orang lain maka*



*orang lain itu akan mencela bapa kamu. Ertinya kamu mencela bapa kamu".* Di sinilah kita diajar oleh agama jangan kita mencela orang lain, jangan kita mencela agama orang lain nescaya orang lain akan mencela agama kamu. Jadi ini rukun-rukun keharmonian yang perlu ada pada setiap umat yang hidup bangsa atau masyarakat yang hidup dalam negara ini supaya kita dapat hidup dalam rukun damai.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Boleh saya mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Yang Berhormat saya mendengarnya dengan begitu teruja. Sebagai bangsa dan agama penganutan saya apabila mendengar cara penyampaian Dato' Dr. Johari, saya amat teruja dan adalah baik kalau pemimpin-pemimpin kita berjiwa seperti beliau [*Tepuk*] Betapa sejujnya pandangan beliau. Inilah orang yang berilmu tinggi terhadap agama yang memahami bahawa anutan-anutan lain adalah sama ke arah jalan yang aman dan damai, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya terima kasih kepada Dato' Boon. Dato' Boon ini walaupun dia puji saya sini tetapi pergi Kelantan dia tidak beritahu saya [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Begitulah juga apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf tentang kampung dia. Kampung dia ini daerahnya Tumpat, Tuan Yang di-Pertua. Tumpat ini ada tiga buah patung besar yang tidak ada di tempat-tempat lain. Jadi Dato' Boon apabila dia pergi dia kata dia tidak hendak ajak saya, dia tidak tegur pun saya. Jadi saya kata tidak apalah, bila-bila dia boleh tegur saya. Dia ajak saya jadi saya boleh tengok juga.

Jadi saya hendak sebut kalau ada persengketaan di kalangan masyarakat, saya hendak ulangkan lagi apa yang telah saya sebut sebelum ini bukan kerana agama. Kalaupun ada kerana orang-orang yang mempunyai, orang yang ikut mana-mana agama tetapi dia guna agama itu untuk kepentingannya. Oleh sebab itu kalau kita melihat banyak yang berlaku di dunia ini. Semua orang kaitkan dengan agama. Sama juga IS umpamanya. Dia tidak akan jadi kuat, tidak akan jadi gagah, tidak akan jadi diminati kalau dia tidak guna nama Islam.

Katakan, dia kata saya pemberontak, orang tidak akan menyertainya. Akan tetapi oleh sebab dia menggunakan *Islamic State* dan orang teruja, negara Islam maka dengan sebab itu maka orang pun datang ramai. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua kalau orang berbohong dia kata kalau dia datang saya ini pembohong maka siapa pun tidak akan ikut. Akan tetapi pembohongan itu dia datang dengan wajah yang cantik dan dia kata saya orang-orang yang benar.

Sebagaimana anak-anak Nabi Yaakub apabila dia mencampak Nabi Yusof dalam telaga, dia balik pada waktu petang dengan menangis teresak-esak berjumpa dengan ayahnya memberitahu, "...ayah tidak akan mempercayai kami walaupun kami benar... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ayahanda tetap tidak mempercayai kami walaupun kami benar menyatakan bahawa Nabi Yusof telah dibaham oleh serigala. Dia menangis, bukan menangis sahaja, bawa lagi baju yang telah koyak, dan

dilumurkan dengan darah, untuk membuktikan bahawa apa yang dicakap itu benar. Bayangkan kalau anak-anaknya tadi kata, “*Ayah, saya ini berbohong, betul-betul berbohong*”, maka sudah pasti Nabi Yaakub tidak percaya dari awal. Nabi Yaakub terpaksa percaya juga walaupun dia tahu anak-anaknya berbohong kerana ada bukti.

Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, orang yang hendak berbohong tidak akan berjaya untuk membawa pembohongannya kecuali dengan membawa pelbagai bukti atau fakta untuk menyokongnya. Kerana itulah kita dalam membahaskan rang undang-undang ini yang sedikit sebanyak memberi kefahaman kepada kita bahawa siapa pun perlu bercakap berkata benar di dalam semua.

Begitu juga saya melihat perkara ini satu lagi Perkara 10, dalam rang undang-undang ini. Fasal 9 undang-undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10A, ke dalam Akta 15. Di bawah seksyen ini, kuasa diberi kepada mahkamah untuk mengeluarkan perintah mengenai penerbitan menghasut yang dibuat secara elektronik oleh orang yang tidak dapat dikenal pasti bagi maksud ini memandangkan perkara berlaku tidak dapat dikenal pasti, perintah ini hendaklah dikeluarkan kepada pegawai diberi kuasa di bawah undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini semua perkara boleh diakses walaupun melalui apa-apa cara dan kecanggihan setiap orang boleh diatasi oleh orang lain. Oleh sebab itu saya melihat sekarang ini dengan media baru yang telah tersebar dalam masyarakat kita yang kadang-kadang boleh mencetuskan apa-apa yang tidak diingini berlaku. Kita merasakan ramai orang tetapi mungkin hanya seorang dua sahaja, maka seseorang dua ini perlu dibendung supaya ia tidak melarat kepada perkara-perkara yang tidak diingini. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu ucapan saya dan saya ucap terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Inilah contoh-contoh saya hendak lihat dan dengar di Dewan yang mulia ini. Seterusnya tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Ramli bin Shariff seorang lagi senator baru kita yang saya hendak dengar ucapan ulungnya. Diharap Yang Berhormat sebagai seorang peguam apa yang sudah kita bincang itu kita kurangkan. Apa yang ada yang lain-lain Yang Berhormat fikir untuk sumbangkan kepada akta ini. Silakan, Yang Berhormat.

**3.29 ptg.**

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diperuntukkan kepada saya ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, saya juga kalau Yang Berhormat Tan Sri Anwar *junior*, saya lagi *junior* pada hari ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau ada cacat-cela dalam ucapan saya di dalam Dewan ini saya pohon maafkan.

■1530

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun dikatakan Akta Hasutan ini suatu akta lapuk dan tidak popular di dalam masyarakat luar. Akan tetapi apa yang jelas di dalam Akta Hasutan adalah *the intent of the government*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Intent*, walaupun Akta Hasutan

tidak memerlukan keperluan *intention*, dengan izin, ataupun *mens rea*. Saya mendapati bahawa Akta Hasutan ini ialah sesuatu yang *strict liability law*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, keperluan niat tidak diperlukan. Jadi, inilah yang meresahkan masyarakat luar, adakah apabila seseorang itu didakwa dia terus didapati bersalah? Di manakah tanggungjawab pendakwa? Di manakah tanggungjawab keperluan undang-undang untuk membuktikan dia bersalah? Inilah *special* nya Akta Hasutan ini. Apa yang saya nampak Akta Hasutan ialah untuk jaga kepentingan. Bukan kepentingan mana-mana kaum, mana-mana agama.

Jadi dia suatu undang-undang yang hendak menjaga kepentingan semua pihak. Jadi, kalau dikatakan sebagai tidak popular saya rasa masyarakat kurang dapat penerangan yang jelas tentang Akta Hasutan ini. Kalau kita lihat kepada Akta Hasutan yang mana senario dia dahulu ialah untuk menentang ancaman komunis. Akan tetapi sekarang kalau dikatakan tidak sesuai kerana tiada lagi komunis tetapi kita harus sedar bahawa ancaman-ancaman yang ada pada hari ini datang dari sudut-sudut lain. Misalnya dalam platform media sosial yang kita juga telah banyak atau rakyat telah disogokkan dengan pemikiran dalam pelbagai diayah yang berbentuk hasutan. Kadangkala apabila perkara-perkara ini selalu diuar-uarkan dan dimasukkan dan diperdengarkan, diperlihatkan kepada rakyat, suatu yang negatif itu akan terhasil.

Jadi, saya hendak pinjam kata-kata Dato' Dr. Asyraf Wajdi bahawa negara ini telah dibina di atas tiang seri tiang seri yang kita telah melalui proses ini berpuluh-puluh tahun daripada Akta Hasutan 1948 sehinggalah hari ini saya rasa sudah lebih hampir pada 60 tahun. Adakah kita ingin korbakan perjalanan proses yang kita lalui selama hampir 60 tahun atas nama hendak menjaga kepentingan kaum-kaum tertentu?

Tuan Yang di-Pertua, rakan Senator saya iaitu Yang Berhormat Tuan Chong Sin Woon kelmarin ataupun semalam. Ada sedikit menyentuh ada *selective persecution* dan juga *prosecution*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya ingin menyatakan bahawa kumpulan-kumpulan ataupun badan-badan yang menyatakan sesuatu itu ialah sepertimana juga dinyatakan oleh jiran saya Yang Berhormat Senator Puan Shanim tadi. Apa yang dikemukakan ialah paparan sejarah ataupun pernyataan sejarah. Saya tidak rasa takrifan cadangan pindaan seksyen 4(1A) menjadi suatu *seditionous tendency*. Itu suatu pernyataan sejarah, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sejarah tetap sejarah dan kita tidak boleh mengubah atas apa-apa pun dan daripada sejarah itulah kita ambil iktibar. Apa yang cuba dibawa oleh rakan senator yang lain ialah menyatakan itulah yang terjadi kalau kita tidak ambil iktibar yang dibawa oleh rakan saya Yang Berhormat Senator Puan Shanim tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perkembangan keadaan dan juga persekitaran yang kita ada hari ini cukup membimbangkan. Kalau tanpa keputusan kerajaan di awal lagi untuk mengekalkan Akta Hasutan dan digantikan dengan akta yang lain. Saya ambil contoh, sebagai harmoni. Tujuan Akta Hasutan ialah untuk mewujudkan masyarakat harmoni, itu samalah. Walaupun kita tidak- dan terus saya ucapkan tahniah kepada kerajaan yang berani untuk mengekalkan Akta Hasutan ini. Saya bangun hari ini untuk membahaskan dan juga untuk menyokong dengan sekuat-kuatnya di atas pindaan yang

dicadangkan. Itulah keberanian kerajaan kerana inilah risiko yang diambil oleh kerajaan di atas pindaan di mana keperluan ataupun hukuman itu sendiri itu nanti menjadi perangkap bagi Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri.

Oleh sebab hukuman minimum tiga tahun dengan sendirinya akan *disqualified* kan Yang Berhormat, kita dalam dunia politik ini ada kadangkala kita akan terbabas. Dengan senang kita boleh didakwa dan tanpa perlu kita terangkan niat pihak pendakwa boleh mendapat sabitan terhadap kita. Inilah kebimbangan saya. Kadangkala ataupun mungkin masa hadapan adakah kita membuat suatu langkah yang selamat hari ini untuk merangkap diri kita sendiri. Itulah keberanian dan jujurnya kerajaan hari ini untuk menjaga kepentingan umum.

Tuan Yang di-Pertua, awal tadi saya sebut *strict liability law*, dengan izin. Bagi kefahaman saya kaedah undang-undang ialah bila sesuatu undang-undang itu *strict liability*, hukuman ini mestilah di peringkat rendah sebab dia *strict liability* yang tidak memerlukan niat. Jadi, yang dicadangkan oleh Menteri, adakah tiga tahun itu suatu yang rendah? Itu benda yang subjektif. Bagi saya, kalau hendak menjaga lebih baik kita buat yang terbaik. Maka tiga tahun minimum itu walaupun akan memerangkap diri kita sendiri pun, saya rasa itu tindakan yang bijak. Walaupun akan dikatakan bahawa tiga tahun itu suatu hukuman yang berat ataupun suatu hukuman yang *harsh* bagi *strict liability* punya kesalahan, Tuan Yang di-Pertua.

Soal betul, salah, bagus atau tidak apabila seseorang itu didakwa seolah-olah kita *have no defense at all*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Itulah kebimbangan yang boleh saya nyatakan untuk dipertimbangkan, bukan untuk disemak tetapi pada masa-masa hadapan mungkin. Minta maafah Tuan Yang di-Pertua saya ingat ada mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, *intention* ataupun niat kerajaan ialah untuk mewujudkan suatu *national harmony* ataupun *national harmony* kita merangkumi institusi-institusi Raja, soal anutan agama, kaum dan juga ia tidak menyatakan kaum mana yang lebih daripada kaum yang lain. Tidak ada di dalam suatu peruntukan, Akta Ibunya ataupun *Principal Act* ataupun cadangan pindaan ini yang memberi suatu keistimewaan kepada mana-mana kaum. Jadi, kalau ada hujah yang mengatakan bahawa ini lebih memihak kepada kaum ini sahaja saya rasa itu tidak benar Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab disebut tadi dan juga daripada senator-senator yang lain, soal hasut lama-kelamaan akan menanamkan rasa benci. Bila sudah rasa benci maka keadaan akan jadi huru-hara Tuan Yang di-Pertua. Itulah yang kita perlu sokong tanpa berbelah bagi cadangan pindaan yang dicadangkan oleh Menteri ataupun Kementerian Dalam Negeri ini. Sekian, *wabillahi taufik, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

■1540

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh. Kalau boleh Yang Berhormat, yang mana yang belum diusik itu, Yang Berhormat ulas Yang Berhormat fikir perlu untuk membantu memperkemaskinikan kepada akta ini. Silakan Yang Berhormat.

3.40 ptg.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berbahas Akta Hasutan, pindaan kepada Akta Hasutan ini. Selamat petang saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Akta Hasutan, pertamanya telah digubal semasa pemerintahan British dahulu iaitu pada tahun 1948 dan hari ini selepas 67 tahun, kita sedang berbahas tentang pindaan kepada Akta Hasutan ini. Sebenarnya seperti banyak Yang Berhormat telah berbahas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan semasa Hari Malaysia, beberapa akta seperti ISA, *Emergency Ordinance* dan Akta Hasutan ini dimansuhkan.

Walau bagaimanapun, mengambil keadaan dunia sekarang dan negara kita selepas tiga tahun atau empat tahun ini, terdapat banyak perkara yang begitu sensitif, yang menguji toleransi dan perpaduan negara. Oleh sebab ISA telah dimansuhkan, *Emergency Ordinance* telah dimansuhkan, ada banyak yang berani dan cuba menyoal tentang perpaduan dan sebab itu, saya berasa kerajaan sepatutnya melihat balik dan mementingkan keselamatan dan ketenteraman negara. Jadi untuk saya, hendak kekalkan dan membuat pindaan memperketat dan memperkuat Akta Hasutan ini penting dan memang saya menyokong pindaan kepada Akta Hasutan ini.

Jika kita lihat, kita mengkaji pindaan-pindaan yang telah dicadangkan, ada beberapa perenggan yang telah dikeluarkan daripada akta yang telah digubal pada tahun 1948, ada beberapa perenggan yang dimasukkan dan ada perenggan-perenggan yang baru. Perenggan yang dikeluarkan itu adalah mengenai *feedback* atau input bila seseorang sama ada ahli politik ataupun rakyat, memberi input atau tidak setuju dengan apa yang dibuat oleh kerajaan, itu tidak disebut sebagai hasutan. *Is not seditious anymore*. Kalau mengikut akta yang sedia ada, sebelum pindaan ini, *one is not able to go against the government*, dengan izin.

Dengan ini daripada segi hendak beri *feedback*, tidak setuju dengan *government*, akta ini longgar. Memang sama ada ahli politik daripada pembangkang, ahli politik dalam kerajaan, boleh memberi *feedback* kepada kerajaan bahawa sesuatu itu tidak betul. Saya rasa ini baik. Jadi saya hendak minta keterangan sedikitlah tentang perubahan kepada perenggan-perenggan lain seperti perenggan 3(c)(ii) mengenai dengan izin, *“to promote feelings of ill will, hostility or hatred – (A) between different races or classes of the population of Malaysia; (B) between persons or groups of persons on the ground of religion,”*

Banyak kita sudah lihat- saya dapati setiap isu walaupun ia kecil, banyak orang membuat isu itu begitu besar. Saya pun tidak tahu berapa banyak, ratusan repot polis yang telah dibuat dalam kebelakangan dua tahun atau tiga tahun ini. Jadi saya hendak minta keterangan daripada kementerian, sama ada untuk orang-orang India seperti apabila seseorang itu memanggil mereka dengan nama seperti yang dipanggil dulu, dalam Dewan ini kita *debate* 'keling' ataupun macam-macamlah sama ada *you* panggil orang Sikh 'bai', dia marah. Adakah itu hasutan? Sebab lebih baik benda ini semua kita *clearkan* betul-betul. Kalau tidak saya rasa banyak, semua orang lari pergi *police station* buat repot, buat *press conference*. Ini semua tidak baik untuk Malaysia, menunjukkan satu keadaan yang tidak begitu harmoni.

Nombor dua, seperti yang telah dibawa oleh Yang Berhormat tadi tentang *strict liability act* ini, sebab dalam perenggan 3(iii) ini, *intention* itu tidak penting. Jadi, saya hendak tahu sama ada *Sedition Act* ini, *is it a strict liability act?* Ini saya hendak minta keterangan. Satu lagi, walaupun Yang Berhormat dari Perlis tadi telah memberitahu dia bersetuju dengan *sentence* tiga tahun minimum, saya rasa bila kita menggubal undang-undang ini, ini bukan satu perkara yang kita hendak buat untuk satu tahun atau dua tahun. Mungkin sekali lagi kita akan melihat balik kepada Akta Hasutan ini 50 tahun atau 60 tahun yang akan datang. Kadang-kadang, sebab seseorang itu, asalkan dia membuat sesuatu benda yang dalam definisi hasutan ini, (a), (b), (c), (d) sampai (e) kah, dia kalau didapati menghasut, dia dipenjarakan untuk tiga tahun minimum. Tidak ada sama ada dia berat atau tidak berat, *as long as is seditious, is only three years*.

Jadi saya berpendapat, mungkin di sini terlalu ketat perubahannya untuk mungkin seseorang itu hanya memberitahu sesuatu benda. Budak-budak sekolah 19 tahun, 20 tahun, dia pun tidak tahu apa-apa, mungkin dalam masa 20 tahun nanti mereka tidak begitu tahu tentang perkara ini dan membuat satu kesalahan tetapi tidak ada ruang untuk mereka kecuali masuk penjara untuk tiga tahun. Ini saya rasa perlu dilihat dengan teliti impaknya, bukan masa sekarang tetapi pada masa depan iaitu 20 tahun atau 30 tahun nanti.

Akhir sekali...

**Tuan Ramli bin Shariff:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seorang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan, adakah Yang Berhormat Senator ini merujuk kepada peruntukan di bawah seksyen yang dicadangkan pindaan ialah di bawah seksyen 6A iaitu ia juga ada kaitan dengan seksyen 173A, 293 dan 294 *of the CPC?* Itu yang mohon penjelasan sama ada itu ada kaitan atau tidak dengan soal *no bound over* ataupun tiada jaminan dan juga *youthful offender*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Saya merujuk kepada perenggan *under offences*, 4(a)(ii) yang mana "*imprisonment for a term of not less than three years but not exceeding seven years*". Ini saya faham bahawa *youthful offender*, orang-orang di bawah 18 tahun mungkin *treatment* dia lain. Akan tetapi saya hanya bimbang generasi muda sekarang, yang saya melihat semalam pun yang ditahan

oleh polis ialah mereka ini 17 tahun, banyak yang masuk universiti, 18 tahun, 19 tahun, 20 tahun, 21 tahun, *is not youthful anymore*.

■1550

Jadi, mereka yang masuk universiti ini, masih orang yang belajar. Jadi, katakan mereka telah membuat sesuatu yang ringan tetapi *seditionous*. Itu ertinya, ini bukan ahli politik yang matang, yang hanya menggunakan peluang untuk membuat sesuatu *seditionous*. Akan tetapi mereka yang masih muda, *between 18 to 25 years old*. Jika kita penjarakan mereka tiga tahun, mungkin kita akan- *we might affect the future*. Saya rasa ini, yang saya hendak bawalah tentang mereka ini. Yang *last* ini tentang jaminan ini...

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Boleh saya celah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, seorang bangun.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Sedikit saja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak diri saya, saya memohon maaf kalau perkataan *keling* yang saya gunakan itu mengguris hati Yang Berhormat. Akan tetapi saya sudah buat kajian, maksud *keling* mengikut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka ialah orang India yang beragama Islam. Maksud kedua pula, merujuk kepada orang yang berasal dari Selatan India. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Yang Berhormat, saya setuju dengan apa yang dimaksudkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Seperti kalau Yang Berhormat *refer* Dewan Bahasa dan Pustaka ini, *Benggali* itu memang ada. Dia itu orang daripada Calcutta. Bukan orang Sikh seperti saya. Akan tetapi bila saya pergi semua tempat, orang banyak yang panggil saya *Benggali*. Jadi, niat dia, *I mean* yang setengah orang panggil kita *Benggali* ini, orang Sikh marah. Dia marah, jadi saya tidak tahu sama ada dia akan buat *police report* mengikut akta ini, *it's a seditious statement*.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Minta mencelah sikit Tuan Yang di-Pertua. Saya bila Yang Berhormat kata Yang Berhormat orang Sikh, saya pun hendak tanya juga. Yang pakai serban itu macam mana pula Yang Berhormat? Yang Berhormat Sikh, yang pakai serban pun Sikh jugak? Minta penjelasan sikit Yang Berhormat.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Agama Sikh, ini sudah *very detail*. Dalam agama Sikh ini kita ada satu kategori. Kita panggil *Kalsa*. Ia kategori yang tertinggi, *it's very close to God*. Jadi, dia akan mengamalkan semua. Bukan saja serban, kita ada lima atau enam jenis dan enam benda yang kita sepatut buat. Orang Sikh itu Sikh tapi dia seorang *Kalsa*. Dia lebih dekat dengan Tuhan [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat. Cepat sikit Yang Berhormat.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Jadi, saya hendak tanya tentang ini. Satu lagi *last*, *my closing statement* ini, tentang *low bail to be granted* ini. Apakah erti bila ada *public interest* ini? Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan? Itu saja perbahasan saya. Terima kasih, dengan ini saya menyokong. Sebenarnya saya memang menyokong akta ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad yang juga saya hendak pesan berkali-kali, cuba bangkitkan isu-isu yang belum agaknya dijelaskan oleh ramai. Silakan Yang Berhormat Datuk Seri.

**3.54 ptg.**

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, beri peluang saya dalam perbahasan ini. Saya hendak terus terang katakan bahawa pagi tadi saya telah mendengar dengan penuh jelas, dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kita, apa sebenarnya hasutan ini. Saya rasa lega sudah, ilmu saya bertambah. Petang ini saya dengar penerangan diberi oleh sahabat Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim, saya makin jelas lagilah siapakah sebenar musuh kita hari ini. Satu penerangan yang sangat baik dan mendalam dan bijak. Ini dia perkara-perkara, siapakah yang menggeletek kita ini? Antaranya, suruh bergaduh. Saya ingin tahu juga Tuan Yang di-Pertua, saya faham latar belakangnya Akta Hasutan 1948, yang digubal pada tahun 1948 menjadikan ucapan yang mempunyai kecenderungan menghasut sebagai suatu kesalahan jenayah.

Dalam bulan Julai 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan Akta Hasutan 1948 akan diganti dengan Akta Keharmonian Nasional. Hari ini 2015, seperti yang telah dibuat pada 10 April 2015, kritikan-kritikan terhadap kerajaan dan badan kehakiman tidak lagi dikira sebagai hasutan. Itu belakang dia, saya faham. Akhir-akhir ini, nampaknya gejala yang menghasut, keganasan IS, bertambah-tambah. Kami tadi di bawah, dapati banyak benda yang tidak ada kesudahan. Buat laporan, tidak ada kesudahan. Contoh, satu yang paling ketara ialah baru-baru ini cerita hendak katakan provokasi. Sebuah Kerajaan Negeri Selangor saya ingat, adakan majlis kasih mesra dengan anjing. Dia panggil anak-anak dara Melayu kita ini, bertudung ini, suruh peluk, ciumlah itu dengan bangganya. Apakah rasa kita pemimpin Islam?

Apakah tindakannya? Itu satu provokasi. Macam-macam. Benda-benda itu jangan berlaku lagi. Akhir baru ini pula, K-Pop Korea itu Tuan Yang di-Pertua. Datang menari sini dengan cermin hitam dia, kita anggap sebagai orang sasau, gila punya menari. Dipanggil pula anak dara kita yang bertudung ini, menari sama dia. Itu apa budak-budak Islam bertudung itu? Geli saya dengar, takut saya dengar. Saya juga dengar juga cerita ini. Ada kumpulan juga akan mencari babi hutan yang bertaring untuk jina itu belaka. Selepas itu majlis sekarang sudah diadakan. Cuba carilah. Macam mana ini berlaku ini? Ini perkara-perkara yang kita hendak jagalah ini. Pemantauan mesti ada sekerap boleh. Jangan biarkan.

Peristiwa berlaku ini, baru-baru ini pula IS. Dulu saya difahamkan ada seorang saja, bukan saja profesional, *wireman*, seorang saja. Pagi tadi Yang Berhormat Menteri kata enam orang *wireman*. Bertambah-tambah yang jahat ini. Apakah tindakan kita? Benda-benda ini saya kata takut tadi, maka Akta Hasutan kena pada tempatnya pada hari ini. Saya tidak mahu cerita-cerita hal yang tadi, yang menimbulkan hati kita marah tadi. Sensitiviti agama yang mengancam keselamatan negara tadi. Dengan *bah kut tehnya*, Alvinnya, itu semua, kita singgung pula dengan kita punya azan. Benda itu saya tidak hendak cerita tapi memarahkan orang bawah. Akan tetapi kita tidak ambil tindakan. Jadi, kita berhadapan



dengan orang bawah. *The masess*. Ini dia perkara ini saya minta supaya kerajaan lekas membuat tindakan. Tunjukkan ini dia balasannya. Dia takut. Macam peristiwa menghina Raja di Siam, apa jadi? Dengan perkara-perkara yang saya rasa tindakan kita mesti cepat supaya dijadikan satu contoh.

Jadi, hari ini saya rasa Akta Hasutan ini dikekalkan lah, khususnya negara kita yang majmuk hari ini. Perkara-perkara ini kita rasa sangat penting kita ambil. Kalau tidak esok, kita akan terbengkalai. Orang tidak percaya kita, rakyat tidak percaya pada kita kerana perkara tadi. Jadi, macam-macam peristiwa berlaku, saya takut ya. Akta Hasutan ini juga menggantikan idea-idea baru seperti keganasan dan gerakan IS yang cuba mempengaruhi rakyat negara kita ini. Sudah kita tengok apa berlaku di institusi pengajian tinggi ini, UIAny, apa berlaku di sana. Sudah kita dapat tangkap siapa lagi di sana, cuba tengok. Saya takut benda ini menular, berlaku berterusan kalau kita tidak ambil lekas tindakan itu, saya takut tapi janji tadi oleh Yang Berhormat Menteri kita, saya senang hati.

Jadi, saya minta satu tindakan tegas dan dipaparkan di surat khabar. Ini dia balasan orang jahat hendak menjahanamkan bangsa dan negara. Yang itu tadi contoh ini tadi serta kekerapan hasutan makin meningkat tinggi dan berkembang dengan cepat dengan adanya media sosial melampaui masa dan sempadan. Ini dia, mustahak.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1600

Saya harap tadi satu sistem berpanjangan supaya mengatasi, menengok perkara-perkara berlaku ini. Kalau tidak, kita terabai, habis ramailah orang-orang akan buat jahanam negara kita ini. Jadi saya rasa pada saya, tindakan yang tegas perlu diambil kalau tidak orang marah pada kita, orang meluat pada kita. Apakah jadinya? Jadi kita buat lekas, tunjukkan *I means business*, aku akan tegas. Itu perkara-perkara yang saya harap tadi. Jadi orang di bawah sana Tan Sri, merasakan bak kata saya tadi, bak kata orang Melayu tadi dia kata,

*Mati ikan kerana tuba,  
Mak Limah berjalan melenggang-lenggang,  
Setiap hari hatiku merasa hiba,  
Menengok bangsaku hidup tunggang langgang.*

Ha ini dia orang takut...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus itu Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Saya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus itu, memang tepat sekali pantun Yang Berhormat itu.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Baik, terima kasih. Nanti jaga. Tadi yang kata,

*Pok amai-amai,  
Belalang kupu-kupu,  
Kalau kita tak jaga,  
Hidup kita akan buntu.*

Ha ini dia. Kita tengok Mak Limah berjalan melenggang-lenggang, khayal sahaja. Khayal sahaja Mak Limah ini. Mati ikan kerana tuba, kena racun. Racun apa? Ini duit bagi kat orang. Setiap hari hatiku merasa bimbang, tunggang langgang melihat bangsaku hidup tunggang langgang. Itulah beberapa perkara saya mintalah tindakan nak diambil yang saya sebut tadi. Ingat apa yang saya kata dulu kepada Datuk itu saya ceritakan, apa saya katakan melahirkan masyarakat yang menghormati yang tua, kasih yang muda dan jangan lupa budi orang. Ha ini kita lahirkan tapi kalau ini caranya habislah. Jadi saya takut tadi bahawa kita biarkan Tuan Yang di-Pertua, maka jahanamlah masa depan anak cucu kita tadi.

Akhirnya pembaikan telah dibuat pada pindaan terbaru 2015 di mana kritikan terhadap kerajaan dan kehakiman tidak lagi menjadi satu jenayah. Ini membolehkan rakyat yang mengkritik secara jujur dan bernas tetapi ingat, perkara yang menjadi jenayah bukanlah kritikan tetapi ialah hasutan. Senang menghasut, senang sangat. Ini perkara biasa tetapi kita ingat kita sayang kepada kita punya agama, sayang kepada bangsa kita. Jadi sebab itu saya fikirkan tadi kerajaan *please*, tolonglah segera ambil tindakan menangani masalah itu. Jangan maafkan mereka. Dengan itu, saya sangat menyokong penuh akta yang dibawa oleh kerajaan ini iaitu saya mohon menyokong Akta Hasutan ini. Sekian, *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang kita beralih kepada pembahas yang terakhir bagi Akta Hasutan ini. Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Sila Yang Berhormat.

#### 4.03 ptg.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, tadi sebentar tadi kita telah mendengar rakan-rakan saya berbahas dan berbicara tentang Akta Hasutan ini dan macam-macam yang dibangkitkan. Saya nampak ada yang panas dan hati saya mendengarnya pun panas juga dan saya rasa sejuk sikit dengar Yang Berhormat Dato' Dr. Johari cakap tadi, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari dah tak ada. Sejuk. Kalau semua orang boleh cakap khasnya kawan-kawan sebelah boleh cakap macam Yang Berhormat Dato' Dr. Johari, saya rasa selamat kita, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dikatakan bahawa Akta Hasutan ini akta lapuk, akta mungkin zaman batu dan zaman ben kata orang Jawa dululah. Zaman ben ini zaman lampau dan ada yang suruh Akta Hasutan ini supaya dihapuskan. Kebelakangan ini Tuan Yang di-Pertua, banyak kumpulan jahanam. Saya katakan begitu kerana mereka ini asyik mengata, mengutuk pemimpin tak sudah-sudah. Walaupun rakan saya dah cakap, saya pun nak cakap juga.

Ada yang menghina raja, ada yang menghina agama. Memfitnah, mencerca bukan sahaja dengan percakapan, masuk pula dalam Facebook, masuk dalam internet dan macam-macam lagi. Saya ingat sejarah dululah Tuan Yang di-Pertua, kalau sejarah dulu, kita tak pernah nak mengata pemimpin. Walaupun kita tak suka dengan pemimpin itu, duduk diam sahaja dan akur. Kalau kita tak suka ketua itu, diam dan kita akur. Apatah lagi dengan Raja, dengan Raja kita lagi hormat Raja berbanding dengan

sekarang. Kalau tak nak hormat Raja tak apa tapi janganlah menghina. Diam-diam, duduk diam-diam kerana negara ini negara kita... [*Bercakap dalam bahasa Arab*]. Kena taat pada pemerintah, kena taat pada segala-galanya. Kalau ada teguran, tegurlah dengan baik dan membina.

Saya ingat sejarah dulu-dululah Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan rakan saya, Yang Berhormat Puan Shahanim. Waktu saya kecil-kecil dulu orang Melayu pergi rumah orang Cina, pergi rumah orang India. Orang India sakit, kita pergi tengok. Atuk saya jadi dukun. Orang Cina datang ramai-ramai, orang India pun datang. Hari raya, mereka hantar kuih, hantar kek ramai-ramai. Tak ada cerita kata engkau tak bagus, itu tak bagus, ada ayat yang macam kata Yang Berhormat Dato' Jaspal, tak ada. Memang ayat itu daripada dulu pun saya panggil itulah ayatnya. Saya tak nak sebut, takut marah. Tak ada ayat lain, itulah ayat-ayatnya sebagaimana kata Yang Berhormat Puan Shahanim tadi tapi sekarang ini tersalah sikit ayat, sensitif, marah.

Dulu tak ada, Tuan Yang di-Pertua. Kita kawan sama-sama, baik-baik. Kalau orang Melayu kena pukul, orang Cina dan orang India sama-sama tolong bantu. Begitu eratnya persahabatan waktu dulu dan macam mana kita kasih pada pemimpin, kasih pada saudara, kasih pada semua. Sekarang ini kerajaan suruh kasih pun kita tak nak buat begitu padahal kita ingat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, kita jangan kata kita sihat di sini, kita bahagia dekat dunia. Kita akan jumpa di akhirat nanti. Siapakah yang nak tolong kita di akhirat nanti?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya nak beritahu kepada rakan-rakan yang melampau ini, anda rasa beruntung duduk di Malaysia negara yang tercinta ini. Awak hina Raja, awak hina Islam, awak hina segala-galanya, tak ada siapa yang ambil tindakan. Buat perhimpunan haram ramai-ramai tapi yang ditangkapnya sikit sahaja. Saya pun pelik juga. Pihak kerajaan patutnya tangkap beramai-ramai, sediakan bas ramai-ramai pergi hantar ramai-ramai baru ada rasa takut. Ini buat ribu-ribu, tangkap sepuluh orang. Kalau begitu, sebab itu dia berulang-ulang. Cuba buat ini di Singapura, dapat tak? Saya nak tanya. Rasa beruntung kerana duduk dekat Malaysia buat sahaja suka hati. Cuba duduk dekat Amerika, cuba duduk dekat Singapura. Dapat? Baru nak cerita nak buat sahaja, dah kena, dah simpan. Tak ada siapa nak cakap.

Saya harap kepada kerajaan kita, selepas akta ini diluluskan, tindakan tegas perlu dibuat. Kalau kata tangkap, tangkap. Tak payah nak cerita-cerita lagi. Berhimpun ramai-ramai haram, tangkap. Kalau tangkap semua, siapkan jail banyak-banyak. Siapkan lokap besar-besar. Jadi ada rasa takut. Kalau tidak, dia menganggap Malaysia ini macam tak ada apalah. Engkau buat sahaja, tak ada siapa nak tangkap engkau. Engkau buat, dia takut dengan kita. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya rasa kesal di atas apa yang berlaku dan kalau kita tak betul-betul jaga, saya setuju kata Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim tadi, kita jangan jadi negara-negara yang kita dah tengok, Tuan Yang di-Pertua contohnya macam Palestin, Syria, Yaman, Myanmar yang ada rusuhan agama.

#### ■1600

Saya beritahu dengan rakan-rakan kita sekalian khususnya yang menjadi pengancam-pengancam ini, kalau negara kita susah, negara kita huru-hara dia tidak ada pilih orang, dia tidak ada

pilih orang PAS, orang UMNO atau orang apa tidak kira. Kalau susah, semua susah, kalau kita tidak makan, semua sama-sama tidak makan. Jangan kata awak pejuang itu awak hebat, hari ini kerana aku hebatlah sebab itu IS boleh macam ini kau tengok, padan muka dia.

Tidak ada siapa yang untung, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu saya kata kalau satu perkara ini berlaku yang rugi kita sekali. Anak cucu cicit kita yang akan merana. Jadi saya hendak minta sekali lagi kepada pihak kerajaan supaya bersikap tegas di atas apa-apa undang-undang yang dibuat oleh pihak kerajaan.

Nampaknya sekarang ini hukuman terlalu longgar. Oleh sebab kelonggaran inilah Tuan Yang di-Pertua ada orang mengambil kesempatan. Kadang-kadang sudah duduk dalam penjara pun dia boleh keluar. Dia kata dia sakit, boleh keluar duduk dekat hospital dan ini pun boleh berlaku walaupun ada akta itu. Kenapa tidak letak doktor dekat penjara. Kalau sakit pergi ke situ, tidak payah keluar. Kalau begitu esok semua orang hendak duduk dalam penjara asal sakit boleh keluar. Nanti bini boleh jaga. Minta kerajaan, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri supaya ambil tindakan tegas perkara ini supaya orang lain boleh tengok ini Kerajaan Malaysia memang tegas dan juga cekap.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak berhajat hendak bercakap panjang. Cuma saya hendak minta kepada Tuan Yang di-Pertua saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, beberapa jumlah kes yang melibatkan kesalahan di bawah Akta ini dicatatkan sejak dua tahun yang lalu? Sejauh mana kerjasama dengan agensi yang berkaitan seperti SKMM dalam menangani penyebaran informasi yang bersifat hasutan daripada berleluasa?

Saya ingin mencadangkan agar kerajaan memperbanyakkan program kesedaran dan pendidikan serta memberi pendedahan tentang akta ini kepada rakyat seluruhnya terutama kepada remaja, kanak-kanak sekolah dan masyarakat seluruhnya kerana golongan-golongan ini, kanak-kanak, pelajar untuk menghasut kerajaan sebagaimana kata rakan-rakan saya di sekolah pun dia sudah bawa.

Biar mereka faham tentang kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini dan tidak terlibat dengannya. Mereka harus sedar bahawa mereka sepanjang masa terdedah dengan berita-berita atau informasi yang boleh jatuh di bawah akta ini. Memandangkan senario kehidupan sekarang ini di mana penyebaran maklumat melalui media masa seperti *WhatsApp*, *Instagram*, *Twitter* dan sebagainya sukar dibendung maka mereka perlu tahu menimbangkan perkara yang baik dan juga yang buruk.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sebelum saya duduk ini, sebelum saya menyokong saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih khasnya kepada rakan-rakan kita yang akan meninggalkan kita seramai enam orang kalau tidak silap saya. Kepada rakan-rakan kita minta maaf banyak-banyak kalau ada yang tersinggung. Serangkap pantun daripada saya kepada rakan-rakan saya yang saya kasihi,

*Pulau Pandan jauh ke tengah,  
Gunung Daik bercabang tiga  
Hancur badan di kandung tanah  
Budi yang baik dikenang juga.*

*Pucuk pauh delima batu,  
Anak sembilang di tapak tangan,  
Walaupun jauh beribu batu,  
Hilang di mata di hati jangan.*

Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. nampaknya seramai 21 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri kita untuk menjawab, saya tangguhkan Dewan ini buat sementara iaitu selama 10 minit dan kita akan mula lagi jam 4.24 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 4.14 petang.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 4.26 petang.]**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, kita sambung balik dengan menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**4.26 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Kalau rasa kaki saya sedikit macam ini nanti saya mohon juga beri 10 minitlah, relax sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah, syabas kepada Ahli-ahli Dewan Negara, Yang Berhormat Senator yang telah berucap seramai 21 orang. Saya dari semalam memang ada bersama dengan Yang Berhormat sekalian mendengar sendiri dalam ucapan-ucapan Yang Berhormat. Jadi daripada ucapan-ucapan itu banyak daripada sejarah zaman Nabi Muhammad SAW, hadis dan firman ada keluar, jadi sebagaimana yang Tan Sri dan Dato' sebut, janganlah ulang apa benda yang sudah disebut.

Jadi saya pun tidak mampu hendak mengulang dari sudut agama, hadis dan firmannya. Jadi saya biarlah mahu juga membuat mukadimah tetapi berlandaskan sejarah undang-undang ini, falsafah di sebalik Undang-undang Hasutan ini dan bagaimana undang-undang ini boleh berlaku dan diperkenalkan di negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan ucapan-ucapan, memang saya dapati bahawa berkualiti amat tinggi. Saya berasa bangga dengan Ahli-ahli Dewan Negara. Memang secocoklah, memang tepatlah, patut pada tempatnya sebagai The Upper House of Parliament Malaysia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kembali dari sudut sej undang-undang yang kita turun ini dari England dahulu, berlandaskan abad yang ke-12 apabila pemikir barat pada ketika itu walaupun

mewarisi falsafah dan pengajian perundangan daripada *Hellenic history* dan juga *Stoic, German-Rome history* menggubal undang-undang yang mempertahankan kegembiraan, *pleasure* dan sebagainya pada ketika itu. Akan tetapi apabila abad selepas Christianity pada abad ke-10 dan 12, tibalah pemikir-pemikir, the *thinkers, political thinkers* macam Thomas Aquinas dan Saint Augustine umpamanya, memikirkan bahawa undang-undang yang dibuatkan untuk manusia mesti mempunyai ciri-ciri dan landasan nilai agama. Pada ketika itu tidak lengkap mana-mana undang-undang di bawah pemikiran Thomas Aquinas ataupun Saint Augustine kalau tidak ada ciri-ciri sudut dan nilai agama melandaskan pemikiran undang-undang tersebut.

#### ■1630

Akan tetapi pada abad yang ke-17, pada tahun 1588 apabila Hobbes dari England dan dia melihat apa yang berlaku di England pada ketika itu pada era bergelora pada zaman yang dipanggil *The Glorious Revolution Cromwell* yang akhirnya terbunuh Charles I. Jadi, pada ketika itu, Hobbes memikirkan bahawa undang-undang penting dalam sesuatu keadaan oleh sebab kerajaan mesti mentadbir dan diberi kuasa untuk mentadbir. Maknanya undang-undang pada pemikiran Hobbes mestilah sesuai dengan situasi dan keadaan semasa. *Law must exist for the government to govern* untuk kebaikan masyarakat itu sendiri. Jadi, dalam keadaan sedemikian, pemikiran Hobbes ini diterima oleh Spinoza hampir pada ketika yang sama. Maknanya undang-undang mestilah kuat.

Pada zaman sekarang, undang-undang sedemikian rupa dipanggil *draconian* tetapi pada ketika itu dianggap sesuai oleh sebab keadaan dalam pemikiran Hobbes. Pada ketika itulah Tuan Yang di-Pertua, *Sedition Act* digubal di England pada 1661. Zaman Hobbes dan Spinoza. Zaman itulah undang-undang yang dianggap layak pada zaman itu oleh sebab apa yang berlaku di England, apa yang berlaku di Perancis pada ketika itu. Undang-undang England ini berlarutan hingga ke abad ke-20. Beratus-ratus tahun.

Jadi kalau kita lihat dari sudut ini, bolehkah kita bayangkan juga keadaan yang berlaku di negara kita sekarang ini? Adakah kita melihat kesesuaian undang-undang, tugas dan tanggungjawab satu-satu kerajaan yang *responsible* atau yang bertanggungjawab. Inilah yang dikatakan oleh Abraham Lincoln pada masa sebelum bermulanya peperangan saudara di Amerika. *Speech* Abraham Lincoln itu tidak pernah dipakai tetapi *remain* tertulis. Barang siapa pernah mencari atau berjumpa sedikit keratan daripada *speech* Abraham Lincoln mengatakan "*You don't have the oath registered in heaven to break this country into pieces but I have the oath of office to protect it*". Kata Abraham Lincoln. Maknanya rakyat di luar sana tidak adapun janji-janji ataupun sumpah dia untuk memecahbelahkan negara tetapi kata dia "*Aku sebagai seorang presiden, bertanggungjawab kepada negara ini supaya tidak berpecah belah*".

Akan tetapi malangnya atas nasihat berapa banyak kawan, Abraham Lincoln tidak pakai *speech* itu. Akhirnya satu *speech* yang dia keluar, "*With charity for all*" kata Abraham Lincoln, "*With malice toward none*". Jadi, dia kata "*With malice toward none, charity for all*". Maknanya semua orang senang hati tetapi akhirnya berperang juga Amerika sebabnya *speech* sahaja tidak ada undang-undang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu zaman apa yang saya sebut tadi Hobbes dan Spinoza. Pada zaman itu juga bangkit pemikir-pemikir undang-undang sebagai Edward Cope, Montesquieu, John Locke mengatakan bahawa *there must be check and balance*. Ada Yang Berhormat yang menyebut *check and balance* tadi. *There must be check and balance*. Jadi teori oleh pihak Montesquieu, teori oleh John Locke mengatakan *the three separation of powers*. Kehakiman, eksekutif dan juga legislatif *to keep the check and balance* di antara pentadbir kerajaan. Dalam keadaan sedemikian, kalau kita lihat di sini, adakah *social order* yang dikatakan oleh Spinoza, *obedient and social order* yang dikatakan oleh Hobbes baik dalam pandangan orang Malaysia sekarang?

Pada tahun 50-an diadakan Akta Hasutan kerana komunis tetapi adakah *rampant*, caci-mencaci, hina-menghina di kalangan masyarakat Malaysia seperti sekarang lepas di *enable* pula oleh sosial media yang begitu mudah. *Ungovernable borderless social media* yang boleh memecahbelahkan masyarakat kita. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian ini, balik kepada apa yang Abraham Lincoln kata "*Responsible government, I have oath registered in office to protect this country*". Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah landasan falsafah di sebalik undang-undang ini apabila kita melihat *the social order* mungkin tidak dapat dikekalkan dan *this obedient of law* nampak menyerlah.

Yang Berhormat banyak menyebut soal *illegal assembly* dan sebagainya. Bermacam-macam lagi disebut. Kita nampak berbeza pada zaman 50-an, 60-an, 70-an dan 80-an dengan apa yang kita lihat sekarang ini bahawa dengan keadaan sedemikianlah kenapa kerajaan melihat *the changes* mesti ditangani menerusi undang-undang yang perlu untuk menjaga negara ini daripada berpecah belah. Kepada kerajaan, tugas dan tanggungjawab ini amat besar. Serba salah kerajaan ataupun dilema kerajaan memang ada. Saya sebagai pengkaji undang-undang dari Barat memang mempunyai pengajaran yang sama. Peguam-peguam yang mengatakan mereka sendiri khususnya di pihak *Bar Council* mengatakan bahawa *they are the keeper, the concern of the nations*. Akan tetapi kalau kita tidak lihat *concern* mana yang kita hendak *protect* kalau negara ini berpecah belah, orang kita yang majmuk sedemikian rupa, asas pembinaan negara ini dahulu kita lihat dan kita kaji semula kepada sejarah.

Apabila kita pergi ke Amerika, apabila kita pergi ke England, *we completely submitting* kepada *English* ataupun *American* punya *society* dan norma-norma Amerika dan norma-norma British. Kita tidak minta pun universiti, kita tidak minta pun sekolah dan kita tidak minta pun apa benda daripada mereka. Kita akan belajar sekolah dia, kita kaji ilmu dia, kita taat kepada semua apa yang mereka buat. Akan tetapi di sini kita asas negara kita dibina begitu rupa, berlainan. Kalau kita lihat di Indonesia, rakan yang terdekat, kenapakah berlainan? Rudy Hartono orang Cina tetapi bernama Rudy Hartono. Kawan baik saya di Kalimantan bernama Pak Imran tetapi orang Cina. Kawan baik saya selama 30 tahun, Hendry Gunawan orang Cina. Bukanlah sebab saya beristeri Cina tetapi kenyataannya begini rupa.

Tuan Yang di-Pertua, sebabnya ialah apabila kerangka negara mereka dibuat, perlembagaan mereka dibuat, berlandaskan *assimilation* bukan berlandaskan *integration*. *Assimilation* maknanya yang *minority will be absorb by the majority*. Mengikut budi bicara dan budaya dia, semua sekali tetapi kita tidak.

■1640

Kita negara yang baik daripada awalnya dirangka begitu rupa. Saya tahu dengan hakim Lord Reid ini, Pengerusi *Commission* yang membuat kita punya Perlembagaan, pemikiran dia saya kenal. Jadi, dibuat kerangka sebegitu rupa, akhirnya, mengadakan satu kerangka negara di bawah perlembagaan dipanggil oleh Proffesor Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi sebagai the *Document of Destiny* adalah berlandaskan *integration*. *Integration* ini bermakna budaya dan agama masing-masing dijaga, asal taat kepada negara berlandaskan Rukun Negara, taat kepada bendera, taat kepada Rukun Negara, taat kepada *National Anthem*, taat kepada Sultan, percaya dengan perlembagaan, semua kita ikut. Akan tetapi budaya dan agama, *you are free to practice* seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan. Jadi, itu *integration*. Maknanya tidak ada orang Cina, tidak ada orang Iban, tidak ada bangsa lain perlu menggunakan nama-nama Melayu, nama-nama orang lain macam di Indonesia, macam di Thailand. Tidak perlu sebab sistemnya *integration*.

Dalam keadaan inilah, 30 lebih tahun kita merdeka dalam keadaan yang baik sebab undang-undang menjaga sebagai *framework* kita hidup. Akan tetapi apabila *framework* ini boleh pecah, di retak, diganggu gugat menerusi *the social media*, ini menjadi satu cabaran yang amat besar kepada kerajaan to *keep the status quo* sebagaimana yang berlaku dahulu. Justifikasi undang-undang ini yang dipertikaikan oleh beberapa banyak pihak adalah ini, sepatutnya dikaji dahulu sistem ini, dikaji dahulu perlembagaan ini, dikaji sejarah undang-undang kenapa ia mesti diadakan. Kenapakah Britain memansuhkan Undang-undang 1967? Sebabnya, ciri-ciri *sedition* yang berlaku pada tahun 1661 itu tidak ada lagi tetapi ada ciri-ciri dalam *Sedition Act* itu dimasukkan ke dalam undang-undang lain. Walaupun *seditious* tidak ada, ia ada dimasukkan dalam undang-undang *legislation* lain umpamanya *Treason Felony Act 1848* masih ada, *Aliens Restriction (Amendment) Act 1919* masih ada, *Public Order Act 1986* masih ada, bahkan *Offences Act* ada juga ciri-ciri itu dimasukkan sama. Jadi kadang-kadang kita terlupa bahawa yang baik itu, fikir kita baik semua.

Saya duduk di England empat tahun, Tuan Yang di-Pertua. *Apple core* kah, *pear* punya *core* kah, hampir setiap malam kena maki, kena baling dengan *apple core just because of my colour*. Bahkan saya ini putih, cukup putih juga...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Betul Yang Berhormat, cukup putih [Ketawa]

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** *Handsome* lagi, masa muda macam 'Mat Salleh' juga. Akan tetapi masih juga saya bukan 'Mat Salleh' British, Orang Putih betul. Dia maki saya sebagai 'Paki bastard', 'Paki bastard'. Saya diam sahajalah sebab dia bukan maki saya tetapi sayalah itu. Tuan Yang di-Pertua, *you can never be them, can leave in the country*. Tanya dengan Amerika, berapa peratusan orang warga *Hispanic, African-American, Chinese* atau *Korean, they represent 30%* dalam *American prison*. Tanya pengkaji. Saya banyak buku di rumah- kajian-kajian ini, *it written by the intellectual* mengatakan *there is some flow in the system*.

Jadi dalam keadaan sedemikian, kita masih tidak pandang benda itu, dalam pergi kepada hakim itu, dia tidak kira saya ini keturunan- moyang saya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari Yaman.



Moyang saya mati di Bukit Puteri. Siapa orang Terengganu di sini?... [Disampuk] Bukit Puteri. Cari makam Syed Yassin, itu moyang saya. Dia datang dari Hadramaut, mati di sana. Itulah sebabnya penasihat Sultan Terengganu itu biasanya keturunan moyang saya- "Al-Yahya". Jadi, ini baru mukadimah Tuan Yang di-Pertua [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lebar itu Yang Berhormat. Saya harap soalnya dapat diringkaskan, Yang Berhormat, menjawab soalan itu nanti. Sampai ke Yaman [Ketawa]

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Dapat, dapat. Sebab kita pun banyak hadis dan firman, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada juga kawan bertanya di negara mana masih ada menggunakan *Sedition Act* ini. Jawapannya, kita masih ada, di Hong Kong masih ada, di Singapura masih ada, Brunei pun ada dan negara-negara yang tidak lagi mempunyai *Sedition Act* macam Amerika dan England sebagaimana saya sebut tadi juga India, telah terkandung ciri-ciri Akta *Sedition* itu dalam ia punya undang-undang yang lain. Ditarik di sini dan dimasukkan di sana. Jadi kita tidak nampak, kita terlupa, tersalah pandang. Pantun itu akhir-akhirilah. Ada orang hantar pantun pada saya juga. Jadi Tuan Yang di-Pertua, biarlah. Panjang sangat mukadimah nanti soalan tidak dijawab. Jadi saya kata kalau beritahu dengan Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya tulis betul-betul, hantar ini, masuk dalam *envelope* bagi kepada masing-masing tetapi tidak masuk dalam *Hansard*, itu payah juga. Jadi biarlah saya jawabkan satu persatu.

Statistik hasutan yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bertanya berhubung dengan statistik. Saya tidak hendak pecahkan sama ada dia ini orang pembangkang, ini orang kerajaan, ini orang India, ini orang Cina, ini orang Melayu, ini orang Kadazan, Iban dan sebagainya. Tidak hendak. Sebabnya, saya hendak *maintain* bahawa undang-undang ini *blind of colour race and religion*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, teruskan Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi jumlahnya, 25 kes dituduh di mahkamah di bawah perenggan 4(1)(b), 4(1)(c) dan subseksyen 4(ii) Akta Hasutan kerana menggunakan perkataan *sedition* dalam kes yang ada di mahkamah sekarang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang kedua Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf bertanya, adakah warganegara Malaysia berada di luar negara melakukan kesalahan di bawah Akta Hasutan boleh dilucutkan kewarganegaraannya. Melucutkan kewarganegaraannya ini ada dua jurusan, Tuan Yang di-Pertua. Satu, warganegara Malaysia yang *born and raised* di sini. Orang macam ini payah hendak dilucutkan kewarganegaraannya walaupun dia buat hasutan atau apa sahaja kesalahan, memang kita tidak boleh melucutkan dia. Ada syarat-syarat yang tertentu, yang disebut dalam perlembagaan bawah artikel atau Perkara 23 hingga 28A tersebut. Ia dibahagi dua iaitu warganegara Malaysia.

Warganegara Malaysia ini contohnya- dua atau tiga contoh saya sebut sebab kalau baca panjang nanti, Tuan Yang di-Pertua sama saya, kita akan duduk sini sampai 12 malam. Ia panjang sangat. Jadi,

kalau dia umpamanya terlibat dengan *election, stand for election* di negara lain ataupun dapat pasport negara lain, kalau dia buat macam itu, baru kita boleh menggugurkan ataupun dia mengisytiharkan hendak jadi warganegara lain, baru kita boleh menggugurkan kewarganegaraan dia. Akan tetapi orang macam *dineutralize*, orang asing yang datang ke sini selepas itu memohon supaya dapat diberi kewarganegaraan, ada syarat-syarat yang tertentu diletak dalam Perlembagaan. Jadi, tidak boleh rakyat Malaysia, walaupun melakukan kesalahan-kesalahan di luar negara, walaupun membunuh, kita tidak boleh di bawah perlembagaan kita untuk menggugurkan kewarganegaraannya.

#### ■1650

Perkara 25, Perlembagaan Persekutuan, yang membuat peruntukan untuk melucutkan kewarganegaraan jika warganegara, dalam bahasa Inggeris, "*Has shown himself by act or speech to be disloyal or disaffected towards the Federation.*" Jadi, hasutan, mencaci kerajaan, maki hamun pemimpin, belum lagi sampai ke tahap sedemikian. Adalah terhad kepada orang-orang yang mendakwa kewarganegaraan melalui pendaftaran di bawah Perkara 16(a) dan 17 atau adalah *citizen by registration*. Tebalkan, saya tidak boleh buka benda ini. Bukan warganegara Malaysia yang berada di luar negara dan melakukan kesalahan di bawah Akta Hasutan boleh lucut kewarganegaraan. Jadi, syaratnya tidak boleh Tuan Yang di-Pertua, kerana prinsipnya seseorang menjadi warganegara itu memang warganegara, dia *under the protection of this country*, dengan izin.

Dato' Dr. Asyraf juga bertanya di bawah seksyen 5A, apakah jaminan penguatkuasaan supaya kes Alvin Tan tidak berulang? Ini cerita Alvin Tan. Saya tidak mahulah *glorified* Alvin Tan ini, saya tidak mahu dia jadi hero sangat oleh sebab cerita dia saja. Kalau kita biarkan, mungkin dia *will die down* atau hilang macam itu saja, pada sayalah. Walaupun kita, soalan Alvin Tan ini, seksyen 5A telah dikeluarkan melalui pindaan Jawatankuasa semasa di perbahasan Dewan Rakyat. Maknanya, yang 5A itu tidak pakai lagi, mencaci kerajaan itu. Peruntukan 5B, masukkan dalam pindaan kali ini untuk seperti Alvin Tan tidak akan berulang lagi kerana jika seseorang dituduh di bawah seksyen 4, akan ditahan pasport sehingga kesnya selesai.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, soalan Alvin Tan ini kenapa kita tidak bawa balik? Adakah tindakan untuk kita bawa dia balik sini? Ini banyak persoalan dibangkitkan. Saya tidak boleh menyebut siapa yang menyebut tetapi ramai Ahli Yang Berhormat menyebut perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ulang sekali lagi. Persoalannya kalau kita lihat daripada segi zahir, kalau soalan *Seditious Act* ini tidak ada lagi di negara Amerika, kalau dia di Amerika sekarang. Tidak ada ciri-ciri undang-undang di Amerika itu sama cirinya dengan *Seditious Act*, maknanya *we are facing a little difficulties* untuk bawa dia balik ke sini menerusi *extradition*. Prosesnya ialah satu, diplomatik. Keduanya, kalau kita bawa juga dia, dia boleh berhak di Amerika ataupun di mana-mana negara, pergi ke mahkamah, minta mahkamah buat satu *ruling* sama ada dia boleh dibawa ke Malaysia ataupun tidak. Kalau didapati bahawa kesalahan yang dia buat di sini bukan kesalahan di tempat dia berada, dengan sendirinya *extradition* proses itu berhadapan dengan satu perkara yang bukan mudah.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, bukanlah kerajaan tidak mengambil tindakan sebenarnya. Kerajaan akan cuba mengambil tindakan menerusi pihak polis dan juga menerusi sistem perundangan iaitu kita punya Peguam Negara. Proses ini bukanlah perlu dihebahkan di sana sini, sebabnya biarlah proses itu macam *administrative* biasa, soal perundangan di negara kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pindah kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul, di bawah fasal 4(B), Rang Undang-undang Isu Hukuman Minimum dan Maksimum, menghapuskan budi bicara mahkamah. Peruntukan yang menetapkan hukuman pemenjaraan minimum selama tiga tahun dan maksimum selama dua puluh tahun bagi kesalahan menghasut dan mengakibatkan kecederaan tubuh badan dan kerosakan harta benda sebagaimana yang diperuntukkan dalam fasal 4(B) rang undang-undang adalah untuk tujuan mencegah ataupun *deterrent*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya kena beri penjelasan sedikit berhubung dengan perkara ini. Bukan semua perkara yang boleh dituduh di bawah Akta Hasutan ini yang mempunyai hukuman minimum. Di bawah itu juga berhubung dengan soalan menggunakan seksyen 173- boleh bagi *bill* pada saya? Rang undang-undang... [*Meminta salinan rang undang-undang*] Terima kasih. Ini iaitu seksyen 173A, 293 dan 294, *Criminal Procedure Code* iaitu berhubung dengan bon-bon dan sebagainya. *Bound over*, hukuman-hukuman ringan, hanya berhubung dengan kes yang tertentu sahaja, bukan semua kes yang di bawah Akta Hasutan iaitu kes di bawah *application of the Criminal Procedure Code* ini di bawah 4(1a) sahaja iaitu kalau ada melakukan kesalahan- 4(1a) ialah mengatakan, "*Any person who does or attempts to do, or makes any preparation to do, or conspires with any person to do, any act which has or which would, if done, have a seditious tendency. (b) utters any seditious word. (c) prints, bla-bla-bla... (d) imports any seditious publication, and by such an act causes bodily injury or damage to property...*" Itu baru dia kena itu tadi. Maknanya, kalau dia buat sahaja, tidak ada mendatangkan kerosakan dan tidak mendatangkan *bodily injury*, dia masih boleh dibawa di bawah seksyen 173, 293 dan 294, *Criminal Procedure Code*. Jadi, bukan semua Tuan Yang di-Pertua, maknanya kes yang serius saja yang kena ada batasan-batasan yang tertentu.

Sebagaimana yang diketahui umum, terdapat peningkatan kes berhubung hasutan yang semakin berleluasa yang menjejaskan keharmonian dan keamanan yang sedang dinikmati oleh rakyat Malaysia. Sekiranya tidak ditetapkan hukuman minimum dan maksimum, adalah dikhuatiri bahawa usaha kerajaan untuk menangani kesalahan menghasut tidak akan berkesan. Selaku badan yang membuat undang-undang, Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang yang juga terpakai bagi badan kehakiman dalam hal ini. Undang-undang itu menetapkan hukuman minimum dan maksimum yang perlu dipatuhi oleh badan kehakiman.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan ini sahaja undang-undang kita yang mempunyai undang-undang minimum. Ada lagi undang-undang Malaysia yang telah dan masih diguna pakai sekarang. Jadi, tidak juga kita pada ketika itu melihat perkara itu satu ketidakadilan kita buat kepada rakyat Malaysia. Jadi, dalam keadaan sedemikian, saya tidak melihat bahawa undang-undang hasutan ini sebagai satu tekanan kepada rakyat Malaysia. Umpamanya, seksyen 420, Kanun Keseksaan-

Kesalahan Curi, penjara tidak kurang daripada satu tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun. Seksyen 376, Kanun Keseksaan- *Aggregated Rape*, pemenjaraan tidak kurang daripada sepuluh tahun dan tidak lebih daripada tiga puluh tahun.

Bahkan, apabila saya menduduki Jawatankuasa *Select Committee* pada tahun 2004/2005 dahulu, terlibat sama untuk menggubal undang-undang, ada orang menyarankan ini belum cukup lagi ini yang sepuluh tahun ini. Akan tetapi atas budi bicara kita ini dianggap mencukupi. Jadi pada ketika itu, kebanyakan rakyat Malaysia, kita pergi dari Perlis sampai ke Sabah, bertanya dengan rakyat Malaysia yang terbaik untuk negara. Tidak ada halangan, tidak ada bantahan, bahkan dinasihatkan, ada segelintir masyarakat mengatakan kalau berlaku kesalahan rogol, buat cap macam cerita koboi, cap di dahinya supaya dia berjalan di pekan sana orang tengok, ini bekas perogol ada cap di dahi. Ada orang mencadangkan sedemikian rupa. Ada juga yang mencadangkan supaya dia dihantar ke doktor, potong semua. Ini ada dalam rekod Tuan Yang di-Pertua, ada dalam rekod sebab semua interaksi kita dengan masyarakat itu adalah verbatim.

#### ■1700

Jadi ini kenyataan. Akan tetapi kita sebagai jawatankuasa yang bertanggungjawab kepada undang-undang, kita tidak jugalah jauh terkeluar daripada norma-norma semasa kita menggubal undang-undang. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar yang bertanya apakah Akta Hasutan bertujuan untuk menyekat orang ramai mengkritik kerajaan. Ini yang berhubung dengan *per say* mengkritik kerajaan itu tadi telah kita keluarkan daripada undang-undang ini. Maka, sekarang kita boleh mengkritik kerajaan.

Apa yang saya hendak sebutkan di sini Tuan Yang di-Pertua biarlah berterus terang. Sebenarnya kalau kita kaji buku-buku *guideline* ataupun buku-buku panduan, rujukan khususnya di Parlimen macam *Erskine May* umpamanya *on privilege of Parliament*. Kita lihat bahawa orang Inggeris, dia menggunakan perkataan yang begitu elok, manis, bersopan santun tetapi saya didapati di Dewan Negara alhamdulillah nampaknya baik tetapi saya jemput Yang Berhormat sekalian pergi Dewan Rakyat, satu persidangan, saya bukan mengkritik tetapi inilah satu kenyataan, *Hansard* membuktikan apa yang berlaku. Nampaknya kita pemimpin mengajar masyarakat bersifat tidak ada kesopansantunan lagi, kita mengajar masyarakat tidak baik perangai, kita mengajar masyarakat mengutuk, memaki hamun orang lain padahal kita pemimpin.

Saya ingin mengulangi sekali lagi di Dewan, kalau kita kaji undang-undang, Peraturan Parlimen Finland bahkan bercakap macam saya ini pun sudah dianggap keterlaluan, *unparliamentarily* sebabnya *I rest my voice to certain decibel*. Saya macam sarjan mejar bercakap. Dia mesti lembut, halus. Saya menghadiri Parlimen *Macedonia* bersidang, *one of the oldest civilization*. Saya menghadiri Parlimen Ethan dalam persidangan, halus, manis, hampir tidak dengar dalam galeri tetapi kita sudah berlainan. Akan tetapi pemimpin inilah yang mengajar masyarakat di luar sana bersifat tidak baik. Jadi itulah mengapa undang-undang kita kena diperketat. Masyarakat kita sudah tidak tahu mencaci, mengkritik dengan perkataan yang baik.

Emak saya Tuan Yang di-Pertua, ada pepatah orang Melayu Sarawak. Kalau saya sebut dalam bahasa Sarawak di sini sedikit sahaja yang mengetahui tetapi orang Sarawak patut tahu, kalau ada, ada seorang. Emak saya kata, "*Tetap raja tersenyum dewa*", maknanya walaupun dia tertawa- dia marah, walaupun dia tersenyum- dia marah. Maknanya *politeness* kesopansantunan itu *must be the way*. Bahasa menunjukkan bangsa kata emak saya setiap hari kepada saya. Hilang bangsa kau Junaidi kata dia, kalau bahasa kau tidak baik. Memang saya tidak pernah maki hamun orang pun. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya menggunakan perkataan yang tidak baik, mengkritik itu memang tidak baiklah. Orang yang bercakap itu kita lihat siapa yang bercakap, *not what he say*.

Jadi itulah kenapa boleh mengkritik kerajaan tetapi bolehlah guna, kalau tidak betul tidak betullah, beritahu bukan memaki hamun tetapi kita masalah. Macam tadi Yang Berhormat menyebut saya rasa payah hendak menyebut gambar Duli Yang di-Pertuan Agong dipotong, terburai perut. Di England, Perlembagaan England mengatakan tidak ada tertulis, Perlembagaan England masih disebut. Saya pengkaji perlembagaan di England. Memikirkan *to hurt the person of the person of the Queen is an offence*, memikirkan sahaja. Kalau saya fikirkan *to hurt the body the Queen, hurt the person- the Queen is an offence*. Belum buat, fikir sahaja. Ini perut terburai Tuan Yang di-Pertua, tidak bolehkah cara lain, mengkritik boleh tetapi janganlah cara yang begitu, tidak baiklah. Jadi boleh mengkritik kerajaan tetapi gunalah perkataan-perkataan yang *to reflect your person*. Rang undang-undang ini telah membuat sekatan ke atas orang awam untuk mengkritik kerajaan, ini membolehkan penambahbaikan yang bernas kepada kerajaan, maknanya kerajaan boleh dikritik sekarang tetapi saya berharap kritikan itu menunjukkan *your person*.

Perbuatan- Tuan Koh Chin Han, perbuatan mengkritik kerajaan selepas ini bukan kesalahan, bagaimana jika kritik lebih batas dengan niat jahat seperti semasa PRUKe-13, apakah undang-undang lain boleh digunakan untuk membanteras tindakan sedemikian. Di England Tuan Yang di-Pertua ada sebuah tempat, kita cuba hendak *copy* benda macam itu dipanggil *Speaker's Corner* dekat *Hyde Park*. Saya ada berucap Tuan Yang di-Pertua, hendak tunjuk bakatlah, semasa muda, semasa belajar di England. Hendak tunjuk bakat, rekod Charles ada nama dia, *speaker* dia memang *speaker* profesional tetapi apabila saya dengar sampai lima, enam hari saya dengar dia bercakap, hendak belajar macam mana dia hendak bercakap, perkataan yang kesat sekali dikeluarkan kepada Margaret Thatcher pada masa itu ialah dia kata *political prostitute* itu sudah *hardest thing ever said* dalam masa satu minggu saya dengar.

Akan tetapi di sana ada imuniti sendiri, memang dibenarkan. Mungkin dia keluar di luar sana, mungkin dia tidak dibenarkan bercakap macam itu. Jadi itu pun dia berjaga-jaga juga menggunakan perkataan itu. Itu sahaja yang berani dipakai. Dia seorang berbangsa India daripada *South Africa*. Apabila dia marah, sebab *apartheid* di *South Africa* dahulu. Jadi bila datang ke *England*, dia menjadi *social activist*, tempat yang dia minat di *Hyde Park Corner*.

Jadi, dengan pindaan oleh rang undang-undang ini memotong subperenggan 3(1)(a), Akta Hasutan 1948, perbuatan mendatangkan kebencian atau menghina atau membangkitkan perasaan tidak

setia kepada kerajaan tidak lagi menjadi satu kesalahan menghasut Yang Berhormat. Pindaan ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan satu pentadbiran yang lebih telus dan *accountable* demi manfaat rakyat dan negara Malaysia. Itulah kita lihat, saya fikir Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya memang *salute*. Kalau kita lihat dalam *Facebook, Twitter*, saya *salute* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Boleh macam biasa *accept nothing happen in inspired all those they came out on Facebook and Twitter*, dengan izin.

Walau bagaimanapun, kritikan terhadap kerajaan yang melangkaui batas sehingga ia terjumlah sebagai perbuatan fitnah terhadap kerajaan atau perbuatan yang memudaratkan demokrasi Parlimen masih merupakan satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Inilah sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam ucapan pembentangan semalam.

#### ■1710

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apakah bezanya? Perbezaannya sebagaimana Yang Berhormat peguam-peguam sebut tadi, yang di sini tidak ada *mens rea* iaitu *their strict liability* hampir kes undang-undang ini. Akan tetapi dalam Kanun Keseksaan itu kita kena *prove everything, mens rea, accessories* dia, dan selepas itu semua sekalilah. Normal undang-undang biasa kena dibuktikan. Jadi, di samping saya menyebutkan itu saya mungkin tidak ada dalam apa yang ditulis oleh pegawai berhubung dengan soalan ciri-ciri undang-undang ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, ada yang hendak mencelah.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selepas mendengar penjelasan Yang Berhormat Menteri, bolehkah saya katakan bahawa kita boleh mengkritik kerajaan? Contohnya kita mengkritik 1MDB, kita mengkritik jambatan, kita mengkritik Putrajaya dan sebagainya. Akan tetapi apa akan berlaku apabila kita mengkritik sistem yang melantik kerajaan itu. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Minta penjelasan juga Yang Berhormat, apa sistem Yang Berhormat sebut itu?

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Contoh yang saya boleh beri ialah Suruhanjaya Pilihan Raya yang dituduh begitu rupa apabila pihak pembangkang menerima kekalahan dan kita memuji dengan begitu rupa apabila kita mendapat kemenangan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya semua sistem kerajaan boleh dikritik lah sebenarnya. Semua sistem kerajaan boleh dikritik termasuk Suruhanjaya Pilihan Raya, boleh dikritik. Akan tetapi kritikan kita itu mestilah berasas. Jangan keterlaluan, umpamanya kalau kita kritik soalan saya dengan Yang Berhormat membangkitkan, "*This is kerajaan yang minority government.*" Berlaku di Amerika beberapa kali pilihan raya daripada John Kennedy sendiri. *John Kennedy was a minority government*, sebenarnya. Banyak kerajaan Amerika itu *minority government* tetapi sistem kita ialah sistem *first-past-the-post*. Dalam sistem *first-past-the-post* ini dia mengikut itu- tetapi betul Yang Berhormat sebut soalan *gerrymandering* saya semua kaji sistem ini

Yang Berhormat sebenarnya. Saya suka sebab tidak main golf, tidak main tenis, tidak main badminton, tidak main apa benda pun, yang main saya bawa beg ini. Dalam beg saya ini buku Yang Berhormat, soalan *Human Rights* ini England ini. Kadang-kadang orang bandingkan hak dan asasi England, Amerika dengan kita punya. Ia ada banyak sebab tidak boleh banding. Soalan yang saya sebut tadi ini *The Great Political Theories And Thinkers*.

Tidak akan jatuh lagi, saya pergi ke England baru-baru ini, saya beli 50 buku satu beg. Itu kerja saya. Jadi daripada itu saya mengkaji soalan pilihan raya ini. Sama ada kita menggunakan *proportionate system* ataupun kita menggunakan *-first-past-the-post* yang British perkenalkan kepada kita. Walaupun British sekarang sudah memperkenalkan sebahagian daripadanya masih menggunakan *-first-past-the-post* dan sebahagian daripadanya menggunakan *proportionate system*. Digunakan itu oleh sebab dia fikir saranan orang lain dan sebutan orang lain, kritikan orang lain, dia kata dia lebih adil *proportionate system* ini kalau dibandingkan dengan *first-past-the-post*. Oleh sebab ia, *gerrymandering* berlaku perbezaan kawasan saya hanya mempunyai 40,000 lebih undi. Di kawasan tengah bandar Kuching itu mungkin mempunyai 70,000 orang pengundi. Di kawasan Yang Berhormat lain-lain di bandar-bandar besar itu mungkin ada 100,000 lebih atau 200,000 orang pengundi. Akan tetapi Yang Berhormat lupa, kaji Perlembagaan kita, kaji Perlembagaan kita dahulu. Kenapa Perlembagaan kita diadakan di Dewan Negara ini.

Saya hendak bagi cerita sejarah Tuan Yang di-Pertua. Sejarahnya apabila *Federal Council* di *establish* pada 1909 dahulu, masa *Federated Malay State* berlandaskan entity. *Federated Malay State* 1895, dibolehkan atas persetujuan Duli Tuanku *Federated Malay State* menubuhkan *Federal Council*. Apabila *Federal Council* ditubuhkan pada ketika itu, Sultan empat orang jadi. Residen empat orang jadi ahli dan selepas itu *State Secretary, Financial Secretary* duduk bersama. *That was the Federal Council until 1927*. Apabila *the Sultan* menarik diri, diganti dengan 18 orang.

Apabila pilihan raya yang pertama diadakan di Tanah Melayu pada tahun 1955 ataupun 1953. Apabila diadakan itu, tujuan pilihan raya pertama itu ialah untuk menggantikan ahli-ahli yang dilantik pada tahun 1933, seramai 51 orang. Akan tetapi apabila Perlembagaan kita dibuat dan dilaksanakan, kemerdekaan diisytiharkan pada 31 Ogos 1957, Parlimen masih lagi *single* Dewan, satu Dewan dan masih dipanggil sebagai *Federal Legislative Council* pada 1957. Pada ketika itu diadakan pilihan raya untuk menggantikan lantikan itu. Apabila diganti lantikan itu dengan yang 51 orang. Apabila Dewan Negara dibuat pada 11 September 1959, Dewan Negara sistem ia mengikut Perlembagaan boleh dilantik, boleh dipilih sebagai- tetapi kita laksana berlandaskan pelantikan pemilihan oleh Dewan Negeri. *Domination* di Dewan Negeri dan dilantik di peringkat Dewan Negeri.

Kalau siapa hendak menang, parti daripada parti lain boleh bertanding di negeri, tunjuk Perlembagaan. Kalau dia menang di sana dia akan jadi wakil negeri dua orang. Selepas itu lantikan oleh Duli Yang Di-Pertuan Agong. Kita maksimum 70 orang. Kenapakah lantikan ini dibuat? Semangatnya ialah Tuan Yang di-Pertua, pelantikan pada tahun 1927 itu ialah untuk mewakili persatuan bijih timahnya,

*labour unionnya*, industri *rubbernya*, persatuan-persatuan *union* lain, bermacam-macam lagi untuk dilantik.

Apabila kita lantik orang dalam ahli-ahli dalam Dewan Negara ini ialah untuk mengisi walaupun dalam Perlembagaan disebut yang mempunyai *specialty* ataupun pengalaman yang banyak dalam satu-satu sudut. Umpamanya Tan Sri Laksamana tadi, memang mempunyai latar belakang berlainan. Tan Sri Senator Dato' Ibrahim Shah umpamanya latar belakang yang sedemikian rupa. Orang yang memang dalam Perlembagaan disebut. Akan tetapi sebenarnya asas semangat di sebaliknya ialah untuk mengisi kekurangan orang-orang yang tidak dapat dipilih oleh sebab *the minority* daripada di situ macam Dato' Boon daripada masyarakat Siam. Kalau tidak, orang masyarakat Siam tidak ada suara.

Jadi kalau kita tidak ada apa yang boleh dikatakan, dikritik sebagai *Gerrymandering* ini dibuatkan kawasan sama banyak dengan kawasan dalam bandar, akhirnya orang luar bandar yang akan teraniaya. Padahal di Sarawak dan di Sabah kita masih mempunyai tidak kurang daripada 45% yang di luar bandar. Adakah kita menganiaya masyarakat di luar bandar Sarawak dan Sabah? Boleh kita mengelak daripada apa dikatakan *Gerrymandering*? Kita tidak mahu menganiyai masyarakat di luar bandar Sarawak dan Sabah termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri orang luar bandar. Mahu kah kita menganiaya mereka? Tidak, sebabnya itulah kenapa kawasan itu satu, kawasan kawan saya dari Baram Tuan Yang di-Pertua, dia lebih besar daripada semua kawasan utara sekali Kelantan, Perlis, Kedah masuk sekali sama besar dengan kawasan Parlimen.

#### ■1720

*You* hendak hantar satu sahaja Ahli Parlimen sanakah? Boleh dia bagi servis perkhidmatan dia? *Is did that not a betrayal for the people trust?* Jadi inilah kerajaan hendak elakkan jadi soalan *Gerrymandering* hendak minta maaf lah jangan sebut kerana kita masyarakat kita masih banyak yang duduk luar bandar. Lain daripada di Amerika, lain daripada di England bahkan di Australia berapa banyak sahaja rakyatnya duduk di luar bandar bahkan *less than 10%*.

Jadi soalan *Gerrymandering* itu berlainan maknanya di Malaysia dengan yang berlaku di negara-negara maju yang mana *rural* dia seorang tukang kebun, *farmer* mempunyai tanah 500 ekar. Kita kalau bagi *farmer* 3 ekar tanah, sudah kata *farmer*. Tuan Yang di-Pertua ini satu cerita, tangan sudah simpan belakang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jangan panjang cerita dia, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tidak panjang, Tuan Yang di-Pertua. *In shaa-Allah* ringkas sahaja. Masa saya habis peperiksaan di *Council of Legal Education*, bila saya duduk yang hendak *Secretary Lincoln's Inn* itu, lihat saya isi buku hitam itu sebab sijil itulah sahaja tidak boleh diganti, Tuan Yang di-Pertua. Dia hanyutkah, dia tenggelamkah, dia terbakarlah, binasakah, dimakan apakah tidak boleh ganti? *You want to know my track record*, hendak tahu siapa saya sebenarnya daripada sudut itu *you check the black book*, 800 tahun umur di Lincoln's Inn, Chancery Lane di London.

Masa saya tulis itu saya sebutlah nama bapa saya kerja apa, saya sebut *farmer*, jadi *Secretary* itu, "*Sir, you are a very rich man*". *Rich* apakah poket pun kosong sebab *farmer* dia besar-besar dia



punya ladang, luas. Kita *farmer* kita Tuan Yang di-Pertua satu ekar pun *farmer* juga. Kais pagi makan pagi pun *farmer* juga. Itu perbezaan jangan sebut lagi Tuan Yang di-Pertua soalan *Gerrymandering* ini. Situasi kita berlainan dengan negara maju.

Pindah saya kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Shukor bin...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pemahaman saya ialah *Gerrymandering* ini ada dua makna. Pertama ialah perbezaan secara bilangan pengundi dalam kawasan-kawasan yang berlainan. Kalau misalannya perbezaannya adalah dua kali ganda, tidak menjadi masalah sangat. Katakan dua kali ganda di kawasan luar bandar tetapi kalau misalnya perbezaannya sampai lima kali ganda katakan di Perlis ada kawasan yang 30,000 pengundinya, di Selangor, di Kapar misalnya ada 150,000 ini sudah bererti lima kali ganda. Jadi adakah adil atau tidak perbezaan yang begitu besar?

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, *Gerrymandering* dalam erti kata bahawa kita mengubah kawasan memperbanyakkan kawasan atau mengurangkan kawasan untuk memastikan kemenangan. Dalam *exercise* yang telah lalu, pernah berlaku misalannya di Terengganu, Kelantan dan Kedah tidak berlaku perubahan bilangan kawasan fasal apa, masa itu Barisan selalu kalah, jadi dibuat perubahan di kawasan-kawasan yang selalu menang, di Johor misalannya. Jadi bererti di sini walaupun saya setuju kita tidak boleh membandingkan antara dua buah negara Amerika dan Malaysia tetapi daripada segi keadilan, adakah adil misalnya satu kawasan Parlimen itu sampai lima kali ganda? Dan adakah adil misalnya kita tukar kawasan untuk memastikan kemenangan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Dr. Syed. Kalau diselidik Dr. Syed ini dengan saya ada hubungan dekat-dekat tidak tahu di manalah mungkin 20 keturunan itu ada perhubungan perjumpaan itu. Saya tidak tahu Dr. Syed punya 'Al', saya punya 'Al bin Yahaya' [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang kalau betul-betul ada penipuan soalan masa kita hendak buat *boundary* itu, kalau ada betul-betul dia punya penipuan untuk memenangi satu pihak berbanding dengan pihak yang lain. Memang itu tidak dapat diterima Tuan Yang di-Pertua, saya setuju tidak boleh terima. Akan tetapi kalau kita sebut dengan tidak alasan bukti yang nyata, saya cukup yakin itu integriti pihak suruhanjaya kita persoalkan.

Jadi persoalan betul atau tidak betul ini adalah kadang-kadang ia subjektif. Benda-benda yang subjektif ini sebanyaknya apabila kita- ada Yang Berhormat sebut tadi, bila kita masuk sahaja kita sudah fikir sudah, *we have three fix ideas, what is going to say, what we want to decide* sama ada betul atau tidak, adil ataupun tidak. Bila kita sudah *free fix idea* itu *we no longer using our thinking faculty*, ataupun logik kita tetapi itulah penerimaan kita.

Jadi saya tidak boleh menjawab soalan itu secara khusus oleh sebab kita kena menyeluk hati sanubari pihak suruhanjaya dan ahlinya dan pengerusinya. Pada masa sekarang kita boleh menerima bahawa mereka telah melaksanakan pilihan raya kita dengan sebaik yang mungkin. Dari sudut keadaan

perbezaan, ini saya tidak setuju, memang saya tidak setuju. Umpamanya kawasan saya dahulu Batang Lupar, Tuan Yang di-Pertua.

Saya dari Batang Lupar pindah ke Santubong. Orang tanya saya berapa jauh Batang Lupar itu dari rumah saya di Kuching. Saya diam duduk di Kuching. Saya kata hujung sekali kawasan Batang Lupar itu ialah 650 kilometer, hujung sekali, yang dekat sekali dengan rumah saya di Kuching itu beberapa kilometer, 130 kilometer. Di perantaraan itu saya kena pandu tiga jam setengah kereta hendak sampai ke hujung sana, hadir dua *function* satu jam, balik ke Kuching saya berangkat selepas Subuh Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua tahulah Kampung Batang Maro.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tahu, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Cukup tahu memang kawasan *our neighbour*lah. Jadi memang kenal. Kampung Pusa, saya akan perelaskan. Kampung Pusak ini dia sejauh 573 kilometer dari rumah saya. Jadi saya pulang balik itu, balik pukul 8 malam saya *spend* tujuh jam di jalan raya pulang balik untuk *function* dua jam ataupun satu jam. Jadi kalau kawasan ini hanya mempunyai 13,000 orang pengundi sahaja dahulu, 13,000 Tuan Yang di-Pertua, pengundi saya.

Jadi kalau dibandingkan dengan Bandar Kuching, *sorry*lah 50,000 itu sudah berapa kali ganda. Jadi kalau ditanya adil tidak adil dari sudut *Gerrymandering perspective* memang tidak adil. Akan tetapi kalau dilihat dari sudut saya boleh jalan kaki dari hujung sana hujung sini di Kuching dan kena pandu kereta tiga jam setengah dari kawasan saya dari Penggal Pertama sehingga ke hujungnya, manakah satu yang tidak diadilkan?

Jadi dengan keadaan sedemikian Tuan Yang di-Pertua, terserah kepada Ahli Yang Berhormat fikirkan mana satu adil. Jadi saya lihat ini perspektif bermacam-macam. Jadi saya cukup yakin bahawa soalan sistem kita yang ada sekarang ini mungkin pada suatu ketika nanti kita boleh memperkenalkan sistem kacukan bersama iaitu *first-past-the post* dan juga disamakan dengan *professional representation* sebagaimana yang dilakukan di England, dilakukan di Australia...

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, Yang Berhormat, teruskan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih, terima kasih. Saya tidak hendak buat kacau ini sebab Speaker ini bila dia bercakap kita mesti duduk. Saya fikir pun kita kena berhenti.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Itu orang yang faham, Yang Berhormat. Yang Berhormat faham *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jangan ganggu dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Teruskan, teruskan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selamat kembali duduk dalam Dewan bersama kita. Tindakan yang lambat diambil oleh kerajaan terhadap pihak-pihak yang membuat kenyataan menghasut seperti golongan penyokong LGBT.

## ■1730

Ini soalan daripada Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan ini tidak membuat pendakwaan terhadap pihak-pihak yang membuat kenyataan menghasut, hanya akan diambil berdasarkan keterangan yang mencukupi, berdasarkan siasatan yang membolehkan pendakwaan dibuat di bawah akta ini. Oleh itu, tidak timbul bahawa kerajaan lambat bertindak untuk mengambil tindakan pendakwaan dalam hal ini. Apabila kertas siasatan telah lengkap dan butiran keterangan ada untuk membuktikan elemen menghasut seperti yang diperuntukkan dalam akta adalah kukuh pendakwaan akan dibuat dengan secepat yang boleh. Ini kita kena nilai daripada satu perspektif. Apabila laporan dibuat pihak polis akan mengambil tindakan dan membuat penyelidikan. Apabila penyelidikan itu dianggap telah siap oleh pihak polis, dia akan majukan kertas siasatan ataupun digelar IP oleh polis. IP ini akan dimajukan kepada pihak DPP ataupun kepada peguam negara. Pihak DPP ini akan membaca siasatan tertentu satu persatu, dari satu muka surat ke satu muka surat. Dibaca semua dan dilihat semua bukti sama ada mencukupi dari sudut undang-undang, cukup tidak elemen dalam undang-undang itu telah dibuat oleh orang yang dikata telah menghasut.

Kedua, sama ada rangkaian bukti itu tidak ada keputusannya. Kalau dia ada cacat cela ataupun *flaw* dalam siasatan, kertas IP ini dikembalikan semula kepada ketua pegawai siasatan ini untuk diteruskan siasatan lagi dengan butiran-butiran tertentu diminta oleh DPP mengatakan, “*Okey ini buat lagi, ini buat lagi dan ini buat lagi*”. Selepas itu dikembalikan semula. Jadi, dia saya sebutlah biasa istilah *colloquial* kita iaitu ‘tingtong’ ini berlaku. Bukan satu sahaja tetapi banyak kali berlaku di kalangan pihak polis dengan pihak *AG Chambers* berhubung dengan kertas siasatan. Apabila didapati lengkap barulah pihak AG membuat keputusan untuk menuduh sesiapa dalam semua segi sama ada hasutan ataupun perkara lain.

Akan tetapi kalau dia berlaku dalam internet umpamanya, ini lagi satu perkara yang merumitkan. Kadang-kadang berlaku *posting* ini dia punya *service provider* itu bukan di negara kita menerusi *Facebook*, menerusi *Twitter* dan dia bukan kita punya sebenarnya, di negara lain. Bagi hendak mengenal pasti sama ada orang yang buat *posting* dalam itu adalah orang yang sebenarnya ataupun nama-nama yang dipakai begitu sahaja ataupun orang memalsukan nama-nama sedemikian.

Jadi, ini perlu diselidiki hingga dapat mengetahui sebenarnya siapa yang bakal kita tuduh di bawah undang-undang. Itulah yang kadang-kadang melambatkan proses. Kita perlu bekerjasama dengan pihak SKMM. Pada masa sekarang pihak SKMM bekerjasama dengan kita tetapi ada kelemahan-kelemahan di sana sini oleh sebab *service provider* tidak bekerjasama dengan kita. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diumumkan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia dalam Dewan yang mulia ini. Beliau mengatakan bahawa beliau akan mencadangkan supaya undang-undang berhubung dengan komunikasi ini dipinda pada persidangan yang akan datang. Bersama-samalah kita melihat nanti untuk memudahkan penyelidikan khususnya berhubung dengan bukan sahaja soalan hasutan tetapi banyak lagi soalan *gambling* dalam internet dan sebagainya.

Semua perkara ini perlu diperincikan supaya memudahkan pihak penguat kuasa khususnya polis dan supaya pihak AG boleh membuat keputusan sama ada tindakan undang-undang boleh dibawa ke mahkamah ataupun tidak. Itulah yang menyebabkan kadang-kadang kita lihat ada kes-kes yang tertentu yang kita nampak sebagai satu hasutan akan tetapi pada pihak penilai undang-undang ini sendiri betul atau tidak ini ada ciri-ciri hasutan sebagaimana dikatakan *sedition tendency* ataupun bukti-bukti yang belum jelas dan belum nyata.

Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah, soalan penghapusan budi bicara mahkamah dalam pindaan seksyen 4, Akta Hasutan 1948 mengenai hukuman minimum dan maksimum. Mengenai hukuman minimum dan maksimum tidak sama sekali menghapuskan budi bicara badan kehakiman. Ini kerana badan kehakiman masih mempunyai budi bicara untuk menentukan hukuman yang bersesuaian dan julat tempoh hukuman yang ditetapkan dalam rang undang-undang ini. Peringatan kes-kes hasutan yang menjadi-jadi sejak kebelakangan ini menyebabkan keperluan satu mekanisme yang lebih tegas. Dengan mengenakan hukuman minimum dan maksimum bagi pihak yang tidak bertanggungjawab dan tidak akan sewenang-wenangnya membuat kenyataan menghasut dan terlepas daripada hukuman ringan.

Jadi, untuk pengetahuan kita bersama Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila seseorang itu terkena hukuman tiga tahun umpamanya. Sebenarnya, secara realitinya dia kena hukum penjara hanya dua tahun sebab *remission* satu pertiga itu secara automatik diberi pihak penjara. Selepas itu, ada lagi kekurangan yang diberi atas dia punya *behavior*, karakter, pematuhan dan kerjasama dengan pihak penjara. Bahkan sekarang ini kalau dengar di penjara keseluruhannya kita mempunyai sistem parol dikatakan yang terbaik. Kalau dari sudut *recidivism* dia, kalau kita dengar di Amerika sampai 30% *recidivist* daripada parol sistem dan Australia lebih 20%. Di Malaysia kita sudah mencapai *benchmark* yang mengagumkan iaitu 7.6% dan masih boleh diperbaiki. Jadi dalam keadaan sedemikian Tuan Yang di-Pertua, masih banyak perkara-perkara yang boleh mengurangkan hukuman kepada setiap orang yang masuk dalam negara.

Isu berkaitan Taman Medan. Insiden yang berkaitan dengan kejadian di Taman Medan masih lagi dalam tindakan siasatan pihak polis maka adalah elok bagi saya tidak banyak sangat menceritakan soal kes di Taman Medan ini. Sebenarnya soalan *sub judice*, biasanya disebut orang. Ia pelbagai, kita perlu menegaskan di mana letak dan bila ia bermula. Ada pihak semasa saya menghadiri satu persidangan yang dibuat oleh CPA pada satu ketika dahulu. Bahawa ada negara yang mengatakan *sub judice* itu bermula apabila siasatan polis, laporan polis dibuat dan diselidik pada ketika itu. Ada juga mengatakan *sub judice* itu akan bermula apabila kes itu sudah dibawa ke mahkamah semasa *mention*. Ada juga mengatakan bahawa *sub judice* itu akan bermula apabila *the actual trial* bermula. Jadi hingga sekarang ini kita belum lagi menetapkan apakah maknanya *sub judice* ini. Jadi biarlah saya mengambil jalan mudah supaya jangan kes dalam penyiasatan itu didedahkan kepada umum buat sementara ini.

Persoalan berkenaan jamin iaitu *no bail to be granted* di bawah fasal 5, subseksyen 5A mengenai jamin telah dipotong semasa pindaan dalam Jawatankuasa di Dewan Rakyat. Satu seksyen baru 5A

telah ditarik balik di Dewan Rakyat. Saya sudah bagi penjelasan berhubung dengan perkara ini Tuan Yang di-Pertua. Senator Tuan Chong Sin Woon minta penjelasan orang yang menuntut pemisahan mana-mana negeri di Malaysia tidak lagi tertakluk dalam Akta Hasutan sama ada, dia betul ataupun tidak. Jadi, kita sudah tarik contoh yang dalam akta itu tertakluk kepada- walau bagaimanapun, tertakluk kepada seksyen 3(1)(b) Yang Berhormat, *“To excite the subject of any ruler or the inhabitant of any territory governed by any government to attempt to procure in the territory of the ruler or governed by the government. The alteration otherwise than by lawful mean of any matter as by law established.”* Makna dia masih ada peruntukan boleh mengena orang yang beria-ia hendak memecahbelahkan negara ini.

■1740

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat perjanjian- saya tidak hendak sebut Sabah dan Sarawak ini sebenarnya. Tadi Yang Berhormat sebut, macam mana pula kalau Johor hendak *independence*, macam mana pula kalau Pulau Pinang hendak *independence*, macam mana pula orang Kedah- memang sejarah ada hubung kait dengan petani umpamanya, hendak *independence*, buat empayar sendiri, bina di kawasan tersebut di utara. Jadi, apakah yang berlaku? Tuan Yang di-Pertua, masih ada peruntukan dalam undang-undang ini untuk mengenakan orang sedemikian itu melainkan selain daripada proses undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau kita lihat di negara Amerika, semenjak mulanya tertubuh negara Amerika pada abad ke-18 dahulu sehingga sekarang, tidak ada orang pun hendak pernah. Jadi, itulah *the strength of that country*. Dia tidak adapun lagi yang mempertikaikan soal ini. Saya amat bersetuju dengan apa Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas sebut, kita *have to address the grievances*, permintaan orang Sabah dan Sarawak.

Akan tetapi *alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua, RM13 juta akan dibuat jalan di Sarawak dan Sabah, *four lane traffic*. Impian orang Sarawak dan Sabah akan juga tercapai. *Insyah-Allah*, apabila jalan itu dibuat nanti, saya mengetahui secara peribadi Tuan Yang di-Pertua, *what have the PLUS Highway did to Peninsular?* Saya cukup yakin ia akan juga *deliver exactly the same spill of effect* sebagaimana yang *PLUS Highway* buat ke Sarawak dan Sabah apabila siapnya *Pan Borneo Highway* itu nanti. Jadi *insyallah*, kita jangan kecewa. Kerajaan sudah- ini Perdana Menteri yang pertama datang Sarawak, bagi hadiah yang begitu besar sekali kepada orang Sarawak dan Sabah! *[Tepuk]* Jadi, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas, kita tungguilah. Masih dalam *our life time* jugalah akan lihat benda itu nanti. Saya akan pandu sendiri pergi ke Sabah. Dahulu saya sampai Brunei sahaja.

Jumlah kes yang telah dituduh di mahkamah di bawah Akta Hasutan juga Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon tanya, mulai tahun 2010 hingga 20 Januari 2015, sebanyak 31 kes telah dituduh di mahkamah manakala sebanyak 84 kes telah *no further action*, ditutup oleh pihak Peguam Negara.

Statistik yang berhubung dengan agama. Sesungguhnya kerajaan tidak mengamalkan *selective prosecution* dalam kes berhubung agama. Untuk makluman, kerajaan hanya bertindak untuk mendakwa sekiranya terdapat keterangan yang mencukupi berdasarkan siasatan yang lengkap dan komprehensif.

Sekiranya ada siasatan yang mencukupi bagi kesalahan menghina agama, pendakwaan akan dibuat di bawah Kanun Keseksaan. Dapat dilihat dalam kes pengedaran *Bible* di SMK Jelutong, tiada pendakwaan dibuat kerana tiada keterangan yang mencukupi. Ingin ditekankan bahawa pendakwaan dalam kes berhubung dengan agama tidak mengira apa bangsa dan agama sekali pun.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya pun sudah tidak berapa banyak, ada sikit tinggal Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua fikir-fikir cerita lain selepas itu, orang Sarawak kata kejam, kelip, kejam, kelip, lupa, habis cerita saya.

Akta Hasutan digunakan terhadap orang politik sahaja. Dengan itu, akta perlu diperluaskan untuk tidak *commit* orang politik sahaja. Ini saranan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali. Sememangnya, Akta Hasutan tidak terpakai hanya kepada orang politik. Akta ini terpakai kepada mana-mana orang tidak kira sama ada orang itu orang politik atau tidak tanpa membezakan kategori orang. Sesiapa yang melakukan kesalahan termasuk dalam kecenderungan menghasut sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 3, Akta Hasutan akan tertakluk di bawah ruang lingkup Akta Hasutan ini. Misalnya kes yang diambil terhadap Profesor Azmi Sharom, Alvin Tan dan Eric Paulsen. Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 jelas memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang melakukan antara lain apa perbuatan yang mempunyai kecenderungan menghasut, melakukan suatu kesalahan menghasut di bawah Akta Hasutan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, soalan politik atau tidak politik ini...

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya berbeza...

**Dr. Syed Husin Ali:** Saya minta menjelaskan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya maksud saya bukan setiap orang politik atau tidak tertakluk kepada Akta Hasutan. Apa yang saya maksudkan dalam ucapan saya ialah saya harap bahawa kalau orang politik yang menjadi anggota parti politik yang sah boleh mengkritik kerajaan, maka harus diluaskan supaya orang lain- sebab orang tidak semestinya dalam parti politik untuk mengkritik atau memberi pandangan tentang kerajaan. Jadi sepatutnya diluaskan, diberikan juga umpamanya kepada NGO atau sebagainya. Terima kasih. Jadi, soalan tadi tidak dijawab dengan tepat. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya hendak jawab cepat, tepat, tetapi belum saya habis jawab, Yang Berhormat Senator Dr. Syed sudah berdiri dulu [*Ketawa*] Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tarik ini dulu... [*Membetulkan pakaian*] Tidak cukup makan hari ini [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, teruskan, teruskan. Ini kita banyak bil lagi Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, istilah politik Tuan Yang di-Pertua- saya mengkaji politik. Semasa saya mengkaji undang-undang dahulu, saya mengkaji politik Rusia, *Soviet Union* pada masa itu dan Eropah, Britain dan juga Amerika, khususnya *electoral system* dia. Daripada situlah, saya mengetahui bahawa apa makna politik sebenarnya. Itulah kadang-kadang Lina Soo yang lari ke England itu hendak membuat, memisahkan Sarawak dan Sabah keluar Malaysia itu, dia berselisih pendapat dengan saya. Dia kata, dia bukan politik,

dia bukan orang politik. Jadi saya kata, "*Politik maknanya, barang siapa yang mengkritik kerajaan untuk menubuhkan kerajaan jenis lain, corak lain, rupa lain, dia orang politik*". *That is politic. Politic is about the administration of the country.* Ekonominya, sosialnya, kemasyarakatannya dan pelbagai lagi, itu politik.

Jadi Yang Berhormat Senator Dr. Syed jangan bimbang. Penggunaan Akta Hasutan ini tidak terus kepada orang dalam politik yang berdaftar macam umpamanya orang UMNO, orang PBB, orang PKR, orang PAS begitu, tidak. Dia tidak *check* itu, bahkan tidak pernah pun polis tanya, "*You ahli PASKah ataupun you ahli PBB ataupun ahli UMNOkah you ini?*". Tidak ada. Dia akan tanya, "*Apa you cakap?*". Kalau *by coincidence* dia itu ahli orang politik, itulah apa boleh buat, dia sudah buat sendiri. Jadi oleh sebab orang politik sebenarnya mengikut pendaftaran parti, ahli parti dia yang banyak sangat mengkritik, yang keterlaluan kenapa *action* di bawah hasutan ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, minta supaya pertuduhan terhadap mereka yang mengkritik kerajaan digugurkan. Ya, ini memang telah digugurkan sebenarnya. Jadi, kita boleh mengkritik kerajaan tetapi balik kepada apa yang saya sebut awal tadi, mengkritiklah secara berhemat dan mengkritiklah jangan keterlaluan. Kita faham sebenarnya, sama ada kita menggunakan apa yang emak saya kata, "*Senyum ketawa, raja tersenyum dewa ataupun kita memaki hamun bagai orang kaki lima*". Dua-dua boleh pakai tetapi kalau menghamun kaki lima, kita akan tanya siapa yang bercakap *rather than what he said*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dari situ kita mengetahui bahawa yang memaki hamun ini sebenarnya emak saya kata, "*Hilanglah bangsanya, keturunannya*". Kasihan, orang macam itu perlu dapat simpati daripada semua pihak.

Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah, apakah jaminan kerajaan bahawa ahli politik tidak akan ditangkap di bawah Akta Hasutan seperti yang ditakutkan oleh pembangkang? Sebenarnya takut oleh semua orang Yang Berhormat Senator Dato'. Semua orang takut kena tangkap. Apa-apa sahaja kalau tangkapan itu ialah satu penganiayaan kepadanya.

#### ■1750

Jadi, kita bagi jaminan, bukan tangkapan kepada orang politik saja. Kita akan bagi jaminan bahawa barang siapa tidak melakukan kesalahan, tidak keterlaluan, kita jamin kita tidak ambil tindakan. Jadi, jaminan saya ini ada yang mempersoalkan. Itu jamin Yang Berhormat saja. Yang Berhormat, 300 tahun daripada 1688, tidak boleh hakim mahkamah merujuk kepada hansard Parlimen, dianggap satu *privilege* Parlimen. Dijadikan bukti apa yang dikatakan dalam Parlimen. Apakah sebab dan tujuan, apa makna, apa kehendak Yang Berhormat Menteri boleh dibuktikan di mahkamah. Akan tetapi apabila *House of Lords* membuat keputusan pada tahun 1990, di bawah kes yang bernama *Pepper and Hart, Pepper against Hart*.

*House of Lords* kaji semula sejarah England itu, soalan *privilege* Parlimen yang daripada 1688 hingga ke tahun 1990. Akhirnya, *the House of Lords*, panel hakim yang terkemuka 5 orang memutuskan bahawa kalau hendak tahu apa hasrat kerajaan menggubalkan satu undang-undang dan apakah janji dalam kerajaan, *refer* ke hansard Parlimen. Di sana terletaknya jamin saya, tidak lebih daripada itu, tidak kurang daripada itu. Akan tetapi kalau hakim tidak terima juga, itu bukan salah saya Yang Berhormat. Tanya hakim. Jadi, itulah jaminan yang saya boleh bagi supaya undang-undang ini dikenakan kepada

pihak yang melakukan kesalahan. Tidak kira dia orang biasa, orang tinggi, orang rendah, orang bawah, orang atas, politik, orang kerajaan dan sebagainya, rakyat Malaysia, bukan rakyat Malaysia, dia melakukan kesalahan, kita ambil tindakan. Itu jamin saya.

Dengan wujudnya undang-undang, masyarakat boleh hidup dalam keadaan aman dan damai, terutamanya di dalam sebuah negara yang berbilang bangsa dan kaum dan agama. Dengan terdapatnya masyarakat yang berbilang bangsa, kaum dan agama, maka keharmonian dan kesejahteraan rakyat serta keselamatan ketenteraman awam berlandaskan undang-undang yang telah digubal. Berhubung dengan itu, sikap pematuhan undang-undang dan menghormati adat dan budaya perlu dijaga dan perlu sikap bertolak ansur. Oleh itu, dalam melaksanakan undang-undang, sikap memilih kasih atau pendakwaan secara terpilih ataupun *selective prosecution* tidak timbul dan sepatutnya mesti tidak berlaku.

Pihak yang bimbang terhadap sesuatu undang-undang itu digunakan terhadap mereka saja adalah umpama pepatah mengatakan, "Siapa makan cili, dialah terasa pedas". Kita tidak perlu takut terhadap mana-mana undang-undang sekiranya kita tidak melakukan apa-apa kesalahan, Tuan Yang di-Pertua. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff, kes Chandra, lawan tetap lawan. Kes ini telah di NFA kan, *no further action*, ditutuplah oleh Peguam Negara kerana suspek dalam kes ini tidak dapat dikenal pasti kerana dalam *Facebook* yang digunakan adalah akaun palsu. Kewujudan lembaga ini daripada Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor, pewujudan lembaga untuk menentukan sama ada perbuatan yang dibuat adalah menghasut ataupun tidak.

Penentuan sama ada wujudnya suatu kesalahan atau tidak yang boleh membawa kepada sesuatu pendakwaan atau tidak merupa budi bicara Peguam Negara di bawah Perkara 145(3), Perlembagaan Persekutuan. Kuasa ini tidak boleh dilaksanakan oleh entiti lain selain daripada peguam selaku pendakwa raya. Jadi, ini Yang Berhormat Laksamana Tan Sri, banyak disebut dan dibahas di Dewan ini semenjak 25 tahun dahulu. Soalan mengambil alih kuasa pendakwa raya ataupun AG ini dan bahkan di sinilah letaknya kenapa dalam saranan-saranan tertentu oleh suruhanjaya, kita tidak pernah boleh meminda Perlembagaan 145 ini. Sebabnya, kuasa itu mestilah diletak kepada seorang yang mempunyai kepakaran yang khusus dalam sudut undang-undang untuk menilai sendiri sama ada mengambil tindakan ataupun tidak. Ini dilaksanakan di England. Jadi, kita memikirkan bahawa tindakan ini adalah yang wajar, yang betul, yang patut kita contohi.

Bukan makna semua yang kita warisi dari England itu betul tetapi yang ini kita nilai dan selama 50 tahun kita nilai, ia masih relevan Tuan Yang di-Pertua, tepat dan patut dipatuhi. Memandangkan perbuatan ini, menghindarkan mahkamah. Ini dia, persoalan tadi ada berbangkit soalan menghina mahkamah, institusi-institusi lain ada banyak dipersoalkan oleh Yang Berhormat. Soalan yang menghinakan mahkamah. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua itu arif dan pakar. Beliau banyak berjuang dalam mahkamah. Jadi, mahkamah itu tidak boleh dihina, tidak boleh di itu. Mahkamah sendiri mempunyai mekanisme sendiri di bawah undang-undang Perkara 126, Perlembagaan Persekutuan dan



seksyen 13, Akta Mahkamah Kehakiman untuk peruntukan bahawa mahkamah mempunyai kuasa untuk menghukum bagi menghina terhadapnya.

Jadi, mekanismenya memang ada Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua amat arif, kalau kita hinakan mahkamah, mahkamah mempunyai kuasanya sendiri untuk menghukum mana-mana pihak yang menghina mahkamah di bawah perlembagaan dan juga di bawah akta yang saya sebutkan tadi. Kalau sesiapa menghina Parlimen di luar sana ataupun di dalam ini, ada mekanisme Parlimen tersendiri. Tuan Yang di-Pertua pun tahu iaitu undang-undang *the House of Parliament Privilege and Powers Act*.

Kalau di England, banyak kes. Baca dalam *Erskine May* menunjukkan bahawa kalau seorang penulis dalam surat khabar, saya harap akhbar mendengar saya. Menulis cerita yang tidak betul, *contempt of Parliament*. Tuan Yang di-Pertua boleh minta hantar sapina kepada penulis tersebut. Bawa dari depan sini, suruh dia berdiri di sana. Itu di *bar of the House*. Berdiri di sana, minta dia memberi penjelasan. Kalau tidak betul penjelasan, sekarang boleh dihukum. Kalau tidak bayar hukum, boleh diarah oleh Presiden ataupun Tuan Yang di-Pertua Dewan, yang mana satu, untuk ditahan hingga dia bayar hukuman. Hanya yang tinggal Undang-undang *Rights and Privileges House of Parliament 1952 (Revised) 1988* ini ialah akta yang digubal 1952, tidak pernah dipinda sekalipun. Hanya pada Mac 1953 dan di laksana 1954. Hukuman-hukuman diletak di bawahnya hanya RM1 ribu untuk satu kesalahan yang mana di Selangor pun sudah 20 ribu hukuman.

Jadi, patut dipinda tapi Yang Berhormat sini tidak ada seorang pun bangkit. Adakah pindaan kepada Akta Hasutan perlu mendapat perkenan Majlis Raja-Raja menurut fasal 4, Perkara 38, Perlembagaan Persekutuan. Perkara 38 ini Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada ditanyalah kawan, sama ada perlu. Akan tetapi di dalam Perkara 48 ini (4), saya boleh bacalah sikit, mudah, "Tidak undang-undang yang secara langsung menyentuh keistimewaan kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-raja boleh dilulus tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja". Disebut ini, perkataan dalam Perlembagaan ini amat elok, 'yang menyentuh secara langsung'.

Jadi, dalam pandangan saya tidak ada satu pun *provision* dalam Akta Hasutan ini 'menyentuh secara langsung' keistimewaan, keutamaan Raja-Raja ataupun Sultan yang perlu mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja.

#### ■1800

Maknanya daripada apa yang saya lihat dia tidak perlu dirujuk dan tidak perlu mendapat keputusan Majlis Raja-Raja. Walaupun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut juga *the separation of power* sebagaimana yang saya sebut awal tadi bahawa *the check and balance* di antara badan kehakiman, *legislature*, perundangan dan juga eksekutif. Kalau undang-undang ini dianggap sebagai satu undang-undang *unconstitutional* mana-mana masyarakat di luar sana boleh bawa kes ini ke mahkamah minta mahkamah isytiharkan sama ada dia *constitutional* ataupun tidak *constitutional*. Kalau didapati *unconstitutional* kerajaan boleh kembali ke Parlimen lagi untuk meminda akta ini *where it is not constitutional* supaya ia selaras dengan Perlembagaan. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, di samping itu juga akta ini juga ialah pindaan sahaja dan pindaan untuk perbaiki lagi *provision* yang ada. Ini bukan akta baru. Ini pindaan sahaja. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat itu. Teruskan Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila Tuan Yang di-Pertua bercakap orang mesti duduk diam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Pertanyaan daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi di hujung perbuatan tidak menghormati lambang negara seperti bendera Malaysia dan sebagainya. Buat masa sekarang undang-undang yang terpakai bagi menghalang penggunaan salah atau tidak wajar *in proper use* lambang, simbol negara termasuklah bendera Malaysia ialah Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan) Tidak Wajar 1963 [*Akta 414*] dan juga di bawah peruntukan yang bersesuaian di bawah Kanun Keseksaan. Di bawah Akta 414 mana-mana yang menggunakan secara tidak wajar lambang dan nama boleh dikenakan denda sehingga RM1,000 dan ini juga menunjukkan bahawa hukumannya amat kecil Tuan Yang di-Pertua tetapi ada *provision*.

Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam perbuatan yang tidak menghormati lagu negara apabila dimainkan di upacara rasmi berdasarkan Akta Lagu Kebangsaan 1968 menurut seksyen 8(1) rakyat Malaysia hendaklah menunjukkan rasa hormat dan sayang dan mencintai lagu kebangsaan dan mendekati sendiri apabila lagu Negaraku dimainkan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Seksyen 8(2) memperuntukkan hukuman kepada sesiapa yang ingkar dan tidak menunjukkan rasa hormat kepada lagu Negaraku seseorang itu apabila disabitkan boleh dikenakan denda Tuan Yang di-Pertua RM100 atau penjara tidak melebihi satu bulan. Maknanya perlu dilihat semula dan dikaji semula peruntukan ini tetapi Tuan Yang di-Pertua, ingin saya beri pengalaman saya masa di England, kawan *classmate* saya duduk sama serumah dengan saya nama dia Richard Paul. Apabila pukul 12 tengah malam Tuan Yang di-Pertua tahu ini, England BBC akan memainkan lagu, "*God Save the Queen*". Apa sekalipun dia buat apabila, "*God Save the Queen*" dimainkan dia meninggalkan apa sahaja sama ada kita dalam perbincangan apa sekalipun dia akan berdiri macam ini Tuan Yang di-Pertua sampai habis. Tanya kita sendiri di sini Tuan Yang di-Pertua siapa buat. Ada tidak kita buat? Inilah kekuatan negara macam Amerika, negara macam England ini. Taat dia. Jadi saya berharap masyarakat negara kita menghormati...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Dekat habis. Betul-betul habis Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif isu berhubung keperluan menstria, peguam ini bagi kesalahan menghasut di bawah Akta Hasutan.

Untuk makluman, walaupun elemen *mens rea* tidak diperlukan untuk membuktikan bagi kesalahan hasutan di bawah akta ini tetapi elemen *seditious tendency*, ini amat penting sekali. Elemen berhubung dengan *seditious tendency* masih perlu dibuktikan dalam perkataan lain apa yang diucapkan atau disabitkan mesti mengandungi kecenderungan menghasut sebelum seseorang itu boleh didakwa.

Maknanya kes itu sendiri memang tidak perlu menstria pemikiran sama ada hendak menghasut atau tidak tetapi apa yang dia kata itu sama ada diklasifikasikan sebagai *seditionous tendency* ataupun tidak. Jadi maknanya tiap-tiap elemen undang-undang ini masih membuktikan bahawa hakim masih ada mempunyai budi bicara sama ada orang ini didapati salah ataupun tidak.

Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff, apakah apabila didakwa di bawah Akta Hasutan bermakna seseorang tersebut didapati bersalah. Malaysia sebuah negara yang mana badan kehakimannya mengamalkan sistem *adversarial* iaitu satu sistem yang mana beban membuktikan adalah terletak kepada pihak yang bersabit yang manakah hakim tidak boleh terlibat atau mencadangkan apa-apa yang perlu dibuktikan di mahkamah. Selain itu sistem yang diamalkan adalah berasaskan prinsip *innocent until proven guilty*. Prinsip itu masih diguna pakai walaupun dalam undang-undang mana pun ia bukan macam kalau orang itu dituduh dia adalah tidak betul sebenarnya. Walaupun dalam *strict liability case* orang itu dituduh dia terus dikatakan bersalah tidak sebenarnya. Banyak elemen lain yang perlu dibuktikan bahawa dia telah melakukan kes. Jadi tidak betullah mengatakan apabila tiap-tiap kes yang *strict liability* ini apabila orang itu dituduh sahaja dia sudah didapati bersalah. Maknanya dia salah *first* lepas itu dia hendak *prove* dia sendiri *innocent*. Tidak sebenarnya.

Jadi percayalah undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua tidak mendatangkan ketidakadilan kepada mana-mana pihak. Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, apakah perbuatan memanggil sesuatu kaum dengan gelaran tertentu seperti keling atau bhai terjumlah kepada perbuatan menghasut? Untuk menentukan apa yang diucapkan adalah menghasut atau tidak di bawah Akta Hasutan keseluruhannya konteks ucapan yang dibuat perlu ditilik. Pendakwaan bagi kesalahan menghasut boleh dibuat jika bahasa dan perkataan digunakan mempunyai kecenderungan untuk menghasut, menggalak perasaan permusuhan dan mengandungi niat jahat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua ini amat penting diketahui saya selalu menyebut Tuan Yang di-Pertua kalau orang kata saya ini buta kata dia, mungkin pada dia tidak menjadi masalah tapi kalau orang lain sebut dia ini si buta. Jadi cara kita sebut itu penting. Jadi maknanya keseluruhan perkataan macam guna pakai itu akan mencerminkan tujuan seseorang itu sama ada dia boleh diklasifikasikan sebagai menghasut atau tidak menghasut. Tuan Yang di-Pertua,

*Mawar melati indah di taman,  
Indah lagi kembang selasih.  
Selesai sudah perbahasan hasutan,  
Sampai di sini saya ucap terima kasih... [Tepuk]*

Wah, cantik juga pantun ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, 21 semuanya seharian berbahas hingga ke petang, sudah sampai waktu penghujungnya, semoga kita jumpa di sisi Parlimen akan datang Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu terima kasih. *Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan semula kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN (PINDAAN) 2014**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Menteri.

**6.10 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendidikan 1996 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, langkah mentransformasikan pendidikan vokasional atau TVET sebagai aliran perdana adalah seiring dengan hasrat kerajaan untuk menyediakan lebih ramai tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih atau *k-workers* dengan izin dalam pelbagai sektor ke arah mencapai aspirasi sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Usaha ini juga dilakukan melalui penyediaan ruang dan peluang yang lebih luas kepada rakyat selaras dengan anjakan satu iaitu menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 lonjakan keempat iaitu graduan TVET berkualiti di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk Pendidikan Tinggi (PPPMP) 2015-2025 dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan pesat dalam sektor industri negara sudah pasti akan tergugat sekiranya tenaga mahir tidak dapat disediakan secukupnya. Justeru, bagi memastikan modal insan yang dijana dalam bidang ini mempunyai tahap kemahiran yang tinggi dan memenuhi kehendak industri maka kualiti pendidikan vokasional terus dipertingkatkan dan disesuaikan dengan perkembangan dan kehendak semasa.

Ini bertujuan untuk memastikan kualiti tenaga mahir yang dihasilkan turut dilengkapi dengan elemen kreatif dan inovatif yang mampu menyumbang kepada penjanaaan kekayaan baru bagi negara. Transformasi yang dilaksanakan ini telah berjaya mengubah stigma masyarakat yang sebelum ini menganggap aliran vokasional sebagai kelas kedua *sub standard* dengan izin di mana pada ketika ini ianya telah menjadi aliran pilihan ramai murid. Ini terbukti apabila semenjak transformasi ini dilaksanakan dari tahun 2012 hingga tahun 2014, bilangan permohonan untuk mengikuti program di kolej vokasional telah melonjak ke jumlah 311,837 permohonan berbanding sebelum transformasi ini dilakukan.

Melalui PPPMPT 2015-2025 yang dilancarkan baru-baru ini, Kementerian Pendidikan telah menasarkan peningkatan sebanyak 2.5 kali ganda bagi keseluruhannya *enrolment* TVET kepada 650,000 orang pelajar menjelang tahun 2025. Daripada jumlah tersebut, 300,000 orang daripadanya didaftarkan di bawah program yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui kolej komuniti, kolej vokasional (KV) dan politeknik.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan transformasi yang dilaksanakan ini, Program TVET membabitkan dua aspek penting iaitu Program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan kolej vokasional (KV) sebagai laluan dalam usaha mencapai matlamat berkenaan. Sehubungan ini, bagi memantapkan dan melestarikan penerimaan keseluruhan serta kurikulum di bawah Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV), Kementerian Pendidikan telah melaksanakan projek rintis PAV di 15 buah sekolah menengah kebangsaan (SMK) di samping menaik taraf 15 buah sekolah menengah vokasional menjadi KV mulai sesi persekolahan tahun 2012.

Sehingga ini, terdapat sejumlah 80 KV yang sedang giat melaksanakan TVET dan 85 buah SMK yang menawarkan PAV termasuk di empat buah sekolah K9. Untuk makluman Dewan yang mulia, kemasukan untuk mengikuti program TVET ini adalah dalam kalangan murid-murid lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan kini Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Mereka akan mengikuti pengajian dalam tempoh empat tahun tiga bulan di KV dan di akhir pengajian murid yang lulus dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia akan dianugerahi Diploma Vokasional Malaysia (DVM).

Program ini menggunakan sepenuhnya Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang terdiri daripada dua buah komponen yang masing-masing membabitkan 70% komponen kemahiran dan 30% komponen akademik di peringkat pra-diploma. Manakala 80% komponen kemahiran dan 20% komponen insaniah atau *soft skills*, dengan izin, dilaksanakan di peringkat diploma bagi memenuhi hasrat yang terkandung di bawah Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Seterusnya bagi menyediakan laluan pendidikan dan kemajuan kerja kepada mereka yang ingin meneruskan pengajian yang lebih tinggi, kementerian telah menyediakan platform untuk mereka menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi melalui latihan serta pendidikan berkualiti dan impak tinggi di 91 buah kolej komuniti, 33 buah politeknik dan 4 buah universiti di bawah rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN)

#### ■1820

Ini selaras dengan lonjakan keempat PPPNPT bagi melahirkan graduan TVET yang berkualiti bagi memenuhi permintaan industri dan menambah peluang untuk kemajuan kerjaya. Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan transformasi ini mencapai matlamatnya, sektor industri awam dan swasta turut terlibat daripada awal pelaksanaannya terutamanya menyediakan tenaga pakar industri sebagai tenaga pengajar jemputan di KV.

Selain daripada itu, kedua-dua sektor tersebut diharap dapat membantu menyediakan prasarana yang diperlukan khususnya yang melibatkan industri berteknologi tinggi melalui kerjasama strategik, *public-private partnership*, dengan izin, di bawah inisiatif PPPM dan PPPMPT. Kerjasama ini turut dijalankan berteraskan pendekatan *National Blue Ocean Strategy*, dengan izin, atau NBOS yang diperoleh oleh kerajaan bagi mengoptimumkan kepakaran dan kemudahan yang dimiliki oleh agensi dan industri tempatan.

Menerusi perkongsian pintar ini, keperluan dan maklumat industri semasa akan dapat didedahkan secara terus kepada murid. Selain itu, Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan GIATMARA juga turut dilibatkan dalam melaksanakan TPV melalui inisiatif kolaboratif yang menjurus kepada bidang berteknologi tinggi. Antaranya teknologi pemesinan industri, fabrikasi logam, pembuatan, perkakasan, seramik dan perkayuan. Kementerian Pendidikan turut menjalinkan kerjasama dengan Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) bagi melaksanakan TPV dalam bidang kemahiran berimpak tinggi.

Sehingga kini, sejumlah 10 ILKS telah terlibat melalui inisiatif *buying places*, dengan izin. Antaranya meliputi bidang seperti kejuruteraan penerbangan, teknologi marin, kejuruteraan kapal, mekatronik dan kimpalan dasar laut. Sehingga kini, hasil kerjasama dengan semua pihak yang terlibat telah berjaya meningkatkan kadar enrolmen murid ke angka 57,788 orang murid dalam pelbagai bidang kemahiran. Selain itu, penekanan kursus juga telah diberi kepada program keusahawanan untuk memastikan modal insan yang dijana daripada program TVET mampu berdikari, berdaya saing dan memiliki pemikiran minda niaga atau *business minded* dengan izin, yang boleh memaju ekonomi diri dan negara. Melalui fokus ini, disasarkan 10% daripada lepasan KV boleh bertindak sebagai penjana pekerjaan atau *job creators*, dengan izin, yang berupaya mencipta pekerjaan untuk orang lain dan bukan lagi sebagai pencari pekerjaan atau *job seekers*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari akan potensi, minat, kecenderungan dan kebolehan Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam bidang kemahiran, Kementerian Pendidikan turut menyediakan tempat kepada mereka melalui jalinan kerjasama secara *buying seats*, dengan izin, dengan ILKS dalam bidang

kemahiran seperti kulinari, penyediaan makanan, pengkomputeran, multimedia dan automatif. Sehingga kini terdapat sejumlah 1,210 orang MBK yang sedang mengikuti pendidikan dan latihan vokasional di enam buah ILKS.

Tuan Yang di-Pertua, seiring dengan perubahan struktur pendidikan di KV, Kementerian Pendidikan telah mengkaji dan mengenal pasti terdapatnya keperluan untuk mengadakan peruntukan kursus di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) bagi tujuan penjenamaan dan pengoperasian KV di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan.

Pindaan kepada Akta 550 ini memperincikan pelaksanaan dan pengurusan KV sebagai institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan dan latihan teknik dan vokasional selepas pendidikan menengah rendah yang merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan.

Pindaan kepada Akta 550 ini juga menetapkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang seharusnya diperoleh oleh murid KV melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) pada akhir tempoh pendidikan vokasional. Pindaan ini juga menetapkan mana-mana institusi lain yang menjalinkan kerjasama melaksanakan program atau latihan dengan KV hendaklah menggunakan KSKV.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 1 di bawah rang undang-undang ini mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 550 untuk memasukkan takrif kolej vokasional dan kurikulum standard kolej vokasional.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan bab baharu 5A ke dalam Akta 550. Seksyen 33A bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menubuhkan dan menggerakkan sepenuhnya kolej vokasional.

Seksyen 33B memperuntukkan bahawa semua kolej vokasional hendaklah menggunakan kurikulum standard kolej vokasional.

Seksyen 33C membenarkan kolej vokasional untuk bekerjasama dengan mana-mana institusi, pertubuhan atau organisasi perindustrian bagi maksud antara lain melaksanakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional dan meningkatkan kemahiran pendidikan dan latihan teknik dan vokasional murid. Mana-mana program atau latihan yang dijalankan dengan kerjasama institusi, perbadanan atau organisasi perindustrian itu hendaklah menggunakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional.

Seksyen 33D bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan perenggan baru ke dalam seksyen 130(2) Akta 550, untuk memberi Menteri kuasa untuk menubuhkan, menyusun, mengurus, mengawal dan membubarkan apa-apa majlis, badan atau jawatankuasa bagi pendidikan dan latihan teknik dan vokasional.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014 ini akan melibatkan perbelanjaan tambahan kepada kerajaan. Dalam hal ini, sebarang perubahan yang melibatkan tambahan kepada peruntukan perbelanjaan akan dibincangkan secara berasingan dengan Kementerian Kewangan.

Rang undang-undang ini juga melibatkan kuasa yang diperuntukkan kepada Menteri Pendidikan dalam melaksanakan KV sebagai institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan latihan teknik dan vokasional selepas pendidikan menengah rendah.

■1830

Rang undang-undang ini juga akan membolehkan kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan dasar pendidikan dan latihan teknik dan vokasional di KV secara berstruktur dan bersistematik.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Pindaan ini juga bertujuan untuk mengemas kini peruntukan undang-undang sedia ada supaya selaras dengan pindaan yang dicadangkan serta bersesuaian dengan perubahan dan perkembangan semasa dalam sistem pendidikan kebangsaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Dengan termaktubnya pindaan ini sebagai undang-undang tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia akan menjadi lebih jelas, kemas kini dan dasar Kementerian Pendidikan khususnya berkaitan dengan KV akan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan lancar. Pindaan-pindaan lain yang tidak disebut secara khusus adalah pindaan-pindaan kecil atau yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sehingga ini telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif bagi memperkasa pendidikan teknik dan vokasional dan akan terus komited meneruskan usaha murni ini. Justeru, Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014 ini diharap mampu melancarkan pelaksanaan transformasi pendidikan vokasional dan meningkatkan peratusan murid aliran berkenaan kepada 20% menjelang tahun 2020. Apa yang jelas, transformasi pendidikan vokasional ini bukan sekadar memberikan satu alternatif kepada sistem pendidikan negara tetapi antara pendekatan untuk merealisasikan hasrat kerajaan dalam mengisi perancangan dan memenuhi keperluan tenaga mahir negara ke arah mencapai hasrat dan aspirasi negara sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendidikan 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Di hadapan saya sekarang ada senarai tercatat sepuluh orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menghantar nama dan ingin membahas rang undang-undang ini. Jadi tanpa melengahkan masa saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi. Silakan, Yang Berhormat.

**6.33 ptg.**

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang saya hormati Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara. Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan



Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut berbahas rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendidikan 1996 iaitu Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014. Saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak kementerian kerana mendatangkan suatu rang undang-undang dengan pindaan bagi bergerak seiring dengan transformasi program latihan dan vokasional seiring dengan apa yang dituntut di peringkat antarabangsa.

Kalau kita fahami, *United Nations Organization for Education, Science and Culture* (UNESCO) dengan izin mentakrifkan latihan TVET ataupun teknikal dan vokasional sebagai satu aspek proses pendidikan selain pendidikan umum yang melibatkan pembelajaran dalam bidang teknologi dan sains berkaitan dan juga latihan kemahiran praktikal, sikap, pemahaman dan pengetahuan tentang pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi dan kehidupan sosial. Saya kira dalam definisi ini, kita jelas bahawa aspek TVET ini amat diperlukan sekali dalam kerangka melonjak negara kita ke arah satu tahap yang lebih maju lagi, bukan sahaja maju dalam erti kata hebat daripada segi kekuatan fizikal dan material dan kebendaan tetapi juga seharusnya mempunyai keupayaan melahirkan insan-insan tenaga kerja yang berkualiti. Ini juga seperti mana yang Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, ia adalah selaras dengan Program Transformasi Ekonomi yang telah disasarkan oleh pihak kerajaan.

Saya ada beberapa persoalan yang ingin saya bangkitkan kepada pihak kementerian kerana saya tidak mahu mengambil masa yang lama untuk berbahas. Isu-isu yang sering kali dibangkitkan dalam konteks cabaran-cabaran dalam pendidikan TVET ataupun teknikal dan vokasional ini aspek melahirkan tenaga kerja yang berkualiti. Tadi, Yang Berhormat sebutkan bahawa, bagus di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 khusus berkenaan dengan pendidikan tinggi menjelaskan bahawa dalam konteks membangunkan aspek teknikal dan vokasional ini, sudah tentu ia tidak boleh lari daripada Falsafah Pendidikan Negara dalam melahirkan generasi pelajar ataupun generasi pekerja yang seimbang. Bukan sahaja daripada segi aspek kerohanian, jasmani, emosi dan juga aspek intelektual dan sosial.

Justeru, ada beberapa perkara yang saya ingin persoalkan iaitu apabila kita bercakap soal pendidikan secara umum dan pendidikan TVET secara khusus. Tiga buah komponen penting yang harus kita berikan perhatian.

Pertama, ialah aspek kepimpinan bagi industri tersebut.

Kedua ialah aspek tenaga pengajar ataupun tenaga pendidik dan yang ketiga ialah konteks sistem dan pelajar itu sendiri. Dalam konteks ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Dalam kerangka untuk melahirkan tenaga kerja yang berkualiti ini, apakah dan bagaimanakah kedudukan hari ini daripada segi tenaga pengajar yang ada di sektor teknikal dan vokasional ini? Apakah tenaga-tenaga pengajar ini benar-benar mempunyai keupayaan untuk mengajar berasaskan realiti industri yang sebenar? Maksudnya dia harus bersifat *industry demand oriented* ataupun berasaskan orientasi yang diperlukan oleh industri itu sendiri.

Dalam kerangka ini, apakah tenaga-tenaga pengajar kita ini tenaga-tenaga pengajar yang memang mereka yang mempunyai pengalaman dalam industri ataupun mereka yang hanya mampu

untuk menyumbatkan ataupun menyalurkan ilmu berasaskan buku-buku atau kitab-kitab semata-mata? Jadi ini perkara pertama yang ingin saya bangkitkan.

Kedua, apabila dikatakan tadi peratusan dalam konteks *soft skill* ada 20% bagi memastikan merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara. Akan tetapi saya hendak tanya apakah 20% itu termasuk aspek kerohanian, aspek keagamaan dan aspek ketuhanan kerana kalau kita lihat dalam konteks hari ini, cabaran utama kita ialah cabaran hendak memastikan bahawa tenaga-tenaga pekerja kita ini bukan hanya mempunyai kemahiran bekerja tetapi juga mesti mempunyai keseimbangan daripada segi aspek kerohanian dan ketuhanan.

Umpamanya, apabila kita bercakap dia ini seorang pekerja dalam sektor perindustrian ataupun pertanian. Bagaimanakah dia harus memahami bahawa pekerjaannya itu juga ada unsur-unsur keagamaan dan ketuhanan? Apabila dia bekerja dalam sektor pertukangan umpamanya ataupun dalam sektor mekanikal, kejuruteraan. Apakah ada di sana aspek kerohanian yang diberikan penelitian dan penegasan kerana kalau kita tidak memberikan penelitian dan penegasan yang tuntas berkenaan dengan aspek-aspek ini, saya risau mereka ini kita lahirkan sebagai pekerja-pekerja yang mahir. Akan tetapi mereka tidak berkeupayaan untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran yang akhirnya menyentuh soal integriti umpamanya ataupun menyentuh soal aspek apabila berlakunya konflik antara kepentingan diri dengan kepentingan organisasi ataupun kepentingan etika, akhlak dan adab umpamanya.

Ia juga berkaitan dengan persoalan saya seterusnya kepada kementerian. Apakah kementerian sedar bahawa hari ini apabila kita bercakap sepanjang dua hari ini kita memperdebatkan ataupun membahaskan Akta Pencegahan Keganasan. Kebanyakan yang terlibat dalam elemen-elemen radikalisme ataupun keganasan ini, pada hakikatnya mereka yang daripada latar belakang teknikal dan bukannya mereka daripada latar belakang agama.

#### ■1840

Kalau kita lihat golongan Jemaah Islamiah (JI) sebelum ini, Nordin Mat Top umpamanya yang telah terbunuh pun dari Universiti Teknologi MARA. Beliau merupakan pensyarah dalam bidang teknikal dan juga pelajar di UTM pada satu ketika. Dr. Azahari Husin umpamanya, yang juga terbunuh apabila...

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Saya mencelah sedikit Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, yang Mat Top itu UTM, bukan Universiti Teknologi MARA ya.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Maafkan saya. UTM, Skudai, Johor. Saya minta maaf kepada bekas Naib Canselor kepada UiTM. Keduanya, Dr. Azahari Husin. Beliau merupakan seorang tenaga pengajar di UTM, Skudai yang merupakan pemegang PhD dalam bidang kejuruteraan mekanikal. Bahkan saya pernah melihat tesisnya dari *University of Reading* waktu saya belajar di UK dahulu dan dia mendapat tesis yang terbaik pada waktu itu. Akan tetapi, seperti mana saya katakan tadi, apabila kita tidak memberikan kefahaman berkenaan dengan aspek keagamaan yang tuntas, kemahiran yang ada pada mereka ini akhirnya disalahgunakan untuk perkara-perkara lain untuk membuat bom umpamanya.

Terbaru, seperti mana pagi ini Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sebutkan, tujuh orang yang ditangkap baru-baru ini adalah daripada orang yang mempunyai kemahiran sebagai juru wayar yang

mana sekali lagi mereka ini mempunyai kemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional, yang kalau tidak digunakan untuk perkara yang baik, akhirnya terjebak dalam perkara-perkara yang mendatangkan kemudaratan dan banyak lagilah kalau kita lihat.

Saya rasa kalau kita minta senarai daripada Kementerian Dalam Negeri mereka yang terlibat dalam JI, mereka yang terlibat dalam Kumpulan Militer Malaysia, sehinggalah hari ini, IS, kalau kita perhatikan, tidak ada seorang pun setakat hari inilah mereka yang mempunyai latar belakang agama, mereka yang belajar daripada jurusan syariah ataupun usuluddin, umpamanya. Ini kerana kalau mereka ini belajar agama, mereka tidak akan terjebak dengan perkara-perkara yang memudaratkan orang lain kerana agama Islam tidak sekali-kali membenarkan melakukan kemudaratan kepada orang lain. Sebab perkara asas yang disebut dalam hadis yang menjadi disiplin ilmu fikah yang besar contohnya... *[Membaca sepotong hadis] "Jangan kita memudaratkan diri kita dan jangan kita memudaratkan orang lain"*. Itu hadis yang telah membina kaedah-kaedah fikah yang besar dalam disiplin ilmu Islam.

Itu satu contoh bagaimana apabila kita tidak menitikberatkan aspek kerohanian ataupun kefahaman berkenaan dengan agama yang benar dan tuntas terutama dalam berhadapan dengan realiti cabaran dan ancaman-ancaman yang ada pada hari ini. Sebab itulah saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah aspek ini diberikan perhatian? Ini kerana saya takut apabila kita bercakap soal transformasi vokasional, kita hanya banyak menumpukan soal seperti mana yang saya katakan tadi, *focusing on the industrial demand orientation*, ataupun, *oriented*, dengan izin. Maknanya kita hanya memikirkan soal apa keperluan industri tetapi kita lupa bahawa falsafah pendidikan kita yang telah kita lakarkan itu, lebih besar maknanya berbanding dengan itu.

Berbalik kepada soalan yang seterusnya kepada kementerian iaitu soal keperluan dan permintaan industri tadi. Apakah kurikulum yang ada pada hari ini dan sedang digubal hari ini benar-benar berasaskan kerangka ini? Sebagai contohnya, penyertaan dan jalinan kerjasama dengan industri yang pelbagai sifatnya kerana hari ini kerajaan telah meletakkan ada 12 sektor yang dikenal pasti sebagai bidang keberhasilan ataupun bidang ekonomi utama negara. Apakah TVET ini ia seiring dengan keperluan yang dituntut oleh negara secara keseluruhannya? Kalau kita hanya bercakap soal vokasional dan kita tidak memfokuskan kepada agenda besar kerajaan, saya risau, takut nanti kita hanya syok sendiri melahirkan lebih ramai tenaga pekerja tetapi tenaga pekerja apabila sampai kepada realiti fokus ekonomi negara, dia tidak ada kerja kerana terlalu banyak lambakan berlaku di dalam industri. Ini perkara penting.

Begitu juga soalan yang berkaitan kepada pihak kementerian dalam konteks latihan *internship* ataupun latihan industri. Apakah di sana ada satu mekanisme yang kita hendak pastikan supaya seperti mana yang diamalkan oleh negara-negara Barat, latihan industri itu diberikan keutamaan lebih besar berbanding dengan aspek teori dan aspek mendapatkan pengajian dalam bilik darjah? Ini kerana aspek latihan dan vokasional ini berbeza dengan aspek pembelajaran lain. Dalam hal ini juga, apakah kementerian sudah memikirkan soal bagaimana mekanisme hendak memastikan kesinambungan ataupun aspek latihan industri ini dapat berjalan dengan baik dan lancar, soal pemberian insentif cukai

ataupun pemotongan cukai korporat kepada organisasi ataupun institusi-institusi, agensi-agensi ataupun syarikat-syarikat yang memberikan penempatan seluas-luasnya kepada tenaga kerja ini? Saya rasa, ini antara perkara yang penting untuk diberikan perhatian.

Seterusnya, saya ingin bertanya juga kepada pihak kementerian apabila menyebut soal program transformasi yang begitu besar ini, antara lainnya memberikan ataupun pelaksanaan apa yang disebut dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia soal memberikan autonomi yang lebih kepada institusi-institusi yang memberikan pendidikan TVET ini. Apakah di sana ada pelan tertentu ataupun pelan peralihan yang disediakan dan dikawal selia oleh kementerian sendiri? Ini kerana walaupun memberikan autonomi tetapi kita perlu memantau dan mengawal selia kerana takut-takut nanti industri ataupun institusi-institusi yang memberikan latihan TVET ini tidak menepati apa yang dihasratkan oleh pihak kementerian.

Justeru, persoalan yang saya bangkitkan tadi, apakah di sana pelan peralihan ini ataupun *transitional plan* ini disediakan dan dikawal selia oleh KPM ini sudah ada atau tidak kerana autonomi daripada segi pemilihan pelajar, soal jalinan kerjasama dengan pihak industri, soal penawaran kursus, soal pembangunan kurikulum yang telah saya bangkitkan sebentar tadi? Ini antara perkara-perkara yang penting di dalam hendak memperkasakan ataupun hendak memastikan bahawa pelan transformasi latihan teknikal dan juga vokasional ini dapat berlaku dengan lancar.

Akhir sekali, saya hendak memberikan penumpuan juga soal yang saya sebutkan tadi iaitu soal penstrukturan ataupun penekanan terhadap aspek kurikulum pendidikan teknik dan vokasional. Secara asasnya seperti mana kita tahu, kurikulum ini seharusnya memberikan pemerhatian dan penghalusan, bukan sahaja kepada keperluan industri tetapi juga keseimbangan dalam konteks kerohanian yang saya sebutkan tadi. Justeru, daripada segi pembinaan kurikulum ini, saya ingin tahu daripada kementerian, bagaimanakah keterlibatan pelbagai *stakeholders*, pelbagai pihak daripada pihak swasta, agensi-agensi kerajaan yang lain yang perlu juga dilibatkan supaya mereka ini akan dapat menyumbang secara langsung? Ini juga terkait dengan saya kira, kalau kita lihat dalam konteks Kementerian Sumber Manusia umpamanya, perlu mungkin diwujudkan skim-skim perkhidmatan khusus bagi pemegang-pemegang sijil kemahiran yang dikeluarkan oleh pelbagai institusi ini bagi memastikan bahawa pelajar-pelajar ataupun tenaga-tenaga yang kita bina ini benar-benar dapat menyumbang kepada industri secara berkesan.

Saya akhirnya Tuan Yang di-Pertua, ingin sekali lagi mengucapkan syabas kepada pihak kementerian atas pindaan ini yang seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 - 2025. Dengan ini, saya ingin turut menyokong rang undang-undang untuk meminda Akta Pendidikan 1996 iaitu Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014. Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang kita beralih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Silakan Yang Berhormat.

## ■1850

6.50 ptg.

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi ruang dan peluang untuk turut berbahas Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari lepas, hari Sabtu saya telah membaca daripada Berita Harian mengenai kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang berkata bahawa kepercayaan kepada kementerian menerajui persidangan antarabangsa membuktikan pengiktirafan dunia terhadap usaha berterusan dan komitmen bersepadu negara mentransformasikan pendidikan negara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, beliau amat yakin bahawa pendidikan vokasional dan teknikal di dalam negara ini diiktiraf oleh seluruh dunia. Ini membuktikan apabila Malaysia terpilih sebagai tuan rumah persidangan UNESCO Asia Pasifik bagi Pendidikan dan Latihan- ACET 2015 pada Ogos depan. Persidangan yang bertemakan Pembangunan Kerja Kemahiran untuk Masa Depan dihadiri seribu orang peserta mewakili 48 buah negara di rantau Asia Pasifik yang bakal diadakan 3 hingga 5 Ogos di Pusat Konvensyen Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Ini menunjukkan bahawa negara kita negara yang terbaik dalam bidang vokasional dan teknikal. Menurut beliau juga, menurut Timbalan Perdana Menteri, persidangan ini menjadi platform merealisasikan pengantarabangsaan Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Pendidikan Tinggi 2015/2025.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita ini ibarat kata kampung, 'bukan uncit, bukan ke terbelakang tetapi kita adalah setaraf dengan negara-negara dunia lain'.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem dan kurikulum baru pendidikan vokasional yang membolehkan pelajar memilih jurusan kemahiran seawal 13 tahun dan mendapat diploma secara jalan pintas melalui perwujudan kolej vokasional selepas tingkatan tiga yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2013. Perkembangan baru yang dijangka mengubah landskap pendidikan negara itu bukan sahaja mengarusperdanakan aliran kemahiran vokasional, malah mengubah komposisi modal insan daripada yang berorientasikan lepasan akademik sekolah menengah harian kepada lepasan aliran vokasional sesuai dengan amalan di negara-negara maju.

Transformasi Pendidikan Vokasional (PTPV) akan melibatkan dua aspek penting iaitu Program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan kolej vokasional. PAV atau Pendidikan Asas Vokasional ditawarkan kepada pelajar menengah rendah seawal tingkatan satu sehingga tingkatan tiga iaitu selepas Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang cenderung kepada pendidikan bercorak amali. Hari ini kita di Dewan yang mulia ini membahaskan rang undang-undang pindaan mengenai teknik dan vokasional.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya rang undang-undang ini bertujuan menjenamakan semula pendidikan teknikal dan vokasional dalam negara ini, termasuklah meningkatkan taraf kolej vokasional ke peringkat yang lebih tinggi. Setakat mana syarat-syarat kelayakan bagi kursus diploma lanjutan dan ijazah sarjana muda di politeknik, universiti awam dan swasta menerima pakai kelayakan pelajar yang

mempunyai Diploma Vokasional Malaysia (DPVM). Perkara-perkara sebegini boleh dilihat secara serius dan segera malah memastikan misi dan visi kementerian mempunyai kesinambungan kepada pelajar Diploma Vokasional Malaysia untuk melanjutkan pendidikan lebih tinggi selain mempunyai kemahiran yang tinggi.

Saya berharap di bawah fasal 33c(1) hendaklah memastikan kolej vokasional ini perlu mengadakan pendidikan dan latihan teknik dan vokasional mengikut kebolehpasaran, meningkatkan kemahiran pembelajaran dalam bidang berkenaan dan melaksanakan pembinaan teknologi pada masa kini. Kurikulum standard kolej vokasional mula disusun semula yang mengandungi 70% latihan kemahiran dan 30% akademik umum.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membina kurikulum ini, adakah kementerian membuat satu analisa di mana kurikulum ini nanti akan memenuhi kehendak industri tempatan dan juga antarabangsa kerana itu yang sangat penting sekali. Di bawah fasal atau seksyen 33b dan juga 33c yang mana membenarkan kolej vokasional bekerjasama dengan institusi kehendak pasaran luar mengikut kurikulum standard kolej vokasional. Saya yakin bidang-bidang kemahiran ini amat berkait rapat dengan dunia keusahawanan dan dengan itu subjek ini perlu diajar serentak dalam bidang kemahiran berkenaan.

Di samping itu, saya juga ingin mengesyorkan kepada pihak kerajaan supaya pendidikan vokasional dan teknikal ini kalau boleh kita mulakan dari tingkatan satu sebagai satu ruang dan peluang menjana elemen kemahiran tinggi seperti mana yang kita telah perkenalkan kepada pendidikan asas vokasional yang dimulakan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sistem persekolahan di peringkat rendah sepatutnya mengenal potensi pelajar sama ada perlu disalurkan ke bidang akademik dan juga profesional ataupun ke bidang vokasional dan juga teknikal. Dengan itu, kita tidak perlu lagi memaksa pelajar yang tidak sesuai di bidang akademik belajar perkara-perkara yang tidak diminati. Sebaliknya mereka terus disalurkan ke bidang kemahiran yang sesuai dengan potensi dan minat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercerita sedikit mengenai keterlangsungan keterlibatan saya dalam sekolah vokasional. Akan tetapi saya pada awal tahun 70-an telah diterima memasuki Sekolah Vokasional Pertanian di Timbang Menggaris, Kota Belud, negeri Sabah. Saya dapati dalam sistem pembelajaran itu *especially*, dengan izin, mata pelajaran *Principles of Agriculture*. Ia mengajar kami mengenai cara-cara bercucuk tanam, bagaimana menggunakan baja dan sebagainya. Walaupun kata orang, saya tidaklah akhirnya berakhir di profesion pertanian, berakhir di profesion perguruan nampaknya pula.

Akan tetapi pada masa yang sama, apabila kita menjadi seorang pendidik di sekolah, kita juga menggunakan, boleh mengaplikasikan pendidikan kemahiran yang kita dapat daripada vokasional pertanian ini untuk mengajar anak-anak didik kita cara-cara menanam bunga, cara-cara menanam sayur dan pokok-pokok buah-buahan untuk mencantikan atau menceriakan sekolah-sekolah. Ini satu pengalaman yang baik walaupun sedikit pengalaman tetapi kita boleh menggunakan pengalaman itu

untuk membantu memahirkan anak-anak didik kita dalam bidang-bidang kemahiran, khususnya dalam pertanian. Dalam konteks yang kita bahaskan hari ini mengenai teknikal.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengesyorkan supaya menukar 50% buah sekolah menengah harian biasa menjadi sekolah vokasional dan teknikal. Walaupun bunyinya itu sukar tetapi setiap kejayaan itu pasti ada pengorbanannya. Tenaga pengajar pula hendaklah dimantapkan dan dipertingkatkan. Kalau di Jerman, profesion perguruan vokasional menerima imbuhan tinggi kerana seseorang itu diterima sebagai pendidik, mereka terpaksa menjalankan latihan yang panjang dan juga rapi. Keadaan inilah yang memberikan Jerman dapat dikenali sebagai sebuah negara yang menjadi peneraju kepada perkembangan teknologi terkini, khasnya dalam bidang automotif, kejuruteraan berat dan juga ketenteraan.

Tuan Yang di-Pertua, isunya ialah berkenaan dengan peralatan kolej vokasional juga. Walaupun sudah hampir empat tahun kolej vokasional diperkenalkan tetapi ada yang mengatakan bahawa masih lagi peralatan yang digunakan dengan peralatan yang ketinggalan. Ada yang sesetengahnya mesin telah rosak sejak tahun 1989 masih lagi diguna pakai.

#### ■1900

Kalau keadaan peralatan yang digunakan ini, peralatan yang tidak selari dengan perkembangan zaman, bagaimana mungkin kita dapat melahirkan tenaga mahir yang selari dengan keadaan semasa. Sejauh manakah pula kelulusan yang telah diterima daripada pihak *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) berkenaan dengan diploma kolej vokasional ini dianggap sebagai sijil institusi pengajian tinggi. Apakah rancangan kementerian untuk melatih guru-guru yang mempunyai kemahiran yang khusus kepada kursus teknikal dan vokasional. Kalau bilangan kolej vokasional hendak ditambahkan, apakah rancangan yang telah disediakan oleh pihak kementerian untuk melatih lebih banyak guru yang berkemampuan dan mempunyai kemahiran untuk mengajar pelajaran di kolej vokasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan pengesahan daripada pihak kementerian bahawa dalam pengubahsuaian ataupun penaiktarafan sekolah menengah teknik vokasional dan sekolah menengah kebangsaan vokasional kepada kolej vokasional, salah satu perubahan ialah kurikulum akan diajar dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Saya rasa ini satu perkara yang baik kerana ada banyak aduan ataupun *complaint*, dengan izin, daripada pihak majikan di mana mereka kata penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar yang keluar daripada kolej teknikal ataupun sekolah menengah teknikal itu tidak berapa memuaskan.

Sebelum ini aliran Sijil Kemahiran Malaysia yang ditawarkan di sekolah menengah vokasional telah menjadi mangsa kerana pada tahun 2015 digantikan dengan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan pada tahun 2016, dimaklumkan kursus SKM atau Sistem Latihan Dual Nasional tidak akan ditawarkan lagi di kolej vokasional sehingga timbul kecelaruan kerana umum maklum bahawa pengambilan pelajar untuk Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) ini adalah di kalangan pelajar yang tercicir dalam bidang akademik.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Kolej Vokasional ini pada awalnya mempunyai matlamat iaitu memberikan peluang kepada pelajar yang tercicir dalam akademik. Kemahiran diberikan kepada mereka untuk memenuhi keperluan tenaga mahir dan separuh mahir dalam sektor swasta. Dalam masa yang sama, kita hendak mengurangkan Malaysia ini terlalu bergantung dengan pekerja asing. Jadi, kenapa Sijil Kemahiran Malaysia tidak lagi ditawarkan kepada golongan pelajar tersebut.

Mengenai perkembangan teknologi masa kini yang dilihat begitu pantas dan pesat, saya hendak mohon daripada pihak kementerian sama ada boleh atau tidak menjelaskan kepada kita mengenai kaedah yang akan diguna pakai dalam usaha memastikan bahawa pemindahan teknologi ini ataupun *transfer of technology* di kolej vokasional ini dapat dilaksanakan dan kita juga perlu memastikan sama ada pemindahan teknologi ini sesuai dan juga memberikan manfaat kepada pelajar-pelajar dan juga kolej vokasional itu sendiri. Cuma saya hendak tahu juga bagaimana penubuhan kolej vokasional ini dan apakah tujuan penubuhannya dan memandangkan sekolah menengah vokasional pun telah lama beroperasi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, saya percaya sekolah menengah vokasional telah memberikan banyak manfaat kepada masyarakat setempat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lima minit lagi Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Tuan Yang di-Pertua Tuan Yang di-Pertua. Jadinya boleh tidak Yang Berhormat Menteri menjelaskan perbezaan antara sekolah menengah vokasional dan kolej vokasional dengan itu sendiri. Saya berharap, kalau boleh kolej vokasional dapat menumpukan kepada perkhidmatan industri kerana setakat ini kita nampak bahawa masa depan perkhidmatan industri ini cerah. Di Malaysia perkhidmatan industri kurang memuaskan, contohnya restoran di Malaysia kita bandingkan dengan perkhidmatan industri dengan negara lain, kita sudah tahu perbezaannya.

Tidak payahlah pergi ke Eropah atau Amerika Syarikat, perkhidmatan di Seri Malaysia- kerana dengan adanya pekerja asing tidak lah begitu memuaskan kerana mereka tidak mahir dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Jadi, saya minta kalau boleh kita tumpukan kepada perkhidmatan industri dan kita tidak menyelesaikan masalah struktur pekerja asing terlalu banyak yang tidak akan meningkatkan gaji untuk graduan-graduan dari kolej vokasional. Ini kerana kalau selama ini kita menggunakan modal gaji murah, gaji mereka tidak akan naik dan mereka tidak akan mempunyai satu kerjaya.

Saya juga ingin mengambil satu contoh Tuan Yang di-Pertua iaitu di negeri Sabah di mana dengan keberlangsungan dan keterlibatan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman selaku Pengerusi Lembaga Amanah Yayasan Sabah iaitu telah memperkenalkan beberapa inovasi pendidikan di negeri Sabah melalui Kolej Yayasan Sabah. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, ada empat buah kursus yang ditawarkan iaitu diploma teknologi elektronik, diploma teknologi binaan, diploma teknologi automatif dan diploma pengurusan perniagaan. Semua ini adalah terhasil dengan kepimpinan dan kecemerlangan yang telah ditunjukkan kepimpinan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman selaku Pengerusi Lembaga Amanah Yayasan Sabah.



Jadi, saya amat menyokong sekali Tuan Yang di-Pertua dan yakin sekali bahawa pendidikan vokasional ini amat diperlukan dan dapat membantu masyarakat kita di seluruh negara untuk memperoleh pekerjaan yang lebih baik di masa akan datang. Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mohon menyokong Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, silakan Yang Berhormat.

#### **7.07 ptg.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan pindaan Akta Pendidikan 1996. Pindaan ini tertumpu terutama tentang soal pendidikan vokasional. Pendidikan vokasional biasanya adalah untuk melatih golongan yang mahir terutama dalam bidang teknologi supaya mereka dapat memenuhi kehendak-kehendak khususnya dalam keadaan di mana negara sedang menuju kepada perindustrian. Sekarang ini memang jelas kita menuju kepada perindustrian dan kita memerlukan ramai orang yang terlatih dalam bidang ini.

Akan tetapi saya melihat bahawa ada beberapa masalah yang harus diatasi. Masalah yang pertama ialah ada persepsi bahkan ada kebenarannya tentang persepsi ini bahawa mereka yang diterima atau pergi kepada sekolah-sekolah vokasional itu mereka yang telah gagal dalam bidang pendidikan akademik formal. Oleh sebab yang demikian, kita dapati bahawa mereka yang pergi kepada vokasional itu mereka yang nilai atau mutu mereka adalah lebih rendah. Ini akan menjadikan satu masalah oleh sebab, kita memerlukan kakitangan, tenaga yang mahir. Bahkan kita dapati sekarang ini di Malaysia, tenaga kerja atau *workforce* termasuklah *workforce* teknikal adalah rendah pencapaian akademik mereka atau pencapaian kemahiran dan latihan mereka.

Dengan demikian, perlulah ditingkatkan mutu sekolah vokasional ini diperkasakan lagi sekolah vokasional ini supaya ia dapat menarik bukan sahaja golongan mereka yang gagal tetapi mereka yang baik daripada segi pendidikan. Daripada segi ini, saya mengalu-alukan pindaan ini kerana ia akan cuba membuat perubahan untuk mempertingkatkan, memperkasakan pendidikan vokasional supaya boleh menarik lebih ramai dan boleh menarik pelajar-pelajar yang berkualiti.

#### **■1910**

Perkara yang keduanya ialah bahawa sekolah-sekolah vokasional ini biasanya tidak dapat memberi ruang yang menarik terutama bagi mereka yang berminat kepada bidang teknologi dan teknikal. Ada kecenderungan-kecenderungan di sekolah rendah dan sekolah menengah yang kita lihat di kalangan ramai pelajar yang mempunyai kebolehan yang lebih dalam hal-hal yang berkaitan dengan kerja-kerja yang *hands on* dan tidak semata-mata hanya akademik. Akan tetapi mereka ini walaupun mengetahui ada saluran kepada sekolah vokasional dan ibu bapa mereka pun mengetahui bahawa ada saluran seumpama ini, tetapi ibu bapa mereka tidak begitu tertarik untuk menggalakkan anak-anak mereka beri kepada aliran vokasional itu. Ini adalah kerana mereka menganggap bahawa latihan di

sekolah-sekolah profesional itu akan membuat pelajar itu menemui jalan buntu. Jalan buntu ialah kerana tidak tinggi tingkat pendidikan yang boleh dicapai akan tetapi terbatas.

Satu lagi ialah mereka melihat juga bahawa dalam keadaan sekarang ini tidak ada peluang untuk mendapatkan pekerjaan, tidak ada jaminan yang jelas untuk mendapat pekerjaan yang baik. Oleh sebab itu, walaupun anak mereka mempunyai minat, minat itu tidak dapat dijelmakan dengan mereka pergi ke sekolah-sekolah vokasional yang dapat memberikan jaminan yang baik. Sekiranya jaminan dapat diberikan bahawa sekolah-sekolah vokasional itu akan bertambah baik dengan rancangan ini, dengan pemerkasaan pendidikan ini maka kita boleh juga mencapai satu lagi- ini perkara ketiga, satu lagi tujuan dalam negara kita ini. Kita dapati bahawa orang Melayu adalah sangat kurang sekali dalam bidang industri dan teknologi dan tentu sekali kita mahu melihat bilangan yang ramai di kalangan anak-anak Melayu itu. Sekiranya sekolah-sekolah aliran vokasional ini sudah diperkasakan dan memberi peluang yang baik untuk pekerjaan yang lebih tinggi, maka kita boleh galak anak-anak itu.

Akan tetapi selain daripada menggalakkan mereka ke sekolah-sekolah vokasional, mesti juga ada jaminan mereka dapat pekerjaan yang terbuka kepada mereka. Satu kajian yang dilakukan di Universiti Malaya tidak lama dahulu menunjukkan bahawa *tendency*- ini *tendency* yang kita ketahui pada umumnya tetapi belum lagi dibuktikan dengan kajian akademik dan ini telah pun dibuktikan bahawa syarikat-syarikat dan majikan Cina atau Tiong Hua terutama sekali tidak begitu tertarik untuk mengambil pekerja-pekerja Melayu walaupun ada kemahiran dalam bidang teknologi. Ini bukan sahaja soal- mungkin ada sedikit perbezaan pandangan tentang kebolehan orang-orang Melayu ini tetapi juga oleh sebab ketiadaan kebolehan dalam berbahasa Cina. Jadi berertilah kita harus membentuk sistem pelajaran vokasional ini untuk menggalakkan lebih ramai Melayu dan akhirnya mereka boleh dapat bergerak dalam bidang kemahiran dan teknologi sama ada secara persendirian ataupun dengan bekerja pada syarikat-syarikat, bengkel-bengkel ataupun kilang-kilang yang dikuasai ataupun dimiliki oleh orang-orang bukan Melayu.

Apabila sudah diberi pendidikan teknikal atau teknologi ini, kita harus menjamin masa depan yang lebih baik kepada mereka yang mendapat pendidikan itu. Satu jaminan yang perlu diberi ialah bahawa pelajar-pelajar ini tidak menemui jalan buntu dengan erti kata tingkatan pendidikan yang mereka capai adalah rendah. Jalan hendak dilihat oleh mereka terbuka untuk mereka naik ke tingkat yang lebih tinggi. Dalam pindaan akta ini, terutama dalam itu 33(a)(i) dan (ii), disebut bahawa Menteri mempunyai kuasa untuk mendirikan kolej vokasional tetapi disebutkan juga di situ bahawa kolej vokasional itu bahawa pendidikan dan latihan teknik dan vokasional bagi murid yang sudah tamat mengikuti pendidikan menengah rendah. Jadi ertinya hendak masuk kolej itu, kelayakannya hanya sekolah menengah rendah. Sekolah menengah rendah ini tingkat tertingginya *Form 3*. Jadi daripada *Form 3*, mereka boleh masuk apa yang dikatakan kolej. Mungkin dua, tiga tahun mereka belajar apa yang mereka capai ialah dalam apa yang dikatakan kolej itu sampai *Form 5* atau *Form 6* sahaja. Ini mungkin tidak mencukupi. Jadi saya ingin mencadangkan dalam hal ini supaya dijelaskan bahawa kolej yang dimaksudkan dan latihan ke kolej yang dimaksudkan ialah sehingga peringkat dapat memberikan mereka diploma.

Selain daripada itu, mesti juga ada peluang dan jaminan untuk mereka dapat memasuki universiti-universiti teknologi. Saya sebutkan tadi hal soal diploma sebab kalau diploma misalnya sampai di peringkat diploma sahaja mereka lebih menumpukan kepada kemahiran-kemahiran yang bukan akademik semata-mata. Akan tetapi di universiti umpamanya, mereka diperlukan dilatih dan berpelajaran daripada segi akademik dan juga dari segi teknikal. Jadi kedua-dua ini penting iaitu mereka yang boleh sampai ke peringkat diploma, yang boleh *hands on* dengan izin dan mereka yang boleh misalnya diberi peluang melalui sekolah vokasional itu akhirnya untuk memasuki universiti. Jadi terutama mereka yang berkecukupan. Jadi saya ingin menimbulkan cadangan itu.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi bahawa kebanyakan kilang, syarikat dan bengkel sekarang ini boleh dikatakan- izinkan saya menggunakan perkataan dimonopoli oleh suatu kaum. Ini kita boleh faham daripada segi sejarahnya tetapi memerlukan perubahan dan harus diatasi misalannya kalau ada prejudis terhadap misalnya mengambil golongan-golongan daripada bukan kaum itu. Daripada segi ini, maka perlulah saya syorkan kerajaan sendiri memberikan dorongan dan insentif kepada syarikat, kilang dan bengkel-bengkel tersebut untuk memberi ruang dan peluang kepada pekerja-pekerja Melayu yang sudah melalui latihan *vocational study* sampai ke peringkat diploma umpamanya. Kalau kita lihat daripada segi pindaan ini juga iaitu dalam 33(c)(i) disebutkan bahawa waktu mereka belajar akan diadakan rancangan-rancangan kerjasama dengan induk-induk syarikat ataupun industri.

#### ■1920

Apabila dijalinan kerjasama dan mereka bekerja dan belajar misalnya di syarikat-syarikat dan bengkel tersebut mengikut kurikulum yang telah ditetapkan maka saya harap ini akan menjadi asas untuk memungkinkan ataupun menambahbaikkan lagi peluang mereka untuk bekerja di tempat mereka telah dilatih itu.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, mungkin tidak semua mereka yang sudah mendapat diploma ataupun peluang mendapat ijazah kalau dibuka sampai ke situ, tidak semuanya akan pergi bekerja dengan syarikat atau kilang yang sudah ada. Mereka mungkin hendak membuka bengkel sendiri. Katakanlah bengkel umpamanya membaiki kereta, mereka mungkin hendak mencari peluang untuk membuka kilang yang kecil ataupun syarikat yang kecil dan ini tentu sekali memerlukan modal. Biasanya mereka yang baru keluar daripada kolej-kolej tersebut tidak mempunyai modal.

Dengan demikian mestilah ada dan saya syorkan mestilah kerajaan mengadakan rancangan-rancangan untuk memberi modal dan kita sekarang ini ada misalnya rancangan *entrepreneurship* dan sebagainya. Banyak peruntukan untuk menggalakkan *entrepreneurship*, kita harus juruskan terutama untuk memberi modal dan galakan kepada golongan yang mendapat latihan teknik dan teknologi ini.

Dengan demikian saya rasa akan dapat diseimbangkan lagi pembahagian pekerjaan dan ini juga dapat mengatasi misalnya salah satu daripada itu tujuan Dasar Ekonomi Baru iaitu untuk mempelbagaikan pekerjaan supaya tidak ada pengkhususan pekerjaan mengikut kaum yang tertentu. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

#### 7.22 mlm.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas dalam Pindaan Akta Pendidikan 1966 ini. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian atas inisiatif ini dan kita maklum bahawa pindaan ini sebagai satu langkah untuk menyelaraskan undang-undang negara mengikut rancangan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025.

Sejak tahun 2013 transformasi pendidikan vokasional telah diadakan di mana lebih daripada 80 buah sekolah menengah teknikal dan vokasional telah ditukarkan kepada kolej vokasional KPM ataupun KV. Seperti mana dalam pembentangan oleh Menteri, pada masa ini didapati pendidikan vokasional dan teknik ini ialah 10% sahaja berbanding dengan negara-negara lain seperti Jerman lebih kurang 59%. Negara jiran kita iaitu Indonesia – 51% dan Thailand sendiri – 41%.

Dengan wujudnya transformasi ini kita berharap ia dapat ditingkatkan sebanyak 20% pada tahun 2020. Dengan perkembangan ini dapat merealisasikan hasrat kerajaan dalam memenuhi keperluan tenaga mahir negara bagi mencapai hasrat dan aspirasi negara sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dan membuka pelbagai peluang kerjaya baharu di negara ini di bidang teknik dan vokasional ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya semasa pembentangan rang undang-undang ini Menteri ada menyebut tentang persepsi masyarakat terhadap pendidikan teknik dan vokasional ini sebagai kelas kedua. Namun dengan usaha transformasi ini serta sokongan kerajaan terhadap bidang ini selaras dengan negara kita menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi, jadi pendidikan yang berteraskan kemahiran ini pastinya sangat relevan.

Jadi kerajaan bercadang untuk memulakan pendidikan teknik dan vokasional di kalangan kanak-kanak sekolah rendah kerana kita lihat di negara maju mereka memulakan daripada peringkat kanak-kanak lagi. Kita juga melihat kanak-kanak sekolah rendah yang tidak begitu berminat dengan akademik tetapi cenderung kepada bidang kemahiran wajar menyalurkan minat mereka terus ke bidang ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pindaan mengandungi lima fasal kesemuanya dan saya ingin menyentuh fasal yang ketiga berhubung dengan seksyen 33B berhubung kurikulum standard kolej vokasional. Kita berharap agar kajian mendalam dengan mengambil kira perubahan semasa dan akan datang diambil kira dalam membentuk kurikulum pendidikan vokasional yang lestari dan menyeluruh. Selain itu kita juga berharap agar bidang keusahawanan dan kepimpinan juga penting diterapkan dalam kurikulum tersebut.

Seksyen 33C membenarkan kolej vokasional untuk bekerjasama dengan mana-mana institusi, pertubuhan ataupun organisasi perindustrian bagi maksud antara lain melaksanakan KSKV dan meningkatkan kemahiran pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional murid. Mana-mana program atau latihan yang dikelaskan dengan kerjasama institusi perbadanan atau organisasi perindustrian itu hendaklah menggunakan KSKV.

Persoalan saya yang ingin saya bangkitkan di sini berkaitan dengan prasarana terutama dengan tenaga pengajar. Sejauh manakah perancangan kementerian untuk mengadakan guru-guru terlatih yang mempunyai kemahiran yang khusus kepada kursus teknikal dan vokasional? Adakah kerajaan mengadakan usaha dengan pengamal industri bagi memastikan mereka didedahkan dengan dunia pekerjaan sebenar? Manakala dalam hal kerjasama dengan mana-mana institusi dan pertubuhan atau organisasi dalam memindahkan teknologi ini apakah yang sepatutnya diberikan pendedahan yang baik kepada pelatih vokasional ini?

Saya juga ingin mencadangkan agar pemindahan teknologi dengan kerjasama pihak lain ini dapat dilakukan dengan lebih agresif seperti lebih masa praktikal diberikan kepada pelajar-pelajar dan program-program penciptaan dan pertandingan dalam meningkatkan kreativiti pelajar juga perlu kerap diadakan agar dapat memberikan motivasi kepada pelajar-pelajar vokasional ini. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sekali lagi menyokong rang undang-undang pindaan ini dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam.

#### **7.29 mlm.**

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan usul meminda Akta Pendidikan 1996 berkaitan dengan teknikal dan juga vokasional. Saya menyokong undang-undang ini untuk diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini. Seperti yang kita sedia maklum, kita telah lama meletakkan *target* untuk mencapai negara pengisian berteknologi tinggi dan berpendapatan tinggi semenjak tahun 1970 dahulu. Salah satu sektor yang amat penting ialah sektor pendidikan untuk memberi pengetahuan dan juga kemahiran kepada rakyat jelata, mengikut jejak langkah negara-negara maju seperti yang telah banyak diperkatakan tadi sama ada di Eropah ataupun di Asia.

#### **■1930**

Namun demikian, pencapaian kita masih lagi rendah dalam bidang vokasional dan juga teknikal kerana kalau mengikut apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat tadi ada negara yang sudah capai 90% bidang teknikal seperti Jepun, Jerman dan sebagainya. Akan tetapi kita masih lagi belum mencapai tahap 50% dan kita sedang bergerak 20% lagi menjelang tahun 2020. Oleh sebab itu, transformasi yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan ini

amatlah diperlukan. Bahkan sepatutnya *percentage* itu patut ditinggikan lagi kerana untuk mencapai di negara maju berpendapatan tinggi cuma tinggal enam tahun sahaja.

Saya melihat kita tidak memenuhi keperluan tenaga sektor industri walaupun kita telah adakan koordinasi. Oleh sebab itu, saya berharap kerajaan ataupun majlis yang akan ditubuhkan nanti akan melibatkan lebih ramai lagi mereka yang berkepentingan dalam bidang vokasional dan juga teknikal. Bukan sahaja beberapa kementerian, saya harap semua kementerian yang ada menjalankan latihan vokasional hendaklah dilibatkan termasuk Kementerian Belia dan Sukan sendiri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut ILP, MARA mungkin sebahagianlah tetapi saya harap kementerian-kementerian lain juga termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ini kerana kita hari ini juga sedang menggerakkan industri asas tani, industri halal yang merupakan satu lagi sektor penting dalam pembangunan ekonomi pada masa hadapan termasuk juga dalam bidang bioteknologi.

Saya ingin mengetahui, apa, ataupun kementerian-kementerian manakah atau industri-industri swasta manakah yang telah dimasukkan dalam Jawatankuasa Majlis Teknikal dan Vokasional (TVET). Kalau sudah ditubuhkan, berapa bilangan ahlinya, dan siapakah? Kalau belum eloklah ditubuhkan dengan melibatkan juga sektor industri seperti Pertubuhan Manufacturing Negara (FMM) dan juga kementerian serta industri perdagangan seperti MIDA dan juga universiti-universiti yang juga banyak menjalankan kursus teknikal dan vokasional. Termasuk juga kerajaan negeri dan pertubuhan-pertubuhan NGO yang berkepentingan. Ini kerana kalau mereka ini semua tidak dilibatkan kita masih lagi tidak dapat menjalankan semua hal berkaitan dengan vokasional dan industri. Perlu ada mesyuarat yang kerap mungkin setahun empat kali, jadi kita mendengar semua masalah dan input daripada semua sektor termasuk juga wakil-wakil daripada pekerja itu sendiri.

Satu lagi masalah yang saya lihat ialah masalah jenama vokasional ini Tuan Yang di-Pertua, tidak menariklah. Saya fikir kerajaan kena fikirkan apakah nama yang baik untuk jawatan-jawatan teknikal. Ini kerana dengan nama yang sedap boleh menarik anak-anak muda tempatan dan juga uniform pun hendak kena ada gaya, tempat bekerja pun hendak kena ada *style*. Kalau kita tengok 7-Eleven ramai anak-anak muda kerja dalam itu sedangkan gajinya tidaklah mahal tetapi kerana ada *air condition*, bajunya cantik. Akan tetapi yang vokasional ini gajinya mahal, mereka tidak mahu bekerja.

Saya juga ingin bertanya mengapa dalam bidang-bidang tertentu kita tidak dapat menarik misalnya dalam bidang makanan, industri pelancongan dan dalam bidang perkhidmatan. Ini sudah dilatih orang-orang muda belajar katakan gunting rambut. Akan tetapi dalam tinjauan saya ke mana-mana pun sekarang ini penggunting rambut semua diambil dari India. Kita ada kolej komuniti tetapi bagaimana tidak dapat mengeluarkan tukang gunting rambut standard. Mungkin agaknya kita gunting itu hendak kena ada cara baru supaya orang-orang muda kita sanggup gunting rambut. Taukenya orang tempatan tetapi pekerjanya semua orang luar negara. Satu lagi, vokasional boleh tingkatkan untuk majukan dalam bidang pelancongan misal kata makanan Malaysia. Kita ada latih mereka ini tetapi tidak ada satu pun makanan Malaysia yang boleh pergi luar negara.

Sekarang ini sudah banyak pula makanan luar negara masuk restoran-restoran di negara kita. Macam Indonesia sudah ada nasi padang, dengan penyetyanya. Dari Thailand dengan tomyam sudah pergi seluruh negara, satu dunia. Makanan India tidak usahlah cerita lagi memang banyak tetapi makanan Malaysia ini susah hendak carilah Tuan Yang di-Pertua. Tukang masak-tukang masak kita pun tidak memiliki bilangan yang mencukupi. Kalau seorang tukang masak lari hotel kelam kabut. Kolej banyak tetapi tidak dapat melahirkan keperluan negara kita. Oleh sebab itu, *vocational school* dan teknikal ini perlu juga melihat perkara ini di samping bidang-bidang yang berteknologi tinggi. Saya telah melawat beberapa buah sekolah vokasional di Melaka. Ada yang boleh di *create* satu teknologi baru dalam bidang ICT tetapi dia terbiar begitu sahaja. Kita tidak dapat gunakan kebolehan *student* dengan pensyarah ini untuk dikomersialkan.

Oleh sebab itu, saya hendak cadangkan supaya kementerian tubuhkan *Research and Development* (R&D) CIC unit, huruf 'C' yang pertama itu *creativity*, huruf 'I' itu inovasi dan huruf 'C' itu *commercializes*. Jadi, kalau ada produk-produk baru yang ditemui oleh pelajar-pelajar dan pensyarah produk ini patut kita komersialkan dan kita kena ada unit ini dalam setiap kolej vokasional ataupun kolej teknikal, lepas itu ada sebuah jabatan yang hendak komersialkan. Kemudian, kita perlu ada juga inkubator, yang mana sudah bagus itu kita kena adakan inkubator dan kita kurung dia dalam tempoh tiga tahun. Ini ada dibuat di US, saya pergi melawat dan dibimbing oleh sektor swasta dan kerajaan, lepas itu dapat pula peluang berniaga. Dalam tempoh tiga tahun boleh jadi sebuah syarikat yang bernilai RM30 juta. Setiap tahun profesor ini dia *create* 30 orang dalam bidang ICT. Akhirnya bila inkubator ini keluar inkubator baru masuk. Jadi dia dapat melahirkan lebih ramai lagi peluang-peluang pekerjaan baru tetapi mesti disokong oleh sektor swasta, GLC, sektor kerajaan dan sebagainya.

Sebenarnya banyak perkara kita boleh buat melalui transformasi semula berkaitan dengan vokasional dan teknikal ini. Oleh sebab itu, saya percaya kita boleh pergi jauh luar dari Malaysia. Sekarang sudah masuk era *ASEAN Community*. Jadi, kalau kita tidak cepat saya bimbang esok Vietnam mungkin dalam tinjauan saya pergi banyak negara di ASEAN ini, nampak Vietnam laju kerana dia kurang masalah politik. Satu hari esok kita akan melihat pula daripada segi teknikal dan vokasional orang-orang Vietnam akan mengatasi Malaysia. Oleh sebab itulah saya percaya jika ada gabungan iaitu institusi untuk menggabungkan semua tadi, majlis itu, Majlis Vokasional dan Teknikal. Supaya kita bincang setiap *quarterly*, setiap tahun bagaimana kita hendak melonjak dan letakkan KPI nya, mana kita hendak capai, mana yang kurang. Saya Pengerusi PUNB, tadi Yang Berhormat Senator Syed Husin pun ada sebut pekerjaan dalam bidang automatif, ada 35,000 buah bengkel automatif tetapi milik bumiputera cuma *below* 10% tidak sampai pun 3,500.

#### ■1940

Kemudian, bila kita tengok pula pekerjaan teknikal yang mereka buat ini semua benda yang ringan-ringan. Baru sedikit sahaja masuk dalam bidang yang lebih tinggi. Sebab itu bengkel-bengkel yang bertaburan di seluruh negara ini, saya harap juga boleh dibimbing oleh *vocational school* berserta dengan pelajar dan pensyarah, supaya ada gabungan dan apabila mereka tamat, sebahagiannya *must*

lanjutkan pelajaran pendidikan ke peringkat *degree* dan sebagainya. Akan tetapi, sebahagian besar perlu masuk ke dalam sektor pekerjaan sama ada dalam swasta ataupun yang lebih banyak hendaklah bekerja sendiri.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong tadi ada yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi di samping kita hendak cari duit dan kesenangan ini, kita juga mesti ingatkan kepada nilai-nilai murni, akhlak kerana kita dapati sekarang ini macam-macam isu baru seperti gejala-gejala sosial, fitnah memfitnah, hasad dengki dan juga IS yang diperkatakan dengan meluas dan juga tidak ada penghormatan kepada negara. Dengan itu, saya berharap sekolah vokasional dan *technical school* yang digabungkan ini, perlulah mendidik anak-anak dengan nilai-nilai murni seperti Rukun Negara, sebagai satu perkara yang wajib dalam pendidikan mereka, memahami perlembagaan negara, sejarah negara dan sebagainya. Mudah-mudahan, dengan adanya keseimbangan antara dunia dan akhirat, antara teknikal dan juga kewangan, mudah-mudahan kita dapat membina sebuah negara yang lebih bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang ingin saya sampaikan. Saya lagi sekali menyatakan sokongan saya atas undang-undang yang dibentangkan pada petang ini berkaitan dengan meminda Akta Pendidikan 1996 berkaitan dengan pendidikan vokasional dan juga teknikal. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah.

#### 7.42 mlm.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas kebenaran untuk saya turut membahaskan di dalam Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014 yang saya kira merupakan tepat pada masanya bagi memartabatkan lagi aliran pendidikan vokasional pada tahap ataupun pada status yang sepatutnya. Sekali lagi saya ucapkan syabas kepada pihak Kementerian Pendidikan.

Pertamanya, saya ingin menyentuh tentang satu laporan daripada buku Pembangunan Pendidikan 2001-2010 oleh Kementerian Pendidikan yang menyatakan 7% orang pelajar meninggalkan sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan selepas Tingkatan 3. Ini 1% yang boleh dikatakan keciciran dalam kalangan pelajar di peringkat Tingkatan 3 dan kadar keciciran pelajar di Tingkatan 4 ke Tingkatan 5- 4%. Jadi, saya melihat aspek keciciran pelajar ini bukan melihat dari sudut kebolehan mereka. Ini kerana saya yakin pelajar-pelajar kita mempunyai kebolehan tetapi mungkin masalah mereka ialah kebolehan mereka ataupun kecenderungan mereka tidak diletakkan di aliran yang sesuai. Maka saya melihat perlunya di peringkat awal lagi kita melihat kebolehan pelajar-pelajar kita sama ada kebolehan mereka di bidang akademik ataupun di bidang kemahiran.

Maka saya mencadangkan di sini agar pihak sekolah ataupun Kementerian Pendidikan sendiri melihat secara lebih serius perlunya diperkasakan unit-unit kaunseling dan kerjaya di sekolah-sekolah. Ini kerana pertamanya, sebagaimana yang telah diterangkan tadi, pendidikan vokasional dilihat sebagai



pendidikan bagi pelajar-pelajar yang mempunyai tahap pencapaian pendidikan yang lebih lemah. Jadi kita ingin masyarakat diperlihatkan, ibu bapa diperlihatkan, pelajar-pelajar diperlihatkan bahawa vokasional ini ialah satu keperluan negara yang bukan peringkat kedua, bukan taraf kedua tetapi *at par* dengan bidang akademik yang lain. Ini kerana kita ke arah menuju negara maju, semestinya kita memerlukan pelajar-pelajar cemerlang bagi mempelopori dan berada di dalam bidang kemahiran ini.

Seterusnya, saya juga ingin mencadangkan sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas tadi, peringkat di awal usia Tingkatan 1 lagi kemahiran ataupun asas-asas teknikal dan vokasional ini diperkenalkan bagi membolehkan di peringkat Tingkatan 4, mereka sudah pun mengenal pasti kebolehan mereka sama ada di bidang akademik ataupun teknikal.

Seterusnya, saya ingin turut menyentuh di pindaan seksyen 33B berkait dengan Kurikulum Standard Kolej Vokasional yang tadi ditekankan beberapa aspek kurikulum tersebut menyentuh tentang inovasi kreativiti dan disentuh pula oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi tentang perlunya keseimbangan bersepadu dan khususnya, saya ingin menekankan di sini aspek *interpersonal skill*. Jadi kita memerlukan pekerja-pekerja yang berkemahiran bukan setakat mengendalikan mesin-mesin dan peralatan, bahkan kita memerlukan pekerja yang boleh mengendalikan hubungan sesama rakan sekerja, rakan sepejabat dan tentu sekali masyarakat secara umumnya. Satu lagi aspek yang perlu ditekankan adalah aspek *entrepreneurship* dan saya rasa telah pun disentuh tadi. Aspek ini perlu disepadukan dalam kurikulum ini.

Seterusnya, berkait dengan seksyen 33C iaitu kerjasama dengan institusi perbadanan atau organisasi perindustrian yang lain. Cuma di sini, saya mohon penjelasan pihak kerajaan berkait sejauh mana melalui seksyen ini kita mengikat kewajipan para pelabur asing khususnya pelabur yang terlibat dengan teknologi seperti Jepun, Korea yang melabur di negara kita dan mempunyai kilang-kilang di negara kita. Sejauh manakah kita mengikat mereka bagi memastikan mereka menerima pelajar-pelajar kita menjalani latihan industri di tempat-tempat mereka? Jadi, sekiranya kita boleh mewajibkan mereka menerima pelajar-pelajar kita, saya yakin berlaku satu proses *transfer of technology* yang kita harap-harap sangat melalui kita terima adanya mereka di negara kita bagi tujuan pelaburan dan tentu sekali bagi tujuan *transfer of technology*.

Saya kira, itu sahaja ucapan perbahasan saya dan saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman. Akhir sekali, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin.

**7.48 mlm.**

**Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah mengizinkan saya bersama-sama membahaskan rang undang-undang meminda Akta Pendidikan 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada sejarah. Pertama, merujuk kepada Penyata Razak pada tahun 1956, yang merangka reka mewujudkan sistem pendidikan sekolah menengah yang prauniversiti. Itu yang asas. Keduanya, merujuk kepada Laporan Rahman Talib pada 1960 iaitu pendidikan menengah atas itu haruslah mempunyai dua aliran iaitu aliran akademik dan juga aliran vokasional. Ketiga, maka daripada cadangan penyata-penyata tersebutlah, maka lahirlah Akta Pelajaran 1961 yang menjadi panduan pendidikan negara sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas 32 tahun, kini pada tahun 2013, kerajaan telah melakukan sesuatu transformasi pendidikan vokasional negara. Apakah objektif transformasi pendidikan vokasional ini? Objektifnya, tidak lain dan tidak bukan adalah membantu melahirkan para profesional dalam bidang kejuruteraan dan bukan kejuruteraan yang termasuk pertanian, perdagangan dan ekonomi rumah tangga.

#### ■1950

Siapakah sasaran transformasi ini? Sasarannya para pelajar yang mencapai pencapaian baik dan sederhana yang berminat kepada pembelajaran bercorak pekerjaan iaitu vokasional. Transformasi ini membolehkan pelajar yang meminati pendidikan *hands on* yang *bottom linenya* menjadi tenaga mahir kepada separa mahir dalam pelbagai bidang. Mengangkat pendidikan vokasional ini nanti membolehkan ia tidak lagi dianggap *second class education*. Bagaimana caranya? Caranya melalui pendidikan kolej vokasional iaitu *fast track* pendidikan terus ke peringkat diploma. Sungguhpun begitu ketika ini, Malaysia hanya menyediakan 10% tempat pendidikan keseluruhan, berbanding Korea Selatan sebanyak 28%, Thailand 41%, Indonesia 51%, Australia 62% dan Belanda 68%.

Masalah lain ialah pendidikan vokasional di negara ini komponennya 55% vokasional dan 45% akademik. Sedangkan di negara-negara maju, komponen pendidikan vokasionalnya 70% dan akademiknya 30%. Ini merupakan cabaran kepada pihak kerajaan. Cabaran itu menjurus kepada fasal 3 bab baru 5A iaitu perancangan dan membina lebih banyak kolej vokasional. Ini membolehkan seluas-luasnya ruang dan peluang kepada murid-murid yang berminat. Soalan saya, berapa banyakkah lagi kolej vokasional akan dibina? Berapa ramaikah *target* bilangan murid yang hendak dilahirkan?

Tuan Yang di-Pertua, pada sekarang ini 80% daripada tenaga kerja yang memasuki pasaran pekerjaan mereka yang mempunyai kelulusan SPM, tiada pengalaman, tiada kemahiran. Kelayakan akademik hanya kemahiran teknikal sebenarnya, memberi kesan kepada kualiti pekerja dan juga pendapatan bulanan. Contoh perbezaan antara kemahiran dan tidak adalah seperti berikut:

- (i) gaji purata mereka yang berkelulusan SPM hanya sekitar RM600 sehingga RM800 sebulan.
- (ii) namun, sekiranya mereka berkemahiran, pendapatan mereka akan terus melonjak antara RM1,000 dan RM1,500 sebulan.

Justeru itu persoalannya, apakah kemahiran yang diperlukan oleh industri di luar sana? Jawapannya ialah bergantung kepada permintaan industri. Apakah jenis produk yang hendak kita lahirkan dari kolej vokasional ini? Semestinya manusia-manusia yang berkemahiran ini yang dapat

dilahirkan dari satu kurikulum pelajaran, menepati kehendak industri. Menurut seksyen 33B tanggungjawab ini dipertanggungjawabkan kepada kolej vokasional ini dan seksyen 33C memperuntukkan apakah jenis kursus yang hendak ditawarkan. Soalan saya, adakah pihak kementerian telah mengenal pasti benar-benar bidang kemahiran yang diperlukan di luar sana?

Kedua, adakah penyediaan bilik darjah, peralatan, bengkel dan lain-lain sudah tersedia? Yang ketiga, apakah persediaan kerajaan menyediakan tenaga pengajar di kolej tersebut? Jika ada, sudahkah program tenaga pengajar diwujudkan? Berapa ramai dan apakah bidang mereka, adakah akan wujud pula Maktab Perguruan Kolej Vokasional? Sudah tiba masa dan waktunya kita melahirkan anak-anak bangsa kita memenuhi pasaran tenaga kerja mahir dan separuh mahir. Sebagai menuju negara maju, Malaysia perlu mempersiapkan tenaga kerja bagi industri negara. Usaha ini amat bertepatan untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja bukan warga negara.

Sebelum saya teruskan, saya masih ingat. Pada tahun 2013, Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada waktu itu telah melancarkan Program Asas Vokasional (PAV). Sebanyak 15 buah sekolah harian telah dipilih untuk dijadikan perintis. Murid-murid tingkatan satu hingga tingkatan tiga ini diajar kemahiran vokasional. Mereka ini didedahkan kepada industri sebenar dan diwajibkan menduduki peperiksaan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap Satu dan juga Tahap Dua. Soalan saya, apakah status program tersebut? Yang kedua, apakah program itu diperluaskan? Saya agak tertarik dengan *master plan* penubuhan kolej vokasional ini yang betul-betul satu *overhaul* kepada pendidikan vokasional tanah air.

Tahniah kepada kementerian. Saya terus merujuk kepada penubuhan kolej vokasional ini seperti mana yang disebut di bab baru 5A rang undang-undang ini, fasal 33A mengenai penubuhan dan penyelenggaraan kolej ini. Ada beberapa perkara yang saya ingin pohon penjelasan iaitu apakah *master plan* kementerian mewujudkan satu-satu kolej vokasional itu? Yang kedua, berapa ramaikah anggaran setiap tahun kolej ini dapat lahirkan? Yang ketiga, apakah jenis kursus-kursus yang diperkenalkan? Yang keempat, berapa anggaran kos pembinaan sebuah kolej itu? Yang kelima, berapa banyakkah anggaran kos penyelenggaraan setiap kolej itu setiap tahun? Yang keenam, berapa ramaikah tenaga pekerja dan staf-staf sokongan yang akan diwujudkan? Yang ketujuh, jika sekolah vokasional ini akan dinaik tarafkan, berapakah kos pembaikan dan berapakah unit kolej vokasional baru yang akan dibina?

Merujuk kepada 33B pula, mengenai penyediaan sukatan pelajaran kolej vokasional ini, saya ingin mendapat kepastian beberapa perkara. Iaitu yang pertama, saya difahamkan Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pendidikan bersama-sama menyediakan ko-kurikulum dan kursus. Adakah sudah wujud jawatankuasa merancang, mengurus, mentadbir dan lain-lain lagi? Yang kedua, sebut saja vokasional ini sudah pastinya melibatkan peralatan dan mesin. Sudahkah dikenal pasti apakah jenis peralatan dan mesin yang akan digunakan? Yang ketiga, apakah jenis program pembangunan tenaga pelajar di kolej ini? Seterusnya, berkenaan beberapa kerjasama dengan industri, perbadanan dan organisasi yang lain. Sukacita saya ingin menanya lagi, apakah institusi perbadanan dan organisasi perindustrian telah dikenal pasti? Siapakah mereka dan apakah justifikasi pemilihan ini?

Yang keempat, sudah wujudkah kurikulum standard kolej ini seperti 33C(1)(a)? Apakah sudah dibincangkan mengenai latihan teknik atau tempat latihan amali dengan pihak industri seperti 33C(1)(b) dan 33C(1)(d)? Apakah bentuk pemindahan teknologi ini seperti 33C(1)(c)? Sesungguhnya untuk melaksana atau melahirkan kolej vokasional ini, pastinya akan melibatkan kos yang besar. Seperti mana yang disentuh tadi, selain kos pembangunan, ia juga melibatkan kos peralatan, kos pembangunan manusia dan juga kos penyelenggaraan. Mohon dapat jika pihak Yang Berhormat Menteri dapat memberi gambaran mengenai organisasi ini sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, jika diluluskan nanti, kita akan menyaksikan kolej universiti ini bakal melahirkan ramai tenaga mahir dan separuh mahir pada peringkat umur yang amat muda iaitu 19 tahun. Dengan wujudnya kolej ini nanti adalah diharapkan ramai lagi ibu bapa akan menggalakkan anak-anak mereka menceburi bidang vokasional ini. Saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini berkenaan transformasi Pusat Latihan Khidmat Negara yang juga pada tahun hadapan memperkenalkan kursus vokasional kepada pesertanya. Mungkin dengan kolaborasi bersama agensi-agensi lain juga dapat membantu memartabatkan pendidikan vokasional negara. Sesungguhnya saya amat menyokong, amat berbangga kerana dapat bersama-sama menyaksikan, melahirkan kolej vokasional ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun.

#### 7.59 mlm.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.* Salam Sejahtera, salam 1Malaysia. *Bismillaahi Rahmaani Rahiim...* [Membaca sepotong doa] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan sekali lagi dan kesempatan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Akta Pendidikan 1996, Akta 550. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan yang mengambil langkah proaktif meminda Akta Pendidikan 1996 sebagai inisiatif untuk melahirkan modal insan berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja seramai 3.3 juta orang pekerja menjelang tahun 2020 apabila negara mencapai negara maju.

#### ■2000

Sehubungan dengan itu kerajaan telah mengambil langkah mentransformasikan pendidikan vokasional bagi menyediakan peluang yang lebih luas kepada rakyat negara ini untuk mendapat pendidikan kemahiran teknikal dan vokasional. Kesedaran pelajar dan ibu bapa kepada pendidikan teknikal dan vokasional semakin meningkat dengan amat ketara sekali. Ini terbukti dengan bilangan permohonan ke kolej vokasional yang melonjak sehingga 311,837 antara tahun 2012 hingga 2014.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memperkenalkan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) bagi lepasan PT3 yang memenuhi keperluan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS). Bagi memastikan diploma

yang dianugerahkan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan industri pada masa ini terdapat 80 Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan 10 Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) yang melaksanakan Program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) ini. Tempat yang disediakan hanya 35,000 sahaja. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan apakah langkah kerajaan bagi menampung permohonan yang begitu ramai untuk mengikuti Diploma Vokasional Malaysia (DVM) ini apakah bantuan kewangan disediakan kepada pelajar miskin dan tidak berkemampuan atau dari keluarga yang berpendapatan rendah atau sederhana bagi mengikuti DVM dan ILKS.

Adakah kerajaan bercadang melantik lebih ramai ILKS bagi memenuhi permintaan untuk mengikuti DVM ini serta adakah pelajar-pelajar yang mengikuti DVM ini akan juga menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memandangkan SPM diperlukan juga untuk mendapatkan pekerjaan selain kelulusan DVM.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak tertarik dengan langkah kerajaan yang turut melibatkan Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran MARA (IKM) dan Giat MARA. Bagi pelaksanaan Program Teknikal dan Vokasional (PTV) inisiatif kolaborasi ini wajar diteruskan bukan sahaja di peringkat sijil malah kepada peringkat diploma. Sehubungan dengan itu, adakah kerajaan bercadang untuk menaik taraf ILP dan IKM supaya dapat melahirkan pelatih berkemahiran teknikal dan vokasional. Apakah langkah kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan kecekapan pelatih vokasional peringkat sijil di Giat MARA sama ada melalui kerjasama dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pindaan seksyen 33 dengan memasukkan seksyen 33A yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menubuhkan dan menyenggara sepenuhnya kolej vokasional. Saya percaya kuasa ini bukan sahaja tertakluk kepada kolej vokasional awam tetapi juga kolej vokasional swasta. Walau bagaimanapun, saya berharap kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan memastikan kemudahan pembelajaran dan tempat tinggal yang mencukupi dan selesa kepada pelajar. Seksyen 33A(2) menyatakan kolej vokasional ini akan mengambil pelajar atau murid yang telah menamatkan pendidikan menengah rendah.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pendidikan merangka kurikulum pendidikan vokasional kepada murid semenjak Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 sebagaimana yang diamalkan di negara maju seperti Germany. Sehubungan dengan itu, kerajaan hendaklah mengenal pasti sekolah yang berkemampuan untuk melaksanakan pendidikan vokasional ini dan menyediakan kemudahan infrastruktur dan pembelajaran dan pengajaran yang sesuai. Saya percaya langkah ini akan memudahkan murid ini mengikuti Diploma Vokasional Malaysia selepas PT3. Saya percaya langkah ini Tuan Yang di-Pertua juga akan menarik minat pelajar dalam bidang vokasional dan seterusnya membolehkan lebih ramai pelajar mengikuti Diploma Vokasional Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, adalah penting Institut Latihan Kemahiran Awam dan Swasta mampu melahirkan graduan Diploma Vokasional Malaysia yang holistik, berkemahiran dan berkualiti. Malah graduan ini sewajarnya mempunyai kemampuan daripada segi pembangunan diri termasuk merangkumi

aspek keusahawanan. Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pindaan Akta 1996 akan memberi impak yang besar kepada arah tuju pendidikan negara ini dari bidang yang konvensional kepada pendidikan kemahiran vokasional malah akan mengarusperdanakan bidang kemahiran vokasional ke tahap yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab sesi ini merupakan saya ambil bahagian dalam perbahasan terakhir buat saya. Hari ini merupakan hari terakhir maka sidang Dewan Negara saya akan menamatkan perkhidmatan sebagai Ahli Dewan Negara pada 7 Jun 2015 ini setelah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pada 8 Jun 2012. Saya mohon kepada Tuan Yang di-Pertua untuk menyampaikan ucapan akhir saya di Dewan yang mulia ini.

Segala yang bermula pasti berakhir. Itulah hakikat kehidupan ini. Begitulah juga perkhidmatan saya sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini.

*Angin melambai dinanti-nanti,  
Sambil mengunyah emping yang rapuh,  
Hasrat hati memang hendak terus berbakti,  
Apakan daya sudah hendak habis tempoh.*

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi mewakili negeri Terengganu Darul Iman yang memilih saya untuk menjadi Ahli Dewan Senat sebagai amanah untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan panduan kepada saya.

*Tinggi bukit gilang-gemilang,  
Air laut tenang-tenangan,  
Budi Tuan Yang di-Pertua tidak akan hilang,  
Akan menjadi kenang-kenangan [Tepuk]*

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Doris Sophia ak Brodi; Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara atas kerjasama yang telah diberikan juga kepada Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia, Setiausaha Dewan Negara dan mantan Setiausaha Dewan Negara Datuk Zamani Sulaiman.

Ucapan terima kasih juga kepada Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia yang banyak membantu saya dalam penyediaan bahan perbahasan, Bahagian Pengurusan Dewan dan semua pegawai dan kakitangan Parlimen Malaysia yang telah secara langsung dan tidak langsung membantu saya dalam pelbagai urusan termasuk daripada yang mencuci tandas sehingga Pegawai Keselamatan.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakan Ahli Dewan Negara yang sama-sama berjuang demi kepentingan rakyat dan negara. Saya mohon maaf sekiranya ada kata-kata atau tingkah laku yang menyinggung perasaan. Rakaman penghargaan khusus kepada Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri terutama Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim Menteri di Jabatan Perdana Menteri

yang bertanggungjawab menjaga Parlimen. Terima kasih atas sifat murah hati sentiasa beri jamuan makan kami. Mudah-mudahan Allah merahmati dan menambah rezeki.

*Tuai padi antara masak,  
Esok jangan layu-layuan,  
Maafkan kami antara nampak,  
Esok jangan rindu-rinduan.*

Tuan Yang di-Pertua saya rasa Akta Pendidikan 1996 sangat mustahak dan sangat penting demi masa depan generasi akan datang. Sesungguhnya saya sangat beruntung dapat memberi sumbangan untuk turut berbahas. Dengan ini saya menyokong sepenuhnya Akta Pendidikan 1996. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.* Sekarang Yang Berhormat Menteri, sila menjawab.

#### **8.10 mlm.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan pelbagai perkara berkaitan isu pendidikan dalam perbahasan Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap sektor pendidikan dan saya akan memberi penjelasan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan khususnya yang menyentuh rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki ada tanya adakah tenaga pengajar mempunyai kepakaran yang berorientasi industri terkini atau hanya sebagai pelengkap sahaja? Ini ada berkaitan dengan kualiti tenaga pengajar dan sebenarnya soalan itu pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Jadi saya akan menjawab soalan ketiga-tiga soalan pada masa yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, latihan guru dilaksanakan bagi mendedahkan guru kepada perubahan dan penambahan kandungan kurikulum latihan tambahan atau *upskilling*, dengan izin, dan menaikkan taraf kemahiran atau *upgrading* dengan izin. Kementerian Pendidikan telah melaksanakan latihan bagi guru-guru KV seawal tahun 2011. Antara latihan guru yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut, kursus-kursus pensijilan SKM Tahap 1 hingga Tahap 5 yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Untuk melaksanakan kursus-kursus ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah bekerjasama dengan pihak institusi pengajian tinggi awam dan swasta iaitu UPM, UTM, UniKL, politeknik dan kolej komuniti serta agensi latihan kemahiran awam dan swasta seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP) atau Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Akademi Binaan Malaysia dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

Sehingga kini seramai 2,350 orang daripada 4,000 orang guru vokasional telah pun memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dan seramai 311 orang guru sedang mengikuti latihan SKM Tahap 4 dan Tahap 5 yang dikendalikan oleh Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT). Ini adalah untuk memenuhi keperluan akreditasi yang disyaratkan oleh agensi kelayakan.

Selain daripada itu guru-guru juga mendapat sijil antarabangsa dari TWI, LCCI dan City & Guilds dan guru wajib untuk memperoleh SKM Tahap 4 dan Tahap 5. Selain daripada itu, latihan sangkutan industri di peringkat antarabangsa juga dilaksanakan di negeri seperti Holland, Australia dan Brunei.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki juga bertanya bahawa adakah kurikulum yang digubal ada kerjasama dengan industri dan adakah ini seiring dengan keperluan negara? Soalan ini juga dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Jadi saya akan menjawab soalan ini bersama.

Transformasi kurikulum dalam kolej vokasional dibina dengan memfokuskan kepada membina bakal pekerja yang dapat diterima oleh industri sebagai tenaga mahir profesional yang mempunyai kelulusan yang diiktiraf bukan sahaja di Malaysia tetapi juga oleh badan pengiktiraf kemahiran profesional luar negara.

Rombakan besar-besaran kepada kurikulum vokasional dibina untuk memenuhi kehendak industri dan pengiktirafan dalam dan luar negara dan kurikulum ini dinamakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang menjadi sebahagian daripada kurikulum kebangsaan di bawah rang undang-undang pindaan ini. Saya juga hendak sampaikan kepada Ahli Yang Berhormat Senator bahawa perubahan atau menubuhkan Kurikulum Standard Kolej Vokasional adalah berdasarkan *evidence* atau data.

Jadi ini bermakna bahawa kurikulum yang dibina dalam bentuk Kurikulum Standard Kolej Vokasional adalah berdasarkan *evidence* atau bukti-bukti yang diperlukan dalam industri dan konsep *the blue ocean strategy*, dengan izin, digunakan di mana *The Grid ERRC* iaitu *Eliminate-Reduce-Raise-Create*, dengan izin, digunakan untuk memastikan bahawa kurikulum baru ini satu kurikulum yang berdasarkan *evidence*.

Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki bertanya, apakah pembahagian 20% merangkumi aspek kerohanian? Jadi yang berkaitan dengan 20% dalam KSKV merangkumi aspek insaniah iaitu Pengajian Malaysia, Tamadun Islam, Pengajian Islam, jati diri dan ko-kurikulum. Autonomi kepada institusi TVET dan adakah pelan tertentu dibuat oleh kementerian? Melalui pindaan ini institusi TVET boleh melaksanakan program kemahiran berimpak tinggi dengan diberi kuasa autonomi untuk memastikan program tersebut mencapai tahap kemahiran yang diperlukan.

Soalan yang berikut adalah berkaitan dengan bagaimana Kementerian Pendidikan Malaysia membuat pemantauan dari sudut pemilihan murid dan kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memantau untuk memastikan kualiti graduan DVM mencapai kemahiran yang selari dengan keperluan industri termasuk dalam pemilihan murid dan kurikulum yang sentiasa relevan keperluan



industri bagi memastikan kebolehpasaran graduan atau graduan DVM. Jadi pemantauan dapat dijalankan daripada segi dua aspek, dari industri dan bahagian pengurusan teknik dan vokasional.

Bagaimana KPM memastikan insentif diberikan kepada syarikat korporat yang menjayakan KV. Jadi ini adalah berkaitan dengan satu kolaborasi dan setakat ini KPM memberi peluang kepada pembekal latihan swasta dengan memberi perkhidmatan latihan yang berimpak tinggi seperti *aircraft maintenance*, dengan izin, *mechatronics* atau *robotics*, *marine technology* dan *autotronics* melalui program yang dikenal sebagai *buying places* dan *buying seeks*, dengan izin.

Apakah mekanisme latihan industri diberi keutamaan lebih besar daripada aspek pembelajaran teori sahaja? Elemen latihan industri atau *on the job training* (OJT) diberi keutamaan dalam struktur program KV dan ini merupakan satu perubahan atau satu transformasi.

#### ■2020

Elemen OJT yang disediakan adalah untuk memberi pendedahan dan pengalaman dunia pekerjaan sebenar kepada graduan KV. Pengalaman OJT ini juga menambah nilai kebolehpasaran iaitu *marketability*, dengan izin, dan *employability*, dengan izin, graduan KV. OJT ini dilaksanakan selepas semester keempat program DVM selama tiga bulan. bagaimanakah keterlibatan *stake holder* dalam pembinaan kurikulum TVET? Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) dibangunkan bertunjangkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau NOSS iaitu *National Occupational Skills Standard*, dengan izin, yang dibangunkan oleh pihak industri mengikut bidang pekerjaan yang diperlukan. KSKV adalah bersifat dinamik dan *industry driven* dengan izin.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam ada tanya yang berkaitan dengan bagaimana aspek kerohanian sosial dan kokurikulum dilaksanakan dalam kolej vokasional? Program pendidikan vokasional memberi fokus terhadap aspek kemahiran insaniah melalui program kurikulum dan kokurikulum dan aspek kerohanian sosial. Kokurikulum diterapkan secara langsung dan tidak langsung melalui pengajaran dan pembelajaran dan aktiviti kokurikulum seperti sukan, permainan, perkhemahan dan dalam memastikan murid di kolej vokasional mempunyai jati diri yang kukuh dan seimbang dengan pembangunan negara.

Modul Program Jati diri Kolej Vokasional atau PJKV telah diperkenalkan dengan memberi fokus dalam dua aspek utama iaitu pembinaan karakter dan kenegaraan. Pembinaan karakter diri bermatlamat untuk meneroka dan menilai diri dan mengenali kekuatan diri dan memperbaiki kelemahan diri dalam bentuk refleksi, menerapkan nilai-nilai *soft skill* seperti nilai tambah kepada nilai sedia ada seperti yang saya sudah sebut tadi menerima dan menghargai kehadiran individu lain dalam kumpulan. Selain daripada itu, ada pelajar juga mengaplikasikan kemahiran bekerja sebagai satu kumpulan dan memperkayakan kemahiran mengatasi masalah dalam kumpulan.

Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul tanya sejauh mana kursus yang ditawarkan mendapat kelulusan MQA. Satu program yang hendak dijalankan perlu memohon kelulusan pengendalian program kepada MQA. Penilaian akreditasi penuh akan dijalankan apabila kohort pertama program berada pada tahun akhir program pengajian. Jadi, ini bermakna bahawa kursus atau program

yang dijalankan di KV memang melalui satu akreditasi yang dikendalikan oleh MQA. Berkaitan dengan aspek kemudahan atau peralatan, program ini juga dinilai oleh MQA dan ini sebenarnya salah satu aspek penilaian yang akan dijalankan semasa penilaian akreditasi penuh kelak.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul juga ada tanya yang berkaitan dengan prasarana fizikal KV masih ketinggalan. Bagaimana nak lahir tenaga pakar. Jadi, pelaksanaan KV di bawah Transformasi Pendidikan Vokasional, perubahan dan kelengkapan fizikal dan kemudahan diambil kira bagi memastikan pelaksanaan program kemahiran di KV dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Ini termasuklah penambahbaikan bilik darjah baharu, naik taraf bengkel dan ubah suai bengkel yang sedia ada dan menambahkan bahan bengkel dan melengkapkan kelengkapan dan peralatan bagi memenuhi keperluan kurikulum di peringkat diploma. Untuk tahun 2015, sebanyak RM404.4 juta sudah diturunkan untuk tujuan mempertingkatkan peralatan di bengkel.

Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul juga sentuh tentang memohon untuk tukar 50% buah sekolah harian biasa kepada kolej vokasional. Jadi, perancangan menukar taraf sekolah harian kepada KV telah pun dilaksanakan sebagai contoh Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad telah pun dinaiktarafkan kepada KV. Peluasan penukaran sekolah harian kepada KV akan dilaksanakan secara berfasa. Datuk Dr. Lucas bin Umbul juga tanya apakah perbezaan antara sekolah menengah vokasional yang telah dilaksanakan dengan kolej vokasional. Sebelum ini, sekolah menengah vokasional memberi tumpuan kepada aspek akademik dan bukan menyediakan murid dengan kemahiran untuk bekerja. Murid hanya mempelajari asas-asas vokasional dan tiada pensijilan kursus yang diiktiraf oleh industri untuk membolehkan murid terus bekerja di industri sebagai tenaga kerja separuh mahir sebaik sahaja tamat pembelajaran di peringkat SPM. Tempoh pembelajaran iaitu dua tahun di SMV didapati tidak mencukupi untuk melengkapkan murid sebagai tenaga kerja separuh mahir atau mahir yang dikehendaki oleh industri.

Di KV, murid boleh mempelajari asas-asas vokasional di samping akademik dan mendapat pensijilan Diploma Vokasional Malaysia yang diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan dan DVM yang dianugerahkan kepada graduan KV akan membolehkan murid bekerja dan memenuhi keperluan industri. Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul juga tanya setakat manakah IPTA menerima DVM? Jadi Diploma Vokasional Malaysia daripada kolej vokasional adalah diiktiraf oleh MQA dan oleh yang demikian, lulusan DVM yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi boleh memilih untuk melanjutkan pelajaran keempat buah rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Perlis dan Universiti Tun Hussein Onn. Selain daripada itu, pelajar dari KV juga boleh mengikut atau melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang kemahiran di politeknik atau di kolej komuniti dalam bentuk atau konsep pembelajaran sepanjang hayat.

Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul juga tanya kenapakah Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tidak lagi ditawarkan kepada TVET di KV. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Pengurusan Teknik dan Vokasional masih menawarkan program SKM atau Sijil Kemahiran Malaysia dan

program ini adalah dalam bentuk *apprenticeship* di KV. Program ini ditawarkan kepada murid-murid yang tidak mencapai tahap akademik untuk program DVM di beberapa KV dan 237 GIATMARA.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

■2030

Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas juga tanya adakah DVM diiktiraf dan saya sudah memberitahu bahawa memang Diploma Vokasional Malaysia diiktiraf oleh MQA.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali bertanya dan kemukakan satu cadangan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memastikan latihan pelajar KV mendapat diploma serta boleh menyambung pelajaran ke IPT teknikal. Saya tadi sudah jawab bahawa pelajar dari kolej vokasional ada peluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti di bawah Malaysia Teknikal Universiti Network (MTUN). Walau bagaimanapun, peluang untuk melanjutkan pelajaran ini hanya diberikan kepada graduan KV yang layak sahaja menggunakan keputusan yang diperolehi semasa di KV. Peluang masih terbuka kepada mereka untuk mendapatkan pengalaman bekerja di industri terlebih dahulu untuk tempoh tertentu. MTUN akan menyediakan pendidikan dan latihan bagi tahap enam, tujuh dan lapan yang bersamaan dengan ijazah dan ijazah lanjutan.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga ada menyentuh berkaitan dengan mutu pendidikan di KV perlu di perkasakan supaya dapat menghasilkan lebih banyak pelajar berkualiti. Untuk makluman Yang Berhormat, program yang ditawarkan di KV perlu mendapat akreditasi daripada pihak MQA dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi memastikan jaminan kualiti pelaksanaan adalah setanding dengan pusat latihan kemahiran berteknologi tinggi. Selain daripada itu, pensijilan antarabangsa juga dipatuhi seperti City & Guild, TWI dan LCCI bagi menjamin kebolehpasaran pekerjaan peringkat global.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin ada menyentuh tentang keperluan untuk jaminan graduan DVM supaya mereka dapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian. Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha melalui kerjasama dengan pihak industri untuk memastikan graduan DVM boleh diterima oleh pihak industri. Setakat ini, sebanyak 224 MoU telah ditandatangani dengan jalinan kerjasama antara KPM dan pelbagai industri. Kerjasama dengan pihak industri juga melibatkan latihan sangkutan guru di industri dan pemindahan teknologi serta kursus peningkatan kemahiran berterusan.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin ada menyentuh yang berkaitan dengan kerajaan dapat membantu lepasan KV mendapat modal bagi memulakan perniagaan sendiri. Dalam memastikan graduan DVM melibatkan diri sebagai usahawan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah berbincang dengan pihak yang bersedia membantu menyediakan pinjaman seperti SME Corp, PNS dan TEKUN.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah menyentuh tentang kajian yang mendalam dilakukan bagi memastikan kurikulum KV sesuai dengan kehendak industri. Kurikulum Standard Kolej Vokasional dibangunkan bertunjangkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang dibangunkan oleh pihak industri mengikut bidang pekerjaan yang diperlukan. KSKV adalah bersifat

dinamik dan industri *driven* seperti yang saya sudah sebut tadi bahawa Kurikulum Standard Kolej Vokasional adalah *driven*, adalah *industry- and also evident driven*.

Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat yang berkaitan dengan sejauh manakah KPM untuk menyediakan guru latihan dalam TVET dan saya sudah menjawab soalan ini. Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah juga tanya tentang pelajar KV perlu diberikan galakan untuk membuat inovasi dan memang seperti yang saya sudah baca dalam pindaan Akta Pendidikan 1996, saya sudah sebut bahawa dua elemen memang dalam Kurikulum Standard Kolej Vokasional iaitu kreativiti dan inovasi. Jadi, di sini juga saya boleh berkongsi sedikit *success story* dengan izin, yang berkaitan dengan KV memenangi anugerah *Most Outstanding Product* dan sempena *Innovation Festival* (INNOFEST) anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Selain daripada itu, KV juga melibatkan dalam *Asian Young Inventors Exhibition* dan ini ialah anjuran MOSTI.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam ada menyebut yang berkaitan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menubuhkan RDIC dalam TVET dan Kementerian Pendidikan sedang mengambil inisiatif untuk menubuhkan RDIC *center* seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tan Sri. Memandangkan kepentingan penyelidikan, pembangunan, inovasi dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh pelajar KV yang memenangi pertandingan inovasi peringkat antarabangsa dan kebangsaan dapat di *commercialize*. Contohnya, *Smart...* yang memenangi pingat emas di *International Engineering Invention and Innovation Exhibition*, anjuran Universiti Malaysia Perlis.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam ada bertanya bagaimana keanggotaan Majlis TVET. Adakah ada penglibatan industri, universiti, kerajaan negeri dan NGO berkaitan? Peruntukan bagi menubuhkan majlis berkaitan TVET telah diperuntukkan dalam pindaan di bawah seksyen 130. Keanggotaan majlis akan melibatkan pihak yang berkepentingan termasuk wakil industri, universiti, kerajaan negeri dan agensi yang menyediakan latihan TVET.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khariah binti Mohamed bertanya adakah KPM melihat secara serius yang berkaitan dengan unit kaunseling dan kerjaya di sekolah. Jadi memang Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan taklimat Transformasi Pendidikan Vokasional kepada guru-guru bimbingan dan kaunseling seluruh negara pada tahun 2013. Program ini akan terus dilaksanakan untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap pendidikan teknik dan vokasional dan seterusnya mengarusperdanakan pendidikan vokasional dan kemahiran.

Yang Berhormat Senator Hajah Khairiah juga ada tanya tentang aspek keusahawanan perlu dimasukkan dalam kurikulum KV dan KSKV menerapkan aspek keusahawanan ke dalam modul pembelajaran serta mengaplikasikan konsep program *production based education* dan *school enterprise*, dengan izin. Di samping itu, modul pengurusan kewangan dan keusahawanan juga diterapkan dalam KSKV.

#### ■2040

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah juga ada tanya tentang aspek *interpersonal skills* yang mana ini perlu diterapkan dalam kurikulum KV. Jadi dalam pelaksanaan KSKV, aspek *interpersonal*

*skills* memang diberi fokus. Contohnya, KSKV menyediakan modul *English for Communication* bagi memantapkan komunikasi pelajar dalam Bahasa Inggeris dan modul jati diri bagi memastikan graduan DVM mempunyai nilai sahsiah dan jati diri yang unggul.

Yang Berhormat Senator Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman bertanya, berapakah anggaran pembinaan KV baru dan kos penyelenggaraan KV? Jadi, anggaran kos pembinaan KV RM60 juta. Yang Berhormat Senator Dato' Roslin juga tanya berapa banyak KV akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Kementerian Pendidikan Malaysia telah membina enam buah KV baru iaitu KV Pekan, KV Tanjong Piai, KV Kuala Berang, KV Pasir Puteh, KV Pasir Gudang dan KV Pagoh. KV tersebut sedang dalam proses pembinaan dan dijangkakan mula beroperasi pada tahun 2017. Yang Berhormat Senator Dato' Roslin bertanya, berapa ramaikah *target graduate* yang akan dihasilkan? Kementerian Pendidikan Malaysia telah mensasarkan di bawah *enrolment* TVET dan KPI yang akan dicapai bagi tahun 2015 ialah 7% iaitu seramai 31,500 orang murid. Menjelang tahun 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mensasarkan sebanyak 20% orang graduan TVET yang akan dihasilkan melalui pelaksanaan Transformasi Pendidikan Vokasional.

Yang Berhormat Senator Dato' Roslin telah bertanya, sudahkah pihak Kementerian Pendidikan mengenal pasti bidang kemahiran yang diperlukan di luar sana. Kementerian Pendidikan telah mengambil kira keperluan tenaga mahir yang diperlukan berdasarkan koridor ekonomi negara dan input yang disalurkan melalui Unit Perancangan Ekonomi (EPU). Antara bidang yang dikenal pasti yang berimpak tinggi bagi keperluan tenaga mahir negara masa hadapan ialah *aviation*, dengan izin, kejuruteraan marin, *sub-sea welding*, dengan izin, dan *mechatronic*. Untuk makluman Dewan yang mulia, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjalinkan kerjasama dengan pihak ILKS bagi melaksanakan bidang kemahiran tersebut.

Yang Berhormat Senator Dato' Roslin juga bertanya, adakah penyediaan bilik darjah, peralatan bengkel, dan lain-lain sudah tersedia ada. Pelaksanaan KV di bawah Transformasi Pendidikan Vokasional, perubahan dan kelengkapan fizikal dan kemudahan diambil kira bagi memastikan pelaksanaan program kemahiran di KV dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan termasuk penambah baik bilik darjah baru, naik taraf dan ubah suai bengkel sedia ada dan menambah bengkel baru dan melengkapkan kelengkapan dan peralatan bagi memenuhi keperluan kurikulum di peringkat diploma.

Yang Berhormat Senator Dato' Roslin juga ada tanya berkaitan dengan persediaan Kementerian Pendidikan menyediakan tenaga pengajar KV dan saya sudah menjawab soalan itu tadi.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun bertanya KPM perlu merangka kurikulum vokasional kepada murid sejak Tingkatan 1 hingga 3 sebagaimana dilaksanakan oleh negara maju. Untuk makluman Yang Berhormat, program yang dicadangkan Kementerian Pendidikan Malaysia sudah melaksanakan melalui program pendidikan asas vokasional (PAV) yang bermula daripada Tingkatan 1 di sekolah menengah harian dan penawaran program ini sehingga Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2. Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun ada bertanya, adakah kementerian akan melantik lebih banyak

ILKS untuk menjalankan TVM. Pelaksanaan TVM di ILKS melalui program *Buying Places* adalah tertumpu kepada program yang berimpak tinggi sahaja. Setakat ini, hanya sepuluh buah ILKS yang menawarkan program TVM di seluruh negara. Penawaran program TVM di ILKS adalah bergantung kepada peruntukan yang telah disediakan.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun juga ada tanya, apakah langkah KPM untuk tampung permohonan ke KV yang meningkat setiap tahun dan adakah pelajar KV diberi bantuan kewangan? Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menambah tempat dalam pendidikan vokasional melalui kolaboratif dengan ILKA seperti GIATMARA, Institut Latihan Perindustrian seperti Wistec dan *Buying Places* dan *Buying Seats* dengan ILKS.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada banyak lagikah Yang Berhormat?

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Tidak ada. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan, yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih ke atas keprihatinan, teguran, dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas segala jawapan yang diberikan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN) 2014****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****8.51 mlm.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:**  
*Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2014 iaitu suatu akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta 177 adalah undang-undang buruh utama yang mengawal selia perhubungan serta mengekalkan keharmonian perusahaan antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja di sektor swasta. Ia mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai hak majikan dan pekerja dalam menyelesaikan pertikaian perusahaan. Sejak mula dikuatkuasakan pada tahun 1967, Akta 177 telah melalui proses pindaan sebanyak enam kali dan di mana pindaan kali terakhir telah dikuatkuasakan pada 28 Februari 2008. Akta ini dicadangkan untuk dipinda sekali lagi bagi memenuhi perubahan semasa, terutamanya dalam memantapkan penyampaian perkhidmatan dalam aspek perhubungan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, objektif utama pindaan ini ialah untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) dan memantapkan sistem pelantikan Presiden dan Pengerusi Mahkamah Perusahaan supaya dapat mencerminkan konsep 1Malaysia. Selain itu, pindaan kepada Akta 177 juga berhasrat untuk mempercepatkan proses penyelesaian pertikaian dan penguatkuasaan *award* di mahkamah. Walau bagaimanapun, cadangan pindaan itu tidak mencapai persetujuan di peringkat *tripartite*. Justeru, cadangan pindaan tersebut ditangguhkan terlebih dahulu untuk dibincangkan diperincikan semula dalam fasal pindaan Akta 177 yang seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya pindaan-pindaan di bawah undang-undang ini hanya melibatkan pindaan kepada peruntukan sedia ada sahaja dan tidak melibatkan perwujudan peruntukan baru. Tiga peruntukan sedia ada yang dipinda ialah seperti berikut:

- (i) perenggan 2A(2)(b) dipinda dengan memasukkan perkataan 'Timbalan Pengarah Perhubungan Perusahaan' dan 'Penolong Pengarah Kanan Perhubungan Perusahaan' bertujuan untuk memberi *local standi* kepada pegawai dalam gred tertentu untuk menjalankan fungsi di bawah akta ini dan menyelaraskan gred perjawatan dengan gelaran sedia ada;
- (ii) subseksyen 23A(1) sebelum ini memperuntukkan bahawa seseorang itu layak untuk dilantik sebagai Presiden di bawah Perenggan 21(1a) dan sebagai

Pengerusi di bawah subseksyen 23(2). Sekiranya beliau pernah menjadi peguam bela dan peguam cara di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976, Akta 166, selama tempoh tujuh tahun sebelum pelantikannya atau sebagai anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan undang-undang negeri. Melalui pindaan ini, kelayakan untuk dilantik sebagai Presiden dan Pengerusi Mahkamah Perusahaan juga adalah termasuk mereka yang pernah menjadi peguam bela di negeri Sabah, Sarawak di bawah *Advocates Ordinance of Sabah* atau *Advocates Ordinance of Sarawak*. Ini bagi memberi peluang dan hak kesamarataan bagi pengamal undang-undang di Sabah dan Sarawak untuk dilantik sebagai Presiden dan Pengerusi Mahkamah Perusahaan; dan

- (iii) subseksyen 56(4) dipinda dengan menetapkan tempoh masa tujuh hari bagi Pendaftar Mahkamah Perusahaan untuk mendaftar salinan *award* yang telah disahkan ke Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berharap dengan pindaan yang dicadangkan menerusi rang undang-undang ini, aspek pengurusan perhubungan perusahaan di negara ini akan menjadi bertambah baik serta keharmonian dan perhubungan di antara majikan, pekerja dapat dieratkan lagi demi pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ada tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menghantar nama ingin membahaskan Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2014. Jadi, saya ingin mempersilakan Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah, silakan Yang Berhormat.

### 8.57 mlm.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Seperti yang telah dijelaskan, satu rang undang-undang untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan. Seperti yang telah diterangkan oleh menteri tadi, rang undang-undang ini hanya akan bawa pemindaan kepada tiga seksyen sahaja daripada segi seksyen 2A, seksyen 23A dan seksyen 56.

Secara amnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada isu dengan ketiga-tiga pindaan ini. Sebenarnya pada saya, *the long overdue* tetapi isu saya, kalau pada saya, kalau saya tengok pindaan-pindaan yang dicadangkan itu, sebenarnya pindaan-pindaan itu tidak membawa keuntungan kepada kaum pekerja. Kalau kita nampak pindaan itu kebanyakannya macam *superficial* pindaan sahaja, tidak



ada keuntungan dari segi *substance* kecuali seksyen 56. Contohnya, macam Yang Berhormat Menteri telah terangkan tadi kalau kita ambil contoh seksyen 23A. Pindaan seksyen 23A hanya membenarkan peguam-peguam dari Sabah dan Sarawak untuk atau dilantik bagi membolehkan mereka dilantik sebagai Presiden dan Pengerusi. Saya mengalu-alukan itu tetapi daripada segi kebaikan kepada pekerja atau keuntungan kepada pekerja, saya tidak nampak apa-apa keuntungan kepada pekerja.

Saya cuma hendak sentuh, sebelum saya sentuh satu dua isu yang lain. Saya hendak sentuh apa yang disebutkan oleh menteri tadi daripada segi *tripartite*, konsep *tripartism*. Saya hendak tanya, ini satu soalan yang saya hendak tanya kepada menteri. Seperti yang saya faham, biasanya amalan kalau ada apa-apa pindaan, ia perlu dibincangkan di persetujui di peringkat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NALC). Saya cuma hendak tahu sama ada pindaan-pindaan ini dibincang di peringkat NALC dan kalau dibincang sama ada dapat persetujuan di peringkat NALC. Ini daripada segi amalan. Saya timbulkan isu ini kerana kalau kita tengok sekarang ada banyak seksyen yang lain yang pada saya lebih penting tetapi tidak dibuat apa-apa pindaan. Walaupun seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, akta ini termasuk kali ini dah tujuh kali kita buat pindaan.

#### ■2100

So, macam saya cakap tadi pindaan yang kita tengok dalam akta ini, yang ketujuh pun *supervision* sahaja. Ini pada saya tidak selaras dengan jaminan yang diberikan oleh kerajaan dalam beberapa perjumpaan, dalam 10 tahun ini. Sebelum ini ada banyak jaminan yang diberikan oleh kerajaan bahawa perubahan yang *substantial* akan dibuat kepada *the practice of industrial relation* dengan izin tetapi sampai sekarang kita masih belum nampak apa-apa pindaan. Itu isu yang pertama.

Isu yang kedua, saya hendak balik kepada objektif pindaan ini seperti yang di *highlight* oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa salah satu objektif rang undang-undang ini atau pindaan ialah untuk memantapkan pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat mempercepatkan proses penyelesaian pertikaian dan juga penguatkuasaan award di mahkamah. Isu saya daripada segi proses penyelesaian pertikaian. Kalau kita tengok sekarang ini, pada saya masih ada beberapa seksyen dalam akta ini *the main act* itu yang tidak membantu mempercepatkan proses penyelesaian, sebenarnya ia melewatkan proses penyelesaian.

Sebagai contoh, saya ambil dua seksyen sebagai contoh yang saya rasa menyumbang kepada kelewatan, satu seksyen 20(2) Akta Perhubungan Perusahaan. Kalau sekarang kita tengok seksyen 20 sekarang, seseorang pekerja yang dipecat boleh membuat representasi di pejabat Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan supaya diambil bekerja semula dan pejabat Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan selepas menerima representasi itu, dia akan mengambil langkah-langkah untuk menyelesaikan kes. Sekiranya, tidak mendapat penyelesaian di peringkat IR *office*, maka pengarah itu akan merujuk kes itu kepada Menteri seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 20(2) sekarang ini. Kemudiannya, kalau Menteri fikir sepatutnya, dia akan rujuk kepada mahkamah seperti yang diperuntukkan oleh 20(3). Daripada segi ini pada saya, Menteri dengan izin, *will play God* sebab Menteri akan memutuskan sama ada hendak merujuk atau tidak, itu *next point*.

Saya hendak balik kepada 20(2). Pada saya 20(2) dan 20(3) ini pada saya perlu dipinda. Cadangan saya perlu dipinda, 20(2) itu perlu dipinda supaya tidak memerlukan merujuk kepada Menteri. Sekarang 20(2) kena merujuk kepada Menteri kalau tidak ada penyelesaian. Pada saya kalau tidak ada penyelesaian, cadangan saya ialah supaya kes itu dirujuk terus kepada mahkamah, tidak perlu melalui Menteri. Dengan cara ini, kita dapat mempercepatkan proses penyelesaian. Kalau sekarang, saya tidak tahu apa jangka masa sekarang tetapi dahulu saya tahu. Kalau hendak pergi jumpa Menteri dan selepas itu hendak pergi ke mahkamah pun, kalau dirujuk proses itu sahaja akan mengambil masa lapan hingga sembilan bulan, dahululah sekarang saya tidak tahu berapa lama masanya.

Itu 20(2), isu saya dengan 20(3) ialah kuasa Menteri untuk merujuk satu-satu kes itu kepada mahkamah untuk dibicarakan. Kalau sistem sekarang, *of course administrative officer* akan membantu Menteri tetapi proses sekarang, Menteri akan menjadi satu proses penapisan kes-kes dan Menteri akan menentukan sama ada hendak merujuk ke mahkamah atau tidak. Ertinya, kalau Menteri berpendapat bahawa kes itu tidak patut untuk dirujuk ke mahkamah maka habis macam itu sahaja, kes itu tidak akan dirujuk kecuali dia pergi mandamus pergi *civil court* maka saya hanya fokus kepada Mahkamah Perusahaan sebagai satu *court of justice*.

Apa yang saya dapat faham, kalau kita tengok pada tahun 2012 dan 2013 lebih kurang 1,000 kes, lebih kurang 900 kes dalam kedua-dua tahun tidak dirujuk ke Mahkamah Perusahaan, *that means* ertinya dia mati macam itu sahaja yang 1,000 kes itu. Kalau kita tengok seksyen 23 sekarang ini, kuasa ini *almost absolute* dengan Menteri, dengan izin, sebab buat masa ini Menteri tidak perlu untuk memberikan sebab-sebab kenapa dia hendak tolak kes itu. So, pada saya kalau mati macam itu pada saya, daripada pandangan saya dia seperti menafikan keadilan untuk pekerja.

Jadi cadangan saya kepada Menteri secara ringkas, saya cadang supaya 22 dan 23D dikaji semula dengan objektif supaya tidak payah dirujuk kepada Menteri tetapi terus ke Mahkamah Perusahaan, itu *first point*. Lagi satu perkara yang saya ingin sentuh ialah isu lama yang pernah dibangkitkan sebelum ini ialah isu mengenai Mahkamah Rayuan Perusahaan atau *Industrial Appellate Court*. Isu ini pun telah lama dibincangkan. Kalau kita tengok peruntukan yang sedia ada, kalau sesiapa pekerja itu tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Perusahaan, dia boleh pergi ke Mahkamah Tinggi melalui seksyen 33A tetapi seksyen 33A pun dalam keadaan-keadaan yang tertentu sahaja dari *on point of law* dan sebagainya.

Isu saya ialah berkenaan dengan isu *industrial relations and Appellate Court*. Macam saya cakap tadi, itu bukan satu isu yang baru sebab pernah dibincangkan dengan kerajaan, saya ingat sudah lebih daripada 10 tahun. Kesatuan sekerja telah menimbulkan isu ini baik kesan- dan termasuk MTUC sendiri telah menimbulkan isu ini. Pada suatu masa dahulu, kalau tidak salah ada sedikit tanda-tanda positif dari kerajaan bahawa kerajaan telah memberikan satu tanda bahawa akan mewujudkan satu *avenue* untuk merayu, bukan seksyen 33 tetapi akan mewujudkan satu lagi *revenue* untuk merayu. Kalau tidak salah pada masa itu cadangannya ialah untuk sebuah Mahkamah Tinggi Khas untuk kes-kes buruh. Ini

daripada segi kepakaran, kalau macam sekarang seksyen 33, *you* pergi kepada *high court* biasa tidak ada kepakaran dalam isu-isu buruh.

So, pada masa itu ada satu cadangan supaya satu Mahkamah Tinggi Khas kepada kes-kes buruh. Akan tetapi sehingga ke hari ini tidak ada apa-apa perkembangan seolah-olah macam *back burners*. Jadi cadangan saya, saya masih berpegang kepada ini bahawa satu *avenue* yang lain untuk rayuan kena diwujudkan di atas dua sebab. Pertama kalau kita masih berpegang kepada seksyen 33, hendak juga pergi kepada *high court* pada saya ini akan menyebabkan kelewatan sebab sekarang – *first* isu *high court* itu dari segi isu kepakaran tetapi ini isu daripada isu kelewatan. Dalam *high court* pun kalau sekarang, kita tengok ada banyak *backlog*. So, pada saya kalau kita masih berpegang kepada seksyen 33A, ia tidak akan menyumbang kepada proses mempercepatkan penyelesaian pertikaian.

Itu satu daripada segi kelewatan, sekarang pun di peringkat Mahkamah Perusahaan sudah tiga, empat tahun kena tunggu sejak mula-mula difailkan kes di seksyen 20, dua tahun, tiga tahun. Kalau pergi ke *high court* lagi, kena tambah pun tidak tahu beberapa tahun, itu satu daripada isu kelewatan. Kedua, daripada isu kos. Kalau kena juga pergi kepada- kalau kita tengok Mahkamah Perusahaan dengan izin, *is a court of social justice* dan ekuiti. Kalau kita kena pergi kepada *high court*, maka ia akan melibatkan kos dan kita tahu kos dalam *high court* itu satu kos yang tinggi.

Bukan semua pekerja boleh ada duit untuk berbelanja untuk pergi *appeal* di *high court*. Pada saya satu cadangan, kalau tidak boleh ubah seksyen 33 tidak boleh tubuhkan atau mewujudkan Mahkamah Khas, *Industrial Relation Appellate Court* maka cadangan saya kalau masih kena pakai seksyen 33, saya cadangkan kepada kerajaan dalam keadaan-keadaan macam ini saya rasa kerajaan kena memberi bantuan perkhidmatan guaman secara percuma kepada pekerja-pekerja, itu satu.

#### ■2110

Akan tetapi saya punya *first choice* kalau boleh *I* masih *prefer system* ditubuhkan *Industrial Relations Appellate Court*. Apabila saya cadang hendak tubuhkan *Industrial Relations Appellate Court*, ertinya seksyen 33 itu kena dimansuhkan. Akan tetapi apabila saya cadangkan seksyen 33A itu dimansuhkan, niat saya bukan hendak cakap selepas itu tidak ada *judicial review*. *Judicial review* masih boleh buat, cuma mungkin perlu pindah seksyen 33 kalau esok sudah tubuh *Industrial Relations Appellate Court*, *judicial review* itu kena pergi kepada *Court of Appeal*. Saya membuat cadangan ini Tuan Yang di-Pertua dengan satu niat sahaja supaya kita dapat capai matlamat yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kita mempercepatkan proses penyelesaian dan pertikaian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir.

#### 9.11 mlm.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya janji tidak akan ada pantun oleh sebab saya uzur.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ini merupakan apa yang disebut dengan izin, *social legislation*. Ia merupakan suatu akta yang tidak boleh disamakan dengan misalnya CPC ataupun Kanun Keseksaan dan sebagainya. Ia merupakan *social legislation* yang mana terdapat pelbagai seksyen termasuk hal yang berkaitan dengan Mahkamah Perusahaan yang mengambil kira aspek apa yang dipanggil sebagai dengan izin, *social legislation* tadi. Pada hemat saya, pindaan ini lebih bersifat *administrative*. Ia bukan sesuatu yang akan membuka ataupun merungkai atau menggubal suatu yang lebih besar selain daripada soal untuk memperkemas lagi jentera pentadbiran agensi di bawah kementerian. Di Dewan bawah, di Dewan Rakyat hal ini telah dialu-alukan dan rakan saya sebentar tadi juga mengatakan sedemikian. Jadi tidak ada isu di sini, yang jadi isu ialah apabila pindaan dibuat ke atas seksyen 2A ini ertinya akan ada satu jawatan atau dua jawatan baru iaitu dikenalkan sebagai Timbalan Pengarah Perhubungan Perusahaan dan Penolong Pengarah Kanan Perhubungan Perusahaan, yang jadi hal ialah bagaimana dengan penggredan pegawai-pegawai?

Kita maklum bahawa setakat ini Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan digredkan di bawah PPP Utama 'C'. Apakah dengan pindaan ini maka akan ada perubahan daripada segi gred? Yang Berhormat Menteri kena ambil ini sebagai suatu tanggungjawab dan inisiatif. Yang Berhormat Menteri diibaratkan seperti juragan ataupun kapten dalam sebuah kapal. Penentuan hala tuju kapal itu Yang Berhormat Menteri, yang lain ini hanyalah mereka yang melengkapinya sebagai sebuah *team* dalam kapal tersebut. Jadi saya ingin tanya nanti, apakah jaminan Yang Berhormat Menteri bahawa apabila ada perubahan Timbalan Pengarah Perhubungan Perusahaan, Penolong Pengarah Kanan Perhubungan Perusahaan ini akan ada perubahan? Ini misalnya daripada PPP 'C' Utama kepada PPP 'B' Utama, misalnya. Kemudian di bawah ia itu kalau dulu 54 dia menjadi 'C', 52 menjadi 54, 48 menjadi 54. Ini kakitangan awam fahamlah Yang Berhormat Menteri berkenaan yang jaga Parlimen pun dia faham apa yang saya cakap ini. Maknanya mesti ada pergerakan itu. Kalau tidak ada pergerakan itu Tuan Yang di-Pertua, ia tidak ada memberi apa-apa makna. Jadi mesti ada *movement* itu.

Tuan Yang di-Pertua, beban kerja setakat yang diketahui oleh pegawai-pegawai terutama di pejabat-pejabat Perhubungan Perusahaan di negeri seperti Selangor dan Wilayah agak besar. Kes-kes yang dikendalikan oleh mereka sepanjang mengenai kes seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 iaitu tentang pemulihan kerja ialah lebih daripada 57% dalam tempoh lima tahun daripada sejumlah 16,767 kes. Ertinya kalau dihipunkan semua kes ini lebih daripada 8,000 kes dikendalikan oleh pejabat-pejabat di Selangor dan di Wilayah Persekutuan. Jadi maknanya ia merupakan suatu hal yang perlu diberi perhatian oleh Yang Berhormat Menteri sebagai saya katakan tadi juragan dan ini merupakan juga suatu tanda aras prestasi Yang Berhormat Menteri sepanjang mengenai bagaimana dia boleh menaikkan taraf anak buahnya.

Saya masih ingat Tuan Yang di-Pertua dalam tahun 80-an, tidak ada pengambilan baru bagi pegawai-pegawai perhubungan perusahaan, waktu itu di bawah perkhidmatan guna sama. Pegawai-pegawai yang kanan atau senior jauh misalnya jarak dengan pegawai-pegawai baru. Jadi apabila mereka bersara wajib, pegawai-pegawai baru ini terpaksa belajar melalui kaedah yang lain kerana berlaku

lompong di antara pegawai yang melepaskan jawatan kerana bersara wajib dan salah siapa ini? Ini yang kita hendak tanya, salah siapa ini? Pada saya salah juragan kerana dia tidak sensitif kepada keperluan pada waktu. Makanya berlaku tohmahan di kalangan pekerja dan juga majikan termasuk kesatuan pekerja bahawa pegawai-pegawai pada waktu itu tidak dapat mengendalikan kes-kes termasuk kes di bawah seksyen 20, kes di bawah seksyen 18, kes di bawah seksyen 8 dan sebagainya oleh sebab mereka tidak mempunyai pengetahuan dan tidak didedahkan dengan pengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, maka oleh sebab itu saya sangat berharap bahawa sebaik sahaja pindaan ini diluluskan oleh Dewan ini, Yang Berhormat Menteri ambillah tanggungjawab gred semula pegawai-pegawai ini. Kalau kita mahukan prestasi yang baik maka penilaian ke atas mereka juga haruslah diberikan pada tempatnya. Ertinya mesti meletakkan pada tempatnya. Seperti orang kata, "*Pinang pulang ke tampuk, sirih pulang ke gagang*".

#### ■2120

Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya pergi kepada soal 23A ini, yakni mengenai pelantikan Presiden dan juga Pengerusi Mahkamah. Ini juga bukan merupakan satu perkara yang luar biasa malah ia sepatut berlaku lebih awal tetapi bukan itu yang saya hendak timbulkan. Saya hendak menimbulkan soal jaminan pekerjaan kepada pengerusi dan juga presiden mahkamah ini iaitu dengan izin, *security of tenure*. Mereka ini diletakkan di bawah kontrak. Apabila diletakkan di bawah kontrak, penghujung kontrak mereka, mereka merasa sama ada akan disambung atau tidak sama juga dengan kawan-kawan kita di dalam Dewan ini sambung atau tidak.

Jadi itu merupakan suatu hal yang menyebabkan fokus mereka terhadap pekerjaan tidak menjadi baik. Jadi saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengambil langkah yang sesuai dan wajar sepanjang mengenai pelantikan presiden atau Yang di-Pertua Mahkamah dan juga Pengerusi-pengerusi Mahkamah seperti mana dalam seksyen 21, seksyen 22 dan seksyen 23 Akta Perhubungan Perusahaan tahun 1967. Ini penting ertinya kalau tidak ada jaminan mereka juga kadang-kadang daripada segi prestasinya tidaklah menyerlah kerana dia tidak tahu apa akan berlaku selepas ini. Apa yang kita tahu dalam perkhidmatan kehakiman misalnya mereka bersara pada usia 65 tahun.

Kedua mengenai jumlah pengerusi di Mahkamah Perusahaan. Mereka ini boleh dilantik dalam dua keadaan. Pertama pegawai-pegawai di Bahagian Kehakiman dan juga Bahagian Perundangan. Ini ertinya mereka di apa yang disebut di Jabatan Peguam Negara ataupun di *judiciary*, dibawa ke Mahkamah Perusahaan dan dia biasanya untuk beberapa tahun kemudian dilantik menjadi Pesuruhjaya Kehakiman sebelum menjadi hakim. Jadi seolah-olah itu merupakan satu *stating stone*, dengan izin, satu loncatan untuk naik ke atas lagi.

Apa yang saya maksudkan ialah mengapa tidak Menteri, ini peranan Menteri, melantik peguam-peguam yang berdaftar di bawah Akta Profesion Guaman yang sedang bertugas ataupun yang disebut yang beramal, *practicing lawyers*, dengan izin, supaya mereka juga dapat terutama mereka yang mempunyai pengalaman yang buat kes-kes di Mahkamah Perusahaan, kes-kes di Mahkamah Buruh, kes-kes di Mahkamah Tinggi, dan Mahkamah Rayuan dimasukkan ke dalam sistem ataupun dalam

perjawatan pengerusi-pengerusi Mahkamah Perusahaan. Saya mohon Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian yang serius dalam perkara ini.

Mengenai isu 56(4) ini suatu hal yang sangat diharapkan berlaku oleh sebab kita bimbang pekerja atau pekerja-pekerja yang menang kes di Mahkamah Perusahaan apabila *award* diturunkan oleh Presiden atau Yang di-Pertua ataupun pengerusi-pengerusi ia menjadi apa yang dipanggil dengan izin, *paper award*. Ertinya *award* ada tetapi tidak dapat hendak dikuatkuasakan. Kadangkala apabila hendak dikuatkuasakan syarikat tempat bekerja atau sebagainya tidak dapat dikesan. Jadi samalah seperti analogi pembedahan berjaya, pesakitnya mati. Ertinya dia berjaya membedah pesakit itu tetapi pesakitnya meninggal. Sama juga ertinya menang kes dapat *award* tetapi tidak dapat dikuatkuasakan.

Jadi dengan hal ini diharapkan ia boleh mempercepatkan lagi proses penguatkuasaan award-award tersebut. Ada satu, dua *point* lagi Tuan Yang di-Pertua yakni mengenai seksyen 9, Akta Perhubungan Perusahaan tahun 1967 berhubung dengan soal tuntutan pengiktirafan. Beberapa tahun yang lalu proses menentukan jumlah keanggotaan kesatuan ini dibuat dengan dua kaedah. Pertama, melalui apa yang dipanggil dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *membership verification* ataupun pemeriksaan keanggotaan. Kedua melalui undi rahsia.

Kemudian ia dipinda sekarang ini menggunakan kaedah undi rahsia ataupun *secret ballot*. Apa yang menjadi hal ialah apabila sesebuah kesatuan pekerja menuntut pengiktirafan daripada majikannya atau syarikat yang berkenaan dikemukakan Borang 'A' dan begitu juga...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada lima minit lagi, Yang Berhormat. Yang Berhormat ada lima minit lagi.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** ...Mengemukakan Borang 'A' maka akan ada balasan daripada pihak syarikat Borang 'B' dan pihak kesatuan akan memberikan Borang 'C'. Borang 'B' ini yang menjadi isu kerana dalam Borang 'B' itu dimasukkan semua yang dipanggil pekerja termasuk pekerja-pekerja dari luar ataupun kita panggil pekerja-pekerja imigran ini. Sedangkan mereka ini tidak tentu berapa lama akan berada di situ.

Apa yang menjadi hal Tuan Yang di-Pertua dalam kertas undi rahsia itu dituli, saya ahli persatuan, saya bukan ahli persatuan. Apa yang kita bincang banyak kali sepatutnya ialah saya mahu persatuan, saya tidak mahu persatuan. Akan tetapi saya tahu masalahnya ialah oleh sebab dalam akta ini, akta ibu ada menyebut di bawah seksyen 9 dan saya *quote*, saya petik, dengan izin, "*No trade union of workman the majority of host membership consist of workmen...*" Dan seterusnya, dia pegang kepada perkataan "*host membership*". Maknanya saya minta Yang Berhormat Menteri untuk mengelakkan daripada kacau-bilau yang berlaku sekarang ini untuk melihat semula seksyen 9 ini terutama dalam suku kata *host membership* ini tadi. Sebab inilah yang menyusahkan dan menyulitkan kepada pihak persatuan pekerja dan juga pegawai-pegawai yang mentadbirkan.

Akhir sekali seksyen 40. Seksyen 40 Akta Perhubungan Perusahaan ini adalah berhubung dengan piket dan memang di bawah seksyen ini saya selalu menyebutkan dia sebagai pasif dengan izin,

*passive law*. Ertinya seksyen 40 ini dia mengatakan tidak menjadi kesalahan dia tidak sebut boleh dibuat, dia tidak sebut begitu. Tidak mengapalah. Ini berhubung dengan piket.

Baru-baru ini ada piket yang dilakukan oleh sekumpulan pekerja-pekerja yang menjadi anggota kesatuan di Petaling Jaya. Syarikatnya ialah British American Tobacco. Mereka buat piket atas hal yang berkaitan dengan isu pekerjaan. Akan tetapi apa yang berlaku adalah ada yang melaporkan kepada polis dan pekerja-pekerja ini ditangkap dan dimasukkan ke dalam lokap dan dihadapkan ke mahkamah. Tidak pernah berlaku semacam ini. Sedangkan ertinya mereka melakukan ini selaras dengan seksyen 40 Akta Perhubungan Perusahaan. Mengapakah hal ini boleh berlaku? Ertinya ia akan memberi satu persepsi bahawa kita tidak membenarkan piket.

#### ■2130

Pada hemat saya selagi piket itu dilakukan selaras dengan undang-undang ini ia tidak menjadi satu kesalahan. Kecuali kalau misalnya mereka ini menghalang lalu lintas, membuat kacau, mengganggu, merosakkan harta syarikat, itu perkara lain. Akan tetapi selagi ia masih dalam kawalan dan pegawai-pegawai kesatuan berada di situ saya kira hal ini tidak sepatutnya berlaku. Saya berharap bahawa undang-undang yang kita katakan sebagai "*social legislation*" ini hendaklah diberikan makna yang sebenarnya. Sama juga halnya dengan soal mahkamah tadi, Mahkamah Perusahaan merupakan mahkamah yang dipanggil sebagai *court of natural justice*, dengan izin, ataupun *court of equity*, atau *court of good conscience*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, dipersilakan yang terakhir dipersilakan Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman. Silakan Yang Berhormat.

#### 9.31 mlm.

**Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya bersama-sama membahaskan satu pindaan dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Perbahasan saya pendek sahaja. Saya terus merujuk kepada pindaan fasal 3 yang bertujuan meminda seksyen 23A, Akta 177 ini.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]

Sebagaimana yang dihadapi oleh lain-lain mahkamah, masalah kes-kes tertangguh ini merupakan satu isu yang perlu ditangani dengan kreatif. Tidak ketinggalan ke Mahkamah Perusahaan. Seboleh-bolehnya kita menyegerakan perbalahan di antara majikan dan pekerja. Pelantikan peguam bela dan peguam cara sebagai presiden Mahkamah Perusahaan memang ditunggu lama. Saya sangat menyokong inisiatif ini.

Sungguhpun begitu saya mempunyai beberapa soalan yang perlu penjelasan. Pertama, siapakah ahli panel pemilihan presiden mahkamah ini? Kedua, apakah kriteria pelantikan peguam bela dan peguam

cara menduduki jawatan presiden mahkamah ini? Perlukah mereka ini memiliki pengalaman beberapa tahun? Perlukah mereka ini biasa mewakili kes-kes di Mahkamah Perusahaan? Perlukah mereka ini menduduki peperiksaan? Ketiga, adakah jawatan tersebut berstatus tetap atau kontrak atau bertugas bila perlu? Jika bertugas secara kontrak atau sementara, adakah undang-undang yang mengikat presiden kontrak ini? Keempat, apakah kemudahan yang diterima oleh para presiden mahkamah ini? Adakah pihak yang bertelagah boleh memilih presiden mahkamah yang mereka mahu?

Seterusnya, dalam senario perbicaraan berulang kali, adakah hanya seorang presiden dibenarkan untuk mengadilinya? Adakah juga diperuntukkan bilangan presiden yang dilantik itu semestinya mengikut kuota gender? Sekian, mohon penjelasan. Akhir sekali tahniah kepada kementerian yang berani membuat pembaharuan dengan pendekatan yang kreatif ini. Semoga pendekatan sebegini dapat dicontohi oleh mahkamah-mahkamah lain yang menghadapi masalah *backlog* kes-kes yang menyusahkan pelbagai pihak. Kepada kementerian, setelah pindaan ini diluluskan, dipohon agar pihak kementerian memikirkan juga pendekatan membenarkan kes-kes didengari di premis-premis lain. Contohnya, di balai-balai raya di sekolah-sekolah atau di mana-mana tempat yang dipersetujui.

Pendekatan begini lebih mesra rakyat, menepati *Blue Ocean Strategy* dan menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional serius menangani kes-kes perbalahan industri negara. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

### 9.34 mlm.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya hendak ambil kesempatan hendak ucapkan terima kasih banyak kepada tiga orang Ahli Dewan Negara yang cukup prihatin tentang nasib masa depan pekerja dan memberikan pandangan dan cadangan dan komen yang cukup baik untuk kepentingan kita semua bahkan untuk pekerja khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memanjangkan *intro* saya sebaliknya saya hendak terus menjawab apa persoalan-persoalan dan pandangan-pandangan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Pertama, ialah Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah. Yang Berhormat Senator sebenarnya matlamat kita untuk meminda apa juga undang-undang ialah ke arah memperbaiki dan memperkemaskan undang-undang tersebut untuk ia lebih berkesan dan berfaedah. Kepada mereka yang akan mendapat faedah terus ataupun tidak terus melalui undang-undang yang kita sediakan itu dan akhirnya sudah tentulah kepada negara keseluruhannya. Dalam konteks Mahkamah Perusahaan, Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan ini ialah kepada pekerja, majikan dan juga kerajaan sendiri.



Saya tidak bersetuju dengan apa Yang Berhormat katakan bahawa kita seolah-olah dalam istilah yang mudah saya katakan, '*Melepaskan batuk di tangga*' sebenarnya tidak begitu. Bukan sekadar *surface* ataupun di peringkat atasan kita pinda undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang disebutkan tadi apakah kita telah membincangkan dengan Kesatuan Buruh NLC umpamanya. Berkenaan pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ini telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 di bawah Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan pada 21 Ogos 2014. Mungkin Yang Berhormat tidak terlibat, jadi tidak bermakna kalau Yang Berhormat tidak terlibat kita tidak melibatkan orang lain dan 8 Oktober 2014.

Seterusnya, ia juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan Bil. 2/2014 pada 28 Oktober 2014. Walau bagaimanapun, memandangkan hanya tiga seksyen yang mendapat *consent*, maknanya persetujuan. Kita kemukakan banyak Yang Berhormat. Saya bersetuju bahkan mungkin ada pandangan-pandangan yang lebih baik kita boleh tetapi apakah semuanya boleh diterima oleh pihak-pihak yang mengambil bahagian? Sebagai contoh pelaksanaan gaji minimum di negara kita.

Bagi saya memang saya setuju, kalau boleh RM3,000, RM4,000 gaji, alangkah baiknya untuk pekerja. Akan tetapi apakah semua orang boleh menerima, termasuk majikan dan sebagainya. Jadi memandangkan hanya tiga seksyen mendapat *consent* atau persetujuan *stakeholder* maka tiga pindaan ini dibawa dahulu. Namun, pandangan Yang Berhormat itu kita akan ambil perhatian atau moga masa hadapan undang-undang yang ada ini dapat memberikan faedah yang terbaik kepada pekerja kita.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah juga mengatakan pindaan ini tidak menguntungkan pekerja dan bersifat- saya sudah jawab tadi. Cadangan supaya seksyen 23 mengenai kuasa rujukan Menteri di Mahkamah Perusahaan ditiadakan ataupun dipinda. Seperti yang telah saya nyatakan tadi terdapat banyak seksyen lain ingin dipinda oleh kementerian untuk mempercepatkan proses penyelesaian pertikaian dan penguatkuasaan dibuat di Mahkamah Perusahaan.

Walaupun bagaimanapun, cadangan tersebut telah mencapai persetujuan di peringkat *tripartite* cadangan-cadangan pindaan yang lain termasuk seksyen 23 seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat akan diperincikan semula dan dibincangkan dalam fasal pindaan Akta 177 yang seterusnya. Di Dewan Rakyat pun kita mempunyai pandangan yang sama. Ini sangat-sangat kita akan berikan perhatian. Tuan Yang di-Pertua untuk isu berikutnya yang ditimbulkan...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Penjelasan.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Ini cuma satu, semasa penimbangan penimbang dan ulang kaji semula kalau boleh termasuk seksyen 30(3) ini. Kalau kita tengok 30(3) ini saya rasa tidak pernah dalam tempoh satu bulan kecuali kalau *consent* lah. So, kalau boleh peruntukan itu ada, cara hendak menguatkuasakan itu. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Senator kita ambil perhatian tentang cadangan itu. Tuan Yang di-Pertua, isu berikutnya ialah apakah status 'Mahkamah Rayuan Perusahaan'

yang pernah dicadangkan ini? Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun pihak kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia ada menerima cadangan daripada pelbagai pihak berhubung dengan mekanisme rayuan bagi kes-kes yang melibatkan keputusan Mahkamah Perusahaan. Setakat ini pihak kerajaan belum membuat sebarang keputusan berhubung dengan penubuhan Mahkamah Rayuan tersebut. Pada masa sekarang keputusan Mahkamah Perusahaan boleh disemak semula melalui proses semakan kehakiman, *judicial review*, dengan izin. Mekanisme ini didapati tidak mendatangkan sebarang masalah kepada pihak-pihak terbabit. Walau bagaimanapun, pihak kementerian sedang dalam proses untuk meneliti cadangan Yang Berhormat ini.

■2140

Tuan Yang di-Pertua, isu keempat yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra, cadangan supaya pekerja yang dibuang kerja diberi bantuan guaman percuma. Ini ialah cadangan yang baik tetapi pihak kementerian perlu mengadakan perbincangan dengan Jabatan Bantuan Guaman berhubung dengan cadangan ini.

Isu yang terakhir ialah isu kelewatan kes di JPP dan Mahkamah Perusahaan. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik tahun 2014, sebanyak 50% kes telah diselesaikan dalam tempoh 61 hari hingga 91 hari. Manakala di peringkat Mahkamah Perusahaan pula, lebih 70% kes diselesaikan dalam tempoh 24 bulan daripada tarikh rujukan ke Mahkamah Perusahaan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih banyak juga kepada 'Tan Sri Syed Zahir' yang juga orang yang cukup mahir dalam bidang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bukan Syed Husin, 'Syed Shahir'.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Syed Shahir ya, Syed Shahir tetapi sebut 'Zahir', maaf. Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir yang dianggap sebagai seorang yang cukup berpengalaman dalam bidang perburuhan ataupun tenaga kerja di negara kita ini. Antara isu yang disebut oleh Yang Berhormat, beliau memuji jugalah langkah kerajaan, kementerian meminda akta ini termasuk daripada segi menambah jawatan, menaikkan taraf jawatan dan sebagainya. Saya kira, biasanya apabila sesuatu struktur organisasi itu diubah dan lazimnya akan berlakulah perubahan daripada segi *grading* dan sebagainya.

Sebenarnya kita di bawah kementerian, Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) amat serius, amat prihatin tentang kadang-kadang terdapat kes-kes yang agak lewat dikendalikan oleh sebab mungkin kekurangan masa, beban tugas yang dipikul oleh pegawai-pegawai termasuklah presiden dan pengerusi mahkamah ini. Saya kira sudah tentulah kerajaan akan prihatin dan seperti yang saya sebutkan, saya juga Tuan Yang di-Pertua, saya juga bekas Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Saya tahu bagaimana struktur biasanya sesuatu perjawatan di sesuatu organisasi akan dibuat. Jadi, sudah tentulah kita akan perjuangkan supaya dengan penambahan ruang pelantikan termasuk pengerusi, presiden dari Sabah dan Sarawak ini akan dapat memberikan ruang kepada kita untuk mempercepatkan kes-kes di Mahkamah Perusahaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang berikutnya ialah isu jaminan kepada jawatan presiden dan pengerusi ini. Perkara ini dalam makluman Yang Berhormat Menteri dan sedang diperhalusi bagi memastikan kemantapan dalam keputusan di mahkamah dapat dipertingkatkan. Kita tidak mahu Tuan Yang di-Pertua, kerana tempoh perkhidmatan yang kontrak menjadi sebab kenapa kes-kes yang melibatkan pekerja ini akan menjadi lewat dan kita berhadapan dengan kerugian, bukan sahaja kepada pekerja tetapi kepada perkara-perkara lain termasuklah kepada kepentingan negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira tidak silap saya, ada dua seksyen yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir. Akan tetapi di dalam pindaan ini tidak termasuk apa yang disebutkan walaupun ia berfaedah kepada kepentingan kita. Umpamanya, saya ambil satu sahaja, seksyen 9, tuntutan pengiktirafan. Jabatan mengambil maklum terhadap saranan Yang Berhormat Senator dan sedang mengumpul input daripada *stakeholder* untuk mengkaji semula keseluruhan proses tuntutan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli Senator sekalian, sebenarnya kita amat prihatin dan kita juga silap-silap lebih prihatin daripada Ahli Yang Berhormat sekalian tentang tanggungjawab kita untuk membela masa depan pekerja kerana mereka amat memberikan sumbangan yang besar kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang saya kira mungkin di luar, seksyen 40 iaitu piket yang berlaku baru-baru ini, yang melibatkan Syarikat Tobacco Importers and Manufacturers Sdn. Bhd., dengan izin. Saya sedikit ingin menjelaskan kepada Dewan ini dan mungkin Yang Berhormat juga tahu. Sebenarnya, kes ini dalam tindakan berbagai-bagai pihak. Cuma saya hendak maklumkan sedikit, sebenarnya piket ini berlaku beberapa kali iaitu pada 20 April, 21 April, 22 April, 23 April, 24 April, 28 April. Masa-masanya ada Tuan Yang di-Pertua. Tidak perlu saya perincikan. Saya difahamkan mungkin agaknya MTUC juga terlibat, kita akan siasat perkara ini. Sebenarnya, insiden ini terjadi kerana bantahan yang dilakukan oleh pihak pekerja kepada majikan mereka.

Antara sebab-sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kita tengah menyiasat - bantahan tarik balik kemudahan rokok yang diberikan oleh syarikat kepada pekerja, telah diberikan kepada pekerja-pekerja secara percuma. Ini apabila ditarik balik rokok - tetapi kalau saya Tuan Yang di-Pertua, anak saya, saya tidak beri merokok. Kalau dia naik motosikal, saya akan cium *handle* motosikal itu. Kalau ada bau, siap. Kenapakah harus kamu bakar duit ayah kamu? Sebab saya sayang anak saya, begitu. Akan tetapi ini antara pekerja dan majikan kerana mereka ialah pembekal dan pengeluar rokok. Kes ini telah difailkan di Jabatan Perhubungan Perusahaan dan sedang dalam tindakan jabatan.

Kebuntuan perjanjian kolektif juga antara isu. Kemudian, bantahan isu *retrenchment* 12 orang ditamatkan, telah memfailkan kes ke jabatan dan juga kes bawah VSS. Kronologi kes ini Tuan Yang di-Pertua, seramai 11 orang bekas pekerja **TIM** yang telah ditamatkan dan menyertai piket telah ditangkap oleh pihak polis. Ini isu yang mungkin ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator. Polis menyatakan telah menerima aduan daripada jiran-jiran bersebelahan syarikat bahawa piket tersebut mengganggu kerana bunyi bising yang dihasilkan daripada hon kereta. Berikutan daripada aduan tersebut, polis telah

menahan 11 orang bekas pekerja ini di bawah Akta Kesalahan Kecil 1955 iaitu menimbulkan gangguan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tarik sedikit benda-benda seperti ini. Sebab itulah bagi kita, pegawai dia, baik Ahli Parlimen kah, Ahli Senator kah, majikan, *union* dan sebagainya, kita harus memberikan kesedaran kepada pekerja-pekerja kita. Kadang-kadang mereka ini ingat bahawa inilah satu sahaja undang-undang yang ada, yang tertakluk di bawah bidang mereka dan kita lupa bahawa di sana ada undang-undangnya yang lain. Kalau kita silap langkah, maka sudah tentu pihak-pihak yang berkenaan boleh mengambil tindakan melalui undang-undang berkenaan.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menghuraikan lebih panjang kes ini kerana ia masih lagi dalam tindakan jabatan kita. Jadi *insya-Allah* Yang Berhormat, kalau ini kita akan buat susulan berikutnya. Apa yang penting kepada saya, bagaimana kita boleh memastikan bahawa majikan, pekerja juga kita bela kerana kedua-duanya tidak boleh kita pisahkan dalam menentukan masa depan pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir ialah Yang Berhormat Senator Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman, saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Senator Dato' Roslin atas cadangan yang cukup baik, termasuklah sehingga Yang Berhormat mencadangkan kalau boleh - adakah kes-kes ini boleh didengari di premis-premis lain contohnya di balai-balai raya dengan tujuan untuk memberikan kemudahan yang sebaik-baiknya kepada rakyat ataupun pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sebenarnya peranan Kerajaan Barisan Nasional, kerajaan kita. Di bawah kementerian Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, mencari pekerja. Kita pergi turun ke bawah, kita buat *Job Fair* di bawah. Dulu kita cari pekerja pada majikan-majikan tetapi hari ini, kita turun ke bawah dan inilah antara pendekatan yang kita ambil. Beberapa isu telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Roslin. Siapakah ahli panel pemilih presiden? Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia, Mahkamah Perusahaan di bawah Kementerian Sumber Manusia mempunyai 26 perjawatan meliputi satu jawatan Yang di-Pertua Presiden dan 20 jawatan Pengerusi Mahkamah Perusahaan.

Jawatan Yang di-Pertua jawatan kader ataupun tetap iaitu pegawai-pegawai ini terdiri daripada Skim Pegawai Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman. Lantikan mereka Tuan Yang di-Pertua, diuruskan oleh Jabatan Peguam Negara manakala kerja yang pelantikan peguam bela, peguam cara menduduki jawatan Presiden. Pelantikan Pengerusi Mahkamah Perusahaan telah diperuntukkan di bawah seksyen 23A Akta Perhubungan Perusahaan 1967 sebelum seseorang itu boleh dilantik sebagai Pengerusi Mahkamah Perusahaan, dia hendaklah beramal ataupun mengamalkan sebagai peguam bela dan peguam cara dalam pengertian Akta Profesion Undang-undang 1976.

#### ■2150

Apakah mereka ini perlu berpengalaman? Sudah tentulah amat baik kalau mereka terdiri daripada orang-orang yang berpengalaman. Akan tetapi pelantikan seperti kelayakan di atas juga memerlukan mereka ini berpengalaman dalam bidang tersebut sekurang-kurangnya tujuh tahun secara

berterusan sebelum lantikan itu dibuat. Antara yang ditimbulkan ialah apakah mereka ini biasa mewakili kes-kes di Mahkamah Perusahaan. Sebenarnya, tidak ada syarat yang kita berikan, yang diwajibkan kepada mereka ini biasa mewakili kes di Mahkamah Perusahaan, makna tidak menjadi syarat. Mereka juga sebenarnya tidak diperlukan untuk menduduki apa-apa peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, antara soalan lain yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Roslin ialah adakah jawatan tersebut berstatus tetap atau kontrak atau pun bertugas apabila perlu? Jika bertugas secara kontrak atau sementara, apakah undang-undang yang mengikat Presiden kontrak ini? Pada masa ini, Mahkamah Perusahaan mempunyai 23 orang Pengerusi di mana 17 orang daripadanya jawatan kader dari Jabatan Peguam Negara, manakala 6 orang lagi Pengerusi kontrak. Kesemua mereka ini telah memiliki kriteria di bawah seksyen 23(a) untuk dilantik sebagai Pengerusi Mahkamah Perusahaan. Pelantikan Pengerusi kontrak adalah bagi tempoh dua tahun. Lantikan akan diperbaharui berdasarkan prestasi mereka. Ini juga penting Tuan Yang di-Pertua.

Setakat ini, Pengerusi kontrak adalah terikat dengan kontrak perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Tiada undang-undang yang spesifik, yang khusus yang mengikat Pengerusi kontrak ini. Mengenai kemudahan yang diterima oleh Presiden Mahkamah ini. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Roslin, taraf jawatan Presiden jawatan utama sektor awam JUSA 'B', manakala taraf jawatan Pengerusi jawatan utama sektor awam JUSA 'C'. Gaji yang diperoleh mengikut gred gaji jawatan JUSA 'B' ataupun JUSA 'C' dan mereka ini juga mendapat kelayakan-kelayakan yang juga diperoleh oleh jawatan utama sektor awam JUSA 'B' ataupun JUSA 'C' yang mereka sandang.

Tuan Yang di-Pertua sedikit lagi. Apakah adakah pihak yang bertelagah boleh memilih Presiden Mahkamah yang mereka mahu? Kes-kes diagihkan kepada Pengerusi mengikut giliran masing-masing. Maknanya, kalau ada satu Pengerusi itu kes masih ada, maka sudah tentulah kita bagi kepada Pengerusi yang lain. Pihak-pihak yang bertelagah boleh membuat permohonan untuk memilih Pengerusi yang mereka mahu dengan alasan yang munasabah dan persetujuan oleh kedua-dua pihak. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kalau boleh kita cari jalan bagaimana supaya krisis majikan-pekerja ini akan dapat kita hindarkan dan kita cari seminimum yang boleh dan kita dapat selesaikan di luar mahkamah kerana kedua-duanya akan merugikan pekerja dan majikan.

Dalam senario perbincangan berulang kali, adakah hanya seorang Presiden dibenarkan untuk mengendalikannya? Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Pengerusi tertakluk kepada arahan pertukaran ke jabatan lain, bersara atau tamat kontrak. Oleh itu bagi memastikan kes yang didengar tidak tertangguh, perbicaraan perlu diteruskan oleh Pengerusi yang lain. Maknanya, tidak mesti kalau Pengerusi satu, tidak ada kita hendak mematikan isu ini ataupun perbicaraan ini. Sebab itulah kita hendak kan orang yang *qualified*, yang berkelayakan, yang ada pengalaman supaya siapa saja yang mengendalikan kes ini, kes itu dapat diselesaikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya ialah sebagai seorang wanita, sudah tentulah Yang Berhormat Dato' Roslin bertanya tentang agihan perjawatan ini. Diperlukan peruntukan bilangan Presiden yang dilantik itu mestilah mengikut kuota gender. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Roslin dan

Yang Berhormat Ahli Senator semua, sebenarnya kerajaan kita cukup prihatin dan ingin menyetengahkan sebanyak mungkin tenaga profesional daripada bukan saja lelaki, bahkan juga wanita. Seperti mana jawapan yang diberikan sebelum ini, pelantikan Presiden dan Pengerusi Mahkamah Perusahaan adalah seperti kelayakan yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 23(a), Akta Perhubungan Perusahaan 1997, Akta 177 dan tidak tertakluk kepada sebarang kuota gender.

Namun demikian, setakat 28 April 2015, 15 bilangan Presiden, Pengerusi Mahkamah Perusahaan mengikut gender 11 orang wanita dan 12 orang lelaki. Walaupun... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud walaupun lelaki itu lebih kuat daripada perempuan tetapi sebenarnya daripada segi kita, kita melihat peluang yang ada walaupun mereka itu lelaki atau wanita. Sebab itulah hari ini ada 11 orang wanita dan 12 orang lelaki. Terdapat tiga kekosongan berikutan pertukaran kepada pengerusi mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Yang Berhormat Menteri, kementerian saya, Kementerian Sumber Manusia atas pandangan, sumbangan, keprihatinan, teguran. Walaupun boleh mengusik sedikit hati-hati kita tetapi ia cukup berfaedah demi kepentingan pekerja, majikan dan negara keseluruhan. Oleh sebab ini hari terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan selamat berjumpa lagi pada persidangan akan datang. Terima kasih, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan **Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN)(PINDAAN) 2015****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****9.59 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Wa'alaikumussalam.*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1980 akta mengenai saraan Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, anggota pentadbiran, Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat dan Ketua Pembangkang dan lain-lain perkara berkaitan dengannya. Tujuan rang undang-undang ini ialah untuk meminda seksyen 3 dan 4, Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 bagi saraan Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara dan juga Ahli Dewan Rakyat, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

**■2200**

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang Ahli Parlimen Saraan (Pindaan) 2014 dengan pindaan pada 9 April 2014. Fasal 1(1) dan (2) rang undang-undang mengenai nama rang undang-undang yang dipinda iaitu Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2014 dan tarikh berkuat kuasanya iaitu pada 1 Januari 2015.

Fasal 2 rang undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 3 Akta ibu. Fasal 2(a) mencadangkan elaun bulanan bagi Ahli Dewan Negara kepada RM11,000 sebulan. Fasal 2(b) mencadangkan elaun bulanan Ahli Dewan Rakyat kepada RM16,000 sebulan.

Fasal 3 rang undang-undang bertujuan meminda seksyen 4 Akta ibu iaitu mengenai gaji Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Fasal 3(a) mencadangkan gaji bulanan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat kepada RM31,000 sebulan. Manakala fasal 3(b) pula mencadangkan gaji Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat kepada RM22,000 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 4 rang undang-undang ini adalah bertujuan mengadakan peruntukan bagi tarikh gaji dan elaun bulanan kena dibayar iaitu dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2015. Elaun dan gaji bulanan ini akan melibatkan perbelanjaan tambahan kepada kerajaan sebanyak RM31,971,981,36 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya cadangan kadar baru elaun bulanan ini satu pengisytiharan bahawa Ahli-ahli Parlimen akan bekerja dengan sepenuh masa secara tulus, ikhlas dan berintegriti demi kepentingan rakyat untuk membina masa depan negara dengan lebih cemerlang. Oleh itu, semua Ahli Parlimen akan melafazkan dan menandatangani Ikrar Integriti Ahli Parlimen sebagai aku janji kepada rakyat tentang arah tuju yang akan dipatuhi oleh Ahli-ahli Parlimen.

Ahli-ahli Parlimen perlulah menggaji khidmat pegawai-pegawai penyelidik untuk meningkatkan lagi kualiti perbahasan di Dewan yang mulia ini. Dalam pada itu, Ahli-ahli Parlimen hendaklah meletakkan perkhidmatan kepada rakyat sebagai keutamaan demi kesejahteraan rakyat dan berilah perkhidmatan sepenuh masa. Saya ingin memaklumkan bahawa dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan penjawat awam yang sentiasa setia kepada perkhidmatan awam maka kerajaan dari semasa ke semasa telah melaksanakan lapan kali penambahbaikan gaji iaitu dari tahun 2000 sehingga 2013. Semoga penjawat awam akan terus meneruskan khidmat cemerlang mereka seperti yang terdapat dalam aku janji dan akuan berkanun. Sementara itu kali terakhir semakan elaun tetap bulanan Ahli-ahli Parlimen adalah pada tahun 2004. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman.

#### 10.04 mlm.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.*

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2014. Demi menghormati kelulusan yang telah dibuat oleh Dewan Rakyat dan mematuhi persetujuan Kabinet saya menyokong rang undang-undang ini. Istimewa pula pembayaran emolument bagi Ahli-ahli Parlimen di Malaysia ini adalah salah satu daripada yang terendah di dunia.

Walau bagaimanapun, izinkan saya memberi beberapa pendapat berhubung rang undang-undang ini. Pertama secara peribadi saya tidak setuju di atas emolument yang berbeza di antara Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara. Kononnya atas asas Ahli Dewan Rakyat mempunyai kawasan khusus. Saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing *represent the whole state*, dengan izin, bukan sahaja Machang kalau di Kelantan tetapi seluruh negeri Kelantan atau kalau Yang Berhormat dari Sungai Petani tugas Yang Berhormat ialah untuk seluruh negeri Kedah.



Begitulah juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dilantik untuk mewakili pertubuhan-pertubuhan dan kumpulan-kumpulan yang tertentu bagi seluruh negara. Dewan Negara adalah digelar dengan izin, *Upper House* dan kualiti hujah-hujah kita sebagai penggubal undang-undang adalah setanding dengan hujah-hujah di Dewan Rakyat bahkan Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi ada menyatakan bahawa perbahasan di Dewan Negara ini lebih berhemah dan berkualiti [*Tepuk*]

Kedua, oleh sebab Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tidak bercadang tidak melulus rang undang-undang ini. Kita mintalah supaya peruntukan dalam Kertas Statut nombor 235 tahun 1983 yang ada bersangkutan paut dengan Akta Parlimen (Saraan) 1980 dipinda seperti berikut:

- (i) Pindaan perenggan 1(b) ditukar seperti berikut:  
Elaun keraian. Elaun ini dibayar kepada Ahli Parlimen sebanyak RM2,500 dan bukan dibeza RM2,000 kepada Ahli Dewan Negara dan RM2,500 kepada Dewan Rakyat;
- (ii) Perenggan baru 9 (a) ditukar seperti berikut:  
Elaun bahan api kenderaan. Elaun ini layak dibayar kepada Ahli-ahli Parlimen sebanyak RM1,500 dan bukan dibeza elaun RM750 kepada Ahli Dewan Negara dan RM1,500 kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat;
- (iii) Perenggan baru 1b ditukar seperti berikut:  
Elaun pembayaran tol. Bayar tol pun hendak dibezakan. Elaun ini layak dibayar kepada Ahli Parlimen sebanyak RM300 sebulan dan bukan dibeza dibayar kepada Ahli Dewan Negara sebanyak RM200 dan Ahli Dewan Rakyat sebanyak RM300.

Ketiga, saya hendak bangkit berhubung dengan pembayaran persaraan atau pensyen kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Seperti yang kita tahu ada di antara kita yang dilantik satu penggal dan ada juga dua penggal. Saya faham bahawa seharusnya ada perbezaan antara hak pensyen di antara Ahli-ahli Dewan Negara yang bertugas satu penggal dan yang bertugas dua penggal tetapi saya difahamkan Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik satu penggal hanya menerima satu perempat daripada pensyen mereka yang dilantik dua penggal. Saya berharap benar kerajaan mengkaji semula peraturan ini. Boleh jadi dinaikkan sekurang-kurangnya setengah daripada pensyen yang diterima oleh mereka yang dilantik dua penggal [*Tepuk*]

#### ■2210

Satu lagi berhubung dengan pembayaran pensyen ini ialah Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang sudah pensyen lama dan wang pensyen mereka tidak pernah *review* atau disemak. Pensyen Ahli Dewan Negara satu penggal hanya RM1,028 dan setelah dilulus untuk dinaikkan 2%, pencennya ialah RM1,062 sebulan. Bagi mereka yang telah pensyen dan memandangkan perkhidmatan yang telah diberi semasa mereka berkhidmat adalah wajar kerajaan *review* pensyen mereka ini seperti yang dibuat terhadap penjawat-penjawat awam yang saya faham bahkan diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri tadi telah *review* selama lapan kali semenjak 1983.

Sekian Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu panjangkan lagi ucapan saya. Dengan hujah-hujah itu dan demi menghormati keputusan di Dewan Rakyat dan mematuhi persetujuan Kabinet saya pohon menyokong. Sekian *wabillahitaufiq walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa lagi? Ya, silakan.

#### 10.12 mlm.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, turut membahaskan rang undang-undang ini saya ingin Dewan yang mulia ini faham kemudian menilai tujuan elaun Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara hendak dinaikkan. Saya dari Johor, jiran sebelah ialah Singapura. Elaun Ahli Parlimen Singapura dalam ringgit Singapura SGD30,000 sebulan. Kalau ikut nilai kita pada kadar 2.7, ialah RM81,000 sebulan.

Kawasan satu-satu Parlimen kalau kita keluar daripada Dewan ini turun ke bawah sampai tugu kebangsaan satu Parlimen. Jumlah pengundi satu-satu Parlimen sekitar 30,000 ke-35,000 orang pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita bandingkan dengan elaun Ahli Parlimen Malaysia. Kalau lulus dan Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman tadi mencadangkan supaya lulus Ahli Dewan Rakyat dapat RM16,000 sebulan, Ahli Dewan Negara iaitu termasuk saya sendiri, kita ini RM11,000.

Daripada segi kawasan kita kalau di sebelah Semenanjung ada yang sampai 120,000 jumlah pengundinya satu-satu kawasan pilihan raya seperti Johor Bahru. Tidak-tidak 60,000 orang pengundi. Kawasan pula kalau di Sarawak, satu-satu kawasan kadang-kadang lebih besar daripada negeri Melaka dan Singapura itu lebih kecil dari Melaka. Dua Singapura satu Melaka.

Kalau di Sabah, Parlimen Kudat itu lebih besar dari Perlis, *Allahuakbar.* Saya membuat perbandingan ini Tuan Yang di-Pertua untuk merasionalkan apakah wajar atau tidak wajar Ahli Parlimen Malaysia dapat elaun yang lebih berbaloi. Tidak kira sama ada daripada kerajaan mahupun kawan-kawan minoriti. Perdana Menteri Singapura mendapat gaji SGD120,000 sebulan dalam RM324,000 sebulan.

Perdana Menteri kita Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak dapat gaji RM21,000 sebulan dan yang kita hendak bincangkan malam ini ialah bukan kenaikan gaji Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan menteri-menteri serta Timbalan Menteri. Itu Kabinet telah memutuskan mereka tidak naik gaji. Kita hendak putuskan ini ialah elaun Ahli Parlimen Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Cambodia negeri yang boleh kita tahu, kita ukur sangat miskin dan kalau kita pergi ke Cambodia, kita pergi keluar bandar sedikit sahaja budak lima tahun telanjang bulat lagi tetapi gajinya daripada segi elaun Ahli Parlimennya USD5000 sebulan bersamaan RM17,500. Apabila saya membentangkan fakta-fakta ini Tuan Yang di-Pertua, adakah kewajaran patut kita meluluskan rang undang-undang ini?

Saya rasa patut sangat dan tidak perlu dipertikaikan oleh sesiapaupun dan janganlah dimanipulasi oleh rakan-rakan saya daripada minoriti. Saya bercakap ini dengan ikhlas hati untuk tujuan semua sekali Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita lihat pula kenaikan elaun dari negeri-negeri Sarawak tarikh berkuat kuasa ialah pada bulan Januari 2012 yang lalu elaun Ahli Dewan Undangan Negeri RM15,000 sebulan.

■2220

Selangor, yang dipimpin oleh minoriti dilaksanakan pada bulan satu 2014, RM11,250, Ahli Dewan Undangan Negeri. Maknanya kalau banding dengan Ahli Dewan Negara, kita kurang RM250. Johor, dilaksanakan pada bulan satu 2015, RM9,000. Sabah, dilaksanakan bulan satu 2015, RM7,950 dan Negeri Sembilan dilaksanakan mulai dari bulan satu 2014, RM8,954. Sekali lagi, cuba kita fikirkan soal kewajaran elaun Ahli Parlimen sama ada di Dewan ini ataupun Dewan Rakyat patut dinaikkan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju dengan saranan-saranan Tan Sri Rahim tadi dalam Kertas Statut. Saya mengatakan perkara ini boleh dilakukan kerana saya difahamkan bahawa ia hanya memerlukan persetujuan Perdana Menteri sahaja. Perkara-perkara elaun keraian yang berbeza, elaun bahan api kenderaan yang berbeza, elaun pembayaran tol dan termasuk semua sekali keistimewaan-keistimewaan lain, saya rasa patutlah dan wajarlah diselaraskan. Setuju? [*Tepuk*] Patutlah diselaraskan.

Cuba kita lihat keunikan Ahli-ahli Dewan Negara. Tadi bila Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar berucap, dia mencetuskan satu idea baru, memperkasakan Majlis Keselamatan Negara yang sekarang kita nampak memang lemah tetapi dia membawa pandangan baru. Contoh, kita ada pakar-pakar *chartered surveyor*, peguam, doktor pakar dan *academician* dan kita tidak kurang dalam soal memberikan pandangan-pandangan yang bernas.

Dalam pada itu seperti juga yang Tan Sri Rahim sebutkan tadi, ada wakil-wakil negeri, ada wakil-wakil pertubuhan sehinggakan orang kurang upaya pun diwakili di dalam Dewan ini dan tidak berlaku dalam Dewan Rakyat [*Tepuk*] Kaum-kaum juga diwakili dan kita memberikan pandangan, kita membahaskan secara profesional dan bukan nak bergaduh di dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pencen. Sebelah saya ini dua orang akan pencen. Kalau pun ikut gaji yang baru, dia pencen, dia dapat satu per empat daripada separuh pencen itu dia akan dapat RM2,750. Saya nak tanya, saya tak sanggup tengok Dato' Lim Nget Yoon tahun depan berbaris untuk terima BR1M. Saya tak sanggup tengok Tuan Syed Shahir sahabat saya juga berbaris ambil BR1M [*Ketawa*] Saya tak sanggup. Jadi, untuk pencen ini saya mencadangkan supaya sama ada satu penggal atau dua penggal sekurang-kurangnya satu penggal mestilah dia dapat 50% daripada [*Tepuk*] Elaun bulanan. Saya memperkatakan hal ini Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja untuk Ahli Dewan Negara tetapi juga bagi pihak Ahli Dewan Rakyat.

Kita tengok komitmen misalnya Dato' Roslin, dia juga akan pencen tapi malam ini tiap-tiap bil dia berucap. Maknanya daripada segi khidmat, daripada segi dia punya kebolehan, dia boleh terus memberi sumbangan tetapi ada faktor misalnya daripada segi negeri hanya pilih dia untuk satu penggal ataupun daripada segi parti pilih dia hanya untuk satu penggal dan pembelaan nasib dia, kitalah di Dewan yang

mulia ini patut mempertimbangkannya. Saya rasa Dato' Seri Shahidan setuju dengan saya [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua,

*Buah dukung buah kuini,  
Masak ranum di dalam raga,  
Untuk santapan raja muda,  
Kami menyokong RUU ini boleh dilaksanakan sekarang juga, ataupun mengikut  
kesesuaian masa [*Tepuk*]*

Dengan itu, saya sama-sama menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak-banyak. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 10.28 mlm.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang berucap terutamanya Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman dan Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid. Beberapa cadangan elaun Ahli-ahli Dewan Negara dan juga Ahli Dewan Rakyat termasuk pencen Ahli-ahli Dewan Negara dan juga Ahli Dewan Rakyat.

Saya nak kena jawab yang ini dulu. Pertama sekali ialah berhubung dengan pencen iaitu Yang Berhormat Tan Sri Rahim mencadangkan supaya bekas Ahli Dewan Negara diberi penyalaraan pencen sebagaimana seperti sektor awam. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, berkuat kuasa 1 Januari 2014, pencen bekas Ahli Parlimen menerima penyalaraan pencen sebanyak tambahan 2% setiap tahun seumur hidup penerimanya. Cara penyalaraan ini adalah seperti mana dilaksanakan bagi pesara sektor awam. Cara penyalaraan ini menggantikan penyalaraan yang diberi hanya bila berlaku penyalaraan elaun Ahli Parlimen yang sedang berkhidmat. Cara lama ini akan menimbulkan keadaan di mana pencen tidak dinaikkan kadar pencen.

#### ■2230

Berhubung dengan sama ada benar ataupun tidak bahawa bekas Ahli Dewan Negara yang berkhidmat selama satu penggal menerima pencen bernilai satu per empat daripada bekas Ahli Dewan Negara yang berkhidmat dua penggal. Tidak benar. Sebenarnya pencen bekas Ahli Dewan Negara dikira berdasarkan formula satu per 144 kali tempoh perkhidmatan ataupun bulan kali dengan elaun Ahli Dewan Negara. Ini bererti bahawa seorang Ahli Dewan Negara yang telah berkhidmat selama satu penggal akan menerima sebanyak 50% daripada Ahli Dewan Negara yang berkhidmat selama dua penggal.

Yang lain-lain Yang Berhormat telah timbulkan berhubung dengan Kertas Statut tadi, pihak kerajaan akan bagi perhatian. Berhubung dengan pencen juga, kerajaan akan bagi perhatian. Saya juga seperti kawan-kawan yang lain ingin memberi pengiktirafan bahawa perbincangan Ahli-ahli Dewan Negara

adalah baik. Dalam keadaan tertentu, adalah terbaik dan mereka meletakkan profesionalisme di hadapan dan bukan emosi ataupun gaduh-gaduh seperti Yang Berhormat Dato' Adam sebut tadi.

Jadi, ini sesuatu yang cukup baik dan saya telah melalui zaman yang begitu panjang di Dewan Negara ini dan saya dapati bahawa perbahasan pada Dewan kali ini adalah cukup baik. Saya terpanggil untuk terus berada di sini walaupun sebenarnya jiwa saya berada di Rompin dan juga di Permatang Pauh. Akan tetapi saya terus berada di sini untuk mendengar hujah-hujah yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat .

Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua dan juga semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan ucapan yang begitu baik dan juga telah membuat ulasan mengenai beberapa perkara yang telah dibincangkan di peringkat Dewan Rakyat. Jadi, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dan apa yang telah ditimbulkan tadi akan diberi perhatian oleh pihak kerajaan yang sewajarnya dan tidak perlulah saya menyebut kepada Yang Berhormat apa yang akan dibuat.

Yang Berhormat pun sudah maklum bahawa perkara ini telah pun dibincangkan dalam Parlimen yang lepas dan dibawa ke Parlimen ini sudah dua tahun lebih dan sekarang inilah masa yang semua pihak bertanya apakah akan terjadi dengan cadangan yang telah dibawa begitu lama. Kita bersyukur Dewan Negara dengan ikhlas hati dan tulus hati meluluskan rang undang-undang ini dan sekali lagi saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua pihak.

Saya menerima- bateri saya sampai habis sebab banyak pihak yang menghantar pertanyaan-pertanyaan berhubung dengan perbahasan pada malam ini. Saya maklumkan bahawa Ahli-ahli Dewan Negara adalah orang yang jujur, profesional dan sentiasa terbuka dan saya pasti mereka melihat apa yang kita buat ini adalah yang terbaik untuk semua dan juga untuk kualiti perbahasan.

Saya juga hendak maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat seperti yang saya telah sebutkan tadi bahawa elaun baru yang dicadangkan ini ialah lebih menumpukan kepada usaha Ahli-ahli Parlimen untuk mengambil penyelidikan bagi membantu meningkatkan kualiti perbahasan masing-masing sama ada di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara. Hal ini kena disebut kerana sering kali timbul perkataan-perkataan bahawa elaun dinaikkan ataupun tidak tetapi kita kena ingat bahawa semasa elaun ini yang terakhir dikaji pada tahun 2004, jumlah penduduk Malaysia berlainan. Jumlahnya berlainan daripada yang ada pada hari ini.

Kemudian yang keduanya, kita lihat isu-isu tahun 2004 adalah berlainan daripada apa yang ada pada hari ini dan Ahli-ahli Parlimen mesti sentiasa bersiap siaga dengan maklumat semasa perbahasan dan juga lain-lain perkara di luar perbahasan. Jadi dengan itu, semua Ahli Parlimen digalakkan, kalau boleh dimestikan tetapi dalam hal ini saya hanya mampu untuk berkata digalakkan untuk mengambil penyelidikan tambahan bagi membantu mereka meningkatkan kualiti perbahasan masing-masing.

Walaupun saya sudah ada penyelidik saya, sudah ada pegawai-pegawai yang membantu tetapi saya mengambil pegawai penyelidik tambahan untuk Pejabat Parlimen saya. Peringkat awal ini saya

ambil tambahan lima orang dahulu untuk memastikan supaya khidmat yang terbaik dapat diberikan kepada rakyat.

Jadi, bagi kawasan-kawasan lain bolehlah mengambil seorang dan sebagainya mengikut kawasan masing-masing dan jumlah elaun yang akan dibayar. Sudah pasti dengan elaun baru yang telah dicadangkan ini, perkhidmatan kita kepada rakyat sudah pasti dapat ditambah baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas sokongan yang diberikan oleh semua Ahli-ahli Dewan Negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya hendak maklumkan bahawa sebab ini tidak masuk di bawah rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Parlimen serta pegawai-pegawai kerajaan. Saya juga hendak maklumkan bahawa saya berterima kasih atas rang undang-undang yang telah diluluskan tadi dan saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan akan menentukan tarikh pelaksanaan elaun tetap bulanan pada masa yang sesuai demi kesejahteraan rakyat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

## USUL-USUL MENTERI

### AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) 1985

#### 22.39 mlm.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Akan tetapi gaji Timbalan Menteri dan Menteri tidak naiklah [Ketawa] Kesian. Tahniah kepada semua. Tidak apalah, apa boleh buat [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut subseksyen (4), seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 supaya akta itu hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 15 Jun 2015.

#### ■2240

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan April 1985, Dewan yang mulia ini telah pun membahaskan satu rang undang-undang iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) yang merupakan suatu akta yang membuat peruntukan mengenai tahanan pencegah terhadap orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubung atau melibatkan pengedaran najis dadah berbahaya. Usul ini telah pun menarik perhatian ramai Ahli Yang Berhormat pada masa itu dan setelah dibahaskan dengan panjang lebar, maka ia telah pun diluluskan.

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 itu telah dikuatkuasakan mulai 15 Jun 1985 bagi tempoh kuat kuasa selama lima tahun. Tempoh kuat kuasa akta ini telah dilanjutkan oleh Parlimen sebanyak lima kali dan cadangan lanjutan kali ini adalah bagi lanjutan yang keenam. Akta ini memperuntukkan kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengeluarkan perintah tahanan atau perintah sekatan terhadap mana-mana orang yang didapati pernah ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubung atau yang melibatkan pengedaran najis dadah berbahaya bagi satu tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan boleh dilanjutkan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun bagi setiap lanjutan.

Semenjak berkuat kuasa mulai Jun 1985 hingga 30 Mac 2015, Menteri Dalam Negeri telah pun mengeluarkan sejumlah 31,691 perintah yang mana 20,312 daripadanya perintah tahanan manakala 11,397 lagi Perintah Sekatan. Masing-masing di bawah seksyen 6(1) dan seksyen 6(3) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985. Mereka yang dikenakan perintah tahanan ini akan ditempatkan di salah sebuah daripada empat buah pusat pemulihan akhlak yang telah ditetapkan iaitu Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah dan Pusat Pemulihan Akhlak Machang. Sehingga 30 Mac 2015, terdapat seramai 1,280 orang tahanan telah ditempatkan di pusat tahanan yang disebutkan tadi.

Subjek yang menerima perintah sekatan pula akan dihantar ke kawasan luar daripada aktiviti pengedarannya. Sepanjang tempoh tersebut, mereka akan diletakkan di bawah pengawasan polis

dengan syarat bagi mengehadkan pergerakan mereka. Ia bertujuan untuk memutuskan rangkaian aktiviti pengedaran dadah oleh subjek berlainan selain daripada tujuan pemulihan. Kerajaan amat prihatin terhadap aspek kebajikan dan proses pemulihan mereka yang terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah. Bagi maksud itu, pelbagai program pemulihan telah dijalankan secara tetap dan berkala bagi mencapai matlamat memilih mereka daripada najis dadah. Program ini memberi fokus kepada pengisian rohani, jasmani, emosi melalui program yang memupuk sifat jati diri yang tinggi, berdisiplin, berkeyakinan serta mempunyai kekuatan mental dan fizikal.

Selain itu, mereka juga didedahkan dengan sedikit kemahiran hidup yang boleh diguna untuk memulakan satu kehidupan baru apabila dibebaskan kelak. Program pemulihan yang dijalankan bukan hanya tertumpu kepada orang-orang tahanan di dalam pusat pemulihan akhlak sahaja, malah turut di aplikasi kepada Orang-orang Sekatan yang menjalani perintah sekatan di luar. Bagi meneruskan sokongan terhadap usaha pemulihan mereka, Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama jabatan-jabatan kerajaan yang lain turut menjalankan program *outreach* bersama orang sekatan.

Program *outreach* secara berkumpulan diadakan untuk memberi bantuan kepada Orang-orang Sekatan daripada segi motivasi, nasihat, bantuan kebajikan untuk diri sendiri dan keluarga, peluang pekerjaan, pemeriksaan kesihatan dan penggantian dokumen pengenalan diri seperti MyKad. Sehingga 10 April 2015, terdapat seramai 594 orang yang dikenakan perintah sekatan ini di seluruh Malaysia.

Walaupun akta ini telah berkuat kuasa sejak Jun 1985 dan tindakan-tindakan telah pun diambil mengikut peruntukan-peruntukan di dalamnya, namun bilangan kes yang diterima tetap membimbangkan. Kegiatan pengedaran dadah masih wujud dan akan berterusan selagi terdapatnya permintaan daripada kalangan penagih serta bekalan daripada pengedar dadah. Untuk itu, usaha bagi memerangi pengedaran najis dadah telah dilaksanakan dengan meluas. Malah bagi menunjukkan dadah sebagai musuh yang sangat berbahaya, kerajaan telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara, sejak dari tahun 1983 sehingga kini.

Negara yang bebas daripada ancaman berbahaya dadah adalah penting demi menjamin kesejahteraan masyarakat dan mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional. Bagi mencapai maksud negara bebas dadah, jumlah bekalan *supply* oleh pengedar-pengedar dadah dan permintaan (*demand*) oleh penagih dadah hendaklah dihapuskan. Untuk itu, pihak kerajaan mengambil pendekatan strategi penguatkuasaan undang-undang ialah antara mekanisme yang digunakan oleh kerajaan yang bertujuan menyekat kemasukan dadah berbahaya dari luar negara, menghapuskan pengedaran dan pengusahaan makmal dadah haram, menangkap penagih dadah dan membuat pendakwaan ke atas pesalah-pesalah dadah melalui beberapa akta seperti berikut:

- (i) Akta Dadah Berbahaya 1952;
- (ii) Akta Racun 1952;
- (iii) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983;
- (iv) Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988; dan
- (v) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.



Setakat ini pihak polis telah berjaya menumpaskan beberapa sindiket pengedaran dadah yang berskala kecil dan berskala besar. Namun demikian, kedudukan negara ini yang berhampiran dengan *Golden Triangle* dan keadaan perbatasan darat dan laut yang panjang dan luas telah membuka ruang kepada sindiket-sindiket untuk menjalankan kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah di negara ini melalui 'jalan-jalan tikus' di sempadan negara. Terbaharu, pihak polis telah mengesan taktik baru sindiket pengedaran dadah yang menggunakan perkhidmatan *courier* melalui jalan udara untuk menyeludup masuk dadah berbahaya ke dalam negara.

Selain daripada penyeludupan dan pengedaran dadah, pihak polis juga telah berjaya membongkar aktiviti pemprosesan dadah berbahaya yang dijalankan dalam makmal-makmal haram di premis-premis sendirian yang disewa. Perubahan zaman menyaksikan sindiket pengedaran dadah tidak lagi terlibat dalam aktiviti jual beli semata-mata, bahkan telah mempunyai kepakaran untuk menghasilkan sendiri dadah-dadah berbahaya bagi memenuhi permintaan yang tinggi dalam kalangan penagih.

Ancaman berbahaya dadah tidak akan dapat diatasi sepenuhnya selagi mana ada penawaran daripada pengedar-pengedar dadah. Mereka ini boleh diibaratkan sebagai 'duri dalam daging' terhadap usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas daripada ancaman najis dadah. Dengan yang demikian, adalah penting bagi kerajaan untuk meneruskan dan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang bertujuan mengekang ancaman daripada terus menular dalam kalangan masyarakat.

Namun demikian, dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ini pihak polis berhadapan dengan beberapa kesukaran. Sungguhpun anggota penguatkuasaan berjaya menahan pengedar-pengedar dadah, namun didapati mereka itu adalah orang suruhan atau orang bawahan dalam struktur organisasi sindiket pengedaran dadah. Mereka yang ditahan dibawa di bawah seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1985 yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati. Sungguhpun anggota bawahan tersebut telah berjaya ditahan, namun ketua sindiket pengedaran dadah atau lebih dikenali sebagai '*kingpin*' masih bebas. Pihak penguat kuasa menghadapi kesukaran untuk menangkap ketua-ketua sindiket atau *kingpin* ini dan membawa mereka ke mahkamah terbuka tanpa bukti pemilik dadah secara fizikal.

#### ■2250

Masalah kedua ialah kegiatan pengedaran dadah juga didapati banyak melibatkan sindiket yang turut terlibat dalam kegiatan kongsi gelap dan jenayah terancang. Pihak penguat kuasa menghadapi kesukaran untuk mendapatkan saksi bagi memberi keterangan di mahkamah memandangkan saksi-saksi ini telah menerima ancaman keselamatan daripada kumpulan kongsi gelap tadi. Oleh yang demikian, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 mekanisme terbaik dalam mengatasi masalah ini.

Tindakan menahan dan menyekat mereka yang terlibat dalam pengedaran dadah akan dapat mengurangkan lagi kegiatan sindiket. Pengedaran dadah memutus jaringan bekalan dadah daripada

pengedar kepada penagih. Oleh itu tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 perlu dilanjutkan selama lima tahun lagi mulai 15 Jun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang perkara ini terbuka untuk dibahas. Untuk makluman semua Yang Berhormat, sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ini sebagai satu untuk mengesahkan, melanjutkan kuasa bagi pihak yang berkuasa melaksanakan penahanan yang sewajarnya. Saya fikir tidak perlulah Yang Berhormat bahas panjang-panjang dalam hal ini, *it is very technical matter on a legal state matter*, dengan izin. Maknanya, kalau kita tidak luluskan, maknanya esok nanti semua akan keluar.

*That is* dalam kata kasarnya. Jadi, saya fikir Yang Berhormat, bukan saya hendak paksa Yang Berhormat, tidak ya. Ini pada hemah saya, pada pandangan saya lebih baiklah agaknya, takkan siapa tidak setuju? Kalau tidak setuju nanti dia terpaksa dibebaskan, apakah jadi pada negara kita? Jadi, dengan itu saya rasa Yang Berhormat tidak ada apa-apa, saya minta Yang Berhormat menjawab.

*[Tiada perbahasan]*

**10.53 mlm.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih atas saranan dan ucapan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab tiada persoalan, maka tidak ada yang hendak dijawab Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini di bawah Perkara 5 hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selesailah sudah kita pada hari ini. Tanggungjawab kita mulai 13 April sehingga 28 April, selama 10 hari bersidang telah pun selesai dengan lancar, dengan keadaan yang baik dan aman. Saya mengucapkan syabas dan syukur dan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Di samping itu, sebagaimana yang kita jelas, tiap-tiap rang undang-undang saya dapati Yang Berhormat telah pun menunjukkan kesungguhan, penelitian begitu rapi dan teliti sebagai tanggungjawab kita di Dewan yang mulia ini.

Sebagai contohnya tadi, Rang Undang-undang Saraan itu saya rasa saya pun menerima macam-macam cadangan dan sebagainya. Kalau ikut saya dapat maklum, saya rasa Yang Berhormat semua akan menimbulkan pelbagai pandangan. Akan tetapi kita jangan lupa kebertanggungjawaban. Untuk menentukan bahawa kita ini kumpulan bukan emosi dan di samping itu bukan kita *opportunist* di Dewan

ini. Soal elau itu *is a secondary matter*, dengan izin. Yang pentingnya khidmat bakti kita kepada bangsa dan negara kita. Walau bagaimanapun sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat kedua tadi, dengan izin, *the constraint that we have, but at the same time* kita akan terus memberi sokongan demi untuk kebaikan negara kita.

Dengan itu Yang Berhormat, kepada Ahli Yang Berhormat yang bersara, yang saya rasa terharu juga kerana maklum sahajalah, setiap sesuatu bermula itu akan berakhir juga, termasuk saya juga apabila sampai masanya. Oleh yang demikian, kepada semua Ahli Yang Berhormat yang akan meninggalkan Dewan, jangan lupalah untuk terus berkhidmat sebagaimana sumbangan Yang Berhormat kepada negara yang kita tunjukkan bersungguh-sungguh semasa Yang Berhormat bersidang ataupun dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Di samping itu juga, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan supaya kepada Ahli Yang Berhormat yang baru saja dilantik, ada ramai, termasuk yang baru-baru ini dua dan sebelum itu ada juga. Saya memerhatikan Yang Berhormat cepat-cepat menyesuaikan diri dan cepat terlibat berbahas yang lebih baik untuk menyumbang khidmat bakti Yang Berhormat kepada Dewan yang mulia ini.

Akhir kata Yang Berhormat, selamat balik ke pangkuan keluarga dan selamat dalam perjalanan. *Insyaa-Allah* kita akan jumpa lagi. Sebagaimana Mesyuarat hari ini akan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan. Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Selamat malam.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.57 malam.]***